PLANMalaysia
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa

PLANMalaysia@Melaka

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

Draf Rancangan Tempatan
MAJLIS PERBANDARAN JASIN 2035 (PENGGANTIAN)

JILID III : LAPORAN SOKONGAN

JILID III

Rancangan Tempatan
MAJLIS PERBANDARAN JASIN 2035
[Penggantian]

JILID III LAPORAN SOKONGAN

PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PROJEK
SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI

PLANMalaysia
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa

PLANMalaysia@Melaka

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

KANDUNGAN LAPORAN

1.0 PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PROJEK RT MP JASIN 2035 (PENGGANTIAN)

1.1 PENDAHULUAN 1.0 – 3

1.2 URUS TADBIR DAERAH JASIN 2035 1.0 – 4

1.2.1 Analisis Keadaan Semasa 1.0 – 6

1.2.2 Jawatankuasa Tetap Majlis Perbandaran Jasin 1.0 – 7

1.2.3 Bidang Kuasa Majlis Perbandaran Jasin 1.0 – 7

1.3 CADANGAN MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN 1.0 – 8

1.4 UNJURAN HASIL MAJLIS PERBANDARAN JASIN 1.0 – 10

1.5 CADANGAN PENGUKUHAN JENTERA PELAKSANAAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN 1.0 – 12

1.6 PENCAPAIAN STATUS BANDARAYA MENJELANG TAHUN 2035 1.0 – 17

1.7 CADANGAN PELAKSANAAN PROJEK RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN 2035 (PENGGANTIAN) 1.0 – 20

1.7.1 Pengenalpastian Projek-Projek *High Impact Project* (HIP), *Quick Wins* (QW) dan Projek Sokongan (SK) 1.0 – 20

1.7.2 Ringkasan Jumlah Projek dan Kos Pembangunan 1.0 – 21

1.7.3 Senarai Projek Impak Tinggi dan Quickwins 1.0 – 26

1.7.4 Anggaran Nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value*, GDV) Bagi Projek Terpilih 1.0 – 29

1.8 PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK CADANGAN 1.0 – 30

1.8.1 Senarai Cadangan Pelaksanaan Mengikut Teras 1.0 – 30

1.8.2 Senarai Cadangan Pelaksanaan Mengikut BP 1.0 – 38

1.8.3 Cadangan Kaedah Perlaksanaan RT Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian) 1.0 – 47

1.8.4 Perlaksanaan Cadangan Oleh Agensi Pelaksana Utama 1.0 – 55

1.8.5 Perincian Cadangan Mengikut Agensi Utama 1.0 – 57

1.9 PEMANTAUAN RANCANGAN TEMPATAN 1.0 – 176

1.10 ANALISIS PENCAPAIAN RT DAERAH JASIN 2020 1.0 – 177

1.10.1 Tahap Terimapakai oleh Agensi Pelaksana 1.0 – 177

1.10.2 Tahap Pematuhan Zoning Guna Tanah 1.0 – 177

1.10.3 Tahap Peningkatan Trend Tiga Aktiviti Guna Tanah Utama Tepu Bina 1.0 – 177

1.10.4 Tahap Pelaksanaan Cadangan Projek Pembangunan RT Daerah Jasin 2020 1.0 – 178

1.10.5 Tahap Pencapaian Pembangunan Daerah Lestari dan Bestari 1.0 – 178

KANDUNGAN LAPORAN

2.0 SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI RT MP Jasin 2035 (Penggantian)

2.1 **PENDAHULUAN** 2.0 – 3

2.2 **PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA GIS** 2.0 – 3

2.2.1 Mengenal Pasti Keperluan Maklumat 2.0 – 4

2.2.2 Pengumpulan Data 2.0 – 4

2.2.3 Kemasukan Data 2.0 – 4

2.2.4 Rekabentuk Pangkalan Data 2.0 – 5

2.2.5 Pembentukan Metadata 2.0 – 6

2.2.6 Penyerahan Data *(Deliverables)* 2.0 – 6

2.2.4 Rekabentuk Pangkalan Data 2.0 – 5

Senarai Rajah

Rajah 1.1	Mukim-mukim di kawasan kajian	1.0- 5
Rajah 1.2	Carta Organisasi Majlis Perbandaran Jasin Sedia Ada	1.0- 6
Rajah 1.3	Perundangan Yang Diguna Pakai	1.0- 7
Rajah 1.4	Unjuran Hasil MPJ Sehingga Tahun 2035	1.0- 10
Rajah 1.5	Unjuran Hasil MPJ Dengan Mengambil Kira Hasil Dari Caj Pemajuan	1.0- 11
Rajah 1.6	Unjuran Tambahan Hasil Cukai Taksiran MPJ Hasil Dari Pembangunan Komited	1.0- 11
Rajah 1.7	Unjuran Hasil Caj RFID Durian	1.0- 11
Rajah 1.8	Cadangan Carta Organisasi Majlis Perbandaran Jasin	1.0- 13
Rajah 1.9	Lokasi Cadangan Pelan Perancangan RKK	1.0- 16
Rajah 1.10	Cadangan Carta Organisasi Majlis Bandaraya Jasin (MBJ)	1.0- 19
Rajah 1.11	Jumlah Projek Cadangan Mengikut Teras	1.0- 21
Rajah 1.12	Jumlah Projek Cadangan Mengikut Kategori	1.0- 21
Rajah 1.13	Peratusan Keseluruhan Kos Projek Cadangan Mengikut Kategori	1.0- 24
Rajah 1.14	Pecahan Cadangan Pelaksanaan Projek Mengikut BP	1.0- 38
Rajah 1.15	Cadangan Kaedah Pelaksanaan Projek RT MP Jasin 2035 (P)	1.0- 47
Rajah 1.16	Pecahan Jumlah Projek Agensi Pelaksana Utama Cadangan Pembangunan RT Majlis Perbandaran Jasin 2035 (P)	1.0- 55

Senarai Jadual

Jadual 1.1	Senarai Mukim Dan Keluasan Dalam Kawasan Kajian	1.0- 4
Jadual 1.2	Rumusan Unjuran Hasil MP Jasin Termasuk Sumber Hasil Baru	1.0- 11
Jadual 1.3	Lokasi Cadangan Pelan Perancangan RKK	1.0- 16
Jadual 1.4	Sasaran Pencapaian Taraf Majlis Bandaraya	1.0- 17
Jadual 1.5	Ringkasan Jumlah Projek Dan Kos Pembangunan RT Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian)	1.0- 21
Jadual 1.6	Manifestasi Teras : Ringkasan Cadangan Pembangunan/ Kategori Projek/ Anggaran Kos Dan Fasa Pembangunan	1.0- 24
Jadual 1.7	Senarai Projek Impak Tinggi (HIP) dan Quickwins (QW)	1.0- 26
Jadual 1.8	Ringkasan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) Bagi 4 Projek Terpilih	1.0- 29
Jadual 1.9	Senarai Cadangan Pelaksanaan Projek-projek Keseluruhan	1.0- 30
Jadual 1.10	Senarai Cadangan Pelaksanaan Projek-projek Keseluruhan Mengikut BP	1.0- 38
Jadual 1.11	Senarai Cadangan Kaedah Pelaksanaan Projek-projek Keseluruhan	1.0-49
Jadual 1.12	Senarai Agensi Pelaksana Utama Cadangan Pembangunan RT Majlis Perbandaran Jasin	1.0- 56
Jadual 1.13	Contoh Indikator Pemantauan Rancangan Tempatan Dan Sasaran Pencapaian Mengikut Tahun	1.0-176
Jadual 1.14	Status Pematuhan KM	1.0-177
Jadual 1.15	Keluasan Guna Tanah Utama Tepu Bina Kawasan Pentadbiran MPJ	1.0-177
Jadual 1.16	Pelaksanaan Projek Cadangan	1.0-178
Jadual 1.17	Status Pencapaian Ciri-Ciri Daerah Lestari dan Bestari Jasin	1.0-178

Deretan Kedai lama di Sungai Rambai

1.0 PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PROJEK



HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

1.0 Pengurusan dan Pelaksanaan Projek RT MP Jasin 2035 (Penggantian)

1.1 PENDAHULUAN

Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian) merupakan dokumen pembangunan strategik bagi Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) sehingga tahun 2035 dengan kepelbagaian fungsi dan peranan, antaranya:

1. **Pelan Rujukan Pembangunan dan Perancangan**
   Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian) mencorakkan, mengarahkan dan menggalakkan pembangunan serta memperelokkan alam sekitar dan sistem perhubungan bagi kawasan pentadbiran MPJ sehingga tahun 2035. Kajian ini juga turut memudah cara orang awam untuk mendapatkan maklumat terperinci kawasan yang berpotensi untuk pembangunan pada masa hadapan serta kawasan-kawasan yang perlu dikekalkan dan dipelihara untuk kepentingan alam sekitar dan warisan.

2. **Pelan Pelaburan**
   Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian) juga bertindak sebagai sebuah pelan pelaburan (*Investment Plan*) yang dapat memberi gambaran berkenaan potensi-potensi pembangunan dan arah tuju pembangunan yang terdapat di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin kepada agensi kerajaan, pihak swasta dan orang awam.

3. **Pelan Perniagaan**
   Rancangan tempatan juga dirujuk sebagai Pelan Perniagaan (*Business Plan*) yang menjadi pemacu kepada pembangunan ekonomi daerah. Dengan adanya Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian) ini potensi-potensi kawasan perniagaan, mahupun perindustrian dapat dilihat terutama di kawasan-kawasan pusat pertumbuhan.

4. **Peningkatan Hasil Pendapatan**
   Dengan adanya Rancangan Tempatan adalah diharapkan agar peluang-peluang perniagaan di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin bertambah serta ruang-ruang tanah untuk pembangunan dapat dipenuhi sekaligus dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi daerah serta dapat menyumbang hasil.

5. **Pelan Pelaksanaan Projek**
   Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian) ini merupakan asas di dalam merancang dan melaksanakan pelbagai projek kepada pelbagai jabatan atau agensi kerajaan, dan sebagai panduan pelaburan kepada pihak swasta dan individu di kawasan majlis. Jabatan atau agensi kerajaan dan pihak swasta yang terlibat akan lebih jelas terhadap hala tuju pembangunan kawasan MPJ sekaligus boleh membantu pihak yang terlibat dalam penyediaan belanjawan dan permohonan peruntukan dengan lebih awal.

   Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian) ini mencadangkan beberapa projek utama untuk dilaksanakan oleh majlis serta agensi pelaksana lain. Projek ini merangkumi sektor pertanian, penternakan, akuakultur dan perhutanan, pengangkutan, pelancongan, reka bentuk bandar, perumahan, petempatan desa, infrastruktur dan utiliti, tanah lapang, landskap dan rekreasi, kemudahan masyarakat, perindustrian, komersil dan alam sekitar. Usaha dan kerjasama yang berterusan antara MPJ dan agensi kerajaan lain serta pihak swasta amat penting untuk memajukan kawasan pembangunan baharu yang dicadangkan.

1.2 URUS TADBIR DAERAH JASIN 2035

Urus Tadbir Baik atau *Good Governance* merupakan proses dalam membuat keputusan dan penilaian bagi menentukan keberkesanan terhadap satu pelaksanaan polisi yang di ambil. Ianya juga melibatkan perhubungan awam, mengawal selia sumber-sumber awam serta memastikan hak asasi manusia yang dilaksanakan oleh badan-badan awam. Urus tadbir bandar yang baik dapat di capai melalui proses yang telus serta pelaksanaan projek secara beretika, berintegrasi dan bebas dari sebarang unsur rasuah yang akan memberi impak negatif terhadap sesuatu organisasi.

Bagi memastikan keberkesanan dasar yang dirancang, sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Majlis Perbandaran Jasin (MPJ), perlu memiliki sesuatu struktur organisasi dan pengurusan yang efisien, mantap, efektif dan disokong dengan kedudukan kewangan yang utuh. Namun, ciri-ciri ini masih tidak mencukupi untuk memastikan kejayaan perlaksanaan sesebuah projek yang dirancang kerana ianya masih memerlukan sokongan padu daripada semua pihak berkepentingan yang terlibat dengan perancangan, pelaksanaan dan kawalan pembangunan serta penglibatan aktif yang menyeluruh dari pihak swasta dan awam yakni penduduk setempat.

Dalam membentuk sebuah bandar yang berdaya saing serta maju, lapan (8) prinsip urus tadbir bandar ini perlu diambil kira dan diterapkan di dalam organisasi supaya proses mengurus tadbir bandar menjadi lebih efisien, telus serta cekap iaitu: Penglibatan *(Perticipation);* Undang-Undang *(Rule of Law);* Ketelusan *(Transparency);* Tindakan *(Responsiveness);* Kepentingan *(Equity and Inclusiveness);* Persetujuan Bersama *(Consensus Orientation);* Keberkesanan dan Kecekapan *(Effectiveness and Efficiency)* dan Bertanggungjawab *(Accountability).*

Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) merupakan organisasi utama dalam melaksana dan menjayakan strategi perancangan yang dicadangkan dalam Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian). Sokongan padu daripada Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Melaka (MOTAC), Jabatan Pertanian Melaka, Jabatan Perhutanan Melaka, Badan Kawal Selia Air (BKSA) dan lain-lain agensi pelaksana juga menyumbang kepada keberkesanan perlaksanaan RT MP Jasin 2035 (Penggantian) kelak termasuk Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Melaka.

Kawasan liputan bagi kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian) ini merangkumi keseluruhan kawasan urus tadbir Majlis Perbandaran Jasin (MPJ), meliputi 92.42 peratus daripada keseluruhan Kawasan Daerah Jasin dan bakinya sebanyak 7.58 peratus keluasan merupakan kawasan urus tadbir Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ)..

Kajian ini melibatkan kawasan seluas 63,415.10 Hektar, merangkumi 20 mukim yang juga turut mengambil kira perancangan dan pembangunan kawasan tiga (3) batu nautika daripada garisan pantai termasuklah kawasan tambak laut yang berada di bawah pentadbiran PBPT selaras dengan peruntukan di bawah Subseksyen 5(2), Akta 172. Namun proses pengwartaan kawasan perairan tiga (3) batu nautika tersebut seluas 13,250.20 hektar masih belum dijalankan. Senarai mukim dan keluasan dalam kawasan kajian adalah seperti **Jadual 1.1** berikut:

Jadual 1.1 Senarai Mukim Dan Keluasan Dalam Kawasan Kajian

MUKIM	KELUASAN (HEKTAR)	PETEMPATAN UTAMA
Daerah Kecil Sg. Rambai	3,299.37	Pekan Sungai Rambai
Mukim		
1) Umbai	1,260.06	Pekan Umbai
2) Serkam	2,600.56	Pekan Serkam
3) Tedong	254.79	
4) Sempang	422.56	
5) Merlimau	5,672.35	Bandar Merlimau
6) Sebatu	2,361.71	
7) Semujok	2,591.35	
8) Chin Chin	3,359.42	Chin Chin
9) Jasin	5,420.30	
10) Ayer Panas	1,731.32	Bemban
11) Selandar	6,109.26	Pekan Selandar
12) Kesang	4,620.58	Kesang Pajak
13) Rim	4,162.92	Bandar Jasin
14) Chohong	770.58	Pekan Asahan
15) Chabau	3,823.30	
16) Nyalas	8,066.34	Pekan Nyalas Simpang Bekoh
17) Bukit Senggeh	2,086.38	
18) Jus	945.15	
19) Batang Melaka	3,856.80	Pekan Batang Melaka
JUMLAH KELUASAN	**63,415.10**	

Sumber : RT MP Jasin 2035 (Penggantian)

Kawasan operasi Majlis Perbandaran Jasin pula seperti mana Pelan Warta 818 yang disahkan pada 16 Julai 2010 merangkumi seluruh kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin. Di dalam kawasan ini pihak MPJ berperanan untuk mentadbir, merancang dan membiayai kawasan terlibat termasuklah menyediakan perkhidmatan pembersihan, penyelenggaraan, penyediaan kemudahan awam, infrastruktur serta mengawal pembangunan bagi menjaga kesejahteraan penduduk. Namun begitu keluasan sebenar terkini telah dan sedang bertambah sesuai dengan pertumbuhan kawasan pembangunan.

Sila rujuk **Rajah 1.1** menunjukkan kawasan RT Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian).

Jadual 1.2 Senarai Keluasan Mukim di Kawasan Kajian

MUKIM	KELUASAN (HEKTAR)
Daerah Kecil Sg. Rambai	3,299.37
Mukim	
1) Umbai	1,260.06
2) Serkam	2,600.56
3) Tedong	254.79
4) Sempang	422.56
5) Merlimau	5,672.35
6) Sebatu	2,361.71
7) Semujok	2,591.35
8) Chin Chin	3,359.42
9) Jasin	5,420.30
10) Ayer Panas	1,731.32
11) Selandar	6,109.26
12) Kesang	4,620.58
13) Rim	4,162.92
14) Chohong	770.58
15) Chabau	3,823.30
16) Nyalas	8,066.34
17) Bukit Senggeh	2,086.38
18) Jus	945.15
19) Batang Melaka	3,856.80
JUMLAH KELUASAN	**63,415.10**

Sumber: Kajian Rancangan Tempatan MP Jasin 2035 (Penggantian)

Rajah 1.1 Mukim-mukim di Kawasan Kajian

Sumber: Kajian Rancangan Tempatan MP Jasin 2035 (Penggantian)

Jumlah keseluruhan Kawasan RT MP Jasin 2035
(Kawasan MP Jasin + Kawasan Perairan Jasin)

76,665.3 hek.

Majlis Perbandaran Jasin (MPJ)

63,415.1 hek.

Kawasan Perairan Jasin

13,250.2 hek.

1.2.1 Analisis Keadaan Semasa

Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) merupakan satu daripada empat (4) Pihak Berkuasa Tempatan di dalam negeri Melaka. Penubuhan Majlis Daerah Luar Bandar Jasin (*Jasin Rural District Council*) telah diwartakan di bawah Seksyen 399 Municipal Ordinan yang berkuatkuasa mulai 23 Ogos 1957.

Pada 1 Julai 1978, dengan berkuatkuasanya Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Majlis Daerah Luar Bandar Jasin telah disusun semula dan dinamakan sebagai Majlis Daerah Jasin dan seterusnya telah dinaik taraf menjadi Majlis Perbandaran Jasin pada 1 Januari 2007, melalui Warta Kerajaan yang disiarkan pada 28 Disember 2006.

Menurut Laporan Banci Penduduk dan Perumahan tahun 2010 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk bagi kawasan RT Majlis Perbandaran Jasin berjumlah 154,300 orang dan dijangka mencapai 196,426 penduduk menjelang 2035.

Bandar Jasin merupakan bandar utama yang berfungsi sebagai pusat utama pentadbiran, sosial dan ekonomi bagi daerah Jasin. **Rajah 1.2** menunjukkan carta organisasi terkini Majlis Perbandaran Jasin yang diterajui oleh seorang Yang Dipertua, disokong oleh 24 orang Ahli Majlis dan dibantu oleh Setiausaha dan 11 ketua jabatan. Sehingga kini, terdapat 11 Jabatan dan 3 unit utama berfungsi bagi membantu sistem pengurusan dan pentadbiran Majlis.

Rajah 1.2 Carta Organisasi Majlis Perbandaran Jasin Sedia Ada



Sumber : Majlis Perbandaran Jasin 2021

1.2.2 Jawatankuasa Tetap Majlis Perbandaran Jasin

Sistem pengurusan dan pentadbiran MP Jasin diperkukuhkan dengan adanya Jawatankuasa Tetap dan Lembaga Pentadbiran yang dilantik. Buat masa ini terdapatnya 18 Jawatankuasa dan Lembaga yang mempunyai bidang kuasa tertentu dibentuk dan disenaraikan seperti di bawah yang membantu dalam pengurusan dan pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin.

SENARAI JAWATANKUASA TETAP MAJLIS PERBANDARAN JASIN

18 JAWATANKUASA TETAP

1. Jawatankuasa Majlis Penuh
2. Jawatankuasa Kewangan
3. Jawatankuasa Perancangan Pembangunan, Infrastruktur, Kemudahan Awam, Lalulintas, Lanskap dan Perkhidmatan Bandar
4. Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
5. Jawatankuasa Kawalan Perniagaan
6. Jawatankuasa LA 21, Pelancongan dan Pembangunan Belia
7. Jawatankuasa Bandar Selamat
8. Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran
9. Jawatankuasa Temuduga Sewaan Premis
10. Jawatankuasa Temuduga Jawatan
11. Jawatankuasa Personel dan Perkhidmatan
12. Jawatankuasa Tatatertib bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional
13. Jawatankuasa Tatatertib bagi Kumpulan Sokongan I & II (dengan tujuan buang kerja)
14. Jawatankuasa Tatatertib bagi Kumpulan Sokongan I & II (tidak dengan tujuan buang kerja)
15. Jawatankuasa Rayuan Tatatertib bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional
16. Jawatankuasa Rayuan Tatatertib bagi Kumpulan Sokongan I & II (dengan tujuan buang kerja)
17. Jawatankuasa Tatatertib bagi Kumpulan Sokongan I & II (tidak dengan tujuan buang kerja)
18. Jawatankuasa Perolehan

Sumber: Majlis Perbandaran Jasin, 2021

1.2.3 Bidang Kuasa Majlis Perbandaran Jasin

Fungsi dan bidang kuasa MPJ, selaku Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada beberapa Akta, Undang-undang Kecil serta garis panduan yang telah dibentangkan, digubal dan ditetapkan. Penggunaan Akta dan UUK adalah untuk membentuk pentadbiran yang cekap dan menghindari dari berlakunya gejala negatif yang dapat mempengaruhi ketelusan sistem pentadbirannya. Di antara Akta yang diterima pakai adalah seperti dalam **Rajah 1.3**

Rajah 1.3 Perundangan yang Diguna Pakai

SENARAI AKTA YANG DIKUATKUASAKAN	SENARAI UNDANG-UNDANG KECIL
Perlembagaan Persekutuan	UUK Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut (MDJ) 1983
Akta Kanun Tanah Negara	UUK Kawalan dan Penyeliaan Tempat-Tempat Makanan (MDJ) 1983
Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)	UUK Pengendali Makanan (MDJ) 1983
Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)	UUK Kerja-Tanah (MDJ) 1983
Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)	UUK Kebersihan Awam (MDJ) 1983
Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)	UUK Ternakan Ayam-Itik (MDJ) 1984
Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 2001	UUK Bangunan Seragam 1984
Kaedah-kaedah Lembaga Rayuan (Negeri Melaka) 2004	UUK Nama Premis (MDJ) 1983
Kaedah-kaedah Lembaga Rayuan (Negeri Melaka)(Pindaan 2005)	UUK Bangunan Seragam (Pindaan) 2007
Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663)	UUK Iklan (MPJ) 2011
Kaedah-kaedah Kawalan Perancangan (Am) (Negeri Melaka) 2007	UUK Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MPJ) 2011
Kaedah-kaedah Jawatankuasa Tatatertib MPJ 2008	UUK Vandalisme (MPJ) 2011
Kaedah-kaedah Pegawai MPJ (Kelakuan dan Tatatertib) 2008	UUK Pelesenan Penjaja dan Gerai (MPJ) 2011 (Pembetulan)
Peraturan-peraturan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan (Negeri Melaka) 2012	UUK Tandas Awam (MPJ) 2011
Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)	UUK Pasar Malam/Sehari (MPJ) 2011
	UUK Taman (MPJ) 2011
	UUK Pelesenan Tred (MPJ) 2011
	UUK Jalan, Parit dan bangunan (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) (MPJ) 2011
	UUK Spa (MPJ) 2018
	UUK Hotel (MPJ) (Pindaan) 2017
	UUK Fi (MPJ) 2016
	UUK Mengkompaun Kesalahan-kesalahan Kerajaan Tempatan (MPJ) 2016
	UUK Pelesenan Haiwan Ternakan (MPJ) 2012
	UUK Iklan Pilihanraya (MPJ) 2011

Sumber: Majlis Perbandaran Jasin, 2021

1.3 CADANGAN MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN

Kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) sehingga kini masih belum stabil dengan peningkatan defisit saban tahun. MPJ perlu memperkukuhkan kedudukan kewangan dengan melipatgandakan usaha dalam meningkatkan hasil majlis dengan mencari sumber hasil baharu yang lebih stabil dan lestari selain daripada bergantung kepada pendapatan dari cukai taksiran. Antara langkah mengukuhkan kewangan Majlis Perbandaran Jasin secara ringkasnya dapat disimpulkan seperti berikut:

1. Pemantauan dan Penguatkuasaan

Pemantauan dan aktiviti penguatkuasaan secara berterusan dan lebih ketat perlu dilaksanakan serta tindakan tegas perlu diambil kepada pemilik yang gagal membayar cukai taksiran atau mempunyai cukai taksiran yang tertunggak. Pengemaskinian maklumat pemilik perlu dilakukan secara menyeluruh. Majlis juga perlu untuk menjalankan promosi dan memberi insentif tertentu bagi mengurangkan kadar tunggakan pembayaran cukai yang merupakan hasil utama Majlis seperti auto-debit serta ansuran menerusi kad kredit/ debit serta rebat bagi pembayar cukai awal.

2. Memperkukuhkan Pengurusan Aset dan Fasiliti

Majlis perlu memperkukuhkan pengurusan aset dan fasiliti dengan penggunaan aplikasi terkini seperti *CSS Property Management Solution, Buildinum, SimplifyEm* untuk memantapkan lagi sistem dokumentasi, laporan, pengurusan, pembayaran, penyewaan, perakaunan serta penyelenggaraan bangunan bagi pengurusan aset dan fasiliti milik majlis seperti kedai, dewan dan tanah milik majlis. Penggunaan aplikasi ini akan dapat menjimatkan tenaga serta perbelanjaan dan lebih efisien, kos efektif, mesra alam serta mampan untuk jangka panjang.

3. Pembesaran Kawasan Operasi dan Kawasan Pembangunan

Pembesaran kawasan pembangunan dapat mewujudkan permintaan terhadap harta-harta perumahan dan komersial, secara tidak langsung mewujudkan permintaan terhadap perumahan di sekitar sekaligus memberi hasil kepada Majlis menerusi cukai taksiran. Antara kawasan operasi yang dikenalpasti untuk dibesarkan termasuklah kawasan persisiran Pantai Siring di Kawasan Perairan Jasin dan disarankan dimasukkan ke dalam kawasan pentadbiran MP Jasin dengan kadar segera.

4 Pembangunan Kawasan *Infill* dan Hartanah Milik Majlis

Majlis boleh bekerjasama dengan pemaju swasta untuk pembangunan semula kawasan *infill* dan mengenalpasti projek yang berdaya maju untuk dibangunkan sama ada menerusi Program Penswastaan *(Privatisation Programme*), Inisiatif Pembiayaan Swasta (*Private Finance Initiatives)* (PFI) atau lain-lain. Inisiatif ini akan menarik pelaburan pihak swasta dan akan memberi beberapa kelebihan kepada pihak MPJ di mana beban kewangan MPJ serta kebergantungan kepada peruntukan daripada kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam menyediakan pembangunan tersebut di paras minimum.

Langkah ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan struktur atau kedudukan kewanagn Majlis. Penglibatan dan kerjasama bersama pihak swasta juga akan mengujudkan penyampaian projek *(project delivery)* secara lebih professional yang dapat mencapai tahap perlaksanaan yang lebih efektif dan optimum. Antaranya contoh pembangunan yang telah dilaksana termasuklah usahasama MPJ dalam pembinaan kompleks bangunan baharu Majlis.

Majlis juga dapat menarik lebih bayak pelaburan swasta dengan memberi insentif pelaburan seperti pengurangan caj pembangunan, mempercepatkan proses kelulusan serta tunggakan tempoh pembayaran cukai taksiran. Di antara kaedah lain yang dapat diguna pakai oleh Majlis dalam pembangunan hartanah mengikut kesesuaiannya adalah:

- Usahasama *(Joint Venture),* di mana pihak swasta akan bekerjasama dengan Majlis dalam membangunkan hartanah milik Majlis. Kaedah ini juga dapat meringankan beban kewangan Majlis di mana syer Majlis di dalam projek ditentukan menerusi nilai tanah milik Majlis;
- Bina – Kendali – Pindah milik *(Built-Operate-Transfer)* yang lazimnya dilaksanakan untuk projek infrastruktur dan kemudahan awam seperti lebuhraya bertol atau pembentungan, di mana konsesi akan diberikan untuk satu tempoh masa yang dipersetujui ;
- Bina – Kendali – Pajak *(Built-Operate-Lease)* dimana pihak swasta akan membina kemudahan seperti komplek pejabat atau kuarters kediaman yang akan disewakan kepada kerajaan*;*
- Pajakan Aset yang melibatkan pemindahan hak *(interest)* atas pegangan atau hartanah bagi tempoh tertentu dengan bayaran sewa pajakan dan secara lazimnya, tempoh pajakan akan menyamai tempoh konsesi yang diberikan;
- *Private Finance Initiative* (Inisiatif Pembiayaan Swasta) di mana pihak swasta akan menyediakan atau membangunkan sesuatu kemudahan melalui pembiayaan sendiri dan akan menyewakan kemudahan tersebut kepaada pihak kerajaan untuk sesuatu tempoh masa tertentu seperti pembangunan kemudahan hostel untuk UiTM dan Unisel ;
- Pertukaran Tanah atau *Land Swapping* yang kerap di gunakan untuk membina projek komersil di atas tanah kerajaan dalam bandar dan kemudahan asal akan dipindahkan ke suatu tempat lain, contohnya Pembangunan Kompleks Beli-Belah Pavillion di atas tapak sekolah BBGS, KL di mana sekolah tersebut dipindahkan ke tempat lain yang lebih kondusif; dan
- Kontrak Pengurusan di mana pihak swasta di beri hak untuk mengurus dari pihak JKR untuk sesuatu tempoh seperti penyelenggaraan bangunan pejabat kerajaan.

5. Mengenakan Pelbagai Caj Terutamanya Caj Pemajuan

Mengenakan dan melaksanakan pelbagai caj terutamanya Caj Pemajuan, Caruman Kubur, Bon Pelaksanaan serta RFID untuk produk pertanian seperti durian serta lain-lain caj sebagai sumber kewangan baru PBT. Caj Pemajuan diperuntukkan di bawah Seksyen 32 sehingga 35, Akta 172 untuk sebarang perubahan guna tanah, ketumpatan (pertambahan *plot ratio* atau densiti) atau luas lantai yang akan meningkatkan nilai tanah. Caj pemajuan ini boleh digunakan oleh Majlis untuk pembangunan bandar serta kerja penyenggaraan kemudahan awam.

a) Caj Pemajuan

Antara negeri yang telah melaksanakan Caj Pemajuan ini termasuklah Selangor mulai tahun 2010, Perak (2012), Kelantan dan Kedah (2015) serta Terengganu dan Johor (2017), mengikut kaedah dan tatacara pelaksanaan masing-masing. Bagi negeri Selangor caj pemajuan yang dikenakan adalah berdasarkan kepada peratus perbezaan nilai sebelum dan selepas perubahan dimana caj sebanyak 30% dikenakan kepada tanah di dalam kawasan Majlis Bandaraya/ Perbandaran dan caj sebanyak 20% akan dikenakan pada tanah di bawah Majlis Daerah.

Bagi negeri Melaka, Caj Pembangunan diperuntukkan melalui WKN Melaka Jilid 64 No 21, Kaedah–Kaedah Caj Pemajuan (Negeri Melaka) 2020 bertarikh 8hb Oktober 2020 yang memperuntukkan Caj Pemajuan sebanyak 15% boleh dikenakan namun pihak PBT harus menyerahkan kembali 20% dari hasil caj pemajuan tersebut kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi pembangunan kemudahan dan infrastruktur awam. Namun kaedah-kaedah caj pemajuan negeri Melaka 2020 yang di peruntukkan melalui Seksyen 3(1) dan 3(2) ini agak berlainan dengan kaedah yang digunapakai di negeri lain seperti Selangor di mana penukaran zoning (pematuhan penukaran zoning) tidak dikenakan caj berbanding dengan negeri lain yang mengenakan caj pemajuan terhadap setiap penukaran gunatanah. Sehingga kini, MP Jasin belum mengenakan caj pemajuan dan di sarankan agar kaedah caj pemajuan negeri Melaka semasa dapat ditambahbaik serta dipinda dengan kadar segera bagi membolehkan MPJ mengenakan caj pembangunan kepada kesemua permohonan kebenaran merancang yang melibatkan pertukaran guna tanah, ketumpatan atau luas lantai sebagai sumber pendapatan baru pihak Majlis. Pelaksanaan caj boleh dilakukan secara berperingkat bagi mengurangkan kesan serta inpak pengenaan.

b) Caruman Kubur

Tapak perkuburan merupakan salah satu kemudahan sosial yang perlu disediakan sepertimana keperluan sosial yang lain. Pengwujudan tapak perkuburan pada masa ini bergantung kepada keperluan, lokasi serta kesesuaian kawasan yang dicadangkan kerana ketiadaan dasar atau peruntukan yang jelas sebagai penduan. Caruman kubur boleh dilaksanakan melalui penubuhan Tabung Amanah Perkuburan seperti yang dilaksanakan di negeri Selangor serta Negeri Sembilan. Buat masa ini MP Jasin serta negeri Melaka belum mengenakan sebarang caj atau sumbangan namun boleh menjadikan tatacara penyediaan kubur negeri Selangor serta Negeri Sembilan sebagai contoh. Penyediaan tapak perkuburan negeri Melaka diuruskan oleh Kerajaan Negeri di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri Melaka. Menurut Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil 5/2001, pemaju projek perumahan seluas 500 ekar ke atas diwajibkan menyediakan tapak perkuburan manakala bagi projek perumahan kurang daripada 500 ekar wajib menyumbang ke dalam Akaun Amanah Perkuburan sekurang-kurangnya RM50,000 seekar atau RM125 seunit yang dibayar kepada PTG bagi pihak kerajaan negeri. Negeri Sembilan pula memperuntukkan sumbangan sebanyak RM1,000 seunit akan dikenakan kepada pemaju projek perumahan yang kurang dari 100 ekar yang diwajibkan membayar kos sumbangan untuk Tabung Amanah Perkuburan terus kepada PBT yang akan menguruskan pembelian atau pemilikan tapak kubur.

c) RFID

Sistem penjejakan asal yang dikenali sebagai MyTRACE telah dibangunkan untuk membantu mengesahkan durian premium dari Malaysia dieksport ke China - kerjasama antara Mimos, National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) dan Jabatan Piawaian Malaysia. Sistem yang menggunakan penanda DNA berasaskan bio-teknologi untuk verifikasi ketulenan durian ini dimajukan dengan koloberasi pihak Jabatan Pertanian bagi maksud ekspot. Imbasan kod QR pada durian akan memberi maklumat seperti asal lokasi buah, klon, pensijilan MyGap, lokasi di jual, kuantiti dijual dan lain-lain makumat pasaran akan memberi manafaat kepada pembeli/pengimpot serta penjual/pengekspot. Setakat ini teknologi RFID MyTrace ini digunapakai oleh pengekspot durian daerah Raub dengan menggunakan Kod QR (QR Code) menggunakan khidmat Mytraceability System Sdn Bhd.

Khidmat RFID QR Code ini juga digunapakai oleh Persatuan Penanam Durian Kuala Kerai, Kelantan bagi menghantar buah durian ke pengekspot durian di Raub. Dengan pengeluaran durian daerah Jasin yang dijangka meningkat dari 6,464 tan metrik pada tahun 2020 kepada 23,400 tan metrik menjadikan daerah Jasin sebangai pengeluar durian terbesar negeri Melaka. Penggunaan MyTrace atau RFID ini akan memberi impak positif sekiranya Majlis dapat mengenakan caj walaupun seminima RM0.10 setiap biji buah.

Contoh sistem RFID QR Code

6. Penguatkuasaan Kadar Nilaian Baharu

Meskipun Majlis pernah beberapa kali memohoin untuk mengenakan dan menguatkuasakan kadar nilaian baru, namun kerap mendapat bantahan kerajaan Negeri, namun pihak MPJ harus terus berusaha untuk memohon untuk menilai semula pegangan dan mengenakan kadar nilaian baharu bagi menggantikan kadar yang sudah lama diguna pakai;

7. Menubuhkan Perbadanan

Majlis juga dibenarkan untuk menubuhkan satu perbadanan baru untuk mengikut peruntukan Seksyen 41 Akta 172 yang memperuntukkan PBT untuk menubuhkan perbadanan bagi menjalankan dan memegang tanggungjawab memaju, menggalak dan membantu PBT melaksanakan pelbagai pembangunan di dalam kawasan pemajuan terutamanya pembangunan sosio ekonomi termasuklah pembangunan komersil, perindusyrian, pelancongan , perumahan dan rekreasi, mengawal, menyelaras dan memantau pelaksanaaan kegiatan pembangunan, mengadakan usahasama dengan mana-mana pihak dalam memajukan kawasan pemajuan, melaksanakan program sosial dan melaksanakan fungsi lain yang dibeikan kepada perbadanan. Penibuhan perbadanan ini perlu mendapat kelulusan Menteri Besar/Ketua Menteri dan diwartakan dalam Warta Negeri.

8. Mengurangkan Perbelanjaan Mengurus Kemudahan Awam

Majlis juga boleh mengurangkan perbelanjaan mengurus kemudahan awam dengan inisiatif projek angkat bersama swasta seperti penajaan projek landskap, cat, taman permainan dan sebagainya.

1.4 UNJURAN HASIL MAJLIS PERBANDARAN JASIN

Unjuran hasil MPJ oleh perunding adalah berdasarkan kepada purata hasil diperolehi MPJ tidak termasuk peruntukan pembangunan tertera seperti di dalam **Rajah 1.4** dengan mengambilkira andaian-andaian seperti berikut:

i. Hasil cukai diambil kira sebagai iaitu kiraan cukai semasa 2019 dengan kadar peningkatan antara 5% hingga 8% setahun untuk cukai taksiran manakala 3% hingga 5% setahun untuk hasil bukan cukai mengikut purata tahunan semasa. Hasil cukai taksiran diunjurkan akan terus berkembang pada kadar 5%-10% setahun dengan andaian kutipan maksimum dapat dilaksanakan dengan adanya kaedah baharu dan penggunaan aplikasi terkini. Jumlah pegangan juga dijangka terus meningkat dengan ujudnya pembangunan baharu seperti Taman Botani Parkland, Scientex Bandar Jasin, cadangan pembesaran kawasan perindustrian Serkam dan Lipar Kajang serta program penguatkuasaan dijalankan dengan lebih tegas

ii. Terimaan bukan cukai diambil sebagai peratusan hasil cukai dengan kadar purata 3% setahun menggambarkan akan kesungguhan MPJ untuk meningkatkan kebergantungan kepada Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai sebagai hasil utama Majlis. Adalah diharapkan agar MPJ tidak terlalu bergantung kepada Terimaan Bukan Hasil dan berada di paras bawah 25% untuk kelestarian pendapatan Majlis:

iii. Berdasarkan kepada andaian perunding, adalah dianggarkan Majlis akan mencapai hasil melebihi RM65 juta pada tahun 2035 dan bersedia untuk memohon untuk menaik taraf kepada Majlis Bandaraya. **Rajah 1.4** menggambarkan Unjuran hasil Majlis sehingga 2035.

iv. Perunding Kajian Rancangan Tempatan MP Jasin 2035 (Penggantian) juga mengunjurkan kawasan tepu bina utama akan terus berkembang sebanyak 1,326.47 hektar menjelang 2035 yang akan terus meningkatkan lagi hasil majlis. Pecahan mengikut jenis adalah:
   - Perumahan - 323.09 hektar
   - Perdagangan - 220.08 hektar
   - Industri - 783.3 hektar

iii. MPJ akan mula mengenakan Caj Pemajuan bermula tahun 2022 dan berdasarkan bilangan kelulusan Kebenaran Merancang, perunding menganggarkan, MPJ bakal menerima peningkatan hasil sekitar RM8 juta hingga RM10 juta setahun bermula tahun 2022.

iv. Andaian yang tidak kurang pentingnya adalah keadaan ekonomi yang sesuai dan pasaran harta yang baik di mana permintaan berada di tahap tertinggi dan tahap kekosongan yang minima serta tiada lagi ancaman pandemik sepertimana pandemik Covid-19 yang melanda dunia.

Rajah 1.4 Unjuran Hasil MPJ Sehingga Tahun 2035



Sumber: Jabatan Kewangan MPJ 2021

*Nota: *b Andaian oleh perunding berdasarkan purata hasil MPJ*

Perunding menganggarkan sekiranya kaedah caj pemajuan dipinda dan dapat dikenakan sepenuhnya, Caj Pemajuan yang boleh diperoleh oleh Majlis antara:

a) RM3.8 juta sehingga RM4.8 juta jika diambil kira senario unjuran 10% jumlah guna tanah tepu bina 2035 dimajukan;
b) RM12.4 juta sehingga RM15.6 juta jika diambil kira senario unjuran 30% jumlah guna tanah tepu bina 2035 dimajukan; dan
c) RM12.4 juta sehingga RM30.4 juta jika diambil kira senario unjuran 50% jumlah guna tanah tepu bina 2035 dimajukan seperti di **Rajah 1.5**.

Rajah 1.5 Unjuran Hasil MPJ dengan Mengambil Kira Hasil dari Caj Pemajuan



Sumber: Kajian Rancangan Tempatan MP Jasin 2035 (Penggantian)

Perunding juga menganggarkan berdasarkan pertambahan guna tanah tepu bina tersebut Majlis akan memperolehi pertambahan unit pegangan kediaman, komersial dan industri dan unjuran perunding tambahan cukai taksiran yang bakal diterima Majlis bagi ketiga-tiga senario dinyatakan sepertimana **Rajah 1.6**:

Rajah 1.6 Unjuran Tambahan Hasil Cukai Taksiran MPJ Hasil Dari Pembangunan Komited



Sumber: Kajian Rancangan Tempatan MP Jasin 2035 (Penggantian)

Majlis sedang berusaha untuk mengenakan cukai taksiran terhadap ladang-ladang yang berada di dalam kawasan pentadbiran MPJ. Sebanyak 18 buah ladang milik Sime Darby Plantation Sdn Bhd telah dikenal pasti dan Majlis menganggarkan akan menerima tambahan hasil cukai taksiran melebihi RM2 juta setahun sekiranya cukai taksiran ke atas ladang antara 1% - 2.75% ini diperkenalkan.

Memandangkan daerah Jasin merupakan daerah pengeluar hasil buah-buahan terbesar negeri Melaka terutamanya durian, perunding juga ada mencadangkan agar pengenaan caj RFID diperkenalkan MPJ ke atas setiap biji buah durian. Berdasarkan pengiraan awal perunding, Majlis bakal menerima sehingga RM1.56 juta pada tahun 2035 hasil dari pengenaan RM0.10 pada setiap biji durian yang dijangka pengeluaran mencecah 23,400 tan metrik pada tahun 2035 sepertimana **Rajah 1.7.**

Rajah 1.7 Unjuran Hasil Caj RFID Durian



Sumber: Kajian Rancangan Tempatan MP Jasin 2035 (Penggantian)

Berdasarkan kepada anggaran perunding, berikut merupakan rumusan unjuran hasil MP Jasin yang mengambilkira hasil-hasil baru yang boleh diguna pakai oleh MP Jasin iaitu Unjuran Caj Pemajuan, Unjuran Tambahan Cukai Taksiran serta Unjuran Hasil dari Caj RFID buah durian sepertimana dinyatakan dalam **Jadual 1.2**:

Jadual 1.2 Rumusan Unjuran Hasil MP Jasin Termasuk Sumber Hasil Baharu

	2018	2020	2025	2030	2035
Unjuran Hasiil Konvensional MPJ	33,310,329	34,700,000	41,200,000	50,000,000	65,200,000
Unjuran Hasil Caj Pemajuan Senario 2 (30%)	0	0	12,400,000	12,400,000	15,600,000
Unjuran Hasil Tambahan Cukai Taksiran Senario 2 (30%)	0	0	720,000	720,000	1,000,000
Unjuran Hasil Caj RFID Buah Durian	0	430,900	800,000	1,173,300	1,560,000
JUMLAH	**33,310,329**	**35,130,900**	**55,120,000**	**64,293,300**	**83,360,000**

Sumber: Kajian Rancangan Tempatan MP Jasin 2035 (Penggantian)

1.5 CADANGAN PENGUKUHAN JENTERA PELAKSANAAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN

1. Memperkukuhkan Daya Laksana dan Daya Maju Jentera Pentadbiran Serta Struktur Organisasi

Organisasi MPJ perlu dikaji dan di susun semula bagi mantapkan urus tadbir dalam menyediakan diri sebagai pentadbir sebuah bandaraya pintar dengan cekap dan efisien. Struktur organisasi terkini perlu diperkukuhkan bagi mengharungi cabaran menjadi sebuah Majlis Bandaraya. Majlis perlu untuk mewujudkan beberapa unit yang penting seperti Unit Pelaburan dan Unit Pelancongan yang dijangka akan menjadi penjana dan sumber ekonomi utama serta Unit Pemantauan Bandar Mampan yang memantau pembangunan serta pencapaian majlis. MPJ juga perlu mengambil langkah proaktif dengan mengisi jawatan kosong terutama yang melibatkan profesional dan sub-profesional. Penubuhan unit-unit baru yang strategik ini adalah untuk memantapkan lagi urus tadbir MPJ serta menyediakan MPJ ke arah menjadi bandar pintar

Adalah disarankan untuk Majlis mewujudkan satu **Unit Pelancongan dan Promosi** yang aktif dalam mempromosikan produk pelancongan yang banyak di dalam kawasan Majlis Perbandaran Jasin. Majlis juga harus mengambil peluang atas sumber sedia ada yang banyak dan menjenamakan bandar Jasin sebagai satu pusat pelancongan utama negeri dengan tarikan pelancongan warisan seperti Bandar Warisan Jasin, Homestay Parit Penghulu, Rumah Tradisional Melaka, Makam Tun Teja, Perigi Portugis dan lain-lain tarikan. Turut menjadi tumpuan adalah pelancongan eko.

Adalah dicadangkan juga perlunya diujudkan juga sebuah **Unit Pelaburan dan Penswastaan** untuk membantu Majlis melaksanakan pembangunan dan mengkaji hala tuju pelaburan Majlis terutama dari segi pembangunan hartanah. Langkah ini dijangka dapat merancakkan pembangunan dengan mengkaji dan menganalisa peluang pelaburan dan pembangunan di Daerah Jasin baik secara sendiri atau usahasama (JV). Sebagai contoh, cadangan pembangunan tanah milik Majlis atau kerajaan untuk pembangunan unit-unit kediaman atau komersil terutama di dalam Bandar Jasin serta Merlimau dan lain-lain bandar. Antara tanah yang dikenal pasti termasuklah tapak bangunan lama MPJ, tapak kuarters kerajaan lama serta tapak balai polis lama Jasin.

Perunding juga berpendapat bahawa MPJ perlu mewujudkan **Unit Pemantauan Bandar Mampan** yang akan menjalankan pemantauan terhadap pencapaian Majlis dalam pelbagai program seperti program SDG, inisiatif bandar pintar, bandar hijau, *Smart City* serta *Low Carbon City* serta pemantauan pencapaian RT serta keberkesanan sesebuah perancangan di samping memastikan pencapaian status kemampanan MURNInet Bandar Jasin berada di tahap kemampanan yang baik.

Satu **unit GIS** juga dicadangkan untuk diujudkan dan diletakkan di bawah Jabatan Perancang Bandar dan Desa sepertimana unit Pemantauan Bandar Mampan yang akan membantu dalam perancangan dan pemantauan pembangunan dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin.

Dengan penstrukturan organisasi ini, Majlis akan mengalami penambahan perjawatan seperti berikut:

a) Unit Pelaburan akan diketuai oleh pegawai bergred 41, seorang Penolong Pegawai bergred 29 dan seorang Pembantu Tadbir bergred 19.
b) Bahagian Pelaburan akan diketuai oleh seorang ketua bergred 41, dibantu seorang penolong pegawai bergred 29 serta seorang pembantu tadbir bergred 19.
c) Unit Pemantauan Bandar Mampan kan diketuai seorang ketua bergred 41 dibanrtu oleh 2 orang penolong pegawai serta 2 orang pembantu tadbir
d) Unit GIS dicadangkan untuk diketuai seotang pegawai bergred 41 yang dibantu oleh seorang penolong pegawai bergred 29 dan seorang pembantu tadbir bergred 19.

Majlis juga bercadang untuk membuat permohonan penambahan perjawatan terutama bagi perjawatan:

- Arkitek gred 41 untuk mengetuai Jabatan Kawalan Bangunan.
- Pegawai Penguatkuasa Gred 41 bagi mengetuai Jabatan Penguatkuasaan.
- Pegawai Perancang gred 41 bagi mengetuai Unit Pemantauan Bandar Mampan.

Rajah 1.8 Cadangan Carta Organisasi Majlis Perbandaran Jasin



Sumber: Kajian Rancangan Tempatan MP Jasin 2035 (Penggantian)

2. **Mengisi Kekosongan serta Menambah Bilangan Pegawai**
Sebagai persediaan ke arah berstatus Bandaraya, Majlis harus menjadi lebih proaktif dalam melaksanakan projek pembangunan. Majlis perlu mengisi kekosongan jawatan secepat mungkin kerana kekosongan tersebut boleh mengakibatkan kelewatan dalam suatu operasi. Kelewatan ini boleh mengakibatkan peningkatan di dalam kos operasi dan ini hanya akan merugikan pihak kontraktor dan juga MPJ. Cadangan penubuhan beberapa unit dan jabatan baharu seperti Unit Pelaburan & Penswastaan, Jabatan Pelancongan, Unit Pemantauan Bandar Mampan serta Unit GIS akan memerlukan Majlis untuk mengambil warga kerja baharu terutama dari Gred 36 & 41 sebagai ketua dan di bantu oleh staf sokongan dari Gred 29 dan ke bawah. Namun pengambilan warga kerja ini perlu di rujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

3. **Meningkatkan Mutu Perkhidmatan Dengan Program Modal Insan**
Majlis harus meningkatkan lagi pelaburan program modal insan seperti kursus pendek, seminar, pembelajaran semula dan IT untuk memberi semangat kepada warga kerja MPJ agar berlakunya perubahan *mindset* ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan sebagai persiapan tata kerja Majlis Bandaraya. Program *upskilling* dan *reskilling* ini perlu diadakan berterusan bagi menaikkan tahap keupayaan teknikal warga kerja sedia ada Majlis. Program ini juga dapat memberi peluang kepada warga MPJ untuk memajukan diri serta menyediakan warga kerja sedia ada dalam menangani masalah berkaitan bandar pintar. Usaha ini akan dapat meningkatkan produktiviti Majlis dan mutu perkhidmatan dan juga menjadikan kakitangan ke arah budaya pengetahuan (k-ekonomi). Antara program *upskilling* dan *reskilling* termasuklah latihan teknikal dan berasaskan IT dan Sains Komputer kepada warga kerja bukan berlatarbelakang IT. Antara kursus yang dicadangkan termasuklah Asas Sistem Pengendalian OS, Pengenalan kepada IT, Asas Sistem Maklumat (IT), Computer Aided Design (CAD), English for IT, GIS, Asas Rekabentuk Web, Digital Content Creation dan sebagainya.

4. **Cadangan Pengurusan Perkhidmatan Secara Digital**
Majlis Perbandaran Jasin perlu mengorak langkah untuk meningkatkan tahap keupayaan dengan mendigitalkan pelbagai perkhidmatan. Penggunaan sistem serta aplikasi pintar serta penggunaan ciri-ciri IR4.0 dan IoT akan dapat memantapkan dan meningkatkan pengurusan harian MPJ dan mengurangkan operasi secara manual serta menjadi lebih kompetitif dan meningkatkan kecekapan kos. Platform yang lebih cekap akan membolehkan MPJ untuk memproses maklumat, mengenal pasti masalah dan merumuskan penyelesaian dengan lebih efisien. Proses mengintegrasikan perkhidmatan secara digital akan menambahkan keyakinan penduduk terhadap kadar perkhidmatan MPJ. Inisiatif ini juga selari dengan inisiatif *Smart City* yang ditekankan kerajaan negeri.

a) Majlis harus menggandakan usaha untuk membolehkan mendapat pengiktirafan Sijil Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 di peringkat Jabatan bagi membolehkan Majlis berdaya saing dan adalah wajar jika setiap Jabatan dapat bergerak ke arah pengiktirafan berikut demi untuk menjayakan dan merealisasikan visi Majlis.

b) Antara aplikasi yang dapat membantu terutama dalam penerimaan hasil termasuklah 'pembayaran *on-line*' melalui internet, kiosk '*e-payment*' dan juga penggunaan perkhidmatan e-kerajaan (e-Jasin) termasuk pengurusan sistem aduan pengguna, e-wallet dan pembayaran tanpa tunai (*cashless payment*);

c) Pihak Majlis juga harus peka serta menggunakan aplikasi terkini seperti *facebook, instagram dan twiter* dengan meluas selari dengan perkembangan teknologi dan aspirasi semasa.

d) Majlis juga perlu mengambilkira dalam menggalakkan penggunaan satu aplikasi bersepadu bagi setiap urusan majlis yang boleh dipaut menerusi aplikasi *'Melaka Pay*' yang di bangunkan kerajaan negeri sepertimana aplikasi Pahang Go dan Selangkah Selangor.

e) Antara contoh inisiatif Smart City yang boleh diperkenalkan MPJ melalui perkhidmatan secara digital termasuklah Aplikasi pintar pengurusan trafik secara real-time (Smart Traffic Light), termasuk maklumat transit dan sistem pengangkutan, Sistem bimbingan tempat parkir kereta seperti informasi TLK menerusi papan tanda LED, aplikasi mudah alih parkir dan pengawalan parkir haram, Sistem pengurusan bahan buangan secara automatik, Pengurusan dan pemantauan bandar secara *'real time'* termasuk tindak balas kecemasan, CCTV, pencegahan jenayah dan pencegahan bencana, Analisis Data Raya (Jasin Urban Observatory) serta Smart and Intelligent Building termasuk Sistem Pengurusan Harta & Fasiliti melalui penggunaan aplikasi terkini.

.

f. Majlis juga harus membuat kajian dari masa ke semasa dalam mengambilkira perisian dan kelengkapan komputer terkini yang diperlukan dan juga berusaha ke arah sistem rangkaian komputer (*Local Area Networking*) di antara Jabatan dan Bahagian-bahagian di dalam Majlis yang perlu di selenggarakan oleh Bahagian Teknologi. Ini termasuklah dalam segi pengumpulan dan perkongsian data, maklumat digital, cara penyimpanan peta, akses, sistem aduan, internet, *e-submission*, sistem gaji, dan sebagainya. Ini dapat mengeratkan hubungan di antara bahagian-bahagian dan menjamin ketulusan dalam perkhidmatan. Polisi penggunaan e-mail ini, harus diadakan demi memastikan kebocoran rahsia, maklumat sulit dan dokumen sensitif Majlis tidak berlaku.

5. **Menggalakkan Semua Bangunan Baharu Kerajaan Bergerak Ke Arah Memperoleh Pensijilan Bangunan Hijau**.
Selari dengan anugerah Metari Hijau Melaka (Melaka Green Seal) yang diperolehi Majlis menerusi Bangunan Vista Alamanda (Ibu Pejabat MPJ) serta anugerah LEEDS oleh Hospital Jasin, Majlis perlu untuk menggandakan usaha dan menyediakan polisi dan garis panduan untuk menggalakkan pembangunan baru terutamanya bangunan kerajaan untuk berusaha ke arah pensijilan GBI atau LEEDs atau sekurang2nya Melaka Green Seal

6. Cadangan Mewartakan Kawasan Perairan 3 Batu Nautika

Kawasan liputan bagi kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian) ini merangkumi keseluruhan kawasan urus tadbir Majlis Perbandaran Jasin (MPJ), meliputi 92.42 peratus daripada keseluruhan Kawasan Daerah Jasin dan bakinya sebanyak 7.58 peratus keluasan merupakan kawasan urus tadbir Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ). Kajian ini melibatkan kawasan seluas 63,415.10 Hektar, yang turut mengambil kira perancangan dan pembangunan kawasan tiga (3) batu nautika daripada garisan pantai termasuklah kawasan tambak laut seluas 13,250.20 hektar dan dibahagikan kepada 20 mukim.

Pihak MPJ disarankan untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri untuk mewartakan kawasan 3 batu nautika yang telah dikenal pasti ini dengan kadar segera dan seterusnya setelah pewartaan, kawasan 3 batu nautika tersebut dicadangkan untuk di serahkan kepada Majlis Perbandaran Jasin sebagai PBT yang berkuasa penuh atas pembangunan kawasan tersebut sepertimana yang telah dilaksanakan oleh pihak PBT lain di dalam negeri Melaka. Dengan pewartaan dan penyerahan hak kepada MPJ, akan menjadikan kawasan pentadbiran Majlis lebih luas dan memberi peluang untuk menambahkan hasil Majlis melalui pembangunan kawasan tersebut.

7. Pengantarabangsaan Jasin Melalui Kerjasama Strategik

a) Meskipun Bandar Jasin telah memperoleh beberapa anugerah seperti Bandar Paling Bahagia 2019, Green World Ambassador 2017 serta Green Apple, Majlis perlu berusaha bukan sahaja untuk memperoleh pelbagai pengiktirafan lagi terutamanya di peringkat nasional dan antarabangsa seperti Green City Award, Asean Clean Tourist City Award, UNWTO Best Tourism Village Award, Place Making Award dsb, sebagai langkah mempromosi dan memperkukuhkan posisi Bandar Jasin di masa hadapan. Majlis juga harus berusaha dan mengambil langkah-langkah dalam mengekalkan pencapaian anugerah-anugerah tersebut. Kerjasama dengan pelbagai pihak juga penting untuk memantapkan Bandar Jasin agar dapat mencapai sasaran menjadi salah satu bandar daya saing dunia di Malaysia yang diiktiraf UN-Habitat serta GaWC selain dari Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bharu serta menjadi perintis bandar hijau.

b) Program pengantarabangsaan Bandar Jasin bersama bandar luar negara dipilih seperti *Friendship City* mahupun Bandar Berkembar bagi pendedahan warga MPJ serta pengenalan Bandar Jasin ke persada global perlu diterokai. Program ini merupakan program tidak rasmi di mana kerjasama boleh dijalankan melalui kerjasama antara Datuk Bandar dan diikuti oleh program melibatkan kedua-dua bandar terpilih. Antara program kerjasama bersama melalui Friendship City ini termasuklah program lawatan, pemindahan pengetahuan, pengalaman dan teknologi, penempatan pegawai serta program Smart Partnership bersama bandar terpilih mengikut tema dan bidang yang dipilih seperti kebudayaan, pelajaran atau pelancongan.

8. Cadangan Menaiktaraf Jasin Sebagai Majlis Bandaraya

1. Reka bentuk pintu masuk yang dilengkapi dengan elemen atau simbolik kawasan pentadbiran Negeri Melaka dan Majlis Perbandaran Jasin, mudah difahami dan seragam.
2. Saiz pintu masuk yang besar dan jelas serta tidak menghalang ketinggian kenderaan.
3. Struktur yang kukuh dan dilengkapi dengan landskap hiasan.
4. Dilengkapi dengan sistem tenaga solar bagi pencahayaan pada waktu malam.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Sg. Rambai, Umbai, Bemban, Lipat Kajang, Chohong, Simpang Bekoh, Asahan, Nyalas, Batang Melaka, Selandar, dan Kesang Pajak.	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Jab. Landskap • Swasta (rakan kongsi strategik)		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM29,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ / Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Illustrasi perspektif struktur pintu masuk negeri berkonsepkan tengkolok simbolik dan reka bentuk yang minimal.

FR2	Mempertingkatkan Pengindahan dan *Sense of Place* Pusat Bandar Yang Menarik dan Berketerampilan
FR2-2	CADANGAN PENGINDAHAN DAN PENINGKATAN LANDSKAP BANDAR JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

Pengindahan Bandar Jasin bertujuan meningkatkan keterampilan bandar supaya mampu menarik lebih ramai pengunjung pada masa akan datang. Penyediaan landskap yang menarik memberi impak positif kepada Bandar Jasin dari segi sosial, persekitaran dan pembangunan. Ia mewujudkan gaya hidup hijau dan sihat sekaligus mengurangkan kadar pencemaran dan mengawal suhu bandar.

Peningkatan kualiti landskap bandar dan penanaman bunga rasmi Jasin iaitu *Allamanda Cathartica* perlu difokuskan di koridor utama dan reruang awam berikut:

- Persimpangan bulatan dan sepanjang jalan utama
- Taman Rekreasi Muhibah
- Tebingan sungai
- Taman selingan *(pocket park)*
- Deretan perkedaian warisan.

KOMPONEN CADANGAN

1. Landskap hiasan dan bunga-bungaan
2. Landskap teduhan
3. Tempat duduk
4. Papan tanda
5. Perabot bandar

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Jab. Landskap		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM12,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ / Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Pengindahan sekitar bulatan di Muzium Pertanian

Persimpangan Masjid Ayer Barok

Koridor Rekreasi Tebingan Sungai

Taman Muhibbah

Persekitaran Jasin Sentral

FR2	Mempertingkatkan Pengindahan dan *Sense of Place* Pusat Bandar Yang Menarik dan Berketerampilan
FR2-3	CADANGAN PENGINDAHAN DAN PENINGKATAN LANDSKAP BANDAR MERLIMAU

DESKRIPSI CADANGAN

Pengindahan Bandar Merlimau dapat meningkatkan imej bandar tersebut serta menarik perhatian pengunjung. Penyediaan landskap yang menarik memberi impak positif kepada Bandar Merlimau dari segi sosial, persekitaran dan pembangunan. Ia mewujudkan persekitaran yang tenang dan mempromosikan *sense of welcoming.*

Peningkatan kualiti landskap bandar dan penanaman bunga rasmi Jasin iaitu *Allamanda Cathartica* perlu difokuskan di koridor utama dan reruang awam berikut:

- Persimpangan utama Bandar Merlimau.
- Deretan perkedaian lama.
- Sepanjang jalan utama Bandar Merlimau.

KOMPONEN CADANGAN

1. Landskap hiasan dan bunga-bungaan
2. Tempat duduk
3. Papan tanda
4. Perabot bandar

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Merlimau	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Jab. Landskap • Swasta
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM2,700,000
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ / Persekutuan
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**: ✓ / **Fasa 2 2026-2030**: ✓ / **Fasa 3 2031-2035**

CADANGAN LOKASI UTAMA PENGINDAHAN DAN PENINGKATAN LANDSKAP BANDAR MERLIMAU

CADANGAN TANAMAN BAGI KAWASAN BANDAR MERLIMAU

RENEK

Golden Trumpet *Allamanda Cathartica*

Bunga Kertas *Bougainvillea*

Jejarum *Ixora Javanica*

Crossandra *Crossandra Infundibuliformis*

POKOK BERBUNGA

Pokok Bungor *Lagerstromia Loudoni*

Pokok Jambul Merak *Jacaranda Filicifolia*

PALMA



Royal Palm *Roystonia Regia*

Thurston Palm *Pritchardia Thurstonii*

FR2	Mempertingkatkan Pengindahan dan *Sense of Place* Pusat Bandar Yang Menarik dan Berketerampilan
FR2-4	CADANGAN PENGINDAHAN DAN PENINGKATAN LANDSKAP PEKAN UMBAI

DESKRIPSI CADANGAN

Pengindahan dan peningkatan Pekan Umbai dapat meningkatkan *sense of welcoming* di mana pekan ini menjadi pintu masuk dari daerah bersebelahan. Cadangan ini akan menarik perhatian pengunjung di pekan ini di samping meningkatkan tahap persekitaran yang bersih dan selesa.

Peningkatan kualiti landskap pekan dan penanaman bunga rasmi Jasin iaitu *Allamanda Cathartica* perlu difokuskan di koridor utama dan reruang awam berikut:

- Deretan perkedaian Pekan Umbai – cadangan pembangunan semula kawasan perniagaan dan pesisir sungai.
- Persimpangan utama Pekan Umbai.
- Sepanjang jalan utama hingga ke Perkampungan Ikan Bakar Terapung.

KOMPONEN CADANGAN

1. Landskap hiasan dan bunga-bungaan
2. Tempat duduk
3. Papan tanda
4. Perabot bandar

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Pekan Umbai	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Jab. Landskap • Swasta
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM4,000,000
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ / Persekutuan
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**: ✓ / **Fasa 2 2026-2030**: ✓ / **Fasa 3 2031-2035**

CADANGAN LOKASI UTAMA PENGINDAHAN DAN PENINGKATAN LANDSKAP PEKAN UMBAI

CADANGAN TANAMAN BAGI KAWASAN PEKAN UMBAI

RENEK

Golden Trumpet *Allamanda Cathartica*

Bunga Kertas *Bougainvillea*

POKOK BERBUNGA

Pokok Bungor *Lagerstromia Loudoni*

Yellow Cassia *Casia Spectabilis*

PALMA

Royal Palm *Roystonia Regia*

Thurston Palm *Pritchardia Thurstonii*

Pengindahan persimpangan utama Pekan Umbai

Pengindahan pesisir sungai

FR2	Mempertingkatkan Pengindahan dan *Sense of Place* Pusat Bandar Yang Menarik dan Berketerampilan
FR2-5	CADANGAN PENGINDAHAN DAN PENINGKATAN LANDSKAP PEKAN SUNGAI RAMBAI

DESKRIPSI CADANGAN

Pengindahan dan peningkatan Pekan Sungai Rambai dapat meningkatkan *sense of welcoming* kepada pengunjung dari arah Negeri Johor. Cadangan ini bertujuan untuk meningkatkan imej Pekan Sungai Rambai sebagai Gerbang Selatan di samping meningkatkan tahap persekitaran yang selesa dan bersih.

Peningkatan kualiti landskap pekan dan penanaman bunga rasmi Jasin iaitu *Allamanda Cathartica* perlu difokuskan di koridor utama dan reruang awam berikut:

- Laman Belia Sungai Rambai
- Deretan perkedaian Pekan Sungai Rambai.
- Sepanjang jalan utama dari pintu masuk Gerbang Selatan.

KOMPONEN CADANGAN

1. Landskap hiasan dan bunga-bungaan
2. Tempat duduk
3. Papan tanda
4. Perabot bandar

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Pekan Sungai Rambai	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Jab. Landskap • Swasta		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM3,100,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ / Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

CADANGAN LOKASI UTAMA PENGINDAHAN DAN PENINGKATAN LANDSKAP PEKAN SUNGAI RAMBAI

FR2	Mempertingkatkan Pengindahan dan *Sense of Place* Pusat Bandar Yang Menarik dan Berketerampilan
FR2-6	CADANGAN PENGINDAHAN DAN PENINGKATAN LANDSKAP PEKAN SIMPANG BEKOH

DESKRIPSI CADANGAN

Pekan Simpang Bekoh menjadi salah satu pintu masuk Negeri Melaka dari Daerah Tangkak, Johor. Melalui cadangan pengindahan dan peningkatan Pekan Simpang Bekoh, ia dapat meningkatkan *'sense of welcoming'* serta menonjolkan keindahan dan persekitaran yang selesa terhadap pengunjung.

Peningkatan kualiti landskap pekan dan penanaman bunga rasmi Jasin iaitu *Allamanda Cathartica* perlu difokuskan di koridor utama dan reruang awam berikut:

- Persimpangan utama Pekan Simpang Bekoh.
- Dataran Simpang Bekoh.
- Sepanjang jalan utama hingga ke Gerbang Masuk Negeri Melaka-Johor.

KOMPONEN CADANGAN

1. Landskap hiasan dan bunga-bungaan
2. Tempat duduk
3. Papan tanda
4. Perabot bandar

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Pekan Simpang Bekoh	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Jab. Landskap • Swasta		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM10,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ / Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

CADANGAN LOKASI UTAMA PENGINDAHAN DAN PENINGKATAN LANDSKAP PEKAN SIMPANG BEKOH



Pengindahan sekitar perkedaian

Dataran Simpang Bekoh

FR2	Mempertingkatkan Pengindahan dan *Sense of Place* Pusat Bandar Yang Menarik dan Berketerampilan
FR2-7	CADANGAN KESERAGAMAN PAPAN TANDA

DESKRIPSI CADANGAN

Menyediakan papan tanda yang seragam dan mempunyai karakternya tersendiri mampu untuk meningkatkan kualiti fizikal perabot bandar. Keseragaman papan tanda di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin mampu menyerlahkan imej serta menandakan had sempadan kawasan MPJ.

Cadangan keseragaman papan tanda ini boleh diselaraskan melalui warna, dekorasi serta tema fizikalnya.

Penambahan motif tengkolok akan memberi sentuhan menarik pada reka bentuk papan tanda.

KOMPONEN CADANGAN

- Reka bentuk papan tanda arah dan papan tanda tempat yang seragam.
- Dilengkapi dengan penambahan motif tengkolok pada setiap papan tanda.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Pusat Petempatan, Taman Perumahan, Pusat Komersial dan Taman Perindustrian	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Jab. Landskap		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM4,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025** ✓	**Fasa 2 2026-2030** ✓	**Fasa 3 2031-2035**



FR2	Mempertingkatkan Pengindahan dan *Sense of Place* Pusat Bandar Yang Menarik dan Berketerampilan
FR2-8	CADANGAN *PLACEMAKING* NODUS WARISAN PUSAT BANDAR JASIN DAN MERLIMAU

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan *Placemaking* Nodus Warisan Jasin mengetengahkan nilai-nilai estetika pada seni bina perkedaian warisan dan sekitarnya melibatkan tindakan pemeliharaan fasad, pengindahan kaki lima dan lorong belakang bagi mewujudkan *sense of place* kepada kawasan tersebut.

Di kawasan *placemaking,* pengunjung boleh bergambar sambil menikmati keunikan warisan di samping dapat memperkenalkan budaya tempatan Jasin.

Antara kelebihan nodus warisan Jasin adalah:

- Meningkatkan keberkesanan aktiviti dalam pusat bandar.
- Memastikan tiada kawasan dalam pusat bandar yang terbiar atau mengalami kemerosotan fizikal atau fungsi.
- Sebagai nodus tarikan baharu yang menjadi nadi tumpuan penduduk sekaligus sebagai penggerak ekonomi setempat.
- Menyediakan laluan pejalan kaki sebagai penghubung nodus warisan ke lain-lain lokasi tumpuan awam.

KOMPONEN CADANGAN

1. Mural warisan
2. Pusat Informasi Pelancongan
3. Penceriaan Lorong Belakang
4. Laluan pejalan kaki
5. Laluan basikal
6. Landskap

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Jab. Landskap • Swasta		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM5,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025** ✓	**Fasa 2 2026-2030** ✓	**Fasa 3 2031-2035**



FR2	Mempertingkatkan Pengindahan dan *Sense of Place* Pusat Bandar Yang Menarik dan Berketerampilan
FR2-9	CADANGAN *PLACEMAKING* TEBINGAN SUNGAI, BANDAR JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan *placemaking* tebingan sungai berpotensi dari segi lokasinya kerana terletak bersebelahan medan selera, Bazar Tebingan Jasin dan kawasan perniagaan bandar. Ia berpotensi sebagai pusat tumpuan dan amat sesuai dijadikan sebagai kawasan tarikan aktiviti dalam bandar. Dengan landskap yang bersesuaian, ia akan memberikan kesan lembut dan harmoni terhadap persekitarannya.

Antara kelebihan *placemaking* tebingan sungai adalah:

- Meningkatkan keberkesanan aktiviti dalam pusat bandar.
- Memastikan tiada kawasan dalam pusat bandar yang terbiar atau mengalami kemerosotan fizikal atau fungsi.
- Sebagai nodus tarikan baharu yang menjadi nadi tumpuan penduduk sekaligus sebagai penggerak ekonomi setempat.

KOMPONEN CADANGAN

LOKASI A (kawasan hijau berhadapan menara jam)

1. Landskap hiasan dan teduhan
2. Taman selingan
3. Koridor rekreasi pejalan kaki
4. Naik taraf reka bentuk Jambatan Tok Senara
5. Tempat duduk
6. *Traffic calming* di kawasan jambatan

LOKASI B (berhampiran Medan Selera)

1. Landskap hiasan dan teduhan
2. Jambatan pejalan kaki
3. Koridor rekreasi pejalan kaki
4. Tempat duduk

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Jab. Landskap
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM2,600,000
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ
		FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 2022-2025: ✓ / Fasa 2 2026-2030: ✓ / Fasa 3 2031-2035: ✓



Pengindahan Persekitaran Jambatan

FR2	Mempertingkatkan Pengindahan dan *Sense of Place* Pusat Bandar Yang Menarik dan Berketerampilan
FR2-10	CADANGAN NAIK TARAF MERCU TANDA DAN PERSIMPANGAN BULATAN

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan menaiktarafkan mercu tanda merupakan salah satu komponen tarikan pengunjung serta pandu arah di dalam bandar. Kewujudan mercu tanda juga mampu meningkatkan tahap aksesibiliti di dalam bandar serta lokasinya yang jelas dan strategik.

Mercu tanda yang dikenal pasti untuk dinaiktarafkan terletak di tiga persimpangan utama Bandar Jasin iaitu:

i. Persimpangan Bulatan Di Jalan Demang Haji Abu/ Jalan Haji Md Yasin.
ii. Persimpangan Bulatan Di Jalan Haji Md Yasin/ Jalan Rim.
iii. Persimpangan Bulatan Di Jalan Jasin – Melaka/ Jalan Tangkak – Durian Tunggal.

KOMPONEN CADANGAN

1. Landskap hiasan
2. Pencahayaan
3. Elemen keselamatan *traffic calming* di persimpangan mercu tanda.
4. Mercu tanda – menggunakan tengkolok sebagai ikon utama bandar.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Jab. Landskap
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM5,800,000
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ
		FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 2022-2025: / Fasa 2 2026-2030: ✓ / Fasa 3 2031-2035: ✓

TENGKOLOK 'DENDAM TAK SUDAH'

Jasin mengguna pakai tengkolok 'Dendam Tak Sudah' yang mempunyai lima ciri utama iaitu lambaian ibu, takuk, simpul kasih, pucuk kasih dan gelembung kasih. Tengkolok ini dipakai oleh Yang diPertuan Agong Malaysia dalam majlis istiadat pertabalan sejak zaman kemerdekaan.

FR2	Mempertingkatkan Pengindahan dan *Sense of Place* Pusat Bandar Yang Menarik dan Berketerampilan
FR2-11	CADANGAN PENCAHAYAAN BANDAR JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

Keaktifan pusat bandar bukan sahaja pada waktu siang, malah suasana pada waktu malam turut memainkan peranan penting dalam memastikan Bandar Jasin aktif, menarik dan selamat untuk dikunjungi.

Cadangan pencahayaan bandar berfungsi untuk menjadikan Pusat Bandar Jasin aktif dengan pelbagai aktiviti untuk komuniti terutama pada waktu hujung minggu. Di samping itu, pencahayaan kreatif mewujudkan suasana unik di pusat bandar terutama di kawasan tumpuan melibatkan pencahayaan pada fasad bangunan, arca atau pada jajaran landskap.

Penggunaan setiap ruang pusat bandar juga dapat dipertingkatkan di samping mewujudkan persekitaran yang selamat dan selesa.

KOMPONEN CADANGAN

A) Kawasan tumpuan pencahayaan dicadangkan melibatkan kawasan-kawasan berikut:

1. Persimpangan bulatan dan sepanjang jalan utama
2. Fasad perkedaian (sekitar deretan perkedaian lama dan sekitar Jasin Sentral)
3. Tebingan sungai
4. Taman selingan *(pocket park)*
5. Taman Muhibah

B) Penerapan elemen pintar seperti:

1. Penjimatan tenaga eletrik bagi sistem pencahayaan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Swasta		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM2,500,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

LOKASI UTAMA PENCAHAYAAN BANDAR JASIN

CADANGAN PENCAHAYAAN PUSAT BANDAR JASIN

1. Semua hiasan lampu mestilah bersesuaian dengan seni bina dan struktur bangunan.
2. Harmoni dari segi reka bentuk, warna dan cahaya yang dihasilkan.
3. Penyediaan lampu yang diletakkan pada dinding-dinding hendaklah digunakan pada kadar berpatutan bagi mengurangkan jumlah penggunaan lampu berkedudukan tegak.
4. Menyediakan orientasi lampu yang betul dalam kawasan laluan pejalan kaki dan meningkatkan pengenalpastian yang cepat dan tepat bagi jalan-jalan dan kawasan tumpuan lain.
5. Meningkatkan pencahayaan di taman terutama di sekitar kawasan persimpangan dan tebingan sungai.



FR2	**Mempertingkatkan Pengindahan dan *Sense of Place* Pusat Bandar Yang Menarik dan Berketerampilan**
FR2-12	**CADANGAN BANDAR SELAMAT DAN MESRA PENGGUNA**

DESKRIPSI CADANGAN

Penerapan elemen bandar selamat bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan berdaya tahan sekaligus meningkatkan kualiti hidup setempat. Keselamatan penduduk dan pengguna dapat dijamin dan mengurangkan risiko kemalangan serta jenayah.

Selain itu, cadangan ini juga berupaya untuk meningkatkan faedah, produktiviti serta kualiti hidup komuniti. Cadangan ini merujuk kepada perincian reka bentuk bandar selamat dalam Garis Panduan Reka Bentuk Bandar Selamat atau *Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)* yang telah diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (PLANMalaysia).

4 prinsip universal *CPTED* yang boleh digunapakai dalam penerapan bandar selamat:
1. Pengawasan Semulajadi *(Natural Surveillance)*
2. Pengawalan Akses Semulajadi *(Natural Access Control)*
3. Kejelasan Sempadan *(Territorial Reinforcement)*
4. Penyelenggaraan dan Pengurusan *(Maintenance & Management)*

KOMPONEN CADANGAN

Menitikberatkan tiga aspek utama iaitu:

- Sosial;
- Keselamatan; dan
- Fizikal.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin, Bandar Merlimau, Bandar Jasin Bestari	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Jab. Perancang		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM28,100,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Cadangan ini turut mengambil kira Pelan Induk Program Bandar Selamat yang telah dihasilkan oleh MPJ di mana merangkumi aspek sosial, keselamatan dan fizikal.

ASPEK SOSIAL
- Seminar kesedaran.
- Operasi pemantauan bersepadu.
- Pemasangan papan tanda pencegahan jenayah.
- Rondaan oleh persatuan penduduk.

ASPEK KESELAMATAN

Pemasangan CCTV di 4 hotspot
- Bandar Jasin
- Bandar Merlimau
- Pekan Selandar
- Pekan Sungai Rambai

ASPEK FIZIKAL
- Pengasingan laluan pejalan kaki dari kenderaan bermotor.
- Pencahayaan.
- Cermin keselamatan.
- Tempat letak motosikal berkunci.

Kawasan Tindakan Pelan Induk Program Bandar Selamat MP Jasin



Sumber: Pelan Induk Program Bandar Selamat MP Jasin

KOMPONEN PELAKSANAAN

REKABENTUK SUSUN ATUR
- Mewujudkan suasana aktif dengan aktiviti menarik.
- Mengelakkan ruang terperangkap seperti jalan mati atau lorong belakang.
- Memastikan ruang pandangan jelas dan tidak terhalang terutama di kawasan laluan pejalan kaki.

TEMPAT LETAK KENDERAAN

Tempat letak kenderaan mestilah berada di kawasan selamat seperti berhadapan dengan premis perniagaan dan mempunyai pencahayaan yang baik.

AKSES DAN LALUAN PEJALAN KAKI
- Laluan pejalan kaki yang sempit tidak dibenarkan di kawasan pembangunan baharu.
- Laluan pejalan kaki, jejantas dan lorong sempit perlu disediakan pencahayaan dan cermin keselamatan sebagai langkah berjaga-jaga.

LANDSKAP LEMBUT DAN ELEMEN REKABENTUK BANDAR
- Memastikan perletakan perabot jalan tidak menghalang laluan.
- Menanam pokok renek dengan ketinggian tidak melebihi 0.9m di laluan pejalan kaki.
- Memastikan papan tanda menggunakan warna yang terang dan mudah difahami.

PENCAHAYAAN
- Fokus pencahayaan pada lokasi-lokasi tumpuan awam seperti tempat letak kenderaan, perhentian bas dan kawasan perniagaan.
- Pencahayaan perlulah pada tahap yang membolehkan muka seseorang dikenalpasti dalam penglihatan yang normal serta membantu CCTV memantau dengan lebih berkesan.

PERALATAN KESELAMATAN
- Peralatan keselamatan merangkumi cermin keselamatan, penggera keselamatan, CCTV dan papan tanda peringatan.
- Disediakan di kawasan laluan pejalan kaki, kawasan tumpuan awam, kawasan berprofil tinggi dan berpotensi jenayah.

PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN
- Memastikan setiap kawasan dalam bandar diselenggara dan dibersihkan seperti membersihkan semak samun, mencantas pokok yang rimbun supaya tidak menghalang pencahayaan, CCTV dan pandangan awam.
- Membaik pulih kawasan/bangunan terbiar dan terbengkalai.

Sumber: Kajian RT MP Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian)

FR3	Memelihara Dan Memulihara Bangunan Dan Tapak Warisan Untuk Kesinambungan Masa Hadapan
FR3-2	CADANGAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN PERKEDAIAN BANDAR JASIN SEBAGAI WARISAN RUPA BENTUK BANDAR

DESKRIPSI CADANGAN

Deretan rumah kedai di Bandar Jasin mempunyai seni bina warisan, corak reka bentuk dan tahun binaan yang berbeza di mana ia mewujudkan identiti tersendiri terhadap sesebuah kawasan. Terdapat beberapa bangunan yang telah diubah suai sehingga bangunan tersebut tidak seragam berbanding bangunan sekeliling dari segi ketinggian dan seni bina asli.

Tindakan bagi pemeliharaan dan pemuliharaan rumah kedai adalah wajar dilaksanakan berikutan untuk mengelakkan sebarang kecacatan pada binaan tersebut di samping mampu meningkatkan semula imej bandar atau pekan tersebut. Aktiviti ubah suai bangunan kedai perlu dikawal supaya keaslian seni bina dan ketinggian dikekalkan.

KOMPONEN CADANGAN

1. Perbaiki fasad jika ada kerosakan.
2. Mengecat semula fasad bangunan dengan warna pastel yang seragam.
3. Mengawal perletakan saiz papan tanda yang seragam.
4. Memastikan ruangan kaki lima deretan perkedaian bebas halangan dan tiada sebarang kenderaan atau barangan yang menghalang pejalan kaki.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Swasta		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM4,900,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/ Swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
				✓	✓

Kategori Bangunan Warisan RT MP Jasin 2035 (Penggantian)

Kategori 1	*Bangunan/ tapak warisan yang telah diwartakan atau dalam proses pewartaan dan tersenarai dalam senarai Jabatan Warisan Negara (JWN).*	
Kategori 2	*Bangunan/ tapak warisan yang mempunyai nilai estetika dan keunikan tersendiri yang berpotensi dijadikan sebagai salah satu tarikan pelancongan sejarah dan warisan. Tiada dalam senarai JWN.*	✓

FR3	Memelihara Dan Memulihara Bangunan Dan Tapak Warisan Untuk Kesinambungan Masa Hadapan
FR3-3	CADANGAN TAPAK/ BANGUNAN WARISAN BAHARU

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan ini juga merangkumi bangunan atau tapak yang mempunyai keunikan dan nilai warisan yang perlu dipelihara dan dipulihara dari segi seni bina, ketinggian, dan struktur bangunan. Bangunan-bangunan ini juga mempunyai nilai estetika dan keunikan tersendiri yang berpotensi dijadikan sebagai salah satu tarikan pelancongan sejarah dan warisan. Sebanyak sembilan bangunan atau tapak warisan yang dipilih untuk dipelihara.

KOMPONEN CADANGAN

1. Perbaiki fasad jika ada kerosakan.
2. Mengecat semula fasad bangunan dengan warna pastel yang seragam.
3. Mengawal perletakan saiz papan tanda yang seragam.
4. Memastikan ruangan kaki lima deretan perkedaian bebas halangan dan tiada sebarang kenderaan atau barangan yang menghalang pejalan kaki.
5. Mengawal aktiviti ubah suai bangunan kedai supaya keaslian seni bina dan ketinggian dikekalkan.
6. Menyediakan ciri-ciri keselamatan di setiap bangunan/ tapak warisan.
7. Cadangan mewartakan bangunan warisan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin, Bandar Merlimau, Pekan Batang Melaka, Sungai Rambai, Serkam	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Jab. Warisan Negara • Swasta		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM3,400,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/ Persekutuan/ Swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
				✓	✓

1 Muzium Pertanian

2 Deretan Rumah Kedai Lama Bandar Jasin

3 Deretan Rumah Kedai Lama Bandar Merlimau

4 Deretan Rumah Kedai Lama Pekan Batang Melaka

5 Rumah Tradisional Pn. Maliah Edin, Kg. Pondok Kempas

6 Rumah Tradisional En. Kamaluddin B. Yaakob, Sungai Rambai

7 Rumah Tradisional Tn. Hj. Jaafar Bin Hj. Hashim, Kg. Serkam Timur

8 Rumah Tradisional Tuan Hj. Yusof B. Hj. Awal, Kg. Rim, Jasin

9 Rumah Tradisional Hj. Bakar Hj Kg. Parit Sidang Seman (1947)

FR3	Memelihara Dan Memulihara Bangunan Dan Tapak Warisan Untuk Kesinambungan Masa Hadapan
FR3-4	CADANGAN PEMELIHARAAN POKOK-POKOK WARISAN PUSAT BANDAR

DESKRIPSI CADANGAN

Pokok warisan sedia ada yang dikenal pasti di Bandar Jasin adalah Pokok Mahogany atau nama saintifiknya adalah *'Swietenia Macrophylla'*. Selain itu, pokok-pokok ini juga mempunyai nilai estetika terhadap landskap bandar sekaligus bertindak sebagai penghadang fizikal semulajadi terhadap kawasan yang mempunyai kemerosotan visual.

Terdapat sejumlah 16 pokok warisan iaitu sembilan (9) batang pokok warisan sedia ada, tujuh (7) batang pokok yang dicadangkan untuk dipelihara di Bandar Jasin. Lokasi pokok-pokok tersebut terletak di Jalan Aman, Taman Muhibbah, dan Jalan Gan Lap, Bandar Jasin. Pokok-pokok warisan ini dilindungi di bawah *'Tree Preservation Order'* Akta Perancang Bandar dan Desa (Akta 172).

KOMPONEN CADANGAN

1. Menjalankan pelan inventori pokok di pusat bandar.
2. Mengekalkan dan memelihara pokok warisan.
3. Menyediakan penandaan dan informasi untuk setiap pokok warisan.
4. Membuat pemeriksaan berkala bagi melindungi pokok-pokok yang telah dikenalpasti.
5. Larangan sebarang penampalan poster dan lain-lain terhadap pokok.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Jab. Landskap		
BILANGAN	16 batang pokok	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM10,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/ swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Lokasi Pemeliharaan Pokok-pokok Warisan Pusat Bandar

Kaedah Pengekalan Dan Pemuliharaan

1. Perlindungan Asas – Penyediaan pagar atau penghadang di sekeliling pokok. Pembinaan pagar mestilah di dalam kawasan zon akar.
2. Pokok terlalu hampir dengan bangunan perlu dipangkas tanpa merosakkan bentuk pokok.
3. Perlu menyediakan saliran yang baik di sekitar pokok.
4. Penggunaan jentera berat di kawasan zon akar perlu dielakkan supaya tidak mengganggu sistem pengakaran.
5. Elakkan dari pencemaran tanah di kawasan zon akar yang disebabkan oleh penggunaan bahan kimia.

Contoh Pemeliharaan Pokok-pokok Warisan

FR3	Memelihara Dan Memulihara Bangunan Dan Tapak Warisan Untuk Kesinambungan Masa Hadapan
FR3-5	CADANGAN MURAL WARISAN DI PUSAT BANDAR JASIN DAN MERLIMAU

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan ini bertujuan untuk mewujudkan suasana bandar yang menarik dan selaras dengan identiti sesebuah bandar atau pekan. Mural adalah lukisan atau seni yang dipamerkan di dinding sesebuah bangunan serta mempertingkatkan imej dan persekitaran seperti lorong antara perkedaian.

Empat (4) lokasi dinding seni yang akan dihiasi dengan mural selaras dengan tema Bandar Warisan Sejarah, sejarah setempat dan sesuatu yang ikonik dengan Majlis Perbandaran Jasin. Ciri-ciri mural yang dicadangkan hendaklah mempunyai elemen sejarah dan beridentitikan Jasin. Antaranya seperti tengkolok, tangga Melaka dan sebagainya yang berkaitan.

KOMPONEN CADANGAN

1. Berkonsepkan sejarah, budaya, warisan, pantun dan ikon Jasin.
2. Empat ruangan mural di setiap lokasi strategik seperti dinding bangunan perkedaian.
3. Semua laluan ini akan dilengkapi dengan pencahayaan yang mencukupi.
4. Setiap mural warisan dilengkapi dengan kod QR bertujuan untuk paparan penerangan mural secara atas talian.
5. Penggunaan cat yang tidak menjejaskan dinding atau struktur bangunan perkedaian Bandar Jasin.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	• Jab. Perancang • Pemilik Bangunan/Tapak		
BILANGAN	2 dinding utama dan 140 meter panjang dinding (Bandar Sik) 2 dinding utama (Bandar Merlimau)	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM4,800,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/ swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Lokasi Mural Warisan

INFO LANJUT
SILA IMBAS KOD QR

*Memperkenalkan kod QR pada setiap mural bertujuan memaparkan informasi lanjut mengenai lukisan. *

Gambaran mural bertemakan warisan dan budaya dilengkapi dengan pantun dan kod QR

FR3	Memelihara Dan Memulihara Bangunan Dan Tapak Warisan Untuk Kesinambungan Masa Hadapan
FR3-6	**CADANGAN PENGINDAHAN KAKI LIMA WARISAN**

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan 'kaki lima' Jasin melibatkan pengindahan kaki lima di deretan perkedaian lama di Jalan Demang Haji Abu dan Jalan Haji Md. Yasin melibatkan 81 unit kedai.

Kerja-kerja pengindahan melibatkan kerjasama antara pihak MPJ dan pemilik bangunan supaya dapat memupuk amalan kerjasama dalam memastikan persekitaran bersih dan ceria.

Penggunaan landskap adalah dibenarkan namun mestilah tidak menghalang pejalan kaki. Pengindahan kaki lima mewujudkan kekemasan pada struktur bangunan sedia ada sekali gus memelihara seni bina bangunan tersebut.

TINDAKAN CADANGAN

1. Mengecat semula kaki lima dengan penggunaan warna yang menarik.
2. Menggunakan jubin hiasan bercorak pada permukaan laluan kaki lima diinspirasikan daripada seni bina tangga rumah tradisional Melaka.
3. Memastikan kaki lima tidak mempunyai objek-objek besar yang menghalang pergerakan pejalan kaki atau objek yang mencacatkan.
4. Penggunaan *tiles* berwarna pada permukaan kaki lima mewujudkan suasana yang kemas dan bersih.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Deretan Perkedaian Warisan, Bandar Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
UNIT	81 unit kedai	**AGENSI SOKONGAN**	Swasta		
PANJANG	477.5 meter	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM1,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/ Swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Lokasi Pengindahan Kaki Lima Warisan



Contoh Penggunaan Jubin Bercorak Pada Permukaan Kaki Lima Perkedaian

Contoh Pengindahan Kaki Lima

FE1	Pengurusan Alam Sekitar, Sumber Jaya Dan Risiko Bencana
FE1-8	CADANGAN PENGURUSAN BENCANA KEGAGALAN EMPANGAN DI EMPANGAN JUS DAN EMPANGAN ASAHAN

DESKRIPSI CADANGAN

Empangan Jus dan Empangan Asahan merupakan kawasan tadahan air yang menjadi sumber air amat bergantung kepada kualiti di kawasan tadahan air. Oleh itu, ia dikategorikan sebagai KSAS bernilai sokongan hidup yang tinggi dan menjadi kewajipan untuk sentiasa dilindungi dan dipelihara kualiti airnya dari sebarang potensi pencemaran yang akan menjejaskan fungsinya.

TINDAKAN CADANGAN

1. Jarak perlindungan untuk Tanah Hak Milik Persendirian adalah 10 – 50 meter dari sempadan tanah empangan (tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri).
2. Jarak perlindungan untuk Tanah Kerajaan adalah 50 meter dari sempadan tanah empangan (mengikut kontur tanah).
3. Melaksanakan Pelan Tindakan Kecemasan (EAP) yang telah disediakan semasa kecemasan melibatkan kegagalan struktur yang telah dikenal pasti mengikut prosedur yang perlu diikuti untuk meminimumkan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa. Ini termasuk peranan dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat dan penduduk yang berisiko yang memerlukan langkah perlindungan, amaran perancangan, pemindahan dan kesiapsiagaan.
4. Meningkatkan dan menyemak semula spesifikasi dan keupayaan peralatan yang tahan bencana.
5. Menyediakan maklumat pangkalan data yang komprehensif di kawasan yang sering dilanda bencana.
6. Menaik taraf sistem telemetrik untuk mendapatkan data masa nyata yang menghubungkan mereka kepada kemudahan pusat.
7. Menaik taraf kerja-kerja berkaitan sungai.
8. Mengenal pasti semua pusat pemindahan.
9. Menggalakkan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan korporat melaksanakan khidmat tanggungjawab sosial korporat (CSR).
10. Menyediakan profil dan bank data untuk golongan komuniti terpinggir.
11. Menjalankan kerja pembaikpulihan secara selamat dan terkawal.
12. Mendapatkan khidmat jurutera empangan dan menjalankan pemeriksaan keselamatan empangan.
13. Kesedaran umum boleh mengurangkan impak terhadap orang di dalam kawasan limpahan dengan memberi pengetahuan terhadap situasi empangan pecah.
14. Sistem komunikasi alternatif haruslah disediakan untuk membantu mempercepatkan penyampaian maklumat seperti siren kecemasan, radio dua hala (Walkie-talkie), Aerial Drone (semasa cuaca cerah).

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Empangan Jus TAPS Tasik Biru	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Badan Kawal Selia Air, JAS, JPS		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM5,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Paras Takungan Kritikal Empangan Jus



Penilaian dan Carta Alir Tindakan Kecemasan Banjir di Empangan Asahan



SH2	Pembangunan Perumahan Dengan Ciri-ciri Perumahan Yang Kondusif Dan Selamat
SH2-1	CADANGAN MEMPERKASAKAN PERLAKSANAAN CIRI-CIRI BANDAR SELAMAT DAN KEJIRANAN HIJAU

DESKRIPSI CADANGAN

Perancangan perumahan yang baik bukan sahaja tertumpu kepada aspek reka bentuk luaran bangunan dan keselesaan ruangan dalaman kediaman semata-mata. Elemen tambahan seperti aspek keselamatan dan persekitaran kediaman yang harmoni turut menjadi daya penarik kepada orang ramai untuk tinggal.

Susunatur skim perumahan baharu yang menepati ciri-ciri bandar selamat bebas daripada jenayah, berada di luar kawasan berisiko bencana dan pencemaran dengan persekitaran kejiranan yang menghijau sememangnya menjadi impian setiap penduduk. Oleh itu, setiap kawasan perumahan sedia ada dan baharu akan dipastikan bebas dari semua ancaman fizikal, sosial dan mental.

Ini dapat direalisasikan dengan persekitarannya sentiasa dalam keadaan paling terpelihara dalam memastikan komuniti berasa lebih selamat, sejahtera, sihat dan ceria. Tiga strategi Program Bandar Selamat iaitu :

i. Mereka bentuk persekitaran fizikal;
ii. Pengurusan penyertaan komuniti dan kesedaran awam; serta
iii. Memperkasakan kawasan sasaran.

TINDAKAN CADANGAN

1. Memastikan kawasan perumahan baharu dirancang mengikut piawaian perancangan dan garis panduan seperti berikut:
   - Garis panduan perancangan Rekabentuk sejagat
   - Garis panduan kejiranan hijau
   - Garis panduan Reka bentuk bandar selamat (CPTED)
   - Menerapkan elemen-elemen pintar dan rendah karbon
   - Garis panduan kebun komuniti
   - Lain-lain elemen yang berkaitan.
2. Memastikan syarat-syarat kebenaran merancang di diterjemahkan di dalam Pelan Bangunan dan Pelan Jalan dan Perparitan.
3. Memantau perlaksanaan syarat-syarat kebenaran merancang di peringkat pembinaan sehingga pengeluaran CCC.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	BP1 hingga BP6	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
UNIT	-	**AGENSI SOKONGAN**	PlanMalaysia		
PANJANG	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**			
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

INISIATIF BANDAR SELAMAT

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN JENAYAH

SH2	Pembangunan Perumahan Dengan Ciri-ciri Perumahan Yang Kondusif Dan Selamat
SH2-2	CADANGAN MELAKSANAKAN SKIM KOMUNITI BERPENGAWAL BAGI PERUMAHAN BUKAN STRATA

DESKRIPSI CADANGAN

Skim perumahan yang dilengkapi dengan kawalan keselamatan telah menjadi sebagai trend kepada pemajuan di kebanyakan unit-unit kediaman bertanah bukan strata. Ini memperlihatkan akan keutamaan penduduk mahupun komuniti dalam memastikan keselamatan diri dan harta benda berada pada tahap yang maksimum.

Walau bagaimanapun, perlaksanaan kawalan keselamatan kawasan kediaman bukan strata dilaksanakan secara *adhoc* oleh persatuan penduduk. Ini akhirnya mengundang kepada pelbagai isu di antara persatuan penduduk, penduduk tampungan dan orang awam. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh faktor perlaksanaan yang tidak mempunyai prosedur standard yang jelas dan terurus.

Dalam memastikan perancangan kawasan kediaman terkawal yang lebih bersistematik, pihak PLANMalaysia telah mengambil inisiatif menyediakan Garis Panduan Perancangan dan Penubuhan Skim Komuniti Berpengawal khusus bagi pembangunan perumahan bukan strata.

TINDAKAN CADANGAN

1. Meningkatkan tahap kawalan keselamatan bagi setiap skim perumahan dan kejiranan.
2. Membantu pihak berkuasa khususnya pihak polis dalam mencegah jenayah.
3. Menangani isu pendirian pondok pengawal tidak sah dan secara ad-hoc.
4. Berpotensi membendung dan meminimumkan kadar kes-kes jenayah yang melibatkan harta benda.
5. Mampu memberi nilai tambah kepada nilai hartanah di kawasan perumahan tidak berstrata yang dilengkapi dengan kawalan keselamatan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	BP1 hingga BP6	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
UNIT	-	**AGENSI SOKONGAN**	PlanMalaysia @ Melaka		
PANJANG	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**			
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Contoh reka bentuk pondok pengawal mudah alih yang berstruktur sementara

Contoh pelaksanaan kawalan keselamatan di kawasan kediaman bukan strata

SH2	Pembangunan Perumahan Dengan Ciri-ciri Perumahan Yang Kondusif Dan Selamat
SH2-3	MENERAPKAN REKABENTUK BERDAYA TAHAN BANJIR DALAM CADANGAN PERUMAHAN BAHARU

DESKRIPSI CADANGAN

Terdapat beberapa kawasan di dalam daerah Jasin yang sering dilanda banjir seperti Sungai Rambai, sekitar Sungai Kesang, Umbai dan Merlimau. Sektor perumahan perlu beralih daripada rekabentuk rumah yang konvensional kepada elemen rekabentuk yang bersifat pro-aktif. Langkah tindakan pembangunan perumahan yang inovatif perlu diketengahkan dalam pembinaan rumah-rumah baharu pada masa hadapan agar risiko banjir, kehilangan nyawa dan kerugian harta benda dapat diminimakan.

TINDAKAN CADANGAN

1. Mengenalpasti kawasan yang berisiko banjir dan mengkaji mekanisma yang sesuai untuk membenarkan perumahan di kawasan tersebut (jika sesuai)
2. Menggalakkan pemaju dan pasukan professional untuk menerapkan ciri-ciri rekabentuk yang dapat mengelakkan atau beradaptasi dengan kejadian banjir.
3. Memberi insentif yang sesuai kepada pemaju yang bersetuju untuk berkolaborasi dalam *pilot project* perumahan mesra banjir.
4. Memberi penekanan kepada penerapan ciri-ciri pembangunan yang mesra alam seperti Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) oleh JPS dalam projek pembangunan perumahan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	BP1 hingga BP6	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
UNIT	-	**AGENSI SOKONGAN**	PlanMalaysia@Melaka, JPS		
PANJANG	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**			
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**			
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025** ✓	**Fasa 2 2026-2030** ✓	**Fasa 3 2031-2035** ✓

Pembinaan rumah perlu mengambilkira paras banjir dalam pelan rekabentuk.

CONTOH REKABENTUK RUMAH MESRA BANJIR



REKABENTUK 1 :
Rumah yang boleh terapung ketika banjir (Amphibious House)

REKABENTUK 2 :
Rumah yang disesuaikan ciri-ciri rekabentuknya untuk menerima banjir.

REKABENTUK 3 :
Rumah bertiang tinggi.

REKABENTUK 4 :
Rumah yang beradaptasi dengan persekitaran (dibina di atas dataran banjir).

SK1	Mempertingkatkan Kesejahteraan Penduduk Melalui Penyediaan Kemudahan Masyarakat Yang Inklusif
SK1-7	**CADANGAN PUSAT SUKAN ELEKTRONIK (E-SUKAN) DI SUNGAI RAMBAI**

DESKRIPSI CADANGAN

Penubuhan pusat sukan elektronik (e-sukan) menjadi platform mencungkil dan melahirkan atlet berbakat yang mampu diketengahkan sehingga ke peringkat antarabangsa. Pembangunan pusat e-sukan itu diyakini mampu memberi impak positif kepada pertumbuhan sosioekonomi negeri, lebih-lebih lagi bakal merancakkan sektor pelancongan sukan dengan menarik lebih ramai penggiat industri itu dari dalam dan luar negeri untuk datang ke Melaka. Kerjasama antara kerajaan negeri melalui Jabatan Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negeri Melaka dengan Persatuan Sukan Elektronik Negeri Melaka (MEA) amat diperlukan bagi mendorong melahirkan banyak pemain yang berbakat khususnya di kawasan kajian.

Hab (e-sukan) dicadangkan di Laman Belia, Sungai Rambai. Ia boleh dibangunkan secara penswastaan (bangunan baharu) atau bersepadu dengan gelanggang futsal sedia ada untuk dinaiktaraf kepada 2 tingkat iaitu tingkat 1 sebagai pusat e-sukan manakala tingkat 2 sebagai gelanggang futsal.

KOMPONEN CADANGAN

1. Dewan kejohanan
2. Kluster Permainan/ Akademi Latihan
3. Kafe + Ruang Rehat
4. Bilik kawalan/ pejabat
5. Panel solar

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Sungai Rambai	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin
UNIT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Jabatan Belia dan Sukan • Majlis Sukan Negeri Melaka • Persatuan Sukan Elektronik Negeri Melaka
PANJANG	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM37,000,000
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/ Negeri
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025** / **Fasa 2 2026-2030** / **Fasa 3 2031-2035**
			✓



Cadangan lokasi pusat sukan elektronik di tapak gelanggang futsal sedia ada

Ilustrasi cadangan pusat sukan elektronik (e-sukan)

SK2	Menerapkan Konsep Perbandaran Rendah Karbon Melalui Peningkatan Kawasan Hijau
SK2-3	**CADANGAN PUSAT REKREASI SEMULAJADI DAN AIR**

DESKRIPSI CADANGAN

Sumber rekreasi semula jadi seperti sungai, gunung, bukit, tasik dan hutan simpan dieksploitasi sebagai kawasan rekreasi aktif sekaligus menjadi salah satu daripada kawasan tarikan pelancongan. Aktiviti rekreasi air merupakan inisiatif untuk menjenamakan dan menghidupkan semula kawasan tepian sungai dan persisiran pantai yang disenaraikan sebagai salah satu produk pelancongan.

KOMPONEN CADANGAN

	Jasin Bestari	Sungai Rambai	Umbai	Nyalas	Selandar
Dataran	✓	✓	✓	✓	✓
Jambatan Gantung	✓	✓			
Gelanggang Terbuka	✓	✓	✓	✓	✓
Taman Permainan Kanak-Kanak	✓	✓	✓	✓	✓
Open Gym	✓	✓	✓	✓	✓
Restoran	✓				

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Jasin Bestari, Sg. Rambai, Umbai, Nyalas, Selandar	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin
UNIT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Jab. Landskap Negara • Tourism Melaka
PANJANG	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM14,000,000
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	• Jabatan Landskap Negara • MOTAC • Jabatan Pengairan dan Saliran
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025** / **Fasa 2 2026-2030** / **Fasa 3 2031-2035**
			✓ / ✓ / ✓

Cadangan Aktiviti

- Memancing
- Menaiki *river cruise* menyelusuri Sg. Kesang
- Aktiviti sukan air bersama keluarga/ syarikat
- Riadah
- Berkhemah

Cadangan Taman Rekreasi

NO	CADANGAN TAMAN	LOKASI
1	Taman Rekreasi Tepian Sungai, Jasin Bestari	Jasin Bestari
2	Taman Rekreasi Tepian Sungai Kesang	Sungai Rambai
3	Pusat Rekreasi Air Pantai Siring	Umbai
4	Jeram Tok Janggut, Gunung Melaka	Nyalas
5	Taman Rekreasi Bukit Batu Lebah	Selandar

Cadangan Pusat Rekreasi Semulajadi dan Air



SK2	Menerapkan Konsep Perbandaran Rendah Karbon Melalui Peningkatan Kawasan Hijau
SK2-4	CADANGAN TAMAN TEMPATAN DI PUSAT PETEMPATAN UTAMA (PPU)

DESKRIPSI CADANGAN

Rekreasi pasif dan kegiatan sukan yang tersusun untuk keseluruhan masyarakat tempatan disediakan di setiap Pusat Petempatan Utama Rancangan Tempatan MP Jasin bagi menggalakkan interaksi sosial dan rekreasi pada komuniti setempat. Mengintegrasikan penggunaan taman tempatan dengan cadangan pusat interaktif komuniti dan mempertingkatkan daya huni kawasan pusat petempatan utama (PPU). Menyediakan laluan joging, wakaf dan kawasan lapang untuk kemudahan pengunjung beriadah dan menikmati alam sekitar.

KOMPONEN CADANGAN

1. Kawasan Taman Permainan Kanak-kanak
2. Gelanggang Permainan
3. Trek Joging
4. Wakaf

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Selandar, Nyalas, Serkam, Merlimau	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
UNIT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Jab. Landskap Negeri		
PANJANG	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM40,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/ JLN		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
				✓	✓

Cadangan Taman Tempatan

NO	CADANGAN TAMAN	LOKASI
1	Taman Tempatan Selandar	Selandar
2	Taman Tempatan Nyalas	Nyalas
3	Taman Tempatan Serkam	Serkam
4	Taman Tempatan Merlimau	Merlimau

4
Lokasi Cadangan Taman Tempatan

Contoh Taman Permainan Kanak-kanak

Contoh Trek Jogging

Contoh Wakaf

SK2	Menerapkan Konsep Perbandaran Rendah Karbon Melalui Peningkatan Kawasan Hijau
SK2-5	CADANGAN MENAIKTARAF TAMAN KEJIRANAN DI KAWASAN PERUMAHAN

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan penambahan dan naik taraf padang dan lot permainan ini bagi meningkatkan kegunaan dan akses penduduk terhadap kemudahan yang disediakan. Mempertingkatkan aspek-aspek keselamatan padang permainan dengan elemen perabot bandar dan menaik taraf lot permainan lama.

KOMPONEN CADANGAN

1. Padang Permainan Kanak-kanak
2. Padang Bola
3. Gelanggang Serbaguna
4. Trek Jogging
5. Landskap Lembut dan Landskap Kejur

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Daerah Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
UNIT	10 Taman Kejiranan	**AGENSI SOKONGAN**	Jab. Landskap Negeri		
PANJANG	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM50,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/ JLN		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Senarai Taman Kejiranan

		KEMUDAHAN YANG DINAIKTARAF			LAIN-LAIN AKTIVITI	TINDAKAN
	TAMAN KEJIRANAN	Lot Permainan	Landskap Kejur & Lembut	Wakaf/ Gazebo	Tempat Letak Kereta	Pemasangan Pagar
1	Taman Muhibbah	●	●	●	●	●
2	Taman Mayang	●	●	●		
3	Taman Muhibbah 1 & 2	●	●	●	●	●
4	Taman Desa Kesang	●			●	●
5	Taman Kesang Damai	●	●	●		●
6	Taman Asia Selatan	●	●	●		●
7	Taman Ayer Merbau	●			●	
8	Taman Nyalas Permai	●			●	●
9	Taman Selandar Indah					●
10	Taman Megah	●		●	●	●

EA3	Memperkasakan Ekonomi Berasaskan Agroteknologi
EA3-4	CADANGAN PUSAT DAYA SAING PERTANIAN BERINTEGRASI

DESKRIPSI CADANGAN

A. CADANGAN AGROSATELIT

Agrosatelit adalah pusat pertumbuhan pertanian yang aktif dan berpotensi tinggi dalam pengeluaran bahan makanan, ternakan dan perikanan. Agrosatelit juga merupakan pemangkin dalam pembangunan pertanian kerana:

- Terdapatnya Pusat Inkubator Agro Teknologi;
- Mempunyai kawasan pengeluaran pertanian, penternakan atau perikanan yang aktif dan komersial seperti kawasan buah-buahan, sayur-sayuran, penternakan atau perikanan yang luas dan utama;
- Pentadbir Mukim akan menyelia segala aktiviti dan kegiatan pertanian, penternakan dan perikanan di kawasan ini di samping jabatan atau agensi yang bertanggung jawab dalam membangun dan memajukan program atau projek pertanian; dan
- Ladang-ladang satelit pula diketuai oleh Penghulu/ JKKK untuk memantau dan memaklumkan segala aktiviti pertanian, ternakan dan akuakultur bagi setiap kampung/ kawasan pengeluaran.

B. CADANGAN AGROKIOSK

- Merupakan pusat pertumbuhan kecil pertanian, penternakan, perikanan dan aktiviti hiliran yang khusus, berdiri sendiri sama ada secara individu atau entiti dan komersial.
- Agrokiosk mempunyai pengurusan tersendiri sama ada dikawal selia oleh Jabatan/agensi, individu atau syarikat.
- Agrokiosk penting untuk diiktiraf dan dipromosikan bagi memajukan lagi aktiviti pertanian penternakan dan perikanan bagi MP Jasin.
- Pewujudan dan pengiktirafan Agrokiosk akan melonjakkan dan mengaktifkan lagi bidang pertanian, penternakan, perikanan atau perniagaan yang diusahakan.
- Agrokiosk boleh berbentuk projek, perniagaan dan aktiviti hiliran yang mempunyai rangkaian tersendiri untuk memasarkan produk dan hasil pertaniannya.
- Rangkaian agro pelancongan MP Jasin akan mengaktifkan lagi Agrokiosk yang terdapat di pelbagai mukim.

KOMPONEN CADANGAN

A. KOMPONEN AGROSATELIT

JASIN AGRO BIZ CENTER (JABC)

1. Agrosatelit Nyalas
2. Agrosatelit Selandar; dan
3. Agrosatelit Sg. Rambai.

B. KOMPONEN AGROKIOSK

1. Agrokulinari;
2. Agropelancongan;
3. AgroIAT;
4. AgroHERB;
5. Halal Hub; dan
6. Agrokomersial buah-buahan/
7. Sayur-sayuran/ penternakan/

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Umbai, Chabau, Ayer Panas Rim, Merlimau dan Serkam	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin/ Jab. Pertanian		
UNIT	-	**AGENSI SOKONGAN**			
PANJANG	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM2,300,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	FAMA/ DOA/ DVS/ DOF/ LPP MPJ/ FAMA		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Cadangan Pusat Inkubator Agroteknologi Jasin (ICAT-J)



Cadangan Agrokiosk

AGROKIOSK AIR PANAS
Agropelancongan durian, buah-buahan, sayur-sayuran, herba, dan kelapa

AGROKIOSK CHABAU
Ayam daging, lembu, kambing/ bebiri, dan kelapa pandan.

AGROKIOSK UMBAI
Pusat agropelancongan (Pantai Siring) agrokulinari siput , kerang, udang dan ikan bakar.

AGROKIOSK SIMPANG BEKOH
Agropelancongan durian, buah-buahan, sayur-sayuran, herba, dan kelapa

AGROKIOSK SERKAM - MERLIMAU
Pusat durian, Pusat Halal Hub, pusat IAT dan pusat eksport.

AGROKIOSK RIM
Ayam daging, pisang tanduk, jagung dan sayur-sayuran.

EL1	Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi
EL1-1	**CADANGAN JEJAK WARISAN SEJARAH JASIN**

DESKRIPSI CADANGAN

Jasin mempunyai pelbagai produk pelancongan sejarah dan budaya. Kewujudan Bandar Jasin bermula sejak tahun 1900an. Ini dapat dilihat dengan bangunan-bangunan lama yang dibina sejak awal 1900-an. Sejumlah 20 buah kawasan/ bangunan yang dikenal pasti mempunyai nilai warisan dan budaya. Tambahan pula terdapat antara bangunan-bangunan ini telah diwartakan dan di dalam inventori oleh Jabatan Warisan Negara. Cadangan Jejak Warisan Jasin adalah bertujuan agar pelancong dapat melawat kawasan-kawasan sejarah dan warisan dengan menggunakan basikal sewa, kenderaan persendirian atau berjalan kaki. Dengan jarak yang berdekatan antara satu sama lain pelancong akan mengalami pengalaman baru melawat tempat-tempat tarikan di samping mengetahui sejarah bangunan tersebut.

KOMPONEN CADANGAN

1. Cadangan '*Pit Stop*' adalah di kawasan yang telah di kenal pasti Cadangan lokasi permulaan Jejak Warisan Sejarah iaitu:
   a. Jejak Warisan Bandar Jasin :Tempat Letak Kereta bersebelahan dengan Taman Muhibah.
   b. Jejak Warisan Umbai-Serkam-Merlimau: Pekan Merlimau
   c. Sungai Rambai: Laman Tiga Budaya
2. Papan informasi di setiap kawasan jejak ini yang menerangkan mengenai sejarah awal kewujudan bangunan. Papan informasi ini diletakkan berdekatan dengan pintu masuk.
3. Mod Pengangkutan yang dicadangkan adalah basikal sewaan dengan kemudahan pemandu pelancong atau sewaan.
4. Kios sewaan basikal terletak di terminal bas di Jasin Sentral.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin, Umbai, Serkam, Sungai Rambai	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM1,800,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/Tourism Melaka/Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	



EL1	Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi
EL1-09	CADANGAN JELAJAH BASIKAL JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

Berbasikal merupakan salah satu kaedah pengangkutan yang dapat membantu mengurangkan masalah pencemaran dan melindungi alam sekitar. Aktiviti berbasikal telah dipraktikkan sebagai satu bentuk senaman dan rekreasi tetapi juga boleh dilihat berbasikal ini sebagai satu bentuk pengangkutan di bandar. Dengan adanya kempen jelajah berbasikal juga dapat menarik pengunjung yang menggemari aktiviti yang sihat. Bagi setiap kawasan tarikan digalakkan menyediakan kemudahan tempat letak basikal.

KOMPONEN CADANGAN

1. Cadangan laluan basikal bagi pembangunan baharu terutama di kawasan Bandar Jasin.
2. Cadangan tempat letak basikal di kawasan Bandar Jasin dan tempat-tempat tumpuan pelancong.
3. Manakala bagi kawasan yang tidak mempunyai laluan basikal penunggang basikal langkah-langkah keselamatan perlu di ambil kira.
4. Setiap penunggang perlu memakai pakaian yang sesuai.
5. Pelebaran jalan pada laluan Agro dan Eko.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin, Selandar, Kesang Pajak,Simpang Bekoh, Asahan, Nyalas, Batang Melaka, Umbai, Serkam, Merlimau, Sungai Rambai.	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin/ Swasta		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM56,800,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ / Tourism Melaka/Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓



EL1	Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi
EL1-14	CADANGAN MENAIKTARAF TAMAN TEMA AIR DAN LAMAN TIGA BUDAYA

DESKRIPSI CADANGAN

Laman Tiga Budaya yang terletak di sempadan Johor, Negeri Sembilan dan Melaka mempunyai keunikan tersendiri kerana bukan sahaja menjadi titik pertemuan antara tiga negeri, malah kedudukannya di kaki Gunung Ledang menjadikannya lokasi menarik untuk dikunjungi. Selain itu ia mempunyai sejarahnya tersendiri apabila selain menjadi titik pertemuan tiga negeri, ia juga turut menjadi sebahagian daripada kisah legenda sejak dari zaman dahulu lagi. yang diperturunkan dari generasi ke satu generasi secara lisan.

"Mengikut cerita lama, kawasan ini dipercayai menjadi lokasi bermulanya usaha Hang Tuah membawa titah daripada Sultan Melaka pada waktu itu untuk meminang Puteri Gunung Ledang yang bersemayam di puncak gunung berkenaan.

Pada masa kini terdapat Taman Tema Air Laman Tiga Budaya yang merupakan antara destinasi yang popular dan mempunyai kedatangan pelancong yang banyak. Oleh itu, cadangan menaik taraf Laman Tiga Budaya ini akan mampu menarik lebih ramai pengunjung ke kawasan ini.

KOMPONEN CADANGAN

- Pintu masuk
- Cadangan Papan Informasi
- Penyediaan landskap lembut dan kejur yang menarik .
- Cadangan gazebo yang mana reka bentuknya bumbung menunjukkan reka bentuk 3 buah negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.
- Pada hari minggu dicadangkan Pasar Tiga Budaya di Laman Tiga Budaya yang mana menjual barangan yang berkaitan dengan tiga negeri bersempadan. Peletakan kios bergerak untuk kemudahan peniaga menjual barangan mereka.
- Cadangan kolaborasi antara negeri Melaka, Johor dan Negeri Sembilan agar dapat mewujudkan Laman Tiga Budaya.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Taman Tema Air Laman Budaya	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• MD Tampin / MD Tangkak • Swasta		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM3,800,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	• MPJ/ MD Tampin / MD Tangkak • Swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

EL1	Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi
EL1-16	CADANGAN PASAR TERAPUNG SUNGAI RAMBAI

DESKRIPSI CADANGAN

Jasin akan memperkenalkan 'pasar terapung sebagai salah satu produk pelancongan baru bagi kawasan kajian. Pemilihan lokasi Sungai Rambai adalah memandangkan terdapat Sungai Kesang yang menarik serta lokasi Sungai Rambai Gerbang Selatan Melaka.

Konsep pasar terapung ini sama seperti pasar terapung Klong Hae di Hatyai, Thailand. Pelanggan yang hadir dapat membeli pelbagai jenis makanan dan minuman. Selain itu, jualan buah-buahan tempatan dan hasil laut dijual dengan harga yang istimewa.

KOMPONEN CADANGAN

- Cadangan pelantar dengan kelengkapan infrastruktur yang lebih baik.
- Cadangan papan tanda di pintu masuk utama.
- Cadangan landskap di kawasan Jeti.
- Cadangan penyediaan pondok rehat atau gazebo untuk pengunjung makan dan berehat.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Sungai Rambai	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Tourism Melaka • JPS		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM3,300,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/ Tourism Melaka/ Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

EL1	Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi
EL1-18	CADANGAN PROMOSI DAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN PELANCONGAN GUNUNG MELAKA DAN JERAM TOK JANGGUT

DESKRIPSI CADANGAN

Pengisytiharan Bukit Gapis sebagai **Gunung Melaka** secara rasmi pada 17 Oktober 2020. Ketinggian 480 meter itu menjadikan ianya melepasi syarat sesebuah bukit diiktiraf sebagai gunung iaitu 457.2 meter. Ini sekaligus menjadikan Bukit Gapis @ Gunung Melaka tempat paling tinggi di Melaka. Dahulunya Ia menjadi tempat pelindungan penduduk kampung ketika zaman penjajahan Jepun pada sekitar 1940-an. Air yang mengalir di Gunung Melaka menjadi sumber air penduduk ketika itu. Sehingga kini masih terdapat anak sungai bukit yang selamat untuk diminum. Terdapat juga bongkah penanda sempadan antara Melaka dan Negeri Sembilan yang diletakkan ketika era penjajahan British. Ini membuktikan wujudnya sejarah di Gunung Melaka yang menjadi salah satu tempat yang dihuni oleh penjajah British ketika itu.

Manakala **Jeram Tok Janggut** terletak di Kampung Gapis di dalam kawasan Hutan Simpan Batang Melaka. Jeram Tok Janggut terletak, Nyalas di sini yang mempunyai pemandangan lestari dan air terjun yang menarik dan berpotensi dimajukan sebagai ekopelancongan.

Jeram Tok Janggut juga turut mempunyai keistimewaan kerana dilingkungi pemandangan hijau dan kawasan pertanian seperti tanaman getah, durian, rambutan dan sebagainya.

KOMPONEN CADANGAN

- Jalan Masuk Utama
- Papan Informasi
- Denai laluan
- Gazebo
- Jambatan gantung
- Tempat Letak Kereta

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Gunung Melaka dan Jeram Tok Janggut	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Jabatan Perhutanan • Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM5,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ / Tourism Melaka/Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

Cadangan wakaf/gazebo yang diperbuat daripada kayu agar mewujudkan elemen semulajadi

Cadangan pintu masuk dan papan tanda yang diperbuat daripada kayu agar mewujudkan elemen semulajadi

Cadangan denai ke Jeram Tok Janggut

EL1	Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi
EL1-19	CADANGAN MENARA PANDANG JUS (LOOKOUT POINT JUS)

DESKRIPSI CADANGAN

Empangan Jus pula merupakan empangan yang membekalkan air kepada penduduk daerah dan Negeri Melaka. Ia terletak di bahagian utara kawasan kajian. Keunikan kawasan empangan ini adalah mempunyai pemandangan yang sangat menarik. Oleh itu, cadangan sebuah menara pandang akan dapat memberi peluang kepada orang ramai melihat keindahan empangan ini. Lokasi cadangan menara pandang ini terletak berdekatan dengan di Taman Batang Melaka Baru.

Memandangkan kawasan empangan jus ini merupakan kawasan larangan, cadangan ini hanya melibatkan menara pandangan sahaja dan kawalan pembangunan juga kan dititik beratkan agar tidak mengganggu fungsi empangan itu sendiri.

KOMPONEN CADANGAN

- Menara Pandang.
- Papan Informasi mengenai Empangan Jus.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Taman Batang Melaka Baru	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	Sebahagian Lot 1000	**AGENSI SOKONGAN**	• Tourism Melaka • BKSA		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM5,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/ Tourism Melaka/ Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

EA3	Mempertingkatkan Kemudahan dan Promosi Tarikan Pelancongan
EL2-1	CADANGAN PUSAT INFORMASI DAN KIOSK PELANCONGAN

DESKRIPSI CADANGAN

Kewujudan pusat informasi pelancongan adalah untuk memudahkan pelancong dari luar dan dalam negara mendapatkan informasi terperinci mengenai sesuatu kawasan tarikan pelancongan serta program-program yang dijalankan.

- Dicadangkan tiga (3) buah Pusat Informasi Pelancongan utama di Bandar Jasin, Sungai Rambai dan Merlimau.
- Dicadangkan juga enam (6) buah kios informasi pelancongan yang mana terletak di Asahan, Nyalas, Batang Melaka, Simpang Bekoh, Selandar dan Bandar Merlimau. Memastikan peletakan kios adalah strategik dan boleh dilihat oleh orang ramai.
- Kios ini hendaklah mesra pengguna.

KOMPONEN CADANGAN

- Dicadangkan kios jenis elektronik agar memudahkan orang ramai mengetahui maklumat mengenai kawasan tarikan dengan cepat dan tepat.
- Penyediaan pusat informasi ini juga akan membantu pengusaha-pengusaha kawasan pelancongan mempromosikan kawasan mereka dengan penyediaan risalah-risalah dan menawarkan pakej-pakej yang menarik.
- Pusat Informasi akan menggunakan pendekatan *adaptive reuse* bagi bangunan yang sesuai.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin, Sungai Rambai, Pantai Siring, Asahan, Nyalas, Batang Melaka, Simpang Bekoh, Selandar, Bandar Merlimau	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Tourism Melaka • Swasta		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM3,400,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ / Tourism Melaka/Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Cadangan ilustrasi Pusat Informasi Pelancongan di Bandar Jasin berdekatan dengan Muzium Pertanian dan Taman Muhibah.

EL2	Mempertingkatkan Kemudahan dan Promosi Tarikan Pelancongan
EL2-2	CADANGAN DIGITAL PELANCONGAN JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

Sektor pelancongan negara mengorak langkah menjurus ke arah pendigitalan atau digitalisasi menerusi matlamat digital dalam Dasar Pelancongan Negara 2020-2030. Ia platform digital menjenamakan semula brosur pelancongan tempatan secara lebih interaktif. Ia sewajarnya dilaksanakan untuk memastikan pengisian maklumat dapat disampaikan dan melancarkan lagi pemasaran secara digital oleh Bahagian Pelancongan Jasin dan Tourism Melaka.

Digitalisasi dalam industri pelancongan membabitkan semua sektor dalam industri ini seperti penginapan dan pengangkutan. Dalam sektor penginapan, digitalisasi digunakan menerusi pemasaran digital dan sistem tempahan serta penggunaan transaksi bayaran secara dalam talian. Sektor pengangkutan juga menggunakan pemasaran secara digital, sistem tempahan dalam talian dan kios daftar masuk digital.

KOMPONEN CADANGAN

1. Cadangan Hub Pelancongan Jasin terletak di Bandar Jasin iaitu di Pusat Informasi Pelancong Jasin. Manakala Pusat Satelit Pelancongan di cadangkan di Pantai Siring, Umbai, Sungai Rambai, Nyalas dan Batang Melaka.
2. Jalinan kerjasama dengan agensi terlibat dan aplikasi e-Jasin yang telah dilaksana oleh MPJasin.
3. Penggunaan kod QR, aplikasi 360^0 dan e-kiosk bagi kegunaan pelancongan.
4. Penggunaan sistem tempahan dalam talian untuk bilik hotel, pencarian testimoni pelanggan, serta pembayaran dalam talian menjadi kebiasaan bagi pelawat dan pelancong dalam negara.
5. Menghubungkan aplikasi Tourism 4.0 dengan platform media sosial sebagai promosi secara pantas di mana pengunjung dapat berkongsi pengalaman mereka melawat tempat-tempat menarik di Jasin.
6. Memberikan suatu pengalaman 'WOW!' kepada para pelawat secara bersemuka dan atas talian.
7. Mengaplikasikan perkhidmatan pelawat secara digital (*Digital Visitor Servicing*).

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin, Pantai Siring, Sungai Rambai, Umbai, Nyalas, Batang Melaka	**AGENSI PENERAJU**	Tourism Melaka		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Majlis Perbandaran Jasin		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM1,300,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Majlis Perbandaran Jasin		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
				✓	

CADANGAN HUB PELANCONG JASIN

1 Pusat Infromasi Pelancongan (Bandar Jasin)

CADANGAN PUSAT SATELIT PELANCONG

2 **Pantai Siring** (integrasi dengan Pantai Siring Enklaf)
3 **Umbai** (integrasi dengan Perkampungan Ikan Bakar Terapung PIBT)
4 **Sungai Rambai** (integrasi dengan Homestay Parit Penghulu)
5 **Nyalas**(integrasi dengan Taman Eko Rimba Batu Lebah).
6 **Batang Melaka** (integrasi dengan Pekan Batang Melaka)

CADANGAN KIOSK PELAWAT

7 Laman Belia
8 Laman Tiga Budaya
9 Kem Lembaian Danau
10 Selandar
11 Simpang Bekoh
12 Bandar Merlimau

SCAN ME

Cadangan aplikasi dalam mobile

Cadangan e-kiosk

EI2	Mempertingkatkan Kemudahan dan Promosi Tarikan Pelancongan
EL2-3	CADANGAN LOKASI *INSTAWORTHY* "JENDELA JASIN"

DESKRIPSI CADANGAN

Jendela Jasin akan menjadi salah satu tarikan di mana pelancong boleh memilih kedudukan yang menarik untuk mengambil gambar. Ia akan diletakkan papan tanda di mana lokasi yang strategik untuk mengambil gambar. Pada zaman digitalisasi, media sosial bukan setakat platform untuk bersosial, malah ia lebih serius daripada itu. Pada masa kini media sosial adalah platform yang mampu menjana sumber pendapatan. Oleh itu, kemahiran mengambil gambar yang cantik tanpa alat dan teknologi yang terlalu mahal bagi mempromosikan produk, jenama, atau diri anda, kini merupakan satu kemahiran yang sangat berguna.

Pada masa kini pengunjung hanya memerlukan telefon pintar, cahaya matahari yang mencukupi dan mata yang pandai bermain dengan sisi dan sudut gambar untuk menghasilkan sebuah gambar *instaworthy*. Selain itu dicadangkan terdapat acara pertandingan fotografi dan *selfie* bagi kawasan tarikan di Jasin. Ini secara tidak langsung dapat menarik orang ramai terutama kaki gambar untuk datang ke daerah ini. Menggalakkan pengunjung menggunakan hashtag ***#LoveJasin*** apabila mereka menaik turun di ruang sosial media.

KOMPONEN CADANGAN

Lokasi arca atau penanda i*nstaworthy* Jasin mengikut kesesuaian.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Sekitar Kawasan Tarikan Pelancongan	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Tourism Melaka • Swasta		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM1,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Kerajaan Negeri/ Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

EL2	Mempertingkatkan Kemudahan dan Promosi Tarikan Pelancongan
EL2-5	CADANGAN CENDERAHATI "JEMARI JASIN"

DESKRIPSI CADANGAN

Jika dilihat di Pusat Bandar Jasin dan di pintu masuk di ke Jasin melalui Sungai Rambai. Oleh itu cadangan cenderahati berbentuk tengkolok dicadangkan sebagai cenderahati bagi pelancong yang ingin membeli untuk kenangan.

Cenderahati ini dicadangkan dijual di Pusat Informasi pelancongan, kios-kios informasi dan juga di Muzium Pertanian.

Selain itu makanan popular di Jasin seperti Dodol dan Biskut Tongkat akan dijadikan salah satu barangan cenderahati.

KOMPONEN CADANGAN

Menyediakan cenderahati pelancongan setiap tahun.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Pusat Informasi pelancongan dan Muzium Pertanian	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Tourism Melaka • Swasta		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM500,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/Tourism Melaka/ Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Cenderahati berbentuk tengkolok atau tanjak

Diorama rumah Melaka yang boleh dijadikan cenderhati

Fridge magnet yang menunjukkan rumah melaka

Cenderahati dalam bentuk hamper mengandungi produk dari Jasin iaitu Biskut berbentuk Biskut Tongkat

EL2	Mempertingkatkan Kemudahan dan Promosi Tarikan Pelancongan
EL2-6	CADANGAN KALENDAR PELANCONGAN JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan Kalender Pelancongan Jasin ini adalah bertujuan untuk mempromosikan kawasan kajian agar dapat menarik lebih ramai pelancong. Ia juga akan menjadi panduan kepada pelancong dan penduduk daerah ini program-program yang akan diadakan.

Kalender ini akan diletakkan di Pusat Informasi Pelancongan serta di laman sesawang Majlis Perbandaran Jasin.

Walau bagaimanapun cadangan-cadangan Kalender Pelancongan ini tertakluk kepada keadaan semasa di kawasan kajian serta program-program yang dilaksanakan di peringkat Negeri melalui Tourism Melaka.

KOMPONEN CADANGAN

Menyediakan bahan promosi aktiviti pelancongan setiap tahun.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI		**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM1,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/ Tourism Melaka/ Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

EI2	Mempertingkatkan Kemudahan dan Promosi Tarikan Pelancongan
EL2-8	CADANGAN MENAIK TARAF KEMUDAHAN PELANCONGAN

DESKRIPSI CADANGAN

Melibatkan cadangan menaik taraf kemudahan-kemudahan yang terdapat di kawasan tarikan pelancongan. Ia meliputi cadangan Papan Tanda Jejak Warisan, menaik taraf jalan masuk penyediaan tempat letak kereta, papan tanda lokasi, landskap, wakaf/gazebo, kemudahan Surau dan tandas awam serta promosi kawasan tarikan yang terpilih.

1. Makam Tun Teja
2. Muzium Pertanian
3. Makam Tok Senara
4. Makam Tok Kepau
5. Makam Sultan Ali
6. Perigi Portugis
7. Balai Polis Chabau
8. Masjid Jamek Serkam Pantai
9. Masjid Air Barok
10. Masjid Umbai
11. Kg. Orang Asli Bukit Payung
12. Kg. Orang Asli Lubok Bandung
13. Kg. Orang Asli Solok Terentang
14. Kg. Orang Asli Bukit Seraya
15. Kg. Orang Asli Kg Air Sialang
16. Kg. Orang Asli Gapam Baru
17. Rumah Tradisional Penghulu Demang Abdul Ghani
18. Rumah Tradisional Kg. Pondok Kempas
19. (Pn. Maliah)
20. Rumah Tradisional Sungai Rambai (En.Kamaluddin)
21. Homestay Parit Penghulu
22. Homestay Kg. Pulai
23. Galeri Al-Jaabar
24. Taman Eko Rimba Bukit Batu Lebah.
25. Tasik Chinchin.
26. Gunung Melaka, Kg. Gapis, Nyalas.
27. Pantai Siring
28. Kota Budaya Gerbang Selatan
29. Taman Tema Air Asahan
30. Taman *Extreme Chinchin*
31. Dataran Jasin
32. Kem Lambaian Danau
33. Laman Tiga Budaya
34. Laman Belia Sungai Rambai
35. Perkampungan Ikan Bakar Terapung, Umbai Baru.
36. Medan Ikan Bakar Serkam

KOMPONEN CADANGAN

❑ **CADANGAN PAPAN TANDA PELANCONGAN MOTAC**

Berikut merupakan lokasi pelancongan yang sesuai untuk diletakkan papan tanda pelancongan oleh MOTAC.

1.Rumah Tradisional Penghulu Demang
2.Makam Tun Teja
3.Masjid Jamek Serkam Pantai
4.Muzium Pertanian Jasin
5.Makam Tok Senara
6. Rumah Tradisional En. Kamaluddin Sungai Rambai
7. Rumah Tradisional Hj. Yusof, Kg. Rim
8. Rumah Tradisional Tn. Hj. Jaafar, Kg. Serkam Timur
9. Rumah Tradisional Kg. Parit Sidang Seman

❑ **CADANGAN PAPAN TANDA PELANCONGAN JEJAK WARISAN**

Cadangan Papan Tanda Jejak Warisan adalah bertujuan untuk menerangkan mengenai kawasan/bangunan ini. Papan tanda ini adalah berbeza dengan untuk menonjolkan bangunan/kawasan tersebut adalah Warisan Sejarah Jasin. Reka bentuk atau jenis yang dicadangkan adalah dari jenis tahan panas.

❑ **CADANGAN PAPAN *BILLBOARD* PROMOSI PELANCONGAN**

Cadangan papan *billboard* promosi pelancongan adalah bertujuan untuk mempromosikan produk pelancongan yang terdapat kawasan kajian. Peletakannya dicadangkan ini di gerbang masuk negeri, di Lebuh AMJ dan berhampiran susur masuk susur masuk tol Lipat Kajang.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Tarikan Pelancongan	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM35,400,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/Swasta/ Tourism Melaka		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Ilustrasi cadangan menaik taraf Laman Tiga Budaya

Ilustrasi Papan Billboard Pelancongan untuk tujuan promosi kawasan tarikan pelancongan di kawasan kajian.

Ilustrasi peletakan papan informasi Jejak Warisan di Muzium Pertanian yang menerangkan tentang bangunan warisan

EA3	Memperkasakan Ekonomi Berasaskan Agroteknologi
EA3-2	CADANGAN JASIN AGROBIZ CENTER (JABC)

D1SKRIPSI CADANGAN

Jasin Agro Biz Center (JABC) adalah satu badan atau unit korporat yang bertindak bagi menyelaras dan mempertingkatkan aktiviti perniagaan dalam bidang pertanian, penternakan,perikanan dan pelancongan di MP Jasin.

KOMPONEN CADANGAN

Nilai pengeluaran hasil pertanian MP Jasin mencecah 2 bilion menjelang 2035:

- Aktiviti Perundingan dan pelaburan adalah satu dari keperluan utama kepada syarikat-syarikat yang ingin melabur MP Jasin.
- Penyelarasan aktiviti pelancongan dan pertanian yang mantap akan meningkatkan industri pelancongan pertanian di MP Jasin.
- Penubuhan koperasi pelancongan pertanian juga akan memberi manfaat besar kepada petani dan usahawan tani ke tahap yang cemerlang.
- Jasin Agro Biz Center (JABC) juga merupakan pusat informasi penting bagi perkembangan sektor pertanian, penternakan dan perikanan di Jasin.

JASIN AGROBIZ CENTRE (JABC)

- ✓ Koperasi;
- ✓ Pusat Informasi;
- ✓ Agropelancongan; dan
- ✓ Perundingan dan Pelaburan

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bangunan Lama MPJ	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin DOA/DVS/DOF/FAMA/ LPP		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**			
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM5,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Rajah EA3.2 Cadangan Jasin Agrobiz Center (JABC)



Ilustrasi Jasin Agro Biz Center (JABC) di dalam Jasin Commercial Centre (JCC)

EC1	Mempelbagaikan Peluang Perniagaan dan Penglibatan Dalam Bidang Keusahawanan

EC1-1 CADANGAN REJUVENASI KOMERSIAL BANDAR JASIN

DISKRIPSI CADANGAN

Cadangan rejuvenasi Bandar Jasin dan penambahbaikan persekitaran bandar adalah salah satu usaha menjadikan luar bandar sebagai aset ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Usaha ini diyakini dapat mengurangkan jurang antara luar bandar dan bandar serta mengelakkan penghijrahan masyarakat luar bandar ke bandar.

Antara kawasan yang terlibat dalam cadangan ini adalah:
- Balai Polis Lama Jasin.
- Bangunan Lama Majlis Perbandaran Jasin.
- Kawasan sekitar Jasin Sentral.

KOMPONEN CADANGAN

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	Agensi Swasta		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM220,500,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**			
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

Rajah EC1.2 **Cadangan Rejuvenasi Komersial Bandar Jasin**









EC1	Mempelbagaikan Peluang Perniagaan dan Penglibatan Dalam Bidang Keusahawanan

EC1-4 CADANGAN REJUVENASI PERNIAGAAN SUNGAI RAMBAI

DISKRIPSI CADANGAN

Sungai Rambai diyakini dapat menjadi sebuah hab pertumbuhan ekonomi baharu di bahagian selatan Melaka seiring dengan bandar-bandar lain. Ia diyakini dapat membawa banyak perubahan positif kepada penduduk dan ia dilihat terus menjadi pemangkin kepada pembangunan yang lebih pesat.

Cadangan Rejuvenasi perniagaan Sungai Rambai adalah merupakan suatu inisiatif yang melibatkan beberapa focal points dalam membentuk jaringan antara tempat tumpuan awam, pekan dan kawasan rekreasi.

KOMPONEN CADANGAN

i. Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Sg. Rambai
   - Agrokios

ii. Pusat Komuniti Desa (PKD) Sg. Rambai

iii. Pekan Sg. Rambai
   - Pekan Agro

iv. Pusat Rekreasi Sg. Rambai
   - Pasar Terapung

v. Laman Belia Sg. Rambai
   - Inkubator Kreatif
   - E-sport

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Sungai Rambai	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	MARA		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM170,000,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	PKNM/ Swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

Rajah EC1.5 **Cadangan Rejuvenasi Perniagaan Sungai Rambai**



EC1	Mempelbagaikan Peluang Perniagaan dan Penglibatan Dalam Bidang Keusahawanan

EC1-5 CADANGAN REJUVENASI KOMERSIAL BANDAR JASIN

DISKRIPSI CADANGAN

Cadangan ini adalah selaras dengan cadangan untuk memperkukuhkan fungsi dan peranan kawasan perniagaan di kawasan bandar dan pekan mengikut hierarki petempatan sedia ada. Tujuan utama adalah untuk meningkatkan intensiti pembangunan di dalam kawasan bandar dan pekan. Kawasan perniagaan baru ini juga merangkumi kawasan pusat perniagaan terancang dengan inisiatif utama untuk membantu golongan usahawan kecil.

Selain itu, pembangunan zon perniagaan baru juga meliputi kawasan berdekatan pesisiran sungai, di mana kawasan yang terlibat adalah di kawasan persisiran sungai Umbai. Cadangan ini adalah bagi menyokong pembangunan imej bandar kawasan perniagaan yang terletak di gerbang masuk Daerah Jasin.

KOMPONEN CADANGAN

- Agro kios yang menjadi pusat pengumpulan dan pusat jualan hasil pertanian di kawasan setempat.
- Kemudahan tempat letak yang mencukupi.
- Kemudahan sokongan seperti surau dan tandas.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Umbai	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**			
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM18,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**			
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

EC1	Mempelbagaikan Peluang Perniagaan dan Penglibatan Dalam Bidang Keusahawanan

EC1-6 CADANGAN *FOOD TRUCK* BANDAR JASIN

DISKRIPSI CADANGAN

Perkembangan urbanisasi juga telah memberi kesan kepada pertambahan bilangan perniagaan food truck yang banyak faedah kepada sosial, ekonomi, dan budaya aktiviti food truck di dalam masyarakat. Pembentukan fenomena sebagai budaya bandar, food truck mempunyai potensi untuk mengaktifkan ruang yang tidak digunakan sepenuhnya dan jalan-jalan yang melalui tarikan makanan.

Peniaga food truck akan memaparkan senarai pilihan menu dan juga lokasi kawasan mereka di sekitar kawasan tumpuan. Pengguna media sosial akan mudah mendapatkan maklumat dan perkembangan terkini food truck kegemaran mereka dengan mudah melalui hubungan terus di dalam talian dengan penggunaan media sosial. Keinginan dan kegunaan media meningkat untuk carian makanan tempatan dan juga makanan menu barat, diiringi penggunaan teknologi dalam era moden, menjadikan food truck satu perniagaan moden yang bergerak menggunakan kenderaan besar serta dilengkapi dengan kemudahan untuk memasak dan menjual makanan.

KOMPONEN CADANGAN

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**			
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM1,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**			
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

Rajah EC1.7 **Cadangan *Food Truck* Bandar Jasin**

PU3	Melaksanakan Sistem Pembetungan Yang Moden Dan Efisien Supaya Dapat Mengurangkan Risiko Pencemaran Alam Sekitar Di Daerah Jasin
PU3-3	CADANGAN MENGURANGKAN RISIKO PENCEMARAN DARI AIR BUANGAN DAN MENGITAR SEMULA AIR KUMBAHAN DAN AIR PROSES INDUSTRI

D1SKRIPSI CADANGAN

Mengelakkan pencemaran dari premis perniagaan

Antara punca pencemaran yang sering di dapati daripada kawasan perbandaran adalah air buangan (grey water and sullage) daripada premis-premis perniagaan seperti restoran, kedai makanan dan pasar basah. Air buangan seperti air daripada dapur dan air dari lantai pasar akan disalurkan terus kepada parit yang berdekatan tanpa sebarang rawatan. Oleh itu, parit-parit di sekitar kawasan perbandaran sering kotor dan kadangkala tersumbat. Untuk mengelakkan masalah ini pihak PBT perlu memantau premis-premis perniagaan makanan untuk memastikan :

- Perangkap minyak di dalam premis perniagaan makanan di selenggara secara berkala.
- Air buangan dapur/ singki di salurkan kepada perangkap minyak dan seterusnya ke sistem pembetungan atau tangki septik dan bukan terus ke sistem perparitan.
- Untuk kawasan awam seperti pasar basah, pasar borong, kompleks gerai makanan (food court) dan sebagainya perlu disediakan perangkap minyak/ gris yang diselenggarakan secara berkala.
- Untuk premis perniagaan seperti bengkel kereta dan motor, penyediaan perangkap minyak dan gris perlu diadakan dan dipantau untuk mengelakkan minyak dan bahan buangan terus di salurkan kepada sistem perparitan.

Kitar Semula Air Rawatan Kumbahan dan Air Proses Industri

Air kumbahan yang telah di rawat (efluen) boleh digunakan sebagai sumber air alternatif bukan minuman seperti air untuk tujuan pengairan/landskap dan sebagainya. Manakala air proses daripada industri juga perlu di kitar semula supaya mengurangkan penggunaan air terawat.

Adalah dicadangkan industri di beri galakan supaya mengitar semula air proses pada secara berfasa. Cadangan fasa adalah 10% kitar air semula pada tahun 2030 dan 20 % pada tahun 2035.

KOMPONEN CADANGAN

1. Memastikan premis perniagaan terutamanya perniagaan makanan, pasar awam dan kompleks gerai makanan di lengkapi dengan perangkap minyak dan gris yang bersesuaian.
2. Memantau premis perniagaan supaya air buangan di salurkan kepada perangkap minyak dan gris dan kemudiannya kepada sistem pembetungan atau tangki septik.
3. Mengenakan denda kepada premis yang tidak mematuhi peraturan dan menyalurkan air buangan terus ke parit.
4. Memberi insentif kepada pengusaha industri yang mengamalkan kitar semula air proses industri.
5. Bekerjasama dengan pihak IWK supaya air kumbahan yang telah dirawat dapat di kitar semula untuk tujuan bukan minuman.
6. Mengamalkan kaedah Integrated Water Resource Management (IWRM) di dalam mengurus air kumbahan dan air efluen daripada sistem pembetungan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	Swasta		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM10,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

PT1	Memperkukuhkan Kecekapan Sistem Rangkaian Pengangkutan Darat Dan Air
PT1–5	CADANGAN PENGURUSAN LALU LINTAS

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan pengurusan lalu lintas di Daerah Jasin adalah:

18 Cadangan Jalan Lingkaran Dalaman di Bandar Jasin bagi meningkatkan rangkaian jalan raya sedia ada dan menjadi jalan pintasan bandar yang boleh mengurangkan kenderaan daripada melalui kawasan bandar yang secara tidak langsung dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas.

19 Cadangan Jalan Lingkaran Dalaman di Bandar Jasin yang melibatkan cadangan jalan sehala di Pusat Bandar Jasin serta cadangan aliran lalu lintas bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

20 Cadangan Tempat Letak Kenderaan Berpusat terletak berhadapan Majlis Perbandaran Jasin dan Ibu Pejabat Polis Daerah Jasin

KOMPONEN CADANGAN

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI		**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**			
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM100,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**			
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

UL1	Memantapkan dan Memperkasakan Urus Tadbir dan Perkhidmatan Majlis Perbandaran Jasin
UL1-1	CADANGAN PEMERKASAAN STRUKTUR ORGANISASI PENTADBIRAN

DESKRIPSI CADANGAN

Struktur organisasi Majlis Perbandaran Jasin yang terkini perlu diperkukuhkan bagi mengharungi cabaran untuk menjadi sebuah Majlis Bandaraya. Majlis perlu mewujudkan beberapa bahagian yang penting seperti Unit Pelaburan dan Jabatan Pelancongan yang dijangka akan menjadi penjana dan sumber ekonomi utama serta Unit Pemantauan Bandar Mampan yang memantau pembangunan serta pencapaian majlis. MPJ juga perlu mengambil langkah proaktif dengan mengisi jawatan kosong terutama yang melibatkan profesional dan sub-profesional.

KOMPONEN CADANGAN

1. Mewujudkan Unit Pemantauan Bandar Mampan, Unit GIS, Unit Pelaburan dan Unit Pelancongan bagi memperkasakan pelancongan eko dan agro.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM1,300,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

CADANGAN PENUBUHAN UNIT BAHARU DALAM ORGANISASI MAJLIS PERBANDARAN JASIN

UNIT PELANCONGAN

Mempromosikan pelbagai produk pelancongan dan menjenamakan Jasin sebagai tarikan pelancongan warisan seperti Bandar Warisan Jasin, Homestay Parit Penghulu, Rumah Tradisional Melaka, Makam Tun Teja dan lain-lain tarikan. Turut menjadi tumpuan adalah pelancongan eko.

UNIT PELABURAN DAN PENSWASTAAN

Membantu Majlis melaksanakan pembangunan dan mengkaji hala tuju pelaburan Majlis terutama dari segi pembangunan hartanah. Langkah ini dijangka dapat merancakkan pembangunan dengan mengkaji dan menganalisa peluang pelaburan dan pembangunan di Daerah Jasin.

UNIT PEMANTAUAN BANDAR MAMPAN

Menjalankan pemantauan terhadap pencapaian Majlis dalam pelbagai program seperti program SDG, inisiatif bandar pintar, bandar hijau serta LCC serta pemantauan pencapaian RT serta keberkesanan sesebuah perancangan di samping memastikan pencapaian status kemampanan MURNInets Bandar Jasin berada di tahap kemampanan yang baik.

UNIT GIS

Membantu Majlis dalam menyediakan pangkalan data dan menganalisis data bagi tujuan perancangan dan pemantauan pembangunan dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin.



UL1	Memantapkan dan Memperkasakan Urus Tadbir dan Perkhidmatan Majlis Perbandaran Jasin
UL1-2	CADANGAN MENAIK TARAF JASIN SEBAGAI MAJLIS BANDARAYA

DESKRIPSI CADANGAN

Sekiranya Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) berhasrat untuk menaik taraf kepada Majlis Bandaraya di masa hadapan, adalah perlu bagi MPJ untuk mengkaji kriteria pencapaian status Bandaraya seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebagai menyahut visi kerajaan negeri, 'Menuju Negeri Lestari' serta aspirasi menjadi sebuah City State, MPJ masih berpeluang untuk meningkatkan diri ke tahap yang lebih tinggi.

KOMPONEN CADANGAN

Alternatif 1: Menggalakkan pembangunan untuk memenuh kriteria Bandar raya secara konvensional.

Alternatif 2: Pertimbangan Khas - Pertimbangan khas boleh diberi atas kepentingan tertentu bagi tujuan menarik aktiviti pelancongan dan pelaburan seperti Majlis Perbandaran Langkawi yang diiktiraf dan diwartakan sebagai Bandaraya Pelancongan pada 16 Disember 2000 atau Kota Bharu yang diisytiharkan sebagai Bandaraya Islam pada 1 Oktober 2005. Pertimbangan khas juga boleh di buat oleh MPJ menerusi projek berimpak tinggi bertaraf nasional yang telah dikenal pasti terutamanya cadangan pembangunan Jasin 'Green Valley', sebuah projek berimpak tinggi yang dicadangkan di dalam RT Majlis Perbandaran Jasin 2035 (P) yang boleh diangkat sebagai satu projek bertaraf nasional setara dengan Malaysia Vision Valley (MVV) dan Kulim Hi-Tech Park (KHTP).

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM3,900,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/ Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

UL1	Memantapkan dan Memperkasakan Urus Tadbir dan Perkhidmatan Majlis Perbandaran Jasin
UL1-3	CADANGAN MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN KEWANGAN MPJ

DESKRIPSI CADANGAN

Kedudukan kewangan MPJ sehingga kini masih belum stabil dengan peningkatan defisit saban tahun. Majlis Perbandaran Jasin perlu memperkukuhkan kedudukan kewangan dengan melipatgandakan usaha dalam meningkatkan hasil majlis dengan mencari sumber hasil baharu yang lebih stabil dan lestari selain daripada bergantung kepada pendapatan dari cukai taksiran. MPJ juga perlu mengamalkan perbelanjaan berhemah agar tidak membantutkan perjalanan dan pembangunan MPJ.

KOMPONEN CADANGAN

1. Pemantauan dan aktiviti penguatkuasaan yang lebih ketat serta tindakan tegas perlu diambil kepada pemilik yang gagal membayar cukai taksiran atau mempunyai cukai taksiran yang tertunggak. Pengemaskinian maklumat pemilik perlu dilakukan secara menyeluruh. Majlis juga perlu untuk menjalankan promosi dan memberi insentif bagi mengurangkan kadar tunggakan pembayaran cukai yang merupakan hasil utama Majlis seperti auto-debit serta ansuran menerusi kad kredit/ debit serta rebat bagi pembayar cukai awal.
2. Memperkukuhkan pengurusan aset dan fasiliti dengan penggunaan aplikasi terkini seperti CSS Property Management Solution untuk sistem dokumentasi, pengurusan, laporan, pembayaran, perakaunan serta penyelenggaraan bangunan.
3. Pembesaran kawasan pembangunan termasuklah Kawasan Perairan Jasin yang dapat mewujudkan permintaan terhadap harta-harta perumahan dan komersial serta dapat memberi hasil kepada Majlis menerusi cukai taksiran
4. Pembangunan semula kawasan infill bersama pelabur, serta mengenal pasti projek yang berdaya maju untuk dibangunkan sama ada menerusi Program Penswastaan (Privatisation Programme), Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Finance Initiatives) (PFI) atau lain-lain. Inisiatif ini akan menarik pelaburan pihak swasta dan akan memberi beberapa kelebihan kepada pihak MPJ di mana beban kewangan MPJ serta kebergantungan kepada peruntukan daripada kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam menyediakan pembangunan tersebut di paras minimum. Penglibatan dan kerjasama bersama pihak swasta juga akan mewujudkan penyampaian projek (project delivery) secara lebih profesional yang dapat mencapai tahap perlaksanaan yang lebih efektif dan optimum. Antaranya, pembangunan yang telah dilaksanakan termasuklah usahasama MPJ dalam pembinaan bangunan Ibu Pejabat MPJ yang baharu, Vista Alamanda.
5. Mengenakan pelbagai caj seperti Caj Pembangunan, Caruman Kubur, Sumbangan Tempat Letak Kereta, Bon Pelaksanaan, RFID untuk produk pertanian seperti durian dan lain-lain caj.
6. Menilai semula pegangan dan mengenakan kadar nilaian baru bagi menggantikan kadar yang telah lama diguna pakai serta memperkenalkan cukai taksiran untuk ladang yang dikenal pasti di dalam kawasan pentadbiran MPJ.
7. Majlis juga boleh menubuhkan perbadanan mengikut peruntukan Seksyen 41 Akta 172 yang memperuntukkan PBT untuk menubuhkan perbadanan bagi menjalankan pembangunan serta pengurusan projek bagi memajukan sesuatu kawasan pemajuan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM1,300,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

UL1	Memantapkan dan Memperkasakan Urus Tadbir dan Perkhidmatan Majlis Perbandaran Jasin
UL1-4	CADANGAN MEWARTAKAN KAWASAN PERAIRAN JASIN KE DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

Kawasan liputan bagi kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian) ini merangkumi keseluruhan kawasan urus tadbir Majlis Perbandaran Jasin (MPJ), meliputi 92.42% daripada keseluruhan Kawasan Daerah Jasin dan bakinya sebanyak 7.58% keluasan merupakan kawasan urus tadbir Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ). Kajian ini melibatkan kawasan seluas 63,415.10 Hektar, yang turut mengambil kira perancangan dan pembangunan Kawasan Perairan Jasin daripada garisan pantai termasuklah kawasan tambak laut seluas 13,250.20 hektar dan dibahagikan kepada 20 mukim. Dengan pewartaan dan penyerahan hak kepada MPJ, akan menjadikan kawasan pentadbiran Majlis lebih luas dan memberi peluang untuk menambahkan hasil Majlis melalui pembangunan kawasan tersebut.

KOMPONEN CADANGAN

1. Pihak MPJ perlu bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri untuk mewartakan Kawasan Perairan jasin yang telah dikenal pasti ini dengan kadar segera;

2. Setelah pewartaan, Kawasan Perairan Jasin tersebut dicadangkan untuk di serahkan kepada Majlis Perbandaran Jasin sebagai PBT yang berkuasa penuh atas pembangunan kawasan tersebut sepertimana yang telah dilaksanakan oleh pihak PBT lain di dalam negeri Melaka.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM2,600,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

UL1	Memantapkan dan Memperkasakan Urus Tadbir dan Perkhidmatan Majlis Perbandaran Jasin
UL1-5	CADANGAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN SECARA DIGITAL

DESKRIPSI CADANGAN

Majlis Perbandaran Jasin perlu mengorak langkah untuk meningkatkan tahap keupayaan dengan mendigitalkan pelbagai perkhidmatan. Penggunaan sistem serta aplikasi pintar serta penggunaan ciri-ciri IR4.0 dan IoT akan dapat memantapkan dan meningkatkan pengurusan harian MPJ dan mengurangkan operasi secara manual serta menjadi lebih kompetitif dan meningkatkan kecekapan kos. Platform yang lebih cekap akan membolehkan MPJ untuk memproses maklumat, mengenal pasti masalah dan merumuskan penyelesaian dengan lebih efisien. Proses mengintegrasikan perkhidmatan secara digital akan menambahkan keyakinan penduduk terhadap kadar perkhidmatan MPJ. Inisiatif ini juga selari dengan inisiatif smart city yang ditekankan kerajaan negeri.

KOMPONEN CADANGAN

1. Aplikasi pintar pengurusan trafik secara real-time (Smart Traffic Light), termasuk maklumat transit dan sistem pengangkutan
2. Sistem bimbingan tempat parkir kereta seperti informasi TLK menerusi papan tanda LED, aplikasi mudah alih parkir dan pengawalan parkir haram
3. Sistem pengurusan bahan buangan secara automatik
4. Pengurusan dan pemantauan bandar secara 'real time' termasuk tindak balas kecemasan, CCTV, pencegahan jenayah dan pencegahan bencana
5. Perkhidmatan e-kerajaan (e-Jasin) termasuk pengurusan sistem aduan pengguna, e-wallet dan pembayaran tanpa tunai (cashless payment)

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM2,600,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

UL1	Memantapkan dan Memperkasakan Urus Tadbir dan Perkhidmatan Majlis Perbandaran Jasin
UL1-6	CADANGAN PENYEDIAAN KAJIAN RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) SERTA PELAN TINDAKAN KHUSUS (PTK) BAGI KAWASAN YANG DIKENAL PASTI

DESKRIPSI CADANGAN

Hasil daripada Kajian Rancangan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian) ini, perunding telah mengenal pasti tujuh (7) pekan atau kawasan yang berdaya maju dan berpotensi untuk dimajukan yang perlu di ambil untuk dijadikan kawasan RKK atau PTK bagi mengukuhkan pembangunan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin. Kajian lanjutan yang berupa RKK dan PTK yang dipilih mengikut lokasi adalah:

KOMPONEN CADANGAN

1. Menyediakan Kajian RKK dan PTK kawasan terpilih dengan mengenal pasti kelebihan dan kekurangan setiap kawasan atau pekan terbabit dan mencadangkan inisiatif bagi setiap kawasan.
2. Bekerjasama dengan agensi terbabit untuk melaksanakan inisiatif dan program yang dicadangkan dalam Laporan Kajian Lanjutan RKK dan PTK tersebut.
3. Pemantauan pelaksanaan inisiatif yang dicadangkan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM2,600,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	



UL1	Memantapkan dan Memperkasakan Urus Tadbir dan Perkhidmatan Majlis Perbandaran Jasin
UL1-7	CADANGAN PROGRAM MODAL INSAN

DESKRIPSI CADANGAN

Majlis harus meningkatkan lagi pelaburan program modal insan seperti kursus pendek, seminar, pembelajaran semula dan IT untuk memberi semangat kepada warga kerja MPJ agar berlakunya perubahan mindset ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan sebagai persiapan tata kerja Majlis Bandaraya. Program upskilling dan reskilling ini perlu diadakan berterusan bagi menaikkan tahap keupayaan teknikal warga kerja sedia ada Majlis. Program ini juga dapat memberi peluang kepada warga MPJ untuk memajukan diri serta menyediakan warga kerja sedia ada dalam menangani masalah berkaitan bandar pintar.

KOMPONEN CADANGAN

1. Program reskilling dan upskilling.
2. Program latihan teknikal dan berasaskan IT dan Sains Komputer kepada warga kerja bukan berlatar belakang IT. Antara kursus yang dicadangkan termasuklah Asas Sistem Pengendalian OS, Pengenalan kepada IT, Asas Sistem Maklumat (IT), Computer Aided Design (CAD), English for IT, GIS, Asas Rekabentuk Web, Digital Content Creation dan sebagainya.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM23,400,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

UL1	Memantapkan dan Memperkasakan Urus Tadbir dan Perkhidmatan Majlis Perbandaran Jasin
UL1-8	CADANGAN PENGANTARABANGSAAN JASIN MELALUI KERJASAMA STRATEGIK

DESKRIPSI CADANGAN

Meskipun Bandar Jasin telah memperoleh beberapa anugerah seperti Bandar Paling Bahagia 2019, Green World Ambassador 2017 serta Green Apple, Majlis perlu berusaha untuk memperoleh pelbagai pengiktirafan lagi terutamanya di peringkat nasional dan antarabangsa seperti Green City Award, Asean Clean Tourist City Award, UNWTO Best Tourism Village Award, dan Place Making Award sebagai langkah mempromosi dan memperkukuhkan posisi Bandar Jasin di masa hadapan.

Kerjasama dengan pelbagai pihak juga amat penting untuk memantapkan daya saing Bandar Jasin agar dapat mencapai sasaran menjadi salah satu bandar daya saing dunia di Malaysia yang diiktiraf UN-Habitat serta GaWC selain dari Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bharu serta menjadi perintis bandar hijau.

KOMPONEN CADANGAN

1. Program pengantarabangsaan Bandar Jasin bersama bandar luar negara dipilih seperti Friendship City mahupun Bandar Berkembar bagi pendedahan warga MPJ serta pengenalan Bandar Jasin ke persada global, Kerjasama secara tidak rasmi dimulai dengan perjanjian persefahaman (MOU) antara Datuk Bandar kedua-dua bandar dan diikuti dengan pelaksanaan program antara pihak berkuasa bandar mengikut bidang yang dipersetujui seperti kebudayaan, pelajaran atau pelancongan.
2. Antara program lawatan, pemindahan pengetahuan, pengalaman dan teknologi, penempatan pegawai serta program smart partnership bersama bandar terpilih.
3. Mengambil bahagian dalam pelbagai program anugerah di peringkat nasional serta antarabangsa seperti Bandar Paling Bahagia, Green City Award, Asean Clean Tourist City Award, UNWTO Best Tourism Village Award, Place Making Award dan lain-lain.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM10,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓



UG1	Menyediakan Sistem Maklumat yang Cekap dan Bersepadu
UG1-1	CADANGAN PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA BERSEPADU

DESKRIPSI CADANGAN

Data spatial merupakan salah satu aset terpenting yang dapat membantu dalam membuat sesuatu keputusan perancangan dan pengurusan. Ketepatan dan kelengkapan data dan maklumat amat bergantung pada kaedah pelaksanaan, pembangunan dan pengurusannya. Sistem Maklumat Geografi (GIS) merupakan satu tool yang digunakan dalam kajian ini bagi membangunkan pangkalan data geospatial dan membantu penganalisaan aspek perancangan. Strategi-strategi yang menyeluruh diperlukan bagi membangunkan pangkalan data yang robust terutamanya berkaitan pengumpulan, kemasukan, penyeragaman dan pengurusan maklumat.

Dicadangkan data-data GIS yang disediakan dalam kajian ini disepadukan dengan data sedia ada di jabatan MPJ dan dipusatkan pada satu pelayan (server). Ini membolehkan data dapat diakses, diguna dan dikemaskini secara mudah mengikut keperluan pengguna jabatan masing-masing.

Bagi memastikan cadangan ini dapat dilaksanakan, aspek perkakasan dan perisian perlu disediakan. Satu pelayan terkini dengan simpanan (storage) data SSD (Solid State Disk) yang berkapasiti agak besar diperlukan. Pertimbangan boleh dilakukan sekiranya server sedia ada di MPJ mampu dan mempunyai kapasiti untuk dilaksanakan perkongsian dan simpanan data ini. Kemudahan mencapai maklumat secara pantas adalah fokus utama.

Perisian GIS yang digunakan perlu diselaraskan bagi memudahkan penggunaan serta kerja-kerja kemasukan dan pengemaskinian data GIS kelak. Pada ketika ini, MPJ menggunakan perisian MapInfo dengan data disimpan dalam format tab. Perisian ini adalah berlesen dan memerlukan kos pembelian yang menyebabkan penggunaannya terhad kepada jabatan tertentu sahaja. Bagi tujuan penyelarasan dan penjimatan kos, adalah dicadangkan penggunaan perisian sumber terbuka digunakan. Perisian seperti Quantum GIS (QGIS) telah terbukti mempunyai keupayaan setanding dengan perisian GIS yang berlesen seperti MapInfo dan ArcGIS. Perisian ini menggunakan format shapefile tetapi boleh juga digunakan dalam pelbagai format data.

KOMPONEN CADANGAN

- Pemusatan pangkalan data GIS ini akan memerlukan satu (1)unit khas yang dianggotai sekurang-kurangnya dua (2) pegawai Juru Geospatial yang akan berperanan sebagai penggerak dan penyelaras.
- Data-data spatial yang dikenal pasti menjadi teras utama memerlukan pengemaskinian secara berkala contohnya seperti data guna tanah semasa. Kerja-kerja pengemaskinian dilakukan setiap enam(6) bulan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Daerah Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM2,300,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

UG1	Menyediakan Sistem Maklumat yang Cekap dan Bersepadu
UG1-2	CADANGAN PENGHASILAN ANALISIS PERANCANGAN SECARA SPATIAL

DESKRIPSI CADANGAN

Kelebihan utama GIS ialah keupayaannya menjalankan analisis dengan menggunakan data spatial dan atribut dari pangkalan data yang telah dibentuk. Terdapat dua (2) jenis kategori analisis yang digunakan di dalam kajian ini iaitu:

- Analisis deskriptif - analisa bagi menerangkan isu dan penemuan semasa.
- Analisa preskriptif - menerangkan masa depan yang melibatkan unjuran dan sebagainya.

Model-model yang disediakan dalam kajian RT MPJ boleh menjadi panduan dalam proses pengemaskinian penganalisaan berdasarkan maklumat yang terkini. Terdapat keperluan untuk mendokumentasikan analisa-analisa baru dalam bentuk model yang dilaksanakan sebagai rujukan penghasilan.
Keperluan analisis adalah bergantung kepada keperluan dan permintaan sektoral yang terlibat. Kepakaran dan bantuan dari sektoral diperlukan terutamanya semasa proses analisis ini dilaksanakan. Setiap hasil akan diverifikasikan oleh perunding sektoral. Antara contoh analisis GIS yang akan dilaksanakan ialah:

- Analisis Topografi;
- Analisis Kecerunan;
- Analisis KSAS;
- Analisis Risiko Bencana;
- Analisis Kemudahsampaian Bandar/ Pekan;
- Analisis Tadahan Kemudahan Masyarakat;
- Analisis Tahap Kepelbagaian Guna Tanah (Land Use Entropy Indexs) Bandar/ Pekan Utama;
- Analisis Halangan Pembangunan;
- Analisis Ketersediaan (Availability)Tanah; dan
- Analisis Kesesuaian Tanah bagi Pembangunan.

KOMPONEN CADANGAN

1. Program pengantarabangsaan Bandar Jasin bersama bandar luar negara dipilih seperti Friendship City mahupun Bandar Berkembar bagi pendedahan warga MPJ serta pengenalan Bandar Jasin ke persada global, Kerjasama secara tidak rasmi dimulai dengan perjanjian persefahaman (MOU) antara Datuk Bandar kedua-dua bandar dan diikuti dengan pelaksanaan program antara pihak berkuasa bandar mengikut bidang yang dipersetujui seperti kebudayaan, pelajaran atau pelancongan.
2. Antara program lawatan, pemindahan pengetahuan, pengalaman dan teknologi, penempatan pegawai serta program smart partnership bersama bandar terpilih.
3. Mengambil bahagian dalam pelbagai program anugerah di peringkat nasional serta antarabangsa seperti Bandar Paling Bahagia, Green City Award, Asean Clean Tourist City Award, UNWTO Best Tourism Village Award, Place Making Award dan lain-lain.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Daerah Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM1,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

UG1	Menyediakan Sistem Maklumat yang Cekap dan Bersepadu
UG1-3	CADANGAN PEMBANGUNAN SISTEM JASIN URBAN OBSERVATORY (JUO

DESKRIPSI CADANGAN

Objektif utama adalah menyediakan platform asas kepada memantau, melaporkan, berkongsi maklumat dan menjadi alat sokongan dalam membuat keputusan perancangan dan perlaksanaan pembangunan Majlis Perbandaran Jasin (MPJ). Ciri-ciri platform sistem yang dicadangkan perlu mencakupi web based GIS yang digunakan di pejabat mahupun di lapangan (mobile). Maklumat-maklumat spatial dan non-spatial dapat diakses secara mudah dan pantas oleh pengguna. Terdapat beberapa contoh sistem perancangan bandar yang sesuai untuk diketengahkan contohnya sistem aplikasi SmartCity dan Urban Observatory (UO). Selain itu, contoh yang rapat adalah pembangunan sistem i-PLAN oleh PLANMalaysia yang membolehkan pengguna mencapai maklumat guna tanah semasa, komited dan zoning secara pantas.

Dicadangkan satu sistem dikenali dengan Jasin Urban Oberservatory dibangunkan untuk memenuhi keperluan ini. Sistem ini akan terdiri dari tiga (3) sistem utama iaitu Sistem WebGIS JUO, sistem Pengumpulan Data dan Sistem Pemantauan yang ditempatkan di bawah satu unit Pusat Kawalan/ Command Center di MPJ. Peranan sistem ini berbeza mengikut keperluan maklumat oleh jabatan. Berikut adalah struktur pembangunan sistem yang dicadangkan bersama dengan modul yang perlu disediakan.

Bagi memudahkan pembangunan sistem, pihak MPJ perlu merangka dan membentuk modul yang diperlukan untuk dibangunkan dalam sistem ini. Modul akan menjadi rujukan fungsi dan keupayaan sistem itu sendiri.

KOMPONEN CADANGAN

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Daerah Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM1,000,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Rajah UG1.18 **CADANGAN STRUKTUR SISTEM JASIN *URBAN OBSERVATORY***



Berikut adalah modul-modul yang dicadangkan dalam sistem WebGIS JUO antaranya ialah:-

1. Modul Dashboard
2. Modul Perancangan
3. Modul Pengurusan
4. Modul Pemantauan
5. Modul Analitik
6. Modul Pelaporan

Rajah UG1.19 **Contoh Cadangan Rekabentuk Sistem dan Modul Sistem MPJ**



EA1	Memperkukuhkan Kluster Pertanian Daerah Jasin
EA1-1	CADANGAN PENGUKUHAN ZON TANAMAN PADI BAGI MEWUJUDKAN KAWASAN PERIUK NASI SELATAN JASIN-TANGKAK

D1SKRIPSI CADANGAN

Kawasan padi Sg. Rambai adalah seluas 167 hektar manakala kawasan padi di Serkam dan Tedong pula seluas 228 hektar adalah merupakan kawasan padi yang dicadangkan untuk dijadikan kawasan jelapang atau 'Periuk Nasi Selatan' dengan menggabungkan kawasan padi di Tangkak seluas 461 hektar. Kawasan ini amat sesuai dijadikan kawasan jelapang kerana kawasan tanahnya yang sesuai untuk tanaman padi di samping kemudahan infrastruktur asas telah sedia ada yang mana perlu dinaiktarafkan sebagai infrastruktur jelapang padi bagi membolehkan ianya ditanam di sepanjang musim.

Petani di kawasan Sg. Rambai telah pun mengamalkan teknologi penanaman padi seperti APB Padi, penggunaan benih berkualiti serta peralatan jentera dalam penanaman padi. Cadangan penanaman padi wangi dan menjenamakan 'Beras Wangi Melaka' akan menjadi satu mercu tanda dalam industri padi Melaka.

Usaha ini juga akan dapat membantu kerajaan dalam mengurangkan import beras wangi di samping meningkatkan pendapatan petani. Adalah dijangkakan 395 hektar kawasan jelapang di Sg. Rambai, Serkam dan Merlimau akan menghasilkan padi sebanyak 3934 mtan setahun padi wangi bernilai RM 7.47 juta setahun.

KOMPONEN CADANGAN

Komponen Cadangan

i. Pembentukan Pasukan Petugas Periuk Nasi Selatan.
ii. Perlaksanaan SMART Sawah Berskala Besar (SBB) boleh dilaksanakan di kawasan ini.
iii. Penanaman vareiti berhasil tinggi seperti vareiti baru IS 21 dan padi wangi MRQ 76 boleh meningkatkan hasil dan pendapatan petani
iv. Meningkatkan sistem pengairan kawasan padi di Sg. Rambai, Umbai, Serkam dan Tedong khususnya *'secondary'* dan *'tertiary'* canal bagi peningkatan hasil padi.
v. Pembinaan kilang padi baharu perlu dibangunkan di kawasan ini memandangkan kesukaran yang dihadapi oleh pesawah yang terpaksa menghantar hasil padi ke kilang padi di Muar, Johor atau kilang padi Bukit Rambai di Melaka. Masalah ini juga dihadapi oleh pesawah-pesawah di Tangkak.
vi. Pelancongan Pertanian Kg Desa Pintar Kg. Parit Penghulu

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Sg. Rambai, Merlimau, Serkam, Tedong	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Pertanian		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Lembaga Pertubuhan Peladang, JPS, MARDI & GLC		
KELUASAN	395 Hektar	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM160,000,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	



EA1	Memperkukuhkan Kluster Pertanian Daerah Jasin
EA1-2	CADANGAN PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN PESAWAH DI LUAR KAWASAN PERIUK NASI SELATAN

DESKRIPSI CADANGAN

- **Pembangunan Tanaman Cili dan Halia di Kawasan Luar Jelapang**
  - Kumpulan B40 merupakan 40% dari penduduk negara ini di mana isi rumah yang berpendapatan kurang dari RM4850 sebulan. Kebanyakan mereka adalah terdiri dari pesawah-pesawah padi di luar jelapang padi yang menanam padi di kawasan yang tidak mempunyai sistem pengairan yang lengkap dan bergantung kepada hujan.
  - Kawasan padi Serkam dan Merlimau meliputi kawasan seluas 228 hektar dan tidak mempunyai sistem tali air yang sempurna. Tanaman seperti cili dan halia adalah tanaman berpotensi untuk ditanam di kawasan luar jelapang bagi meningkatkan pendapatan kepada petani serta mengurangkan import cili dan halia dari luar negara.

KOMPONEN CADANGAN

- Pembangunan kawasan dan infrastruktur seperti sistem fertigasi terbuka untuk tanaman cili dan halia.
- Insentif tanaman seperti baja, benih, racun dan peralatan.
- Khidmat sokongan dan pematuhan kepada Amalan Pertanian Baik (MyGAP)

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Umbai, Serkam, Merlimau	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Pertanian		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• MARDI • FAMA • Lembaga Pertubuhan Peladang		
KELUASAN	228 Hektar	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM7,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

Contoh Tanaman Cili Secara Fertigasi

Contoh Tanaman Halia Secara Fertigasi

EA1	Memperkukuhkan Kluster Pertanian Daerah Jasin
EA1-4	CADANGAN PENGUKUHAN KAWASAN BAGI MEMPERTINGKATKAN JAMINAN MAKANAN

DESKRIPSI CADANGAN

Jaminan makanan adalah penting untuk kelangsungan hidup dan memenuhi keperluan asas. Ia secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap ekonomi penduduk di sesuatu daerah. Oleh itu bagi kawasan kajian terdapat dua (2) cadangan iaitu:

a. Cadangan Pengekalan Kawasan TKPM
b. Cadangan Pembangunan Kebun Komuniti

KOMPONEN CADANGAN

A. CADANGAN PENGEKALAN KAWASAN TKPM

- Pertambahan kawasan baru TKPM seluas 40 hektar. Keluasan minima bagi setiap usahawan adalah minima (2) hektar bagi sayur dan (5) hektar bagi penanaman buah-buahan. Empat puluh hektar (40 ha) kawasan tambahan boleh menempatkan sekurang-kurang 20 ha peserta baru/usahawan muda.
- Membangunkan program inkubator usahawan tanaman (ICAT-J Tanaman. Rujuk EA3-2). Program inkubator usahawan ini boleh menarik lebih ramai usahawan termasuk golongan B40 untuk menceburi bidang tanaman:
  i. Matlamat pendapatan pertanian melebihi RM 4000 sebulan.
  ii. Program pertanian yang intensif dan berteknologi tinggi.
  iii. Pengeluar hasil dan produk pertanian premium untuk pasaran tempatan dan eksport.

- Peningkatan produktiviti dari 10-19 mt/ha kepada 25-30mtan /ha dengan pengamalan teknologi terkini, pertanian digital dan '*precision farming*'.
- Pengamalan Amalan Pertanian Baik (APB) dengan persijilan MyGAP untuk menghasilkan produk pertanian berkualiti/premium untuk pasaran tempatan dan eksport.

B. CADANGAN PEMBANGUNAN KEBUN KOMUNITI

- Program kebun komuniti (*community garden*) boleh dilaksanakan di kawasan lapang di taman-taman perumahan dan kuarters dengan penglibatan masyarakat bukan petani yang tinggal di kawasan bandar atau kawasan pinggir Bandar mengikut garis panduan yang disediakan oleh KPKT (Jilid 2).
- Projek perintis dicadangkan bagi setiap DUN di samping projek yang telah dijalankan seperti Projek Kebun Komuniti di Taman Pulai Indah, Serkam dan Taman Kelubi Damai.
- Insentif program ini seperti baja, benih dan peralatan kecil diberikan kepada peserta terlibat. Agensi-agensi seperti Jabatan Pertanian, FAMA boleh membantu peserta untuk khidmat nasihat teknikal atau bantuan pemasaran.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Selandar ,Ayer Panas,Kesang, Serkam dan Merlimau	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Pertanian		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	MP Jasin		
KELUASAN	164 Hektar (TKPM) 228 Hektar (Kebun Komuniti)	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM7,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Rajah EA1.5 Cadangan Pembangunan Pengekalan Kawasan TKPM dan Kebun Komuniti



Tanaman tembikai

Tanaman nanas

Tanaman timun

Tanaman pitaya

Program Kebun Komuniti

EA1	Memperkukuhkan Kluster Pertanian Daerah Jasin
EA1-5	CADANGAN PEMBANGUNAN KLUSTER DURIAN

D1SKRIPSI CADANGAN

MP Jasin mempunyai keluasan durian terluas di Melaka iaitu 1842.9 hektar (2020) berbanding Alor Gajah 538.3 hektar dan Melaka Tengah 127.1 hektar. Keluasan durian ini telah meningkat dari 1052 hektar (2019) kepada 1842.9 hektar dan pengeluarannya pula meningkat dari 1,529mtan bernilai RM 30.38 juta kepada 6,466mtan bernilai RM 121.47 juta pada 2020.

Penanaman durian di Jasin diunjurkan meningkat daripada 1842.9 hektar (2020) kepada 2600 hektar (2035). Penanaman durian secara komersil dan peningkatan produktiviti serta kualiti durian adalah fokus utama di MP Jasin. Produktiviti durian yang rendah pada 3.5mtan/hektar boleh ditingkatkan kepada 9-13mtan/hektar dengan penggantian pokok durian lama kepada klon durian premium seperti D197, D24, D160, D168 dan D200 di samping melaksanakan program MyGAP.

Pengeksportan durian '*whole fruit*' ke China telah diluluskan pada Mei 2019. Ini telah menjadikan permintaan durian premium semakin meningkat untuk dieksport. Durian juga dieksport dalam bentuk 'paste' dan pulpa (pulp). Harga durian yang tinggi telah menarik minat petani untuk membangunkan dusun-dusun lama dan membuka kawasan baru bagi menanam durian. Jangka hayat durian di antara 20-25 tahun telah menarik minat pelabur untuk menanam durian secara komersial. Keuntungan kasar bagi sehektar durian boleh mencapai RM36,900 hingga ke RM258,000 malah boleh mencapai sehingga RM500,000 jika diurus dengan baik.

MP Jasin mempunyai potensi sebagai pengeluar durian utama di Melaka. Pengeluaran durian di Jasin dijangka meningkat dari 6464mtan (2020) kepada 23,400mtan pada 2035 dengan hasil pendapatan sebanyak RM 121.8 juta (2020) kepada RM463 juta (2035). Eksport durian keluar negara telah meningkat dengan ketara dari RM 69.9 juta pada 2016 kepada RM144.7juta pada tahun 2020. Ianya telah dieksport ke Hong Kong, China, Singapura, Amerika Syarikat dan Australia.

KOMPONEN CADANGAN

Pembangunan Kluster durian atau buah-buahan komersial merupakan salah satu program tumpuan RMK12 bagi meningkatkan pengeluaran buah-buahan melalui:

- Penanaman baru durian klon premium D197, D24, D168, D200, D160;
- Penggantian dusun lama (Cantuman dewasa);
- MyGAP;
- Pembangunan PPHL; dan
- Pembangunan Pusat Durian Sejuk Beku.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	BP1	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Pertanian		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	MARDI, FAMA ,LPP		
KELUASAN	1826 Hektar	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM39,300,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

KLON DURIAN PREMIUM

D197 (Musang King)

- ✓Buah berbentuk bulat lonjong, berduri besar tajam, pangsa berbintang 5 di bahagian bawah buah.
- ✓Isi kuning kemasan, tebal dan berbiji kecil.
- ✓Rasa lemak manis,kepahitan bertekstur halus.
- ✓Isi tidak melekat di jari.

D200 (Duri Hitam)

- ✓Buah berbentuk bulat labu dan berlekuk,duri besar tajam.
- ✓Isi berwarna oren kemerahan, berulas besar, rasa lemak manis berkrim dan kepahitan.

D24

- ✓Buah berbentuk bulat lonjong dan duri halus.
- ✓kehijauan/ke perangan.
- ✓Isi berwarna kekuningan, tebal berkrim, lemak manis, kepahitan dan bergas.

D168 (Hajjah Hasmah)

- ✓Bentuk buah oval, duri halus, tirus dan kehijauan.
- ✓Isi warna kuning kemerahan, lemak manis, kuat aroma dan tekstur halus.

D160 –Tekka (Musang

- ✓Bentuk buah oval, duri besar, warna hijau dan ke perangan.
- ✓Bahagian tengah empulor kuning karat –lambat merekah. Isi lemak manis, kepahitan dan bergas.
- ✓Warna isi krim kekuningan.

- **10 biji x 1.5 kg x 123 pk x RM20 = RM36,900**
- **20 biji x 1.5 kg x 123 pk x RM20 = RM73,800**
- **30 biji x 1.5 kg x 123 pk x RM20 = RM 110,000**
- **50 biji x 1.5 kg x 123 pk x RM20 = RM 184,500**
- **70 biji x 1.5 kg x 123pk x RM 20 = RM 258,000**
- **60 biji x 1.5kg x 123 pk x RM20 = RM 221,400**

Anggaran Pendapatan Sehektar Durian Klon Jumlah Pokok 123 hektar (9mx9m)



EA1 Memperkukuhkan Kluster Pertanian Daerah Jasin

EA1-6 CADANGAN PEMBANGUNAN TANAMAN KELAPA

D1SKRIPSI CADANGAN

Objektif pembangunan kelapa adalah untuk meningkatkan pendapatan hasil kelapa dari 3500 biji kelapa tua sekarang kepada 20,000 hingga 25,000 biji setahun. Oleh itu pengusaha kelapa boleh menjana pendapatan di antara RM1500-2000 /ha/bulan. Vareiti kelapa yang disyorkan adalah vareiti kelapa yang berhasil tinggi dan 'dwarf' seperti kelapa matag, pandan, Malayan Yellow Dwarf (MYD), Malayan Green Dwarf (MGD) atau Malayan Red Dwarf (MRD). Kesemua kelapa jenis ini boleh memberikan hasil di antara 25,000-30,000 biji setahun.

- Produkviti kelapa masa kini adalah 8.6 mtan/hektar boleh ditingkatkan kepada 25 mta/hektar dengan penanaman kelapa rendah *(dwarf vareity)* berhasil tinggi seperti matag, *green/ yellow dwarf* dan SGG (CN 16).
- Penanaman kelapa di MP Jasin dijangka meningkat dari 872 hektar (2019) kepada 2100 hektar pada 2035. Pengeluaran dan nilai pengeluaran kelapa juga dijangka meningkat dari 7518 mtan (RM 9.9 juta) kepada 52,500 mtan (RM 78.7 juta) pada tahun 2035.
- Pembangunan industri kelapa berkait rapat dengan industri pelancongan di Melaka untuk bekalan kelapa muda yang mencukupi serta aktiviti-aktiviti hiliran.

KOMPONEN CADANGAN

1. Pembangunan industri kelapa boleh dilaksanakan dengan penanaman baru, penanaman semula atau pemulihan kawasan kelapa sedia ada.
2. Program bantuan penanaman kelapa diberi pada kadar RM15,000 sehektar untuk keperluan penanaman semula atau penanaman baru kelapa seperti pembersihan kawasan, perparitan, input pertanian serta integrasi kelapa dengan tanaman seperti pisang, nenas, kopi, koko, serai dan lebah madu. Bagi pemulihan kawasan kelapa tua kadar bantuan adalah pada kadar RM 5000 sehektar.
3. Pembangunan kelapa adalah untuk meningkatkan pendapatan hasil kelapa dari 3500 biji kelapa tua sekarang kepada 20,000 hingga 25,000 biji setahun bagi menjana pendapatan di antara RM 1500-2000/ha/bulan.
4. Vareiti kelapa yang disyorkan adalah vareiti kelapa berhasil tinggi dan '*dwarf*' seperti kelapa matag, pandan, MYD *(Malayan Yellow Dwarf),* MGD *(Malayan Green Dwarf)* atau MRD *(Malayan Red Dwarf)*. Kesemua kelapa jenis ini boleh memberikan hasil di antara 25,000-30,000 biji setahun.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Ayer Panas,Batang Melaka, Chohong, Sebatu Sg. Rambai	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Pertanian		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	MARDI , FAMA ,LPP		
KELUASAN	872 Hektar	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM14,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓



Benih kelapa berhasil tinggi

Kelapa pandan

Kelapa matag

Kelapa Sg. Gulang (CN 16)

EA1	Memperkukuhkan Kluster Pertanian Daerah Jasin
EA1-7	CADANGAN PEMBANGUNAN KLUSTER BUAH-BUAHAN BERORIENTASIKAN EKSPORT

D1SKRIPSI CADANGAN

Jasin juga berpotensi untuk membangunkan buah-buahan lain bagi tujuan eksport.

- Buah pitaya (buah naga), betik, pisang, nenas MD 2, duku Muar adalah jenis buah-buahan yang mempunyai permintaan tinggi terutama untuk pasaran ke Singapura, Jepun, Australia, China dan UAE. Pengeluaran buah-buahan ini boleh dipertingkatkan melalui projek TKPM, pembangunan tanah terbiar dan kawasan kosong yang tidak diusahakan.

- Pada tahun 2020 sebanyak 7315mtan buah-buahan bernilai RM16.3juta dari kawasan 973 hektar telah dihasilkan daripada MPJasin dan ianya boleh dipertingkatkan kepada 1400 hektar menjelang tahun 2035 dengan anggaran nilai RM42 juta.

- Produktiviti yang rendah 5.6 mtan/hektar boleh dipertingkatkan kepada 12 mtan/hektar dengan penambahbaikan pengurusan ladang, pengamalan Amalan Pertanian Baik (APB) serta penggantian klon-klon buah-buahan yang mempunyai potensi untuk permintaan tempatan dan eksport seperti rambutan anak sekolah (R191), nangka Tekam Yellow (J33), Jambu Batu Lohan (GU 16) yang ingin diperkenalkan sebagai Jambu Manis Melaka.

- Penggantian dusun lama kepada tanaman dusun baru dengan buah-buahan berpotensi akan meningkat pendapatan petani dan bagi mengelakkan masalah lambakan. Kawasan buah-buahan MP JASIN terdapat di semua mukim Duku Muar di Sg Rambai, Rambutan di Chabau dan Rim, Pitaya di Selandar, pisang di Air Panas dan limau bali (pomelo) di Nyalas.

- Buah-buahan tropika seperti buah pitaya (buah naga), betik, pisang, nanas MD2, duku Muar yang mempunyai permintaan tinggi terutamanya untuk pasaran ke Singapura.

KOMPONEN CADANGAN

- Pengeluaran buah-buahan jangka pendek dan jangka panjang adalah merupakan salah satu program tumpuan dalam RMK12 MAFI.
- Pengeluaran buah-buahan berkualiti dan pengamalan (MYGAP) akan meningkatkan lagi permintaan buah-buahan.
- Kemudahan infrastruktur pemasaran seperti pembangunan (PPHL), peralatan penggredan, pembungkusan dan pelabelan adalah penting untuk pasaran tempatan dan eksport.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Semua BP	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Pertanian		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**			
KELUASAN	973 Hektar	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM22,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Cadangan Pembangunan Kluster Buah-buhan Berorientasikan Eksport



PETUNJUK

Guna Tanah

- Cadangan Tanaman Buah-buahan
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air

EA1	Memperkukuhkan Kluster Pertanian Daerah Jasin
EA1-8	CADANGAN PEMBANGUNAN KLUSTER SAYUR-SAYURAN, TANAMAN KONTAN SERTA HERBA DAN REMPAH RATUS

D1SKRIPSI CADANGAN

Pembangunan industri sayur dan tanaman kontan adalah penting untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi. Keluasan tanaman sayur-sayuran, kontan dan herba di MP Jasin adalah seluas 611 hektar pada tahun 2020 dan dijangka meningkat kepada 765 hektar pada 2035. Pengeluarannya pula boleh dipertingkatkan dari 4733mt pada produktiviti 7.8mtan kepada 9183mtan dengan produktiviti 12mtan/hektar.

Penanaman sayuran secara moden menggunakan kaedah pertanian fertigasi telah diusahakan oleh usahawan-usahawan sayur di MP Jasin. Selain daripada pasaran segar, usahawan ini juga ingin mengembangkan perusahaan cili kepada perusahaan sos cili padi yang dapat memberikan nilai tambah kepada hasil yang dikeluarkan.

Penanaman secara komersial pisang tanduk, jagung manis dan jagung unggu juga telah meningkatkan pengeluaran bahan makan untuk pasaran tempatan dan eksport. Penanaman pisang tanduk di Rim juga adalah khusus untuk bekalan kepada kilang kerepek di sekitar Jasin dan Muar manakala jagung manis pula untuk dijadikan *'cup corn'* yang mempunyai permintaan tinggi.

Projek ini juga boleh dilaksanakan di kawasan-kawasan tanah terbiar yang terdapat di semua mukim.

KOMPONEN CADANGAN

i. Penanaman sayur-sayuran, tanaman kontan seperti jagung, ubi, pisang dan sebagainya boleh ditanam di kawasan-kawasan sedia ada dan tanah-tanah terbiar bagi meningkatkan pengeluaran dalam memenuhi sekuriti makanan negara.
ii. Menyediakan insentif kepada usahawan yang ingin menanam sayur-sayuran dan tanaman kontan bagi penyediaan kawasan, infrastruktur, input dan peralatan pertanian.
iii. Menyediakan geran pemadanan bagi penggunaan teknologi pintar (IoT) dalam pertanian.
iv. Membangunkan *vertical farming* atau pertanian persekitaran terkawal seperti kilang tanaman *plant factory* bagi tanaman sayur bernilai tinggi

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Semua Mukim	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Pertanian		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	FAMA, MARDI, Lembaga Pertubuhan Peladang		
KELUASAN	619.11 hektar dan 400 hektar kawasan tanah terbiar	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM6,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

EA1	Memperkukuhkan Kluster Pertanian Daerah Jasin
EA1-9	CADANGAN PEMBANGUNAN TANAMAN MAKANAN TERNAKAN

DESKRIPSI CADANGAN

Kos makanan ternakan semakin meningkat. Keperluan jagung bijirin di antara 4000-7000mtan setahun. Bilangan import makanan ternakan pada 2016 berjumlah 6.7bilion di mana kira-kira 3bilion adalah terdiri dari jagung bijirin.

Oleh itu industri tanaman makanan ternakan ini amat berpotensi untuk di bangunkan di Jasin dan boleh dimanfaatkan oleh penternak-penternak dalam ternakan lembu, kambing, bebiri, ayam dan tenusu.

Projek ini boleh dilaksanakan di kawasan padi luar jelapang seperti di Umbai, Serkam dan Merlimau dan juga di kawasan-kawasan tanah terbiar seluas 400 hektar yang terdapat di semua mukim.

KOMPONEN CADANGAN

1. Penentuan kawasan sesuai untuk tanaman ternakan seperti jagung, sekoi dan rumput *napier*.
2. Keperluan infrastruktur asas seperti sistem perparitan dan pengairan.
3. Pusat pengumpulan termasuk stor, alat pengeringan dan tempat simpanan.
4. Sistem pemasaran ke kilang makanan ternakan atau alat pemprosesan makanan ternakan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Semua Mukim	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Pertanian		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	MARDI, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)		
KELUASAN	Tanah terbiar (400 hek.) & Kawasan luar jelapang (288 hek.)	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM4,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

EA1	Memperkukuhkan Kluster Pertanian Daerah Jasin
EA1-10	CADANGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI ASAS TANI (IAT)

D1SKRIPSI CADANGAN

Industri Asas Tani merupakan aktiviti hiliran yang penting untuk meningkatkan hasil atau produk pertanian, ternakan dan perikanan. Pemprosesan hasil pertanian akan meningkatkan lagi nilai tambah serta ketahanan hasil berbanding produk segar. Perusahaan IAT bagi MP Jasin telah meningkat dari 29 peserta pada tahun 2015 kepada 50 peserta pada tahun 2020 di mana nilai jualannya juga turut meningkat dari RM 1.8 juta kepada RM 7.03 juta.

Beberapa aspek yang boleh dipertingkatkan dalam membangunkan IAT MP Jasin adalah:

i. Mempertingkatkan aktiviti pemprosesan hasil-hasil pertanian seperti *'minimally process'* hasil buah-buahan dan sayur-sayuran.
ii. Pemprosesan produk untuk tujuan eksport seperti '*frozen* durian', '*durian pulp*' dan pes durian/serbuk durian.
iii. Penglibatan usahawan IAT dalam industri nutraseutikal dan farmaseutikal dalam industri herba dan ubat-ubatan

KOMPONEN CADANGAN

Bagi usahawan IAT yang mencapai nilai jualan kurang dari RM300,000, usahawan boleh memohon geran padanan CUP *(Change Upgrade Product)* kepada MAFI. Maksima kadar bantuan CUP adalah RM 60,000 di mana 30% usahawan dan 70% adalah Kerajaan. Melalui geran padanan CUP, usahawan boleh mempertingkatkan:

- Kajian pembangunan kualiti produk /inovasi produk (100% geran, maksima RM 1000).
- Reka bentuk pembungkusan dan pelabelan.
- Peningkatan kapasiti pengeluaran.
- Penambahbaikan premis/bengkel.
- Perolehan papan tanda perniagaan

Bagi usahawan IAT yang telah mencapai nilai jualan RM300,000 - RM5 juta, usahawan IAT boleh mempertingkatkan pengeluaran produk-produk IAT melalui program pembangunan Geran Padanan Produk Berimpak Tinggi yang menawarkan bantuan pada kadar 50% usahawan:50 % kerajaan sehingga maksima RM200,000. Melalui program ini usahawan boleh mempertingkatkan:

- Kualiti produk.
- Reka bentuk pembungkusan dan pelabelan.
- Peningkatan kapasiti pengeluaran.
- Penambahbaikan premis/bengkel IAT.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Daerah Jasin	**AGENSI PENERAJU**	• Jabatan Pertanian • Jabatan perikanan		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	FAMA, MARDI, Lembaga Pertubuhan Peladang		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM13,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Cadangan Pembangunan Industri Asas Tani (IAT)



Pusat Jualan Produk-produk IAT MAMAMIDAH di Serkam membantu memasarkan produk-produk IAT pengusaha kecil dari kawasan sekelilingnya

EA3	Memperkasakan Ekonomi Berasaskan Agroteknologi
EA3-3	CADANGAN PUSAT INKUBATOR AGROTEKNOLOGI JASIN (ICAT-J)

D1SKRIPSI CADANGAN

Cadangan Pusat Inkubator Agroteknologi Jasin (ICAT-J) merupakan tempat latihan inkubasi yang memberi pendedahan kepada golongan muda untuk menceburi bidang tanaman, penternakan, dan perikanan bagi melonjakkan pembangunan pertanian khususnya di MP Jasin.

Fungsi ICAT-J adalah untuk:

- ✓ Melatih dan membentuk minda golongan muda sebagai usahawan yang berwawasan dan bertekad dalam memajukan bidang pertanian, penternakan dan perikanan.
- ✓ Menjadi pusat rujukan kecemerlangan teknologi pertanian, penternakan dan perikanan di MP Jasin.
- ✓ Memberi pengalaman praktikal dan '*hands-on*' kepada usahawan baru dalam tempoh inkubasi serta menjadi usahawan yang berjaya.

KOMPONEN CADANGAN

INKUBATOR TANAMAN

Latihan inkubator perkebunan dan tanaman makanan:
- buah-buahan berpotensi tinggi (durian, kelapa, tembikai, Pitaya)
- sayur-sayuran (teknologi pertanian fertigasi, organik.
- teknologi hijau, pengkomposan dan teknologi mikrob (*Effective Microorganism*)
- teknologi digital pertanian (penggunaan *drone*, automasi serta mekanisasi dalam pertanian)

Latihan ini akan menempatkan petani muda dengan usahawan berpengalaman atau syarikat peneraju (*anchor company*) dalam setiap aktiviti penanaman sehingga ke pemasaran hasil.

Komponen Inkubasi Tanaman ini juga akan dilengkapi dengan :
- Pusat Kompos, teknologi mikrob, teknologi hijau, dan '*organic farming*' untuk pembangunan industri buah-buahan, tanaman kontan, sayur-sayuran, herba dan rempah ratus.
- Pusat teknologi pertanian fertigasi.
- Pusat mekanisasi, automasi dan pertanian digital termasuk penggunaan '*drone*' dalam pertanian dan pertanian tepat (*precision farming*).
- Pusat teknologi pemprosesan dan pembangunan produk asas tani.

INKUBATOR PENTERNAKAN

Latihan Inkubator Penternakan:
- penternakan ruminan (lembu, kambing dan bebiri).
- penternakan unggas ayam (daging dan telur), ayam kampung, puyuh dan itik.
- penternakan tenusu

Latihan ini akan menempatkan petani muda dengan usahawan berpengalaman atau syarikat peneraju (*anchor company*) dalam setiap aktiviti penternakan sehingga ke pemasaran hasil/produk.

Komponen Inkubasi Penternakan ini juga akan dilengkapi dengan :
- Pusat pembangunan ternakan ruminan dan kaedah penternakan fidlot, integrasi tanaman serta kaedah lain dengan teknologi terkini.
- Pusat penternakan tenusu .
- Pusat mekanisasi, automasi dan ternakan digital terkini yang dapat menjimatkan kos dan tenaga seperti teknologi RFID dan sebagainya.
- Pusat teknologi pemprosesan dan pembangunan produk daging, telur dan tenusu.
- Pusat pembangunan teknologi ternakan pedaging, penelor, tenusu dan sarang burung.
- Pusat pembangunan teknologi pembiakbakaan dan pemakanan ternakan.

INKUBATOR PERIKANAN

Latihan Inkubator Perikanan:
- penternakan ikan air payau (udang harimau, udang galah), kupang, siput sedut dan ternakan kerang.
- penternakan ikan sangkar laut /air payau (ternakan kerapu, siakap, tilapia dan sebagainya).
- penternakan ikan air tawar (tilapia, patin, keli)
- sistem perikanan lestari dan mesra alam yang tidak mencemarkan persekitaran.

Latihan ini akan akan menempatkan petani muda dengan usahawan berpengalaman atau syarikat peneraju (*anchor company*) dalam setiap aktiviti penternakan sehingga ke pemasaran hasil/produk.

Komponen Inkubasi Perikanan ini juga akan dilengkapi dengan:
- Pusat pembangunan perikanan air payau dengan model perikanan berteknologi tinggi, terkini, lestari dan mesra alam.
- Pusat pembangunan perikanan air tawar dengan teknologi terkini, lestari dan mesra alam seperti;
  i. Pusat mekanisasi, automasi dan perikanan digital terkini yang dapat menjimatkan kos dan tenaga seperti '*smart aquculture*', teknologi kanvas, teknologi sangkar, *polyculture*, dan sebagainya;
  ii. Pusat teknologi pemprosesan dan pembangunan produk ikan,udang , siput dan kerang.
  iii. Pusat teknologi pembenihan akuakultur dan pemakanan ikan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	• Halal Hub • Rezab Padang Ragut Lanchang, Sg.Rambai • ZIA Sebatu	**AGENSI PENERAJU**	Jab Pertanian/ Jab Perikanan & Jabatan Perkhidmatan Veterinar		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	FAMA/MARDI/LPP/ Agrobank/ LKIM/ Syarikat Swasta dan GLC		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM12,000,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓



EA3	Memperkasakan Ekonomi Berasaskan Agroteknologi
EA3-4	CADANGAN PUSAT DAYA SAING PERTANIAN BERINTEGRASI

DESKRIPSI CADANGAN

A. CADANGAN AGROSATELIT

Agrosatelit adalah pusat pertumbuhan pertanian yang aktif dan berpotensi tinggi dalam pengeluaran bahan makanan, ternakan dan perikanan. Agrosatelit juga merupakan pemangkin dalam pembangunan pertanian kerana:

- Terdapatnya Pusat Inkubator Agro Teknologi;
- Mempunyai kawasan pengeluaran pertanian, penternakan atau perikanan yang aktif dan komersial seperti kawasan buah-buahan, sayur-sayuran, penternakan atau perikanan yang luas dan utama;
- Pentadbir Mukim akan menyelia segala aktiviti dan kegiatan pertanian, penternakan dan perikanan di kawasan ini di samping jabatan atau agensi yang bertanggung jawab dalam membangun dan memajukan program atau projek pertanian; dan
- Ladang-ladang satelit pula diketuai oleh Penghulu/ JKKK untuk memantau dan memaklumkan segala aktiviti pertanian, ternakan dan akuakultur bagi setiap kampung/ kawasan pengeluaran.

B. CADANGAN AGROKIOSK

- Adalah merupakan pusat pertumbuhan kecil pertanian, penternakan, perikanan dan aktiviti hiliran yang khusus, berdiri sendiri sama ada secara individu atau entiti dan komersial.
- Agrokiosk mempunyai pengurusan tersendiri sama ada dikawal selia oleh Jabatan/agensi, individu atau syarikat.
- Agrokiosk penting untuk diiktiraf dan dipromosikan bagi memajukan lagi aktiviti pertanian penternakan dan perikanan bagi MP Jasin.
- Pewujudan dan pengiktirafan Agrokiosk akan melonjakkan dan mengaktifkan lagi bidang pertanian, penternakan, perikanan atau perniagaan yang diusahakan.
- Agrokiosk boleh berbentuk projek, perniagaan dan aktiviti hiliran yang mempunyai rangkaian tersendiri untuk memasarkan produk dan hasil pertaniannya.
- Rangkaian agropelancongan MP Jasin akan mengaktifkan lagi Agrokiosk yang terdapat di pelbagai mukim.

KOMPONEN CADANGAN

A. CADANGAN AGROSATELIT

- Segala informasi kegiatan dan pencapaian pertanian di Pusat-pusat Agro Satelit akan disalurkan ke Jasin Agro Biz Center (JABC) untuk diselaraskan bagi tujuan perundingan dan pelaburan, pemasaran hasil dan pelancongan pertanian.
- Pengwujudan Koperasi Pertanian di peringkat MP Jasin akan menjadi satu inisiatif baru bagi sektor pertanian penternakan dan perikanan di Jasin.
- Pentadbiran koperasi ini dipusatkan di bawah MP Jasin dengan sokongan semua jabatan dan agensi pertanian di Jasin.
- Ini akan memantapkan lagi pembangunan pertanian, penternakan dan perikanan di MP Jasin.

B. CADANGAN AGROKIOSK

- Agrokulinari;
- Agropelancongan;
- AgroIAT;
- AgroHERB;
- Halal Hub; dan
- Agrokomersial buah-buahan
- Sayur-sayuran/ Penternakan

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Daerah Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Pertanian		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM8,700,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Rajah EA3.4 Cadangan Pusat Daya Saing Pertanian Berintegrasi



EL1 Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi

EL1-3 CADANGAN GALERI PERIUK NASI SELATAN

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan kawasan Periuk Nasi Selatan akan diperkukuhkan lagi dengan kolaborasi antara dua negeri untuk membangunkan kawasan penanaman padi di Negeri Melaka dan juga Daerah Tangkak di Johor sebagai kawasan 'Periuk Nasi Selatan'. Cadangan Periuk Nasi Selatan adalah sebagai usaha untuk menjamin sumber makanan negeri bagi kelangsungan hidup penduduk negeri Melaka dan Johor pada masa akan datang.

Oleh itu cadangan Galeri Padi Sungai Rambai berdekatan dengan cadangan kilang beras akan memberi pendedahan kepada pengunjung mengenai proses penanaman padi serta kepentingan kawasan Periuk Nasi Selatan ini.

KOMPONEN CADANGAN

- Galeri
- Kaunter Pertanyaan
- Ruang Pameran
- Kedai Jualan Beras dan Cenderamata
- Tempat letak kenderaan
- Kawasan 'Sawah Padi Showcase' yang melibatkan proses penanaman padi hingga ke proses penghasilan beras

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Homestay Parit Penghulu	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Pertanian		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	MPJ, Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	**RM5,800,000**		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Tourism Melaka		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Cadangan elemen pameran yang terdapat di Galeri Padi Gerbang Selatan

Rajah EL1.5 Cadangan Galeri Periuk Nasi Selatan



EA2 Memperkukuhkan Kluster Penternakan Daerah Jasin

EA2-4 CADANGAN PEMBANGUNAN AKUAKULTUR (KERANG, KUPANG, DAN UDANG)

D1SKRIPSI CADANGAN

Kawasan kajian mempunyai perairan laut Sungai Renggei hingga ke muara Sg. Kesang yang sesuai dijadikan kawasan ternakan kerang. Mengikut Institut Penyelidikan Perikanan, Gelugor Pulau Pinang kawasan perairan Kesang adalah merupakan salah satu kawasan semulajadi yang berlumpur dan sesuai untuk ternakan kerang. Projek ini penting kerana golongan nelayan di Jasin amat terkesan dengan pengecilan kawasan menangkap ikan akibat aktiviti penambakan laut.

Oleh itu pelaksanaan projek ini akan dapat membantu meningkatkan pendapatan bersih nelayan sebanyak RM4605 sebulan dan dijangka akan menghasilkan kerang sebanyak 3257mtan setahun bernilai RM32.16 juta apabila dilaksanakan sepenuhnya menjelang tahun 2025.

Penghasilan kerang ini akan meningkatkan lagi sumber makanan laut yang kini semakin berkurangan dan terancam sekaligus akan memberikan pendapatan yang tinggi kepada peserta terlibat. Projek ini memberi kesan persekitaran yang positif serta menambah sumber semulajadi di perairan Melaka.

KOMPONEN CADANGAN

i. Projek ini akan dijalankan secara berfasa oleh Jabatan Perikanan Negeri Melaka. Seluas 480 hektar kawasan yang merangkumi 16 lot di mana 9 lot terletak di kawasan Merlimau dan 7 lot lagi di kawasan Sebatu.
ii. Setiap lot seluas 40 hektar boleh disertai oleh 40 orang nelayan.
iii. Perlaksanaan projek kebun kerang ini akan dilaksanakan secara berfasa melibatkan 259 orang nelayan dari 2021 -2025 di bawah RMK12.

A. CADANGAN PEMBANGUNAN AKUAKULTUR KEBUN KERANG

Anggaran kos dan pengeluaran ternakan kerang /ha/orang:

i. Kadar taburan benih 1 hektar = 52 kg (1 kg benih menghasilkan 58,000 anak)
ii. Kadar hidup 50%, berat akhir 1 kerang 4.5g (kitaran hidup 12 bulan)
iii. Anggaran kos/ha = RM12,600 (Kos benih RM2600, Lain-lain kos RM 10,000)
iv. Anggaran hasil/hektar= 52kg x58,000 x0.5 x4.5 g/1000 =6786 kg @ RM 10/kg =RM 67,860
v. Untung bersih =RM 67,800-12,600 = RM 55,260
vi. Pendapatan bersih sebulan = RM 4,605

	2021	2022	2023	2024	2025
Keluasan (hektar)	9.5 ha	27.5 ha	284 ha	379 ha	474 ha
Anggaran pengeluaran (mtan)	643.2	1286.4	1929.6 mt	2572 mt	3216 mt
Nilai Pengeluaran (RM)	6.4 j	12.86 j	19.2 j	25.7 j	32.1 j

Sumber: 1. Jabatan Perikanan Melaka
2. Kajian Rancangan Tempatan MP Jasin 2035 (Penggantian)

B. CADANGAN PEMBANGUNAN TERNAKAN KUPANG

Projek ternakan kupang telah dilaksanakan di kawasan perairan Perairan laut Sungai sehingga ke Sg Renggei seluas 550 hektar dan dijangka dapat memberi manfaat kepada 27 orang nelayan setahun di mana pendapatan bersih dianggarkan RM2200 sebulan. Di dalam RMK12, projek ini dijangka akan menghasilkan 67, 500kg kupang bernilai RM0.5 juta. Projek ini tidak memberikan impak negatif kepada kawasan perairan malah ianya menambahkan sumber semulajadi perairan Melaka.

Komponen Cadangan

i. Projek ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Negeri Melaka seluas 550 hektar.
ii. Projek ini dijangkan memberikan pendapatan bersih sebanyak RM2200 sebulan kepada nelayan yang menyertainya.

Anggaran kos dan pengeluaran ternakan kupang/ha/orang:

i. 1 Rak kupang (saiz rak 15 mx 10 m) = 500 tali
Kadar hidup @50% tempoh masa ternakan 8 bulan
Hasil kupang /tali =10 kg
Kos minyak sebulan =RM 300

ii. Pendapatan
500 tali @ 50%x 10 kg/tali x RM 8/kg = RM 20,000
Untung kasar sebulan = RM 20,000/8
= RM 2,500
Untung Bersih Sebulan, RM2500-RM300 (minyak) = RM 2,200

C. CADANGAN TERNAKAN UDANG

Projek ternakan udang harimau adalah merupakan Projek Khas Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Ternakan Udang Dalam Kolam bermula sejak 2017 untuk meningkatkan sumber makanan laut. Projek ini telah dilaksanakan dengan baik dan memberi pulangan yang baik kepada Persatuan Nelayan Negeri dan Kawasan yang menyertainya.

Projek ini juga telah dilaksanakan oleh beberapa syarikat swasta. Pada 2020 projek ini telah berjaya menghasilkan 406 mtan udang putih dan udang harimau bernilai RM13.3 juta.

Projek ternakan udang kolam ini sangat berpotensi diteruskan pada masa hadapan memandangkan sumber makanan laut yang semakin berkurangan dan projek ini juga mempunyai permintaan yang tinggi untuk pasaran tempatan dan eksport.

Projek ternakan air payau ini dijangka akan mencapai 1000mtan pengeluaran pada tahun 2035 dengan anggaran nilai pengeluaran RM30.5 juta.

i. Projek ini telah dibangunkan oleh LKIM seluas 114 hektar.
ii. Projek ini dilaksanakan secara berfasa :
- Fasa 1- 15 hektar
- Fasa 2- 30 hektar
- Fasa 3- 18 hektar
- Fasa 4- 37 hektar

iii. Perlaksanaan projek ini melibatkan Persatuan Nelayan serta syarikat swasta. Empat persatuan nelayan yang terlibat adalah:
- Persatuan Nelayan Negeri Melaka
- Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Barat
- Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Selatan
- Persatuan Nelayan Kawasan Jasin

iv. Kilang pemprosesan udang sejuk beku perlu dibangunkan kerana ketika ini hasil tangkapan terpaksa dibawa ke Johor untuk penyimpanan dan proses sejuk beku.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Merlimau, Sebatu dan Sg. Rambai	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Perikanan		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	LKIM		
KELUASAN	• 480 Hektar (Ternakan Kerang dan Kupang) • 674 Hektar (Ternakan Udang)	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM27,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

EA2 Memperkukuhkan Kluster Penternakan Daerah Jasin

EA2-5 CADANGAN TERNAKAN IKAN AIR PAYAU

D1SKRIPSI CADANGAN

- Projek ternakan ikan sangkar adalah sangat berpotensi dilaksanakan di kawasan perairan Jasin. Projek dijangka akan dapat menambahkan lagi sumber pendapatan nelayan yang semakin merosot.
- Projek ikan sangkar boleh dilaksanakan di laut atau pun di muara sungai yang sesuai untuk ternakan ikan air payau seperti tilapia, siakap dan kerapu. Spesies ikan-ikan ini mempunyai permintaan yang tinggi di pasaran dan juga restoran.
- Projek ikan sangkar ini mempunyai potensi pada masa hadapan bagi menampung bekalan ikan laut yang semakin berkurangan.
- Projek ini dijangka dapat memberikan pendapatan tambahan kepada nelayan atau usahawan yang mengusahakannya.

KOMPONEN CADANGAN

i. Projek ini boleh dibangunkan oleh Jabatan Perikanan, LKIM dan juga syarikat swasta yang diberi kebenaran.
ii. Perlaksanaan projek ini hendaklah mengamalkan Amalan Pertanian atau Perikanan Baik supaya kawasan persekitaran seperti paya hutan bakau tidak dimusnahkan.
iii. Projek ini boleh dilaksanakan di Muara Sg Kesang atau kawasan yang sesuai yang tidak mengganggu persekitaran. Nelayan dan penduduk tempatan sangat bersetuju projek ini dilaksanakan dengan ikan siakap, tilapia bagi menambah pendapatan mereka.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	• Zon Industri Akuakultur • Muara Sg.Kesang • Felda Bukit Senggeh	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Perikanan		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	LKIM		
KELUASAN	674 Hektar	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM20,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Sistem ternakan tilapia sangkar air payau boleh menampung bekalan ikan laut yang semakin berkurangan. Sangkar berukuran 3mx4m boleh memuatkan kira-kira 1000 ekor ikan tilapia dan memberikan hasil 500-600 kg/sangkar.

EA2 Memperkukuhkan Kluster Penternakan Daerah Jasin

EA2-6 CADANGAN TERNAKAN IKAN AIR TAWAR

D1SKRIPSI CADANGAN

Projek ternakan ikan air tawar turut memberikan kesan yang positif dalam membekalkan sumber protein ikan kepada penduduk selain dari ikan laut. Pada tahun 2020 industri ikan air tawar seperti keli, tilapia dan patin menghasilkan 382mtan bernilai RM1.95 juta.

Industri ini mempunyai potensi masa depan memandangkan industri ikan tangkapan yang semakin menurun. Industri ikan air tawar boleh dilaksanakan kaedah penternakan kolam tanah, kolam simen, kanvas atau pun tangki fiber. Walaupun industri ini dijangka berkembang pada masa hadapan, ianya perlu dikawal supaya tidak menimbulkan pencemaran kepada kawasan persekitaran ternakan terutamanya pelepasan sisa buangan ke kawasan sungai yang menjadi sumber bekalan air mentah.

Jabatan Perikanan telah pun mewartakan di bawah Kaedah-kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) Negeri Melaka 2021 supaya aktiviti akuakultur perikanan darat dilesenkan.

KOMPONEN CADANGAN

- Penternakan ikan air tawar menggunakan sistem kolam tanah, kolam simen , kanvas,, tangki fiber dan sebagainya.
- Mengadakan sistem kolam rawatan untuk merawat air buangan sebelum dilepaskan ke punca air mentah.
- Mengamalkan Amalan Perikanan Baik untuk menghasilkan ikan yang berkualiti.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kesang dan FELDA Bukit Senggeh	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Perikanan		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	FELDA		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM65,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Swasta / Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Keli dan Tilapia ikan air tawar yang disukai ramai

Kolam ternakan keli di Kesang Jasin yang mempunyai kolam rawatan dan kolam recycle

Kaedah ternakan tangki fiber,kanvas dan tangki simen

FE1	Pengurusan Alam Sekitar, Sumber Jaya Dan Risiko Bencana
FE1-5	CADANGAN KAWALAN BAU BUSUK LADANG UNGGAS

DESKRIPSI CADANGAN

- Aduan-aduan awam berkaitan dengan bau busuk dari ternakan unggas telah disokong oleh hasil dari pencerapan menggunakan Nasal Ranger® Field Olfactometer bagi mengesan pencemaran bau telah dijalankan pada 3-4 Januari 2022 di waktu pagi, tengahari dan petang melibatkan lokasi di Huat Lai Resources Serkam, Kg Pondok Kempas Selandar dan Jasin Jaya.

- Gangguan bau busuk yang ketara (noticable) di kesan di kesemua lokasi persampelan dengan gangguan yang lebih teruk (nuisance) di kawasan rumah pekerja HLRB di Serkam terutama apabila terdapat angin kencang bertiup pada arah selari di kawasan ladang ayam. Ianya mungkin berpunca sama ada dari aktiviti pemprosesan ayam/ penyembelih (bulu unggas, darah dan najis ayam), najis/tinja, penggunaan baja dan kumbahan dari ladang ternakan atau dari lain-lain aktiviti pertanian yang berdekatan seperti kilang proses baja.

TINDAKAN CADANGAN

1. Memastikan semua operasi perladangan unggas sama ada untuk tujuan menternak unggas pedaging dan penelur, membiak unggas baka, mengendalikan tempat penetasan dan aktiviti yang berkaitan dengan unggas adalah berlesen di bawah Jabatan Veterinar dan tertakluk kepada Enakmen Perladangan Unggas Negeri Melaka (2008) dan Peraturan-peraturan Perladangan Unggas (Negeri Melaka) 2009.
2. Menggunakan sistem reban tertutup atau sekurang-kurangnya membuat tindakan ke arah sistem tertutup sepenuhnya bagi setiap ladang unggas yang berkapasiti 10,000 ekor.
3. Menguatkuasakan kawalan pelepasan sisa unggas seperti karkas dan ofal atau kumbahan sisa unggas yang tidak dirawat ke mana-mana badan air, pelepasan atau pengeluaran bau atau wasap yang tidak enak atau busuk, pengeluaran debu dan pembiakan lalat, serangga atau makhluk perosak yang boleh menyebabkan kacau ganggu atau bahaya kepada kesihatan awam atau kemudaratan kepada harta awam.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	*PF1 – HLRB Processing Plant* *PF1A – HLRB Worker Quarters* *PF2 – Huat Lai Resources Bhd* *PF2A – Nearest receptor* *PF3 – Nearest receptor*	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Perkhidmatan Veterinar		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Badan Kawal Selia Air		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM5,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓



Sumber: Kajian Rancangan Tempatan MP Jasin 2035 (Penggantian)

EA2 Memperkukuhkan Kluster Penternakan Daerah Jasin

EA2-1 CADANGAN PENGUKUHAN INDUSTRI TERNAKAN AYAM DAGING DAN TELUR

D1SKRIPSI CADANGAN

Daerah Jasin merupakan kawasan ternakan ayam yang terbesar di Melaka. Industri ternakan ayam daging dan telur telah menyumbang sebanyak RM 407 juta pada 2019 dan sumbangan ini dijangka bertambah kepada RM 631.3 juta pada tahun 2035.

Tahap sara diri industri juga telah melebihi 100% dan ini membolehkan ayam telur dan daging dieksport ke luar negara. Namun industri ini banyak menerima rungutan serta aduan daripada pelbagai pihak terutamanya pencemaran bau dan bahan buangan yang boleh mencemarkan persekitaran serta sumber bekalan air.

Oleh itu bagi mengawal pembangunan ladang ternakan ayam pada masa akan datang, beberapa langkah drastik perlu diambil iaitu:

i. Semua permohonan baru hendaklah mendapat kelulusan dari PBT.

ii. Hanya sistem ternakan ladang tertutup sahaja akan dibenarkan beroperasi mengikut peraturan di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Melaka) dan Peraturan peraturan Perladangan Unggas negeri Melaka 2009).

iii. Jarak radius ladang ternakan dengan rumah kediaman, sekolah, klinik atau tempat ibadat adalah:

- Jarak 200 meter bagi kapasiti ternakan kurang dari 500 ekor.
- Jarak 500 meter bagi kapasiti ternakan 501 - 10,000 ekor; dan
- Jarak 2000 meter bagi kapasiti ternakan melebihi 10,000 ekor.
- Ladang Terbuka : 2000 meter
- Ladang Tertutup : 500 meter

KOMPONEN CADANGAN

i. Perancangan permohonan baharu perlu mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan.

ii. Persijilan SALT (Sistem Amalan Baik Ladang Ternakan).

iii. Sistem ternakan ladang tertutup sahaja dibenarkan- Mengimbangi program peningkatan pengeluaran ayam serta kawalan pencemaran di kawasan sekeliling.

iv. Kolam takungan najis/ kotoran.

v. Pemprosesan tahi ayam dijadikan organik.

vi. Teknologi *Effective Microorganism* (EM) yang boleh menghilangkan bau busuk tahi ayam.

vii. Tempat Pelupusan Sisa Ladang.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Semua Mukim	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Perkhidmatan Veterinar		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	PBT, BKSA,JAS		
KELUASAN	6.4 juta/ ekor (72 Penternak)	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM23,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓



Industri ternakan ayam MP Jasin adalah penyumbang utama kepada sektor ekonomi negeri dan sekuriti makanan penduduk

EA2 Memperkukuhkan Kluster Penternakan Daerah Jasin

EA2-2 CADANGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI RUMINAN

D1SKRIPSI CADANGAN

Pengeluaran daging lembu dan kerbau dalam negara masih rendah. Tahap SSL daging adalah 24% dan terpaksa diimport dari luar negara. Pelan Strategi Pembangunan Industri Daging Negara (BIF PLAN 2021-2025) akan menumpukan pembangunan industri ruminan melalui pendekatan sistem penternakan yang lebih efisien.

Isu kekurangan bilangan ternakan lembu dan kambing untuk ibadah korban dan aqiqah, kos makanan ternakan yang tinggi boleh ditangani dengan menggalakkan penternak melalui:

- Penyertaan Sistem Rezeki Ternak bagi penternak kecil.
- Penggunaan baka lembu kacukan boleh meningkatkan pengeluaran daging. Baka lembu seperti kacukan Kedah Kelantan,Friesian Sahiwal, LID (Local Indian Dairy), Charolais, Droughtmaster dan Brahman boleh mempertingkatkan pengeluaran daging. Penggunaan baka kambing yang cepat tumbesar serta berhasil tinggi seperti Kambing Boer boleh mempertingkatkan pengeluaran daging kambing negara.
- Menggalakkan integrasi ternakan di kawasan kelapa sawit terutamanya di kawasan FELDA/FELCRA .
- Pembangunan pastura dengan penanaman rumput di kawasan-kawasan terbiar untuk makanan ternakan. Penggunaan batang jagung atau sisa tanaman sebagai silaj, PKC (Palm Kernel Cake) bagi mengurangkan kos makanan ternakan.
- Melahirkan usahawan ternakan melalui program inkubator ternakan (Rujuk EA 3-2 ICAT- J Ternakan).
- Persijilan Skim Amalan Ladang Baik Ternakan (SALT)

KOMPONEN CADANGAN

i. Program Rezeki Ternak yang dilancarkan pada 2020 akan meningkatkan industri ternakan negara.
ii. Program Pengganda akan meningkatkan lagi industri ternakan lembu daging dan tenusu di Jasin
iii. Intensifikasi ternakan boleh dilaksanakan secara:
  - Fidlot
  - Integrasi Ladang Kelapa Sawit
  - Pembaikbakaan (penggunaan baka lembu baik seperti Charolais, Brahman, Bali dan baka kambing seperti Boer)
  - Program menghasilkan makanan ternakan dengan penanaman jagung bijirin, silaj dan PKC (Palm kernel cake) sebagai makanan tambahan.

iv. Pengamalan Skim Amalan Ladang Baik Ternakan (SALT)

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Semua Mukim	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Perkhidmatan Veterinar		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	BKSA, Jabatan Pertanian		
KELUASAN	6,127 ekor Lembu/Kerbau (127 Penternak), 7,878 ekor Kambing/ Bebiri (107 Penternak)	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM3,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Baka Charolais

Baka Bali


Baka Boer

Skim Rezeki Ternak di Kg. Gubah dan Simpang Bekoh untuk meningkatkan pengeluaran daging dengan ternakan lembu, kambing/bebiri, puyuh dan ayam kampung.

SKIM REZEKI TERNAK

Objektif Skim

Untuk meningkat dan mengekalkan populasi ternakan ruminan dan juga unggas (ayam, itik dan puyuh) bagi penternak kecil dan sederhana. Skim ini juga boleh menarik minat pengusaha baru dalam bidang ternakan dan juga untuk menambahkan pendapatan mereka.

Jenis bantuan

Bantuan ternakan ruminan (lembu, kambing dan bebiri)	RM 10,000/penternak
Bantuan makanan ruminan	RM 2,000/penternak
Bantuan ternakan unggas dan makanan unggas	RM 5, 000/ penternak
Bantuan peralatan dan kandang	RM 5,000/peserta

ANGGARAN PENDAPATAN PROJEK LEMBU FIDLOT UNTUK 10 EKOR TERNAKAN UNTUK TEMPOH 10 BULAN

i. Berat awal lembu 150 kg @Rm 3.30/kg
ii. Berat akhir lembu 300kg @RM 3.30/kg
iii. Kos PKC @ 2 kg/hari @ RM 0.25/kg

HASIL:

Jualan lembu 300kgx RM 3.30/kgx10 ekor	RM 9,900

PERBELANJAAN:

Pembelian anak lembu 150kg x RM3.30/kgx 10 ekor	RM 4,950	
Kandang 30kaki x10 kaki (susut nilai 5 tahun)	RM 100	
PKC 600 kg x RM 0.25 x 10 ekor		RM 1,500
Garam galian		RM 50
Kemudahan air, bahan api dan lain-lain		RM 300
Jumlah kos		**RM 6,900**
Faedah bank@10%		RM 690
JUMLAH PERBELANJAAN	**RM 7,590**	
PENDAPATAN BERSIH		**RM 2,310**

EA2 Memperkukuhkan Kluster Penternakan Daerah Jasin

EA2-3 CADANGAN PEMBANGUNAN PROJEK TENUSU

D1SKRIPSI CADANGAN

Susu adalah satu daripada program Pembangunan MAFI yang diberi tumpuan dalam RMK12. Sasaran program ini adalah untuk meningkatkan SSL susu ke tahap 100% menjelang tahun 2025. Melaka adalah satu daripada lokasi cadangan bagi Lembah Tenusu Zon Selatan untuk mempertingkatkan pengeluaran susu negara. Daerah Jasin adalah daerah pengeluaran susu terbesar di Melaka. Lembah tenusu Jasin dipilih kerana Daerah Jasin mempunyai infrastruktur lengkap seperti PPIT (Pusat Perkhidmatan Industri Tenusu) Jasin, dan logistik pengangkutan susu ke kilang serta kakitangan terlatih untuk pembangunan industri ini. Sebuah kilang memproses susu telah dibangunkan di PPIT Merlimau dan dijangka beroperasi tidak lama lagi. Penglibatan swasta dalam industri tenusu seperti Syarikat Farm Fresh akan melahirkan lebih ramai usahawan mikro dalam pengedaran dan penjualan produk tenusu.

KOMPONEN CADANGAN

- Perlaksanaan projek tenusu akan diteruskan dengan memperbaiki beberapa kemudahan untuk penghasilan tenusu yang lebih tinggi:
  - ✓ Program Pengganda JPV seperti lembu baka tenusu berhasil tinggi.
  - ✓ Program pembangunan pastura untuk menampung bekalan makanan ternakan serta mengurangkan kos makanan.

- Infrastruktur bekalan elektrik dan kemudahan simpanan dan logistik dan penghantaran ke kilang susu yang efisien bagi menjamin kualiti susu yang tinggi.

- Bagi kawasan-kawasan ternakan dan tenusu yang sedia ada (berdekatan dengan kawasan penempatan) beberapa langkah mitigasi perlu diambil bagi mengelakkan pencemaran bau seperti :
  i. Mengadakan kolam takungan dan rawatan,
  ii. Menggunakan EM bagi mengurangkan bau busuk
  iii. Memproses bahan buangan seperti pemprosesan baja hijau, tenaga biogas dan sebagainya).

Lembah Tenusu Jasin

i. Pembangunan Pastura;
ii. Penambahbaikan Baka;
iii. Infrastruktur elektrik; dan
iv. Perkhidmatan Logistik dan Penyimpanan Susu.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	1.Asahan (Kg Relau) 2.Jasin (Kg. Air Manggis, Taman Maju) 3.Air Panas (Kesang Pajak) 4.Semujuk (Kg. Paya Buluh) 5.PPIT Merlimau	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Perkhidmatan Veterinar		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	Jabatan Pertanian		
KELUASAN	1,878 ekor (64 penternak)	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM25,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Cadangan Pembangunan Projek Tenusu



Pembangunan Pastura | *Baka Tenusu Berhasil Tinggi* | *Infrastruktur Elektrik dan logistik*

SK2	Menerapkan Konsep Perbandaran Rendah Karbon Melalui Peningkatan Kawasan Hijau
SK2-2	CADANGAN DENAI SUNGAI KEBANGSAAN SUNGAI KESANG

D1SKRIPSI CADANGAN

Kewujudan denai di sepanjang sungai atau badan air akan menggalakkan aktiviti berasaskan alam sekitar, seperti berkelah, memancing dan berbasikal dalam kalangan komuniti setempat, sekaligus menghalang pihak tidak bertanggungjawab menjadikan sungai sebagai tempat pembuangan sisa yang akhirnya menyebabkan pencemaran.

Cadangan denai sungai kebangsaan ini akan melibatkan anggaran jarak 28 kilometer di sepanjang Sungai Kesang daripada Pekan Sungai Rambai hingga ke Chohong. Terdapat empat (4) hentian di sepanjang cadangan denai kebangsaan ini.

KOMPONEN CADANGAN

- Jalan Premix Selebar 3m.
- Mematuhi garis panduan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran.
- Laluan Pejalan Kaki (*interlocking*).
- Jambatan Gantung.
- Wakaf.
- Kios.
- Kawasan *Instaworthy*.
- Sistem Pelampuan Solar.
- Monumen/ Arca/ *Entrance Statement.*

**Sebarang cadangan perlu mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh JPS.*

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Lembangan Sungai Kesang (Sungai Rambai-Chohong & Bandar Jasin)	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Pengairan dan Saliran		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	• Jabatan Landskap Negara • MP Jasin		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM10,000,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Contoh Ilustrasi Denai Sungai Kebangsaan Sungai Kesang

PU1	Pengurusan Sistem Saliran Yang Bersepadu Serta Mengurangkan Risiko Banjir di Jasin
PU1-1	CADANGAN PELAN PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU (IRBM) SUNGAI KESANG

D1SKRIPSI CADANGAN

Lembangan Sungai Kesang merupakan lembangan sungai yang terbesar di Daerah Jasin. Selain dari berfungsi sebagai sistem saliran utama untuk Daerah Jasin, Sungai Kesang juga adalah sumber air mentah yang besar kepada Daerah Jasin dan juga ke keseluruhan negeri Melaka.

Lembangan Sungai Kesang menjangkau sempadan Daerah Jasin /Negeri Melaka dan sebahagian dari kawasan Lembangan Sungai Kesang adalah terdapat di dalam negeri Johor dan di dalam Negeri Sembilan. Terdapat pelbagai pemegang taruh yang berkepentingan yang memerlukan kelestarian lembangan Sungai Kesang. Oleh itu, pengurusan lembangan sungai ini secara bersepadu adalah amat diperlukan untuk memastikan kepentingan kesemua pemegang taruh di ambil kira.

Kajian IRBM untuk Sg. Kesang telah pun dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran. Kajian IRBM ini meliputi aspek saliran dan pengairan, termasuk risiko banjir dan pengairan pertanian, bekalan air mentah, guna tanah, perikanan dan juga aspek alam sekitar.

KOMPONEN CADANGAN

1. Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Lembangan *(River Basin Committee)* yang terdiri dari kesemua pemegang taruh *(Stake holders)* termasuk pemegang taruh dari Negeri Sembilan / Johor untuk mengurus Lembangan Sungai Kesang
2. Mengawal pembangunan dan aktiviti di dalam lembangan sungai
3. Mengurangkan risiko banjir di dalam lembangan sungai
4. Mengurus sampah terapung di dalam sungai.
5. Mengurus punca-punca pencemaran dari sektor perumahan, perniagaan, industri, pertanian.
6. Merizabkan sungai-sungai di dalam lembangan
7. Memperbaiki sistem pengairan pertanian dalam lembangan
8. Mengamalkan kaedah *Integrated Water Resource Management* (IWRM) di dalam mengurus sumber air di dalam Lembangan Sungai Kesang.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Lembangan Sungai Kesang (Sungai Rambai-Chohong & Bandar Jasin)	**AGENSI PENERAJU**	• Kerajaan Negeri Melaka / Johor/ Negeri Sembilan • JPS Melaka /Johor / Negeri Sembilan • BKSA Melaka /Johor/ Negeri Sembilan		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• MP Jasin/ MD Tangkak/ MD Tampin • Lain-lain Agensi Teknikal		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM2,000,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Cadangan Sektor Infrastruktur dan Utiliti – Saliran





PU1	Pengurusan Sistem Saliran Yang Bersepadu Serta Mengurangkan Risiko Banjir Di Jasin
PU1-2	CADANGAN MEMBAIKI KAWASAN MUARA SUNGAI DAN PERSISIRAN PANTAI

D1SKRIPSI CADANGAN

Selain dari Lembangan Sungai Kesang, terdapat juga beberapa batang sungai kecil yang mengalir terus keluar ke Selat Melaka, Sungai-sungai kecil ini menyalirkan kawasan-kawasan berhampiran pantai termasuk kawasan Serkam dan Merlimau.

Limpahan sungai-sungai ini merupakan antara sebab terjadi insiden banjir di kawasan Merlimau dan Serkam. Air larian hujan daripada hujan lebat berserta paras air laut yang tinggi sewaktu air pasang menyebabkan sistem saliran mengalami kekangan di muara sungai. Air yang tidak dapat keluar ke laut akan melimpah tebing sungai, anak sungai dan parit-parit yang bersambung dan menyebabkan banjir kilat. Banjir kilat ini akan reda/ surut pada waktu air surut di Selat Melaka.

Antara langkah yang telah dicadangkan untuk mempercepatkan saliran air ini adalah dengan menjalankan kerja-kerja pengorekan muara, kerja-kerja membina benteng sungai dan pembinaan pemecah ombak

KOMPONEN CADANGAN

1. Kerja-kerja korekan muara sungai untuk mendalamkan muara sungai supaya saliran air tidak terkekang.

2. Pembinaan benteng sungai untuk mengelakkan limpahan air sungai dari mengatasi tebing dan mengakibatkan banjir.

3. Kerja-kerja penambakan laut perlu mengambil kira sistem saliran kawasan pantai untuk memastikan saliran air dari pendalaman masih boleh mengalir ke laut tanpa kekangan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Sg. Serkam, Sg. Merlimau, Sg. Sengget, Sg. Tedong, Sg. Sebatu	**AGENSI PENERAJU**	Jab Pengairan & Saliran (JPS)		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM526,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Kawasan Penambahbaikan Muara Sungai



Contoh pemecah ombak di muara sungai

PU1	Pengurusan Sistem Saliran Yang Bersepadu Serta Mengurangkan Risiko Banjir di Jasin
PU1-3	MELAKSANAKAN RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) DAERAH JASIN

D1SKRIPSI CADANGAN

Kawasan kajian mengalami insiden banjir sewaktu hujan lebat apabila sistem saliran tidak dapat menampung larian air hujan. Antara kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan *'hotspot'* banjir adalah DUN Asahan (8 lokasi termasuk pekan Selandar), DUN Bemban (9 lokasi), DUN Merlimau (7 lokasi), DUN Rim (9 lokasi), DUN Serkam (5 lokasi), DUN Sg. Rambai (7 lokasi termasuk Kg. Tersusun Seri Mendapat, Semujok dan Kg Lanchang).

Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kesang Fasa 1 merangkumi kawasan muara Sg. Kesang sehingga bandar Jasin. RTB ini di laksanakan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran dan melibatkan kerja-kerja pengorekan/mendalam sungai dan muara sungai, pembinaan benteng-benteng sungai serta kerja-kerja memperelok jajaran sungai. Fasa seterusnya untuk RTB Sg Kesang adalah merangkumi jajaran sepanjang 15km daripada Bandar Jasin ke Pekan Selandar. Selain dari sungai utama Sg. Kesang, RTB Daerah Jasin juga merangkumi anak-anak sungai dan lembangan-lembangan kecil di dalam Lembangan Sungai Kesang dan juga Sg. Merlimau, Sg. Sebatu, Sg. Sempang, Sg. Tedong, Sg. Kemang dan Sg. Serkam.

Kajian IRBM Sungai Kesang juga telah mencadangkan pembinaan kolam '*multi use* di Kesang Pajak dan Sungai Semujok. Untuk mengelakkan penduduk terjejas akibat banjir, terdapat sistem amaran siren banjir sedia ada di Bandar Jasin yang dioperasi oleh JPS. Sistem siren amaran banjir ini akan juga dilaksanakan di Kg. Kilang Berapi, Rim, Parit Sedang Seman dan Selandar.

KOMPONEN CADANGAN

1. Kerja –kerja pembaikan dan korekan/mendalamkan anak-anak sungai dan parit-parit;
2. Pembinaan benteng sungai; dan
3. Kerja-kerja memperelokkan laluan anak-anak sungai.
4. Pembinaan kolam *'multi use'.*

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Anak dan lembangan kecil Sungai Kesang, Lembangan sungai kecil seperti Sg. Merlimau, Kesang Pajak, Sg. Semujok.	**AGENSI PENERAJU**	• Jab Pengairan & Saliran Melaka (JPS) • JPS Daerah Tangkak		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM350,000,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Negeri/ Federal		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

Kawasan Penambahbaikan Sungai



Contoh kerja-kerja penyelenggaraan sungai

PU1	Pengurusan Sistem Saliran Yang Bersepadu Serta Mengurangkan Risiko Banjir di Jasin
PU1-4	CADANGAN PELAN INDUK SALIRAN MESRA ALAM UNTUK BANDAR JASIN, MERLIMAU DAN SUNGAI RAMBAI

D1SKRIPSI CADANGAN

Kaedah Saliran Mesra Alam merupakan kaedah pengurusan air larian hujan yang menggunakan elemen-elemen mesra alam di dalam mengurus sistem saliran. Ini adalah berbeza dari kaedah pengurusan air larian sebelum ini, di mana pendekatan yang di ambil adalah untuk menyalirkan air larian hujan seberapa segera yang boleh ke laut.

Saliran Mesara Alam ini mengambil kira konsep kawalan di punca (*control at source*) dan terdapat dua elemen utama pengurusan air larian hujan:
•Pengurusan Kuantiti Air Larian Hujan (*Storm Water Quantity Management*)
•Pengurusan Kualiti Air Larian Hujan (*Storm Water Quality Management*)

Saliran Mesra Alam bertujuan mengurangkan risiko banjir bukan sahaja melalui penyediaan perparitan yang mempunyai kapasiti yang mencukupi tetapi juga melalui kaedah-kaedah seperti pengurusan aliran air puncak (*peak run-off flow management*) serta penggunaan kolam tahanan air (*detention ponds*) dan kolam tadahan air (*retention ponds*). Dari segi mengawal kualiti air, penggunaan perangkap kelodak, perangkap sampah dan '*bio-filters*' juga di beri penekanan di dalam menjaga kualiti air.

Kawasan –kawasan yang terbabit adalah :

- Bandar Jasin termasuk Bandar Jasin Bestari serta kawasan-kawasan sekitarnya;
- Bandar Merlimau dan kawasan-kawasan sekitarnya;
- Sg. Rambai dan kawasan-kawasan sekitarnya.

Contoh komponen –komponen saliran bandar mesra alam/ mampan

KOMPONEN CADANGAN

1. Menjalankan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam untuk kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti.
2. Pembinaan parit-parit *monsoon* baru, menaik taraf parit sedia ada dan kerja-kerja perparitan baru di mana sistem perparitan di dapati tidak mempunyai kapasiti yang mencukupi.
3. Pembinaan kolam tadahan/tahanan air untuk mengurangkan kesan air aliran puncak. Kolam-kolam ini dicadangkan supaya direka supaya pelbagai fungsi (*multi-functional*) dan boleh digunakan sebagai sumber air pada waktu kemarau dan juga sebagai kawasan rekreasi.
4. Pembinaan perangkap sampah (*gross pollution trap*, GPT) sebelum air parit di salirkan keluar ke sungai.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	• Bandar Jasin, • Bandar Merlimau • Sungai Rambai	**AGENSI PENERAJU**	Jab Pengairan & Saliran (JPS)		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM78,000,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Federal Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	



Kawasan banjir kilat

Kolam tahanan / takungan sedia ada

Kawasan '*sub-catchment*' air larian hujan

Parit /Arah Larian Saliran Sedia ada

Kolam takungan -cadangan

Struktur 'outlet' yang dilengkapi perangkap sampah

Cadangan Menaik taraf / mengalih aliran berdasarkan kajian dan kiraan hidraulik

CONTOH KAJIAN PELAN INDUK PERPARITAN BANDAR

CADANGAN JANGKA MASA PENDEK

A Menyelenggarakan perangkap kelodak di semua kawasan pembangunan baru secara berkala.

B Menyelenggara kolam-kolam tadahan sedia ada – memastikan tiada sampah/kelodak serta pintu kawalan kolam tadahan berfungsi dengan baik.

C Membaiki parit keluar utama dan memastikan pembetung bawah jalan tidak tersumbat.

CADANGAN JANGKA MASA SEDERHANA / PANJANG

Menjalankan Kajian Induk Perparitan yang akan mengambil kira pembangunan sedia ada dan pembangunan masa hadapan. Daripada hasil kajian induk ini, antara contoh cadangan yang boleh dipertimbangkan:

1 Memastikan setiap pembangunan baru mematuhi kehendak MSMA termasuk pembinaan kolam takungan dan lain-lain infrastruktur saliran.

2 Menyemak kapasiti parit keluar utama dan pembetung bawah jalan serta melaksanakan kerja-kerja naik taraf jika perlu.

3 Mengkaji keboleh kemungkinan mengubah arah aliran (*diversion*) untuk mengurangkan aliran ke kawasan banjir.

4 Membina perangkap sampah (GPT) di titik akhir aliran sebelum sungai

EI1	Mempertingkatkan Peluang Pelaburan Dan Penglibatan Dalam Sektor Industri
EI1-1	CADANGAN TAMAN PERINDUSTRIAN BERTEKNOLOGI TINGGI MELAKA/ MELAKA INDUSTRI HI-TECH PARK (MIHTP)

DISKRIPSI CADANGAN

Malaysia mempunyai lebih daripada 600 kawasan perindustrian di seluruh negara dengan infrastruktur bertaraf dunia dan keterhubungan yang sangat baik, menjadikan Malaysia sebagai sebuah lokasi pekerjaan yang terkenal, mampan dan kondusif untuk penduduk tempatan dan juga pelabur asing. Kawasan industri khas telah diwujudkan di Malaysia untuk memenuhi keperluan industri tertentu seperti industri kecil, industri halal, taman perabot, taman bioteknologi, industri berintensifkan teknologi dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

KOMPONEN CADANGAN

1. Inkubator
2. Pusat R&D
3. Taman Industri Hijau

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Lipat Kajang	**AGENSI PENERAJU**	PKNM		
NO LOT	19416-19425, 1294	**AGENSI SOKONGAN**	MPJ/ JAS/ BPEN/ GLC/ Swasta		
KELUASAN	512 Hektar	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM800,000,000 (Infrastruktur)		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	PKNM		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	



EI1	Mempertingkatkan Peluang Pelaburan Dan Penglibatan Dalam Sektor Industri
EI1-2	CADANGAN PENERAPAN EKONOMI SIRKULAR DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN

DISKRIPSI CADANGAN

Sistem ekonomi sirkular berupaya mengatasi cabaran global seperti perubahan iklim, kehilangan biodiversiti, pengeluaran sisa pepejal dan pencemaran alam sekitar.

Berbanding ekonomi linear 'ambil, buat dan jual', dalam ekonomi sirkular, sisa buangan menjadi sumber bernilai, akan dikitarkan semula sebagai bahan mentah dan dijadikan produk baharu.

Ekonomi sirkular diyakini dapat membantu dalam pengurangan kos pembuatan dengan menggantikan bahan mentah asal, mengurangkan plastik hanya sekali penggunaan (SUP) dan menggunakan semula plastik, meningkatkan peluang pekerjaan hinggalah kepada mewujudkan alam sekitar yang lebih bersih.

KOMPONEN CADANGAN

Kitar Semula Dan Industri *Upcycle*
- → Pelaksanaan Dasar Pengurusan Sisa yang Lestari
- → Pelaksanaan Program *Match-Making* menggunakan sisa pepejal sebagai bahan mentah.
- → Melaksanakan Program *Trash for Cash*

Tenaga Yang Boleh Diperbaharui *(Renewable Energy)*
- → Garis panduan projek biogas di dalam sistem ladang tertutup.
- → Menjana elektrik menggunakan tenaga kinetik.
- → Loji *Waste to Energy* dibangunkan di setiap stesen pemindahan.

Air Dan Pengurusan Sisa Air *(Water and Waste Water Management)*
- → Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH)
- → Pusat rawatan air larut resap
- → Kolam tadahan air bawah tanah

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Seluruh Daerah Jasin	**AGENSI PENERAJU**	PKNM		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	MPJ/ GLC		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM5,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	PKNM		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓



EI1	Mempertingkatkan Peluang Pelaburan Dan Penglibatan Dalam Sektor Industri
EI1-3	CADANGAN PERLUASAN KAWASAN INDUSTRI MELAKA HALAL HUB

DISKRIPSI CADANGAN

Cadangan projek ini adalah pertambahan kepada kawasan sedia ada. Pelaksanaannya adalah berkonsepkan *Gated and Guarded,* yang memberi nilai tambah kepada tempat dan keselamatan kawasan perindustrian Melaka Halal Hub. Ia juga adalah untuk memenuhi permintaan daripada pelabur khususnya dalam industri produk halal. Selain itu, pembangunan kawasan halal hab tersebut dapat merancakkan lagi ekonomi dan membantu mempercepatkan pertumbuhan kawasan luar bandar.

Industri halal kini telah berkembang melangkaui sektor makanan untuk merangkumi farmaseutikal, kosmetik, produk kesihatan, peralatan mandian dan peranti perubatan serta komponen sektor perkhidmatan seperti logistik, pemasaran, media cetak dan elektronik, pembungkusan, penjenamaan, dan pembiayaan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, dengan pertambahan bilangan umat Islam yang mewah, industri halal telah berkembang lagi ke dalam penawaran gaya hidup termasuk perkhidmatan pelancongan dan hospitaliti halal serta fesyen.

KOMPONEN CADANGAN

Antara jenis industri yang dicadangkan bagi kawasan perluasan industri halal hab di Melaka adalah:

i. Pemprosesan Makanan;
ii. Produk Kosmetik;
iii. Modest Fashion Industry;
iv. Rumah Pekerja;
v. Industri Farmaseutikal; dan
vi. Retort Industry.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Melaka Halal Hub	**AGENSI PENERAJU**	PKNM		
NO LOT	929-1943, 7480-7482,5983,229, 6013, 7489	**AGENSI SOKONGAN**	MPJ/ GLC/ UPEN		
KELUASAN	Halal Hab Serkam (487.36 hektar) Halal Hab Merlimau (36.80 hektar)	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM240,000,000		
		SUMBER PEMBIAYAAN	PKNM		
KATEGORI PROJEK	HIP				
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

1. Halal Hab Serkam



487.36 Hektar

147 Unit Perindustrian

Gated & Guarded

2. Halal Hab Merlimau



36.80 Hektar

Gated & Guarded

EI1 Mempertingkatkan Peluang Pelaburan Dan Penglibatan Dalam Sektor Industri

EI1-4 CADANGAN INKUBATOR SEJUK BEKU DAN KRAFTANGAN

DISKRIPSI CADANGAN

Inkubator membantu menghasilkan produk kraf kontemporari menggunakan bahan-bahan mentah dan mengekalkan tradisi seni kraf dan kebudayaan untuk generasi akan datang. Cadangan ini dijangka melahirkan lebih ramai usahawan mikro dalam bidang kraf yang dapat menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi usahawan.

Inisiatif inkubator ditubuhkan sebagai perkongsian antara beberapa organisasi seperti usaha berkaitan pelaburan *Venturing* korporat Usaha korporat (juga dikenali sebagai modal usaha korporat) adalah amalan melabur dana korporat secara langsung ke syarikat permulaan luaran. Ini biasanya dilakukan oleh syarikat besar yang ingin melabur syarikat permulaan yang kecil tetapi inovatif.

KOMPONEN CADANGAN

Beberapa perkhidmatan merangkumi yang berikut:

i. Latihan pengurusan
ii. Khidmat nasihat
iii. Akses ke sumber modal (pinjaman, geran, rangkaian bakal pelabur)
iv. Bantuan dengan operasi perniagaan teras
v. Akses ke ruang pejabat dan sumber operasi lain

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Sungai Rambai	**AGENSI PENERAJU**	PKNM		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• MPJ • TEKUN Nasional • MARA		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM30,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	PKNM		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

EI1 Mempertingkatkan Peluang Pelaburan Dan Penglibatan Dalam Sektor Industri

EI1-5 CADANGAN PUSAT KAWASAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA BERASASKAN SUMBER TEMPATAN

DISKRIPSI CADANGAN

Industri Kecil dan Sederhana amat memainkan peranan yang penting bagi memajukan sektor perindustrian di Malaysia setelah berlakunya perubahan struktur ekonomi selepas kemerdekaan pada tahun 1957. Sektor ini bersifat dinamik dan mempunyai banyak ciri-ciri untuk maju dan kepentingannya dapat dilihat dari segi peratus sumbangannya kepada bilangan perusahaan dan peluang pekerjaan dalam sektor ini. Kecanggihan teknologi dan pekerja mahir tidak diperlukan dalam Industri Kecil dan Sederhana untuk menghasilkan segala bentuk pengeluaran.

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan salah satu sektor yang banyak menyumbang kepada peningkatan ekonomi dalam negara. Sektor ini bukan sahaja membawa banyak kebaikan kepada ekonomi negara bahkan juga memberi pelbagai kelebihan dan manfaat kepada masyarakat dalam negara sebagai contoh, dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam negara terutamanya di kawasan luar bandar.

Penglibatan masyarakat dalam mengusahakan industri ini dapat ditingkatkan sekiranya kerajaan memperbanyakkan lagi penyediaan dari segi latihan kemahiran, seminar dan pengurusan untuk pekerja bagi sektor ini agar pekerja yang kurang mahir dapat menjadi pekerja mahir seperti bantuan daripada MARA, MEDEC, NPC dan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil (SMIDEC).

KOMPONEN CADANGAN

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Daerah Jasin	**AGENSI PENERAJU**	PKNM		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• MPJ • TEKUN Nasional • MARA		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM90,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	PKNM/TEKUN/ MARA		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

Pusat Jualan Produk-produk IAT MAMAMIDAH di Serkam membantu memasarkan produk-produk IAT pengusaha kecil dari kawasan sekelilingnya

Biskut Tongkat di Simpang Bekoh

Anyaman rotan

EC1	Peluang Perniagaan dan Penglibatan Dalam Bidang Keusahawanan

EC1-2 CADANGAN PEMBANGUNAN JASIN GREEN BUSINESS PARK

DISKRIPSI CADANGAN

Cadangan Pembangunan *Jasin Green Business Park* (JGBP) adalah satu zon yang menerapkan konsep komersial dan korporat dalam taman yang menerapkan konsep rendah karbon dan penggunaan teknologi hijau secara optimum.

Bangunan di dalam kawasan *Jasin Green Business Park* (JGBP) akan direka mengikut konsep pembangunan hijau dengan kemasan yang berkualiti tinggi daripada fasad ke bahagian dalam bagi memastikan kecekapan dan kelestarian maksimum sekaligus menggabungkan konsep landskap untuk mencapai persekitaran yang mesra alam.

Bagi mempromosikan lagi inisiatif hijau, landskap yang subur di sekitar kawasan pembangunan selain dari menanam pokok. Landskap dan pokok bertindak sebagai naungan semula jadi untuk bangunan sekeliling, meminimumkan haba matahari dan menurunkan suhu bagi kawasan sekitar. Sistem penuaian air hujan dipasang di setiap bangunan untuk tujuan pengairan dan pencucian am yang membantu mengurangkan penggunaan air boleh diminum.

KOMPONEN CADANGAN

1. Parcel A: Plaza, Restoran Pandu Lalu dan Hotel
2. Parcel B: Laman Korporat (Corporate Garden)
3. Parcel C : Retirement Village dan Biz Resort
4. Parcel D: Pusat ICT, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)
5. Zon Rekreasi Aktif
6. Zon Rekreasi Pasif

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Lipat Kajang	**AGENSI PENERAJU**	PKNM/ Swasta/ GLC		
NO LOT	7044, 7046, 1047	**AGENSI SOKONGAN**	MPJ/ GLC/ Yayasan Melaka		
KELUASAN	331.595 Hektar	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM1,182,000,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	GLC		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
				✓	✓



EC1	Peluang Perniagaan dan Penglibatan Dalam Bidang Keusahawanan

EC1-3 CADANGAN PEMBANGUNAN KOMERSIL ENKLAF UMBAI PANTAI SIRING

DISKRIPSI CADANGAN

Persisiran Pantai Umbai sehingga Pantai Siring merupakan bahagian barat daya kawasan kajian yang sering menjadi tarikan utama buat pencinta makanan. Kekayaan hasil laut di persisiran pantai ini juga menjadi sumber pendapatan untuk nelayan tempatan.

Cadangan pusat perniagaan Pantai Siring merupakan sebuah projek yang diterajui oleh pihak Majlis Perbandaran Jasin sebagai langkah penjanaan ekonomi tempatan yang bertujuan untuk mengembangkan industri perniagaan dan sektor perikanan daerah.

Mysiring Waterfront diyakini dapat menjadi satu ikon pelancongan baru di Negeri Melaka seterusnya dapat mencipta lebih banyak peluang pekerjaan sekaligus dapat menjana pendapatan ekonomi setempat melalui pembukaan restoran, ruang niaga dan kedai makan serta dapat mengembangkan aktiviti perniagaan di kawasan sekitar Pantai Siring.

KOMPONEN CADANGAN

Oleh itu, satu inisiatif untuk menggalakkan aktiviti komersial dan industri yang seimbang agar seiring dengan keperluan dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan. Bagi melonjakkan ekonomi persisiran pantai, lima (5) kawasan telah dizonkan iaitu:

i. **Zon Komersial A**: Pelancongan Makanan (Ikan Bakar Klasik Terapung Umbai Baru) & Terminal Feri *'Island Hopping'*;
ii. **Zon Rekreasi B**: Zon Pembangunan Komersial;
iii. **Zon Rekreasi C**: Zon Pembangunan Komersial Bercampur;
iv. **Zon Komersial D**: Pelancongan Rekreasi (*My Siring Waterfront*);
v. **Zon Komersial E**: Pelancongan Makanan dan Rekreasi (Jeti Pantai Siring).

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Umbai – Pantai Siring	**AGENSI PENERAJU**	PKNM/ Swasta/ GLC		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	MPJ		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM124,000,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	PKNM/ Swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

Rajah EC1.4 **Cadangan Pembangunan Komersial Enklaf Umbai Pantai Siring**



SH1	Perancangan dan Penyediaan Perumahan yang Mencukupi Serta Selesa
SH1-1	CADANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN TERANCANG YANG MENCUKUPI DAN MEMENUHI KEPERLUAN PENDUDUK

DESKRIPSI CADANGAN

- Memenuhi permintaan perumahan sehingga 2035.
- Menyediakan persekitaran perumahan yang kondusif, selesa dan lengkap dengan kemudahan serta prasarana asas.
- Mewujudkan kualiti perumahan dan persekitaran yang lebih baik, selesa dan teratur.
- Mengoptimumkan pembangunan tanah untuk pembangunan perumahan selaras dengan potensi pembangunan kawasan Majlis Perbandaran Jasin.

KOMPONEN CADANGAN

Menyediakan zon dan pelan pembangunan perumahan sehingga 2035.

- Perancangan dan penyediaan perumahan selaras dengan unjuran perumahan.
- Menyediakan peta cadangan dan densiti pembangunan mengikut kawasan pembangunan perumahan.
- Penyediaan perumahan baharu di dalam zon perumahan selari dengan peta cadangan dan densiti yang ditetapkan.
- Menyediakan pembangunan kawasan perumahan baharu yang menerapkan reka bentuk seperti berikut:
  - Pelan susunatur mengikut piawaian perancangan dan garis panduan sedia
  - Menerapkan konsep kejiranan hijau yang mesra pejalan kaki/ mesra basikal dan kemudahsampaian yang tinggi.
  - Menerapkan reka bentuk bangunan yang rendah karbon dan penjimatan tenaga.
  - Penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti serta kemudahan masyarakat yang menyeluruh bagi membentuk persekitaran perumahan yang lebih kondusif.

PERKARA	TAHUN			
	2020	2025	2030	2035
Bilangan Penduduk	154,300	170,421	182,921	196,426
Saiz Isi Rumah	4.1	4.1	4.1	4.1
Bilangan Isi Rumah	37,634	41,566	44,615	47,909
Stok Rumah Awal Tahun	23,572	28,128	32,482	36,018
Backlog (Anggaran)	0	0	0	0
Penggantian Biasa Perumahan Terancang (1.5%)	354	422	487	540
Perumahan Komited	4,202	0	0	0
Tambahan Isi Rumah	0	3,932	3,049	3,294
JUMLAH UNIT	**28,128**	**32,482**	**36,018**	**39,852**

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	BP1 hingga BP6	**AGENSI PENERAJU**	• Lembaga Perumahan Negeri Melaka • Pemaju Perumahan		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• PlanMalaysia Melaka • Majlis Perbandaran Jasin		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM1,470,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Pelan Densiti Perumahan Terancang 2035



PETUNJUK

Sempadan
- Sempadan Negeri
- Sempadan PBT/ Daerah
- Sempadan Blok Perancangan

Pengangkutan
- Jalan Utama
- Lebuhraya
- Landasan Keretapi
- Cadangan Laluan HSR

- Rendah (<10)
- Sederhana (11-24)
- Sederhana Tinggi (25-40)
- Tinggi (41-60)

SH1	Perancangan dan Penyediaan Perumahan Yang Mencukupi dan Selesa
SH1-2	CADANGAN PENYEDIAAN PERUMAHAN KOS RENDAH DAN MAMPU MILIK SELARAS DENGAN KEPERLUAN DAN PERMINTAAN PENDUDUK

D1SKRIPSI CADANGAN

Aspirasi kerajaan Negeri Melaka dalam membentuk kehidupan rakyat Melaka yang sejahtera, inklusif dan berkualiti akan diterjemahkan di dalam kawasan Majlis Perbandaran Jasin. Selaras dengan misi Kerajaan Negeri Melaka melalui Lembaga Perumahan Negeri Melaka bagi mencapai sasaran "Satu Keluarga Satu rumah".

Penyediaan unit-unit kediaman bagi penduduk dari kumpulan B40 dan M40 akan terus diberi keutamaan dalam setiap perancangan perumahan baharu. Keutamaan juga harus diberikan kepada penyediaan rumah berharga bawah RM300,000 bagi memenuhi kemampuan mampu beli kumpulan B40 di kawasan Majlis Perbandaran Jasin. Ini adalah selaras dengan penemuan analisis yang menunjukkan perumahan yang berharga RM300,000 diperlukan di kawasan Majlis Perbandaran Jasin sehingga 2035. Selain itu juga, Pematuhan Dasar Perumahan Negeri Melaka dan perlaksanaan rumah mampu milik oleh pemaju swasta khususnya akan dipastikan mematuhi syarat-syarat yang telah digariskan.

KOMPONEN CADANGAN

1. Menggalakkan penyediaan perumahan di bawah RM300,000 sehingga tahun 2035 oleh pemaju perumahan.
2. Memajukan perumahan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Perumahan Melaka bagi Pembangunan tanah melebihi 10 ekar.
3. Membangunkan pembangunan komited Rumah Mampu Milik.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Jasin, Chin Chin, Selandar, Sg. Rambai, Ayer Panas	**AGENSI PENERAJU**	Lembaga Perumahan Melaka		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	• MPJ • PM@ Melaka • PTD Jasin • UPEN Melaka		
KELUASAN	464.41 hektar	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM730,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	UPEN/ BPEN		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
				✓	✓

▪ **Komponen Pembangunan Perumahan Mengikut Dasar Semasa**

JENIS RUMAH	PERATUS KOMPOSISI	LUAS LANTAI	HARGA KAWALAN
Rumah Kos Rendah (RKR)	10%	800Kp	RM70,000
Rumah Kos Sederhana Rendah (RKSR)	10%	900kp	RM120,000
Rumah Mampu Milik (RMM) JENIS A	15%	1,000kp	RM180,000
Rumah Mampu Milik (RMM) JENIS B	15%	1,200kp	RM250,000

Sumber: Lembaga Perumahan Melaka, 2022

▪ **Senarai Perancangan Projek Pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) Komited dan Keperluan Baharu Sehingga 2035**

BP	LOKASI PROJEK	BILANGAN	KELUASAN (Hek)
BP1	1. RMM Selandar	409	14.03
BP2	2. RMM Ayer Panas	2,069	63.96
BP3	3. RMM Chin Chin	241	7.85
BP5	4. RMM Jasin 1	775	265.03
	5. RMM Jasin 2	1,642	55.07
	6. RMM Jasin 3	2,130	52.98
BP6	7. RMM Sg. Rambai	84	5.50
	Jumlah	**7,350**	**464.41**

Keperluan Penyediaan Rumah Mampu Milik Masa Hadapan

Sasaran penyediaan RMM menjelang 2035 (RSN Melaka 2035)	40%
Jumlah keperluan RMM menjelang 2035 berdasarkan unjuran perumahan terancang (39,852 unit)	15,941 unit
Baki keperluan RMM yang perlu disediakan menjelang 2035	**8,591 unit**



PETUNJUK

Guna Tanah
- Perumahan 2035

Sempadan
- Sempadan Negeri
- Sempadan PBT
- Sempadan BP

Pengangkutan
- Jalan Utama
- Lebuhraya
- Landasan Keretapi
- Cadangan Laluan HSR

	LOKASI PROJEK	BILANGAN (Unit)	KELUASAN (Hek)
①	RMM Selandar	409	14.03
②	RMM Ayer Panas	2,069	63.96
③	RMM Chin Chin	241	7.85
④	RMM Jasin 1	775	265.03
⑤	RMM Jasin 2	1,642	55.07
	RMM Jasin 3	2,130	52.98
⑥	RMM Sg. Rambai	84	5.50

SH1 Peluang Perniagaan dan Penglibatan Dalam Bidang Keusahawanan

SH1-3 CADANGAN MEMBANGUNKAN TANAH DAN BANGUNAN YANG TERBIAR SEBAGAI PERUMAHAN TRANSIT ALTERNATIF

D1SKRIPSI CADANGAN

Rumah Transit merupakan salah satu program CSR Lembaga Perumahan Melaka (LPM) yang mencakupi beberapa kriteria seperti berikut :
Perlindungan sementara untuk mangsa bencana

1. Perlindungan sementara untuk gelandangan dan fakir miskin di bawah seliaan Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Kebajikan Masyarakat Melaka (JKMM), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan lain-lain agensi kerajaan.
2. Perlindungan sementara untuk mangsa keganasan rumah tangga di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Sebagai salah satu kaedah pengurusan risiko bencana terutamanya banjir dan lain-lain bencana. Pada tahun 2021 terdapat 7 kampung di Daerah Jasin mengalami bencana banjir. Melalui penyediaan perumahan transit ini akan dapat membantu mangsa bencana mendapatkan perlindungan tempat tinggal buat sementara waktu. Penyediaan perumahan transit juga dicadangkan disediakan di setiap kawasan DUN selaras dengan manifesto kerajaan iaitu *First Support Point* keganasan rumahtangga bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga atau golongan terpinggir lain yang memerlukan.

KOMPONEN CADANGAN

1. Membaik pulih kuarters JKR atau bangunan-bangunan kerajaan yang tidak digunakan sebagai perumahan transit dan dilengkapi dengan komponen-komponen berikut:
   - Bekalan air dan elektrik
   - Perabot rumah
2. Membangunkan tanah-tanah kerajaan yang berpotensi di setiap DUN untuk dijadikan sebagai Perumahan Transit dengan komponen pembangunan yang sesuai.
3. Dua kategori rumah transit dicadangkan bagi menyediakan tempat tinggal kepada golongan terkesan untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kuarters JKR Jasin/ Tanah-tanah Kerajaan	**AGENSI PENERAJU**	Lembaga Perumahan Melaka		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	• MP Jasin • PM @ Melaka • JKR • UPEN Melaka • PTD Jasin		
KELUASAN					
KATEGORI PROJEK	SK				
		ANGGARAN KOS PROJEK	RM6,000,000		
		SUMBER PEMBIAYAAN			
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓



Cadangan Kuarters lama di Pusat Bandar Jasin yang dicadangkan untuk naik taraf dan dibangunkan sebagai perumahan transit

SH1 Peluang Perniagaan dan Penglibatan Dalam Bidang Keusahawanan

SH1-4 CADANGAN MEWUJUDKAN INDEKS PERUMAHAN YANG KOMPREHENSIF SEBAGAI PANDUAN PERANCANGAN DI MASA DEPAN

D1SKRIPSI CADANGAN

Indeks Perumahan menyediakan kaedah untuk mengesan pencapaian pasaran perumahan Negeri Melaka. Indeks ini boleh mengukur pelbagai pemboleh ubah seperti harga, kemampuan, kualiti dan tren jangka panjang serta faktor-faktor yang mempengaruhi pasaran perumahan. Indeks perumahan yang dibangunkan merupakan pendekatan holistik yang selaras dengan matlamat pembangunan mampan dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Indeks perumahan ini adalah selaras dengan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) iaitu pembangunan Sistem Analitis Daya Raya Perumahan.

Petunjuk dalam Indeks Perumahan ini mengandungi indikator makro semasa dan perlu dikemas kini di dalam setiap 3-5 tahun. Kesan inisiatif pembangunan pasaran perumahan hanya akan direalisasi kemudian disebabkan oleh kesan daripada tempoh masa (*Lagging effect*) perlaksanaan polisi perumahan serta perubahan keadaan semasa yang berlaku. Indeks ini dibangunkan berdasarkan data dan kaji selidik yang dijalankan bersama orang awam. Indeks perumahan ini akan menjadi penanda aras bagi semua perancangan perumahan yang ingin dilaksanakan pada masa hadapan.

KOMPONEN CADANGAN

1. Menjalankan kajian indeks perumahan negeri Melaka melalui pelantikan perunding.

2. Indeks ini akan mengenal pasti beberapa isu seperti:
   - Akses kepada kemampuan memiliki rumah oleh isi rumah
   - Kemudahansampaian yang tidak mencukupi ke kemudahan asas terutamanya kawasan lapang
   - Ketiadaan kawasan lapang sebagaimana garis panduan perumahan dan kawasan lapang
   - Penawaran perumahan kos rendah;
   - Lokasi pembangunan perumahan mampu milik; dan
   - Lain-lain komponen yang berkaitan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	BP1 hingga BP6	**AGENSI PENERAJU**	Lembaga Perumahan Melaka		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	• UPEN Melaka • MP Jasin		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM4,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
				✓	

SD1	MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN DESA YANG TERANCANG DAN MESRA PENDUDUK
SD1–1	CADANGAN DESA PINTAR

D1SKRIPSI CADANGAN

Pembangunan Desa Pintar adalah bertujuan untuk mendedahkan penduduk desa dengan kemudahan dan infrastruktur pintar yang mana akan memudahkan urusan harian penduduk desa.

Gabungan antara teknologi maklumat dan elemen mampan seperti rendah karbon, bangunan hijau serta pembangunan berimpak rendah akan selaras dengan kehendak kerajaan negeri dan persekutuan dalam mengaplikasikan pembangunan mampan di peringkat bandar dan luar bandar.

KOMPONEN CADANGAN

1. Meluaskan fungsi dan keupayaan pusat internet di kawasan desa.
2. Pusat pembelajaran teknologi maklumat dan multimedia.
3. Penerapan elemen bangunan hijau seperti tenaga solar bagi menjana elektrik dan sistem pengumpulan air hujan di balai raya.
4. Sistem amaran bencana di kawasan yang berisiko banjir dan air pasang besar terutama di kawasan tebing sungai serta pinggir pantai.
5. Elemen Pintar

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	▪ Kg. Batang Melaka ▪ Kg. Gapis ▪ Kg. Kemengkang ▪ Kg. Chohong ▪ Kg. Umbai Pantai ▪ Kg. Merlimau Timur ▪ Kg. Parit Putat	**AGENSI PENERAJU**	Pejabat Daerah & Tanah		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• MP Jasin • Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) • SKMM (Jendela) • Perbadanan Teknologi Hijau • UPEN		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM8,000,000		
KATEGORI PROJEK	**QW**	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
				✓	



Ilustrasi Pusat Desa Pintar

KOMPONEN UTAMA DESA PINTAR

Contoh Sistem Panel Solar



Sistem Amaran Bencana



Rangkaian 5G



Pusat Internet Desa

ASPEK SOSIAL YANG BOLEH DIINTEGRASIKAN DALAM RANGKAIAN DESA PINTAR



SD1 MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN DESA YANG TERANCANG DAN MESRA PENDUDUK

SD1–2 CADANGAN KAMPUNG WARISAN

D1SKRIPSI CADANGAN

Cadangan Kampung Warisan ini melibatkan kampung-kampung yang mempunyai sekurang-kurangnya salah satu daripada ciri-ciri berikut:

1. Kampung yang berusia lebih 100 tahun;
2. Kampung yang mempunyai nilai sejarah dan budaya;
3. Kampung yang mempunyai ciri-ciri warisan ketara dan warisan tidak ketara yang signifikan dan unik;

Elemen kampung warisan boleh dilihat melalui seni bina, sejarah serta warisan yang telah lama diamalkan oleh penduduk setempat. Dengan adanya pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan kampung tersebut, ianya mampu untuk menarik pelancong dari tempatan dan antarabangsa untuk berkunjung dan merasai sendiri suasana kampung warisan.

KOMPONEN CADANGAN

1. Mengenal pasti ciri-ciri warisan tradisional yang unggul yang terdapat di kawasan desa termasuk rumah kampung yang mempunyai seni bina yang menarik.
2. Mengenal pasti aktiviti seni budaya yang wujud, secara aktif atau pernah dijalankan di kampung tersebut untuk tujuan pengaktifan atau pemugaran.
3. Mengenal pasti adiguru atau pakar pembuatan barangan warisan tradisional seperi tengkolok, keris, alat muzik tradisional dan makanan tradisional untuk mengajar belia sebagai pelapis baharu.
4. Menjalinkan kerjasama dengan sektor pelancongan dan agensi yang berkaitan agar ciri-ciri warisan ini dapat diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.
5. Mendapatkan penarafan kampung warisan (Best Tourism Village) oleh *United Nation World Tourism Organization.* Kampung pertama yang dicadangkan untuk pencalonan ialah **Kampung Parit Penghulu.**

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	▪ Kg. Parit Penghulu ▪ KOA Lubuk Bandung ▪ Kg. Ayer Merbau ▪ Kg. Chohong ▪ Kg. Gubah Masjid ▪ Kg. Umbai ▪ Kg. Pulai ▪ Kg. Tun Teja ▪ Kg. Parit Sidang Seman ▪ Kg. Bukit Senggeh	**AGENSI PENERAJU**	Pejabat Daerah & Tanah		
		AGENSI SOKONGAN	• MP Jasin • PERZIM • Bahagian Promosi Pelancongan, JKMM • MOTAC		
		ANGGARAN KOS PROJEK	RM10,000,000		
NO LOT	-	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Negeri		
KELUASAN	-	**FASA PELAKSANAAN**	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
KATEGORI PROJEK	**QW**		✓	✓	✓

KRITERIA PENILAIAN (INDIKATOR) BEST TOURISM VILLAGE UNWTO

- Budaya dan Sumber Semulajadi
- Potensi Pelancongan dan Pembangunan
- Pentadbiran dan Keutamaan Pelancongan
- Promosi dan Pemeliharaan Sumber Budaya
- Kemampanan Sosial
- Infrastruktur dan Kebolehsampaian
- Kemampanan Ekonomi
- Kemampanan Alam Sekitar
- Kesihatan dan Keselamatan

CIRI-CIRI WARISAN YANG TERDAPAT DI DAERAH JASIN

Rumah Tradisional Melaka

Pembuatan Kompang

Pembuatan Rebana

Pembuatan Keris

SD1 MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN DESA YANG TERANCANG DAN MESRA PENDUDUK

SD1–3 CADANGAN PEMERKASAAN KEUSAHAWANAN DESA

D1SKRIPSI CADANGAN

Keusahawanan desa merupakan salah satu sumber ekonomi masyarakat desa. Kawasan MP Jasin mempunyai potensi yang tinggi kerana mempunyai pelbagai sumber yang boleh diketengahkan sebagai tarikan utama seperti produk pertanian, dusun buah–buahan, ladang penternakan haiwan, produk kraftangan, inap desa dan produk makanan tradisional serta sejuk beku.

Dengan adanya tarikan tersebut mampu merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di kawasan desa dengan kunjungan pelancong dari dalam dan luar sekaligus mampu merapatkan jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar.

KOMPONEN CADANGAN

1. Memberikan insentif kewangan untuk menyokong dan memperkukuhkan pembangunan produk.
2. Memberikan kemudahan latihan dan pembangunan modal insan.
3. Mempromosikan program keusahawanan dengan lebih meluas di peringkat nasional dan antarabangsa.
4. Menyediakan aktiviti yang mampu menarik perhatian semua peringkat umur pengunjung.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	▪ Kg. Parit Penghulu ▪ Kg. Tedong Pantai ▪ Kg. Pulai ▪ Kg. Ayer Merbau ▪ Kg. Asahan ▪ FELDA Bukit Senggeh ▪ Kg. Gapis ▪ Kg. Chinchin ▪ Kg. Lipat Kajang ▪ Kg. Paya Tanjung, Umbai	**AGENSI PENERAJU**	Pejabat Daerah & Tanah		
		AGENSI SOKONGAN	• Jabatan Pertanian • Kementerian Pembangunan Luar Bandar • TEKUN Nasional • UPEN Melaka		
NO LOT	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM10,000,000		
KELUASAN	-	**SUMBER PEMBIAYAAN**			
KATEGORI PROJEK	SK	**FASA PELAKSANAAN**	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

▪ **PRODUK KEUSAHAWANAN DESA**

NAMA KAMPUNG	PRODUK
Kg. Parit Penghulu	Batik
Kg. Tedong Pantai	Perikanan
Kg. Pulai	Inap Desa
Kg. Ayer Merbau	Tanaman Sayur
Kg. Asahan	Dusun Buah-buahan
FELDA Bukit Senggeh	Makanan tradisional
Kg. Gapis	Dusun Buah-buahan
Kg. Chinchin	Makanan tradisional
Kg. Lipat Kajang	Makanan sejuk beku
Kg. Paya Tanjung, Umbai	Keris

Dusun buah-buahan

Produk makanan tradisional

SD1 MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN DESA YANG TERANCANG DAN MESRA PENDUDUK

SD1–5 CADANGAN PUSAT KEMAHIRAN DAN EKONOMI DESA

D1SKRIPSI CADANGAN

Pusat ilmu sangat sinonim dengan kawasan MP Jasin kerana terdapat pelbagai institusi pendidikan dari peringkat rendah, menengah dan tinggi. Potensi ini perlu dikembangkan kepada masyarakat desa kerana tenaga pengajar yang terdapat di institusi tersebut terutamanya di peringkat pengajian tinggi adalah di tahap terbaik dalam bidang masing-masing.

Integrasi antara tenaga pengajar, kemudahan dan tenaga kerja masyarakat desa bakal mewujudkan satu ekosistem yang baru sekaligus meningkatkan kemahiran dan ilmu penduduk desa dalam menggerakkan ekonomi setempat. Hal ini akan membantu mereka meningkatkan taraf hidup serta merapatkan jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar.

KOMPONEN CADANGAN

1. Mengadakan kerjasama dengan pusat pengajian tinggi seperti Kolej Komuniti, GiatMARA, Institut Kemahiran MARA dan Institut Latihan Industri dari sudut tenaga pengajar.
2. Menyediakan Kios Agroteknologi bagi tujuan latihan dan pembelajaran dalam bidang pertanian
3. Menggunakan balai raya kampung sedia ada sebagai pusat pembelajaran.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	▪ Kg. Pekan Selandar ▪ KOA Gapam Baru ▪ Kg.Masjid Baru ▪ FELDA Tun Ghaffar Air Kangkung ▪ Kg. Terentang ▪ Kg. Chabau ▪ Kg. Seri Minyak ▪ Kg. Merlimau Telok ▪ Kg. Sungai Rambai ▪ Kg. Parit Sidang Seman	**AGENSI PENERAJU**	Pejabat Daerah & Tanah		
		AGENSI SOKONGAN	• SKMM (PEDi) • GiatMARA • IKM • Kolej Komuniti • Swasta		
		ANGGARAN KOS PROJEK	RM10,000,000		
		SUMBER PEMBIAYAAN	Negeri		
NO LOT	-	**FASA PELAKSANAAN**	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
KELUASAN	-			✓	✓
KATEGORI PROJEK	SK				

SD1	MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN DESA YANG TERANCANG DAN MESRA PENDUDUK
SD1-6	CADANGAN PENYEDIAAN PAPAN TANDA NAMA KAMPUNG YANG SERAGAM

D1SKRIPSI CADANGAN

Kebanyakan kampung terletak secara berselerak, terpencil dan tidak mempunyai sempadan fizikal yang jelas. Oleh itu ia memerlukan satu papan tanda nama kampung sebagai penunjuk lokasi dan kedudukan desa agar mudah dikenali dan dikunjungi.

Penyediaan papan tanda nama ini bukan sahaja akan dapat meningkatkan identiti desa agar lebih berketerampilan dan selaras antara satu sama lain, ianya juga akan memberi imej yang baik kepada Majlis Perbandaran Jasin selaku pentadbir daerah yang berwibawa dalam mewujudkan pembangunan yang seimbang dan bersepadu antara kawasan bandar dan luar bandar.

KOMPONEN CADANGAN

1. Reka bentuk papan tanda nama yang menarik dan seragam.
2. Papan tanda nama yang dwimuka supaya boleh dilihat dari kedua-dua arah.
3. Diletakkan di tepi jalan utama atau di pintu masuk utama kampung.
4. Papan tanda hendaklah dibina dari bahan yang kukuh dan tahan cuaca.
5. Melambangkan ciri-ciri unik dan istimewa Daerah Jasin.
6. Menerapkan identiti kampung , contohnya tulisan jawi bagi nama kampung tradisional Melayu dan tulisan Cina bagi kampung baru Cina.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kampung-kampung di Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Pejabat Daerah & Tanah		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Majlis Perbandaran Jasin • Swasta		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM3,000,000		
KATEGORI PROJEK	**QW**	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

CADANGAN REKA BENTUK DAN CIRI-CIRI PAPAN TANDA NAMA KAMPUNG



FE1	Pengurusan Alam Sekitar, Sumber Jaya Dan Risiko Bencana
FE1-6	CADANGAN PELAN PENGURUSAN BERSEPADU PEMULIHAN DAN PENINGKATAN KUALITI AIR SG MERLIMAU

DESKRIPSI CADANGAN

Kualiti Air di Sg Merlimau telah merosot seperti ditunjukkan oleh indikator Indeks Kualiti Air (IKA) yang digunakan untuk mengukur tahap pencemaran mengambilkira parameter Oksigen Terlarut (DO), Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Keperluan Oksigen Kimia (COD), Ammoniakal Nitrogen (NH3-N), Pepejal Terampai (SS) dan pH. IKA kurang dari 60 menunjukkan kualiti yang telah tercemar. Dari segi klasifikasi kualiti air ianya berada di antara Kelas III dan IV dan sesuai bagi tujuan pengairan sahaja sekiranya tidak dirawat. Untuk meningkatkan kualiti air Sg Merlimau dari 'Tercemar dan Sederhana Tercemar' kepada 'Bersih' (WQI>80). Sg Merlimau merupakan lembangan kecil yang bersempadan secara terus dengan kawasan persisiran pantai. Kg. Permatang Serai pernah merekodkan kualiti Sederhana Tercemar pada tahun 2020 dan Kawasan Industri berdekatan Merlimau pernah pada tahun 2018 manakala Stesen Pekan Merlimau tahun 2018-2020.

TINDAKAN CADANGAN

1. Memerlukan projek dan program untuk peningkatan kualiti air Sg. Merlimau.
2. Memantau dan mengawal aktiviti/ premis yang telah dikenal pasti sebagai sumber pencemaran setempat serta meningkatkan pematuhan terhadap keperluan penyediaan sistem rawatan dari aspek pelepasan discaj ke alur air/ sungai.
3. Pembangunan baharu, perluasan pembangunan sedia ada atau pengambilan sumber mineral (semua bentuk perlombongan) adalah tidak galakkan di mana Pelan Pengurusan Bersepadu perlu disediakan untuk kawasan-kawasan ini.
4. Bagi melindungi kawasan Sg. Merlimau, jaluran tanah kerajaan yang bersebelahan dengan sungai perlu diwartakan sebagai rizab sungai di mana kelebarannya adalah berpandukan kelebaran minimum yang disarankan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran.
5. Aktiviti pembangunan sedia ada yang beroperasi tanpa lesen dan kebenaran perlu dikenal pasti dan dipertimbangkan oleh pihak berkuasa negeri untuk melalui proses pemutihan atau dipindah/ dirobohkan jika mencemari sungai dan mengakibatkan kacau ganggu.
6. Mengawal kumbahan dari kawasan penempatan seperti kampung dengan penggunaan tangki septik selain dapat menaiktaraf kualiti air dan dapat mengurangkan risiko kesihatan yang berpunca dari penyakit bawaan air.
7. Meningkatkan kesedaran awam dan menggalakkan penduduk untuk menjalankan penyelenggaraan berkala tangki septik.
8. Cadangan untuk membina Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP) di Bandar Merlimau.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Sg. Merlimau	**AGENSI PENERAJU**	BKSA		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Syarikat Air Melaka Berhad, JAS, MPJ		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM5,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

FE1	Pengurusan Alam Sekitar, Sumber Jaya Dan Risiko Bencana
FE1-7	CADANGAN KAWALAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN SUMBER DAN PEMBEKALAN AIR

DESKRIPSI CADANGAN

- Daerah Jasin merupakan kawasan utama sumber bekalan air kepada Negeri Melaka.

- Empangan Jus dan Empangan Asahan merupakan dua (2) daripada lima (5) sumber air mentah dalam bentuk empangan/kolam takungan bagi Negeri Melaka terletak di dalam Kawasan Kajian selain dari Empangan Durian Tunggal dan *Bunded Storage 1* dan 2. Sumber air mentah adalah dari Sungai Kesang yang memberi bekalan kepada Loji Air Chin Chin dan Loji Kompak Chin Chin melalui intake Chin Chin dan Loji Air Merlimau 1 dan Merlimau 2 melalui Intake Lancang. Projek Takungan Air Pinggir Sungai (TAPS) Tasik Biru, Jasin telah dikenal pasti sebagai sumber air baharu kepada Negeri Melaka. Selain itu juga telah dikenalpasti sumber air alternatif iaitu:
  - Kolam HS Bukit Sedanan
  - Kolam Taman Negeri Bukit Sedanan
  - Kolam Kesang 1
  - Kolam Kesang 2
  - Kolam Tebat

- Penukaran guna tanah dari hutan kepada pertanian di kawasan tadahan air Empangan Jus bukan sahaja akan mengakibatkan berlakunya pengurangan litupan hutan yang mengurangkan fungsi sebagai tadahan air, penebangan hutan juga akan menyumbang kepada hakisan tanah dan kerosakan cerun, pemendapan sungai, dan seterusnya akan menjejaskan kuantiti dan kualiti sumber bekalan air mentah tanah dan menyebabkan lebih banyak banjir di kawasan tanah rendah di hilir.

- Operasi kuari di kawasan tadahan air boleh mengganggu sumber air semula jadi ke empangan Jus dan juga ke lembangan Sg Kesang dan menyebabkan masalah pemendapan di bahagian hilir. Tambahan pula, operasi perlombongan pasir di kawasan Bukit Senggeh dan di kawasan sungai dan sepanjang pantai boleh meningkatkan ancaman kepada ekologi marin terutamanya hutan bakau dan sepanjang pantai yang menjadi sumber perikanan.

- Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengawal aktiviti pembangunan dan pertanian terutama tanaman kelapa sawit di kawasan sumber air bagi mengawal kualiti dan kuantiti air yang sentiasa terkawal.

TINDAKAN CADANGAN

1. Pelaksanaan penguatkuasaan dan pemantauan pematuhan Standard Piawai yang telah ditetapkan berdasarkan kepada Standard A, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Berdasarkan kepada sistem rawatan air yang digunakan iaitu secara konvensional, kualiti air sungai perlu menepati sasaran sekurang-kurangnya Kelas IIA, Standard Piawai Kualiti Air Kebangsaan di mana kepekatan bagi parameter utama adalah seperti berikut iaitu Ammoniakal Nitrogen <0.3 mg/l, COD <25mg/l, TSS <50mg/l, BOD <3mg/l.
2. Pelaksanaan Penguatkuasaan di bawah Enakmen Sumber Air Negeri Melaka 2014 dan Peraturan-peraturan yang telah dikuatkuasakan di bawahnya serta arahan pihak berkuasa negeri dari masa ke semasa.
3. Sebarang pembangunan melibatkan aktiviti pertanian dan perladangan, pelancongan, penternakan, perikanan, perlombongan, pembangunan dan industri perlulah mematuhi keperluan Peraturan-peraturan Zon Perlindungan dan Zon Penampan Kawasan Sumber Air (Negeri Melaka) 2020 di mana peletakannya tidak dibenarkan sama sekali di dalam Zon Perlindungan bagi sumber air untuk Empangan Jus (535 hektar) dan Empangan Asahan (85 hektar) merangkumi kawasan tanah-tanah hak milik persendirian yang berada 10-50 meter dari sempadan tanah empangan dan 50 meter dari sempadan empangan untuk tanah kerajaan) termasuk mana-mana tebing dan rizab sungai atau empangan, badan perairan, kawasan sumber air dan kawasan tadahan air bagi tujuan perlindungan serta kawalan pencemaran daripada sebarang aktiviti yang menjejaskan kualiti air mentah.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	LRA Sungai Chin dan Sungai Lanchang kepada Muka sauk Chinchin dan Muka Sauk Lanchang	**AGENSI PENERAJU**	BKSA dan SAMB		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Jabatan Alam Sekitar Majlis Perbandaran Jasin		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM3,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan, Negeri dan PAAB		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

PU2	Pengurusan Sumber Air Dan Sistem Bekalan Air Yang Mencukupi, Berkualiti Dan Mampan
PU2-1	CADANGAN PENINGKATAN PENJANAAN SUMBER AIR MENTAH DI KAWASAN MP JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

Daerah Jasin mempunyai sumber air yang membekalkan air mentah kepada loji-loji rawatan air di Daerah Jasin dan juga kepada Empangan Jus. Air mentah ini kemudiannya di proses di loji-loji rawatan air yang membekalkan air terawat kepada Daerah Jasin dan lain-lain daerah di dalam Negeri Melaka.

Pembangunan serta pemuliharaan sumber air mentah ini adalah diperlukan untuk memastikan loji-loji rawatan air dapat beroperasi di kapasiti yang optimum. Sekiranya bekalan air mentah ini terputus akibat ketidakcukupan bekalan atau akibat pencemaran, loji-loji rawatan air tidak dapat berfungsi pada tahap optimum, seterusnya bekalan air terawat kepada pengguna akan terjejas.

Lembangan Sg. Kesang merupakan sumber air mentah utama di Daerah Jasin di mana terdapat muka sauk bekalan air mentah di Chin Chin, Asahan dan juga di Lanchang, Sg. Kesang juga akan membekalkan air kepada Empangan Jus dan menjadi sumber air untuk projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS Melaka) Tasik Biru di masa hadapan.

KOMPONEN CADANGAN

1. Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS Melaka) Tasik Biru.
2. Projek penyaluran air mentah dari TAPS Melaka Tasik Biru dan Sg. Kesang ke Empangan Jus.
3. Kajian kemungkinan '*Inter Basin Water Transfer*' Lembangan Sungai Negeri Melaka yang akan membabitkan Sungai Kesang.
4. Projek pelencongan air tercemar Sg. Semujok dan Sg. Paya Lebar ke hilir muka sauk Lanchang (telah siap).
5. Mengkaji kemungkinan menyediakan kawasan '*wetland*' di hulu Sg. Semujok yang berfungsi sebagai sistem tapisan untuk mengurangkan pencemaran di hilir Sg. Semujok.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Daerah Jasin	**AGENSI PENERAJU**	BKSA		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Syarikat Air Melaka Berhad, SPAN		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM850,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan dan Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Cadangan Penyaluran Air Mentah dari Taps Tasik Biru dan Sungai Kesang Ke Empangan Jus



Cadangan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Tasik Chin Chin



Sumber : Badan Kawal Selia Air Negeri Melaka, 2021

PU2	Pengurusan Sumber Air Dan Sistem Bekalan Air Yang Mencukupi, Berkualiti Dan Mampan
PU2-2	CADANGAN MENAIKTARAF SISTEM AGIHAN PAIP AIR, MENGURANGKAN INSIDEN GANGGUAN BEKALAN AIR DAN MENGURANGKAN KADAR AIR TAK TERAKAUN

DESKRIPSI CADANGAN

Selain daripada kerja-kerja membina dan menaik taraf kapasiti loji-loji rawatan air, sistem bekalan agihan bekalan air juga perlu di bina, di naik taraf dan di selenggara secara bersepadu untuk menjamin bekalan air dapat disalurkan dengan sempurna kepada pengguna.

Cadangan-cadangan sistem agihan ini berkisar kepada beberapa objektif:

- Memastikan sistem agihan bekalan air terawat yang menyeluruh, efektif dan efisien
- Mengurangkan insiden gangguan bekalan air melalui kejadian seperti paip bocor, pencemaran muka sauk, kerosakan kepada peralatan di rumah pam dan LRA.
- Mengurangkan kadar air tak terakaun (*non-revenue water*, NRW) daripada 24.64% pada waktu ini. Sasaran NRW yang dicadangkan adalah 20 % pada tahun 2025 dan 10 % pada tahun 2035.

KOMPONEN CADANGAN

1. Membina jajaran paip baru dari Empangan Jus ke LRA Gadek (LRA Gadek berada di luar Daerah Jasin).
2. Projek penggantian paip dari simpang Kolam Bukit Bahudin ke Bandar Jasin.
3. Projek penggantian paip dari Kolam Bemban ke Pekan Bemban.
4. Mengenal pasti dan memperbaiki sistem agihan bekalan air yang mengalami isu tekanan air rendah seperti di Bukit Batu Lebah.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin	**AGENSI PENERAJU**	SAMB		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	SPAN & BKSA		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM13,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	SAMB & PAAD		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

PU2	Pengurusan Sumber Air Dan Sistem Bekalan Air Yang Mencukupi, Berkualiti Dan Mampan
PU2-3	CADANGAN MENAIKTARAF LOJI RAWATAN SEDIA ADA DAN MEMBINA LOJI RAWATAN AIR BAHARU

DESKRIPSI CADANGAN

Loji-loji rawatan air (LRA) di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin bukan sahaja membekalkan air terawat kepada Daerah Jasin tetapi juga membekalkan air terawat kepada lain-lain daerah di dalam Negeri Melaka.

Pembinaan loji-loji air baharu dan menaik taraf loji-loji sedia ada untuk menjamin keperluan pengguna adalah diperlukan. Pembinaan loji-loji ini akan dijalankan mengikut permintaan yang telah diunjurkan oleh pihak BKSA Negeri Melaka/SAMB sehingga Tahun 2035.

KOMPONEN CADANGAN

1. Pembinaan Loji Rawatan Air Merlimau Fasa 2 (melibatkan pertambahan kapasiti sebanyak 55 juta liter sehari).
2. Pembinaan Loji Rawatan Air Merlimau Fasa 3 (melibatkan pertambahan kapasiti sebanyak 110 juta liter sehari).
3. Pembinaan Loji Rawatan Air Kompak Chin Chin Fasa 3 (melibatkan pertambahan kapasiti sebanyak 30 juta liter sehari).
4. Pembinaan Loji Rawatan Air Kompak Chin Chin (melibatkan pertambahan kapasiti sebanyak 30 juta liter sehari).
5. Menaik taraf Loji Rawatan Air Asahan Fasa Perancangan (melibatkan pertambahan kapasiti sebanyak 5 juta liter sehari).
6. Menaik taraf Loji Rawatan Air Jus Fasa Perancangan (melibatkan pertambahan kapasiti sebanyak 50 juta liter sehari).

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	• LRA Merlimau • LRA Asahan • LRA Jus • LRA Chin Chin	**AGENSI PENERAJU**	BKSA		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	SPAN		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM580,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	SAMB/ SPAN		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Loji rawatan air Chin Chin

Loji rawatan air Merlimau Fasa 1 (sedia ada)

PU2	Pengurusan Sumber Air Dan Sistem Bekalan Air Yang Mencukupi, Berkualiti Dan Mampan
PU2-4	CADANGAN MEMPERKASAKAN PENGGUNAAN AIR YANG CEKAP DAN BERHEMAT

D1SKRIPSI CADANGAN

Penggunaan bekalan air yang cekap dan berhemat merupakan satu kaedah yang penting untuk mengurangkan permintaan bekalan air terawat. Air merupakan sumber semula jadi yang perlu dipulihara dan di gunakan secara mampan.

Pihak Kerajaan Negeri Melaka melalui Melakaku Maju Jaya 2035 telah mengutarakan pelbagai cadangan untuk penggunaan air yang berhemat. Antaranya adalah:

- inisiatif '*drinking water from the tap*' dan kempen kesedaran penjimatan air melalui iklan, hebahan media dan sebagainya
- menggalakkan tuaian air hujan sebagai sumber air alternatif dan menggalakkan penggunaan air kolam takungan tebatan banjir sebagai sumber air alternatif
- menggalakkan kitar air semula di sektor industri untuk mengurangkan permintaan bekalan air terawat dan menggalakkan kitar air semula dari loji-loji kumbahan sebagai sumber air bukan minuman
- menggalakkan pembangunan '*Green buildings*' di mana kaedah penjimatan air di amalkan di dalam bangunan dan mengkaji kemungkinan merawat air laut/masin dan penggunaan sumber air bawah tanah sebagai bekalan air alternatif.

KOMPONEN CADANGAN

1. Pembinaan air kolam takungan tebatan banjir yang akan di bina untuk Sistem Perparitan Induk Mesra Alam di Bandar Jasin, Merlimau dan Sg. Rambai perlu direka supaya mempunyai pelbagai fungsi, termasuk sebagai sumber air alternatif.

2. Menggalakkan tuaian air hujan untuk bangunan –bangunan sedia ada melalui insentif (sebagai contoh pengurangan cukai pintu)

3. Mensyaratkan tuaian air hujan sebagai sumber air alternatif/bukan minuman untuk projek-projek industri dan komersil baru.

4. Menggalakkan pembangunan baharu untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip bangunan hijau serta mendapatkan penakrifan seperti Green Building Index dan Sijil Iktiraf LEED.

5. Menggalakkan sektor industri untuk mengamalkan kitar semula air daripada proses industri untuk mengurangkan permintaan bekalan air terawat.

6. Menggalakkan kitar air semula di loji-loji rawatan kumbahan (LRK) IWK, terutamanya di LRK-LRK berpusat/serantau yang telah dicadangkan untuk Bandar Jasin dan Bandar Merlimau.

7. Mengamalkan kaedah Integrated Water Resource Management (IWRM) di dalam pengurusan sumber dan agihan bekalan air.

8. Kerja-kerja perancangan, pemasangan, penyelenggaraan serta pemantauan laluan paip air dan infrastruktur lain seperti kabel bekalan elektrik, paip gas, paip pembetung, kabel telekomunikasi perlu diselaraskan. Untuk cadangan pembangunan yang melibatkan jalan baru iaitu yang mempunyai lebar 20.11m dan ke atas perlu penyediaan rezab utiliti sebanyak 3m di kiri dan kanan bahu jalan. Cadangan kedudukan dan susunan utiliti perlu di rujuk kepada Bahagian Koridor Infrastruktur dan Impak Sosial Negeri Melaka.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin	**AGENSI PENERAJU**	BKSA		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	Jab Pengairan & Saliran (JPS)		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM72,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	BKSA/ SAMB		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		



FE1	Pengurusan Alam Sekitar, Sumber Jaya Dan Risiko Bencana
FE1-1	CADANGAN PERLINDUNGAN KSAS TAHAP 1

DESKRIPSI CADANGAN

- Kawasan Perlindungan KSAS Tahap 1 merupakan KSAS Bernilai Sokongan Hidup, KSAS Berisiko Bencana dan KSAS Bernilai Warisan. Mewartakan semua kawasan dikenal pasti sebagai kawasan perlindungan (KSAS Tahap 1) di mana penyahwartaan kawasan tersebut adalah tidak dibenarkan (Jika penyahwartaan dibenarkan, ia perlu melalui mekanisme yang ketat).
- Penyahwartaan hanya dibenarkan dengan syarat penggantian kawasan lain yang bersesuaian dan setelah mengambilkira (a) keperluan bagi pemuliharaan tanah dan air, kepelbagaian hayat serta pertimbangan lain ke atas alam sekitar; (b) keperluan untuk mengekalkan pengeluaran kayu di dalam bagi memenuhi kehendak industri perhutanan; dan (c) pembangunan ekonomi Negeri.
- Hanya aktiviti ekopelancongan, penyelidikan, pendidikan dan pembangunan berimpak rendah adalah dibenarkan tetapi tertakluk kepada perkara di dalam Enakmen dan Akta pewartaan yang berkaitan dengan syarat-syarat yang ditetapkan.
- Hutan Simpan di kawasan kajian merupakan *Green Carbon* Sink yang bernilai RM 102.8 juta/tahun yang merupakan KSAS Tahap 1.
- *Watershed Benefit Services* bernilai RM 27.5 juta/tahun merujuk kepada kawasan tadahan air yang terletak di bahagian utara Daerah Jasin.

TINDAKAN CADANGAN

1. Perlindungan sepenuhnya semua kawasan hutan perlindungan yang telah diwartakan di bawah Seksyen 10, Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) mengikut pengkelaskan hutan simpanan kekal seperti berikut :
   - HS Batang Melaka yang diwartakan sebagai hutan tadahan air dan kawalan banjir - 1,271,23 hektar.
   - HS Bukit Sedanan yang diwartakan sebagai hutan tadahan air, hutan simpanan hutan dara, hutan lipur (Taman Negeri Melaka) dan hutan penyelidikan -1,705.03 hektar.
   - HS Senggeh yang diwartakan sebagai hutan tadahan air, hutan simpanan hutan dara dan hutan lipur (Taman Eko Bukit Batu Lebah) - 1,612.48 hektar.
   - HS Merlimau yang diwartakan sebagai hutan penyelidikan - 8.84 hektar
   - HS Paya Laut Merlimau (termasuk tambahan 1 dan 2) yang diwartakan sebagai hutan tebus guna tanah – 45.34 hektar menyimpan fungsi perkhidmatan ekosistem yang pelbagai.
2. Pewartaan dan perlindungan Empangan Jus, Empangan Asahan dan kawasan tadahan empangan sedia ada yang bermula di puncak bukit dalam HSK Batang Melaka.
3. Perlindungan *Intake LRA Chin Chin, Intake LRA* Asahan, Intake LRA Jus, Intake Lanchang, Loji Air Kompak Chin Chin, TAPS Tasik Biru (dalam perancangan).
4. Pewartaan dan perlindungan kolam-kolam alternatif di HS Bukit Sedanan, Taman Negeri Bukit Sedanan, Kolam Kesang 1, Kolam Kesang 2, Tasik Tebat dan Tasik Biru.
5. Cadangan langkah-langkah kawalan pembangunan bersebelahan dengan sumber ari dengan mengadakan zon penampan dan zon perlindungan selaras dengan Peraturan-peraturan Zon Perlindungan dan Zon Penampan Kawasan Sumber Air (Negeri Melaka) 2020 dan bagi penetapan kelebaran Zon penampan mengikut fungsi hutan adalah berdasarkan kepada Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 5 tahun 2014.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	KSAS Tahap 1	**AGENSI PENERAJU**	• Jabatan Alam Sekitar (JAS) • Jabatan Perhutanan		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Badan Kawal Selia Air (BKSA) • Jabatan Pengairan dan Saliran		
KELUASAN	9,905.76 Hektar	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM3,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Kawasan Tahap Sangat Sensitif KSAS Tahap 1



PETUNJUK

KSAS Tahap 1

- HSK Hutan Paya Laut
- Hutan Dara
- Hutan Lipur
- Hutan Paya Laut
- Hutan Penyelidikan
- Hutan Tadahan Air
- Hutan Taman Negeri
- Sungai di dalam KSAS Tahap 1
- Tadahan Empangan
- Takat Pengambilan Air
- Tanah Bukit (150 - 300m) di dalam KSAS Tahap 1
- Tasik
- Zon Penampan HSK KSAS Tahap 1 500m
- Zon Penampan Hutan Tanah Negeri dan Paya Laut
- Zon Penampan KSAS Tahap 1 500m
- Lot Warta 16 Pulau
- Sempadan 2 Batu Nautika Taman Laut
- Zon Dilindungi
- Zon larangan menangkap ikan

FE1	Pengurusan Alam Sekitar, Sumber Jaya Dan Risiko Bencana
FE1-2	CADANGAN TAHAP SENSITIF SEDERHANA KSAS TAHAP 2

DESKRIPSI CADANGAN

- Kawasan yang masih belum diwarta tetapi dikenal pasti oleh kerajaan dan akademik sebagai habitat penting.
- Pewartaan perlu diberi keutamaan bersama kawalan pembangunan yang ketat.
- Tidak dibenarkan sebarang pembangunan perbandaran Hanya Pembangunan terhad kepada aktiviti ekopelancongan bersumberkan alam semulajadi dan khidmat sokongan yang berkaitan dengan ekopelancongan serta kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D) dibenarkan.
- Hanya pembalakan secara mampan untuk pengeluaran kayu di bawah Perolehan Berkekalan di kawasan berbukit berkecerunan antara 25-35 darjah dibenarkan.

TINDAKAN CADANGAN

1. Pemeliharaan kawasan berkepentingan biodiversiti tetapi belum diwartakan sebagai kawasan perlindungan.

   Hutan tanah Kerajaan (HTK) termasuk :-
   - Hutan Darat – 308.44 hektar
   - Hutan Gambut – 425.84 hektar
   - Hutan Paya Laut – 466.50 hektar (berdasarkan maklumat dari GIS
   - Pulau-pulau yang berada di dalam perairan 3km batu nautika (Pulau Burong/Kelong Abu dan Pulau Nangka)
2. Kawasan perbukitan yang berada antara kontur 300m hingga 1,000m (Termasuk Bukit Gapis 485m dan kini dikenali sebagai Gunung Melaka)
3. Kawasan Hutan Paya Laut yang belum diwartakan mengunjur dari Persisiran Simpang-Merlimau-Ayer Tawar-Sebatu-Sg Kesang
4. Dataran pasang surut terlindung dan pantai berlumpur yang sering dikunjungi oleh burung hijrah, pantai berlumpur semaian kupang, Kawasan tanah gambut, tanah lembut, lubang benam dan bekas lombong yang berkaitan dengan Tasik Chin Chin dan Tasik Biru.
5. Rizab sungai - jaluran tanah yang bersebelahan dengan sungai dikekalkan sebagai tanah negeri dan diwartakan mengikut peruntukan rizab; berpandukan kelebaran minimum mengikut saranan Jabatan Pengairan dan Saliran.
6. Kawasan tadahan air kepada muka sauk (intake) muka sauk Loji Rawatan Air (LRA) Chin Chin, Jus dan Rumah Pam Lanchang.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	KSAS Tahap 2	**AGENSI PENERAJU**	MP Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Badan Kawal Selia Air (BKSA) • Jabatan Pengairan dan Saliran • Jabatan Alam Sekitar		
KELUASAN	15,738.44 Hektar	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM8,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Kawasan Tahap Sensitif Sederhana KSAS Tahap 2



PETUNJUK

KSAS Tahap 2

- Hutan Paya Laut
- Hutan Tanah Negeri
- Kenaikan Aras Laut
- Pulau Burong
- Sungai
- Tasik
- Zon Penampan 500 meter dari HSK
- Zon Penampan HSK KSAS Tahap 1
- Zon Penampan Hutan Tanah Negeri dan Paya Laut
- Zon Penampan KSAS Tahap 1

FE1	Pengurusan Alam Sekitar, Sumber Jaya Dan Risiko Bencana
FE1-3	CADANGAN TAHAP SENSITIF RENDAH KSAS TAHAP 3

DESKRIPSI CADANGAN

Kawasan pembangunan dan penggunaan mampan di mana perlu pengawalan dan pemantau yang rapi untuk aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

TINDAKAN CADANGAN

1. Kawasan 500m penampan dari KSAS Tahap 2, HS negeri dan kawasan berhutan.
2. Kawasan yang mempunyai warisan kebudayaan:
   - Makam Tun Teja
   - Kg. Orang Asli Bukit Payung
   - Kg. Orang Asli Solok Terentang
   - Kg. Orang Asli Bukit Seraya
   - Kg. Orang Asli Gapam Baru
   - Rumah Tradisional Tuan Hj. Yusof Bin Hj. Awal, Kg. Rim, Jasin.
3. Kawasan antara kontur 150m hingga 300m
4. Kawasan berisiko kenaikan paras laut yang memberi risiko kehilangan tanah dan harta benda.
5. Pantai yang terhakis di Pantai Siring
6. Kawasan-kawasan pesisir laut lain yang mengalami fenomena air pasang surut atau berada di dalam 1 km dari pinggir pantai.
7. Kawasan tadahan yang berada >5km dari takat pengambilan air untuk Loji Rawatan Air (LRA) Chin Chin dan Rumah Pam Lanchang dan zon imbuhan air bawah tanah untuk kegunaan telaga.
8. Kawasan penting untuk sekuriti makanan:
   - Kawasan Padi
   - Taman Kekal Pengeluaran Makanan
   - Zon Industri Akuakultur
9. Potensi mineral berlogam di kawasan kajian iaitu Emas *(Au),* Timah *(Sn) dan* Unsur Nadir Bumi dan tiga mineral bukan logam iaitu agregat batuan, *earth material* dan pasir & kerikil yang digunakan untuk tujuan perindustrian dan pembinaan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	KSAS Tahap 3	**AGENSI PENERAJU**	MP Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Badan Kawal Selia Air (BKSA) • Jabatan Pengairan dan Saliran • Jabatan Alam Sekitar (JAS)		
KELUASAN	40,687.94 Hektar	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM5,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Pemeliharaan Kawasan KSAS Tahap 3 –Sensitivi Rendah



PETUNJUK

KSAS Tahap 3

- Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal
- Dataran Banjir
- Persisiran Pantai
- Takat Pengambilan Air
- Tanah Bukit (150 - 300m)
- Warisan Sejarah
- Zon Industri Akuakultur
- Zon Penampan Hutan Tanah Negeri dan Paya Laut
- Cadangan Sangkar Kerang
- Zon A Kawasan Penangkapan Ikan

PU3	**Melaksanakan Sistem Pembetungan Yang Moden Dan Efisien Supaya Dapat Mengurangkan Risiko Pencemaran Alam Sekitar Di Daerah Jasin**
PU3-1	**CADANGAN MEMBANGUNKAN SISTEM PEMBETUNGAN BERPUSAT DI BANDAR JASIN DAN BANDAR MERLIMAU**

D1SKRIPSI CADANGAN

Bandar Jasin merupakan petempatan utama di dalam Daerah Jasin di mana ia merupakan tumpuan pejabat-pejabat kerajaan, bangunan-bangunan institusi, perumahan awan dan premis-premis perniagaan. Pada waktu ini, sistem rawatan kumbahan sedia ada terdiri daripada LRK '*multi point*' dan juga tangki-tangki septik. Bilangan LRK yang tinggi dan berselerak menyukarkan kerja-kerja pemantauan dan penyelenggaraan loji-loji ini. Penggunaan sistem pembetungan berpusat yang dilengkapi dengan rangkaian paip pembetung, rumah-rumah pam (jika perlu) serta Loji Rawatan Kumbahan berpusat/serantau dapat mengurangkan risiko pencemaran kepada alam sekitar. Ini adalah kerana LRK berpusat/serantau lebih mudah untuk diselenggarakan dan di pantau. Ia juga akan juga mengurangkan pertumbuhan loji kumbahan di dalam satu pembangunan bagi mengurangkan '*point sources*' pencemaran.

Bandar Jasin merupakan bandar yang berada di dalam kawasan tadahan bekalan air kerana ia adalah di hulu muka sauk Chin Chin dan muka sauk Lanchang. Oleh itu kualiti efluen yang dikeluarkan daripada LRK perlu berada dalam keadaan yang sempurna supaya ia tidak menjejaskan operasi Loji rawatan Air. Kualiti efluen yang dihasilkan perlu juga mematuhi Piawaian Kelas A (Standard A) untuk mengelakkan badan air terjejas akibat pencemaran.

KOMPONEN CADANGAN

1. Menjalankan Kajian Tadahan Pembetungan untuk Bandar Jasin dan Bandar Merlimau
2. Membina rangkaian paip pembetung, rumah pam dan Loji Rawatan Kumbahan Berpusat/ Serantau
3. Menyambung premis-premis sedia ada kepada sistem pembetungan berpusat yang akan dibina
4. Memberhentikan kerja loji-loji kecil dan tangki-tangki septik yang tidak lagi digunakan.
5. Menyelenggarakan dan memantau LRK Berpusat/Serantau dan sistem pembetung baru untuk memastikan ia tidak menjadi punca pencemaran kepada sungai

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	• Bandar Jasin • Bandar Merlimau	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP)		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	IWK		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM320,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓



Contoh LRK Serantau – LRK Pantai, Kuala Lumpur

PU3	Melaksanakan Sistem Pembetungan Yang Moden Dan Efisien Supaya Dapat Mengurangkan Risiko Pencemaran Alam Sekitar Di Daerah Jasin
PU3-2	CADANGAN MERASIONALISASIKAN LOJI RAWATAN KECIL (MULTI POINT) DAN TANGKI-TANGKI SEPTIK DI DALAM LEMBANGAN SUNGAI KESANG

D1SKRIPSI CADANGAN

Selain daripada Bandar Jasin, terdapat juga petempetan-pertempatan kecil yang lain seperti Asahan, Selandar dan Chin Chin yang berada di dalam Lembangan Sungai Kesang. Terdapat juga beberapa kawasan industri seperti Kawasan Industri Lepat Kajang yang juga berada di dalam Lembanqan Sungai Kesang,

Oleh kerana kawasan-kawasan ini tidak terdapat petempatan atau premis yang berskala besar dan berketumpatan tinggi, pembinaan sistem pembetungan berpusat/serantau adalah tidak sesuai. Walau bagaimanapun, proses mengrasionalasasikan loji-loji kecil/tangki septik sedia ada ini boleh di jalankan dengan menyambung loji-loji kecil kepada loji yang lebih besar. Ini bertujuan untuk mengurangkan bilangan loji yang perlu di selenggara dan di pantau. Ia juga bertujuan untuk mengurangkan '*point sources*' dari loji-loji kumbahan kecil dari kawasan perumahan.

Untuk pembangunan-pembangunan baru, penyediaaan sistem pembetungan dan loji-loji rawatan kumbahan yang sesuai dan mematuhi syarat-syarat yang sedia ada seperti "Guideline for Sewerage Industry " terbitan Suruhanjaya Pengurusan Air Nasional perlu di amalkan.

KOMPONEN CADANGAN

1. Kajian Kemungkinan merasionalasasikan LRK-LRK kecil dan tangki septik di dalam Lembangan Sg. Kesang

2. Kerja-kerja mengurangkan bilangan LRK kecil terutamanya di pekan-pekan kecil di dalam Lembangan Sungai Kesang. Ini adalah untuk mengurangkan punca titik '*point source*' pencemaran.

3. Menyelenggarakan dan memantau operasi loji-loji kumbahan setelah di rasionalisasikan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	• Nyalas • Selandar • Asahan • Chin Chin	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP)		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	IWK		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM65,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

Cadangan Peningkatan Perkhidmatan Sistem Pembetungan Di Jasin

PU4	Melaksanakan Memastikan Bekalan Elektrik Dan Bekalan Gas Asli Yang Mencukupi, Selamat Dan Mempunyai Kebolehharapan Yang Tinggi Untuk Menyokong Pembangunan Daerah Jasin
PU4-1	CADANGAN MELAKSANAKAN PROJEK TALIAN VOLTAN TINGGI 500KV SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN

D1SKRIPSI CADANGAN

Pihak Tenaga Nasional Berhad telah mencadangkan talian voltan tinggi 500 kV di bina di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin. Talian voltan tinggi 500 KV ini bersambung dengan talian 500 KV sedia ada di Negeri Sembilan dan akan dibina bersebelahan talian 275 KV sedia ada.

Talian 500 KV ini akan melalui bersebelahan dengan Pencawang Masuk Utama (PMU) Chohong 275/132kV. Cadangan PMU Chohong ini akan dibina apabila terdapat peningkatan keperluan bekalan elektrik pada masa akan datang bagi memenuhi kehendak pengguna.

KOMPONEN CADANGAN

1. Membina talian 500 KV bersebelahan rentis 275 KV sedia ada dari Negeri Sembilan ke Chohong dalam Jasin dan seterusnya ke Johor (talian 500kV Bukit Unggul – Sg. Mati)

PMU Serkam Pantai

PMU Batang Melaka



PMU Chohong

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Rentis 275kV sedia ada, PMU Chohong	**AGENSI PENERAJU**	• Tenaga Nasional Berhad (TNB)		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM380,000,000		
KATEGORI PROJEK		**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

PETA INDEKS TALIAN ATAS PENGHANTARAN TNB DAN TAPAK PENCAWANG MASUK UTAMA (CADANGAN DAN SEDIA ADA)



PU4	Melaksanakan Memastikan Bekalan Elektrik dan Bekalan Gas Asli yang Mencukupi, Selamat dan Mempunyai Kebolehharapan yang Tinggi untuk Menyokong Pembangunan Daerah Jasin
PU4-2	CADANGAN MENAIKTARAF DAN MEMBINA PENCAWANG MASUK UTAMA/ PENCAWANG PEMBAHAGI UTAMA DAN SISTEM AGIHAN VOLTAN TINGGI DAN SEDERHANA

D1SKRIPSI CADANGAN

Untuk memastikan bekalan elektrik yang menyeluruh, mencukupi dari segi kapasiti dan mempunyai keboleh harapan yang tinggi pihak Tenaga Nasional Berhad telah merancang kerja-kerja menaik taraf dan membina Pencawang Masuk Utama (PMU) dan Pencawang Pembahagi Utama (PPU) baru serta menaik taraf sistem agihan bekalan elektrik di Daerah Jasin.

KOMPONEN CADANGAN

1. Pembinaan dan pentauliahan PMU baharu di Chohong dan Serkam Pantai.
2. Pembinaan SSU Batang Melaka.
3. Talian 132kV Kampung Rempah – Gemenceh
4. Talian 132kV Kampung Rempah – SSU Batang Melaka
5. Menaik taraf dan membina baru sistem agihan bekalan elektrik talian voltan tinggi, sederhana dan rendah berdasarkan permintaan semasa dan masa hadapan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	PMU Chohong, dan PMU Serkam Pantai	**AGENSI PENERAJU**	Tenaga Nasional Berhad (TNB)		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	Suruhanjaya Tenaga Malaysia (STM)		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM210,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan/ STM		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Contoh sistem agihan bekalan elektrik

PU5 Menyediakan Perkhidmatan Telekomunikasi Yang Menyeluruh Dan Terkini Sebagai Pemboleh Upaya Kepada Aktiviti Pembangunan Ekonomi Dan Sosial

PU5-1 CADANGAN MELAKSANAKAN PROGRAM JENDELA (FASA 1)

D1SKRIPSI CADANGAN

Daerah Jasin mempunyai kelajuan capaian internet jalur lebar yang agak rendah jika diperbandingkan dengan aspirasi nasional. Oleh itu, perlaksanaan projek-projek telekomunikasi yang membolehkan capaian internet jalur lebar yang lebih laju dan menyeluruh perlu di laksanakan dengan kadar segera.

Antara program yang telah dirancang untuk Daerah Jasin untuk meningkatkan perkhidmatan telekomunikasi adalah inisiatif '*quickwin*' yang di jalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multi Media (SKMM). Program ini merupakan inisiatif di bawah Program Jalinan Digital Negara JENDELA. Program ini terdiri daripada memperluaskan jaringan fiber optik dan membina/ menaik taraf menara-menara telekomunikasi. Memperluaskan jaringan gentian fiber optik membolehkan capaian internet jalur lebar talian tetap yang lebih laju dan lebih stabil jika diperbandingkan dengan gentian kuprum yang sedia ada. Manakala pembinaan menara telekomunikasi berserta dengan peralatan terkini membolehkan kelajuan internet jalur lebar mudah alih yang lebih laju dan menyeluruh dan mempunyai kebolehharapan /kualiti yang lebih baik.

Sebahagian dari inisiatif '*quick win*' ini di jalankan juga melalui program Pemberian Perkhidmatan Sejagat PPS JENDELA di mana perkhidmatan telekomunikasi di beri kepada kawasan di mana liputan telekomunikasi adalah agak rendah (*underserved areas*). Lazimnya kawasan '*underserved*' adalah kawasan-kawasan luar bandar.

KOMPONEN CADANGAN

INISIATIF 'QUICK WIN" SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM) MELAKA
Perancangan 2020-2022

NO.	PROJEK	PERANCANGAN	SIAP
1	Menara Baharu (Bilangan Menara)	9	3
2	Naiktaraf Stesen Pemancar (Bilangan Menara)	125	99
3	Sambungan Gentian Optik (Bilangan Premis)	13,015	14,832

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin	**AGENSI PENERAJU**	• Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM)		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	• Melaka ICT Holdings Bhd • Syarikat Telekomunikasi		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM22,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

PU5 Menyediakan Perkhidmatan Telekomunikasi Yang Menyeluruh Dan Terkini Sebagai Pemboleh Upaya Kepada Aktiviti Pembangunan Ekonomi Dan Sosial

PU5-2 CADANGAN MELAKSANAKAN KESELURUHAN PROGRAM JENDELA MENGIKUT KEPERLUAN SEMASA DAN MASA HADAPAN

D1SKRIPSI CADANGAN

Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) merupakan satu pelan aspirasi nasional yang mempunyai matlamat mempertingkatkan kemudahan telekomunikasi kepada rakyat.

Objektif yang perlu dicapai di dalam program JENDELA adalah:
- Mengoptimumkan Sumber Untuk Mencapai Aspirasi Nasional
- Pelan Penambahbaikan Untuk Liputan Dan Kualiti
- Peta Infrastruktur Dan Liputan Digital

KOMPONEN CADANGAN

1. Memastikan kawasan petempatan utama, kawasan perniagaan dan industri mendapat perkhidmatan telekomunikasi yang terkini sama ada melalui talian tetap atau talian mudah alih. Kawasan –kawasan ini perlu mencapai aspirasi nasional yakni jalur lebar mudah alih 100 Mbps, akses gigabait untuk talian tetap dan 100 % liputan 4G mudah alih.
2. Memperkenalkan dan memperluaskan kawasan perkhidmatan mudah alih 5G yang merupakan teknologi mudah alih terkini di kawasan petempatan utama, kawasan perniagaan dan kawasan industri di Daerah Jasin.
3. Memberi perkhidmatan kepada kawasan luar bandar melalui rangkaian mudah alih 4G dan Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi).

LOKASI MENARA BARU DI BAWAH PROGRAM PEMBERIAN PERKHIDMATAN PEMBERIAN SEJAGAT (PPS) JENDELA

NO.	LOKASI	JENIS	NO	LOKASI	JENIS
1	Kompleks MSN Saujana Asahan	76m-3L	4	KOA Gapam Baru	76m-3L
2	Kg. Chin Chin	60m-3L	5	Kg. Parit Sidang Seman	60m-3L
3	Kg Gapis	60m-3L	6	Taman Batang Melaka Baru	60m-3L

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin	**AGENSI PENERAJU**	• Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM)		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	• Melaka ICT Holdings Bhd • Syarikat Telekomunikasi		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM2,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		



PU5	Menyediakan Perkhidmatan Telekomunikasi Yang Menyeluruh Dan Terkini Sebagai Pemboleh Upaya Kepada Aktiviti Pembangunan Ekonomi Dan Sosial
PU5-3	CADANGAN PENAMBAHAN PERKHIDMATAN INTERNET LUAR BANDAR DAN PERKHIDMATAN PERCUMA WI-FI HOT SPOT, SERTA MENGGALAKKAN AKTIVITI-AKTIVITI TEKNOLOGI TINGGI SEPERTI e-KERAJAAN, e-DAGANG, IR 4.0, DAN IoT

D1SKRIPSI CADANGAN

MENAMBAHKAN PERKHIDMATAN INTERNET DI KAWASAN LUAR

Pada waktu ini kemudahan internet disediakan di kawasan-kawasan luar bandar melalui Pusat Internet Desa (PID) dan Pusat Internet Komuniti (PIK). PID dan PIK ini telah di jenamakan semula sebagai Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi).

KOMPONEN CADANGAN

1. Menambah bilangan PEDi di Asahan, Selandar, Chin Chin, Nyalas dan Sungai Rambai, Pantai Siring mengikut keperluan dan permintaan semasa. Menambah perkhidmatan percuma 'wifi hot spot' di kawasan pembangunan baru yang telah dicadangkan seperti desa pintar di Kampong Nyalas dan Kg Chohong, Pusat agro pelancongan di Padang Ragut Lanchang, pusat eco pelancongan Jeram Tok Janggut, kawasan 'Mantai Park' serta lain-lain cadangan kawasan pelancongan seperti di Pantai Siring, Tasik Biru dan sebagainya.

2. Menggalakkan penggunaan dan aplikasi teknologi tinggi seperti ekonomi digital, pendidikan maya, *'Internet of Things, IOT'*, pembangunan bandar pintar *'smart cities'*, dan AI *'artificial intelligence'* serta Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	PEDi- Asahan, Sg. Rambai, Merlimau, Selandar, Chin Chin, Pantai Siring, Nyalas	**AGENSI PENERAJU**	• Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM)		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	• Melaka ICT Holdings Bhd • Syarikat Telekomunikasi		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM1,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

CADANGAN SEKTOR INFRASTRUKTUR DAN UTILITI – SISTEM TELEKOMUNIKASI



FE1	Pengurusan Alam Sekitar, Sumber Jaya Dan Risiko Bencana
FE1-6	CADANGAN PELAN PENGURUSAN EKOLOGI DAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI PERSISIRAN PANTAI

DESKRIPSI CADANGAN

Aktiviti projek penambakan laut dan aktiviti pengorekan pasir untuk tujuan penambakan laut yang dilihat memberi kesan dan ancaman iaitu hakisan pantai dan kemusnahan hutan paya bakau, mendapan lumpur dan pasir yang menyebabkan kawasan laut semakin cetek terutama di kawasan jeti dan pencemaran air laut yang menjejaskan ekosistem marin dan seterusnya memberi kesan kepada hasil tangkapan nelayan.

Kawasan paya bakau di sepanjang kawasan BP Umbai-Sempang-Serkam dikenal pasti telah mengalami kemusnahan dan penyusutan dari segi keluasan, kepelbagaian diversiti dan fungsi perkhidmatan ekosistemnya. Langkah-langkah mitigasi berbentuk struktur buatan manusia seperti batu lindung atau 'revetmen' sebagaimana banyak dilihat di kawasan Umbai dan Pantai Siring dan struktur pemecah ombak seperti di Sempang dan Merlimau. Setengahnya tidak berfungsi sepenuhnya dan telah menyebabkan kerosakan kepada infrastruktur jalan di Umbai selain dari menjejaskan kawasan berpasir seperti di Pantai Siring. Kesannya juga adalah kepada berkurangnya hasil laut dari pinggiran pantai. Tekanan terhadap keutuhan hutan paya bakau juga dikesan dari penebangan dan penerokaan haram untuk kegunaan lain seperti akuakultur di kawasan berdekatan kawasan jeti dan juga berhadapan dengan Parit Keliling Pantai.

TINDAKAN CADANGAN

1. Memelihara dan memulihara kawasan hutan simpanan kekal yang telah diwartakan berfungsi sebagai hutan tebus guna tanah meliputi Hutan Paya Laut Merlimau (11.39 hektar) dan Hutan Paya Laut Merlimau Tambahan 1 (12.57 hektar) dan 2 (21.21 hektar).
2. Mewartakan kawasan hutan bakau (termasuk dataran lumpur) di sepanjang persisiran pantai di Jeti Merlimau – Muara Sg. Kesang (no lot: 15754) dengan keluasan 454.78 hektar. Pewartaan adalah melalui Akta Perhutanan 1984 (Pindaan 1993).
3. Memelihara dan memulihara kawasan *Blue Carbon Sink* merupakan karbon yang diserap oleh ekosistem laut dan pantai seperti hutan paya laut yang mempunyai nilai ekosistem RM 9.8 juta/tahun di sepanjang pantai kawasan kajian dengan kaedah *"capture & hold"* karbon yang bertindak sebagai *Carbon Sink.*
4. Perlindungan kepada persisiran pantai dari kehilangan habitat terutamanya hutan bakau dan dataran lumpur yang mempunyai peranan dan fungsi ekosistemnya yang tersendiri secara semulajadi.
5. Terdapat habitat yang perlu dilindungi dan diwartakan seperti burung botak, kupang dan siput.
6. Larangan penerokaan hutan Paya laut Merlimau secara haram di kawasan hutan tanah negeri perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu. Bagi pembangunan baharu perlu mengambilkira keperluan zon penampan dari kawasan hutan bakau adalah tidak dibenarkan.
7. Hanya ekopelancongan, penyelidikan, pendidikan dan pembangunan impak rendah adalah dibenarkan.
8. Pemantauan berterusan oleh pihak berkuasa seperti Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan bagi memastikan ekosistem burung botak dan haiwan lain tidak terganggu.
9. Tambakan laut tidak digalakkan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Persisiran Pantai Kawasan Kajian	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Perhutanan		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• MP Jasin • PERHILITAN		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**			
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Kawasan Tahap Sangat Sensitif KSAS Tahap 1



HUTAN	NO. LOT	KELUASAN (HEK)
Hutan Paya Laut Merlimau	18922	11.39
Hutan Paya Laut Merlimau Tambahan 1	5791	12.57
Hutan Paya Laut Merlimau Tambahan 2	5792	21.21
Cadangan RT MP Jasin 2035 (P); Jeti Merlimau – Muara Sungai Kesang	15754	454.78

SK2	Menerapkan Konsep Perbandaran Rendah Karbon Melalui Peningkatan Kawasan Hijau
SK2-1	CADANGAN PUSAT PELAJARAN HSK HUTAN PAYA LAUT MERLIMAU DAN SERKAM

DESKRIPSI CADANGAN

Pusat Pelajaran ini sangat unik direka berdasarkan konsep biofilia, yang memperlihatkan jalinan hubungan antara manusia dan alam semula jadi. Pusat Pelajaran ini dilengkapi dengan boardwalk bagi melihat keindahan paya bakau dan kepelbagaian flora dan fauna di kawasan kajian. Selain itu, pusat pelajaran ini mampu meningkatkan kadar pengunjung untuk beriadah di persisiran pantai dan memberi kesedaran tentang kepentingan pokok bakau terhadap alam sekitar dan menggalakkan pemahaman pembelajaran melalui sistem lawatan sambil belajar secara langsung kepada pelajar sekolah.

KOMPONEN CADANGAN

- Titian Kayu (Boardwalk)
- Wakaf
- Menara Tinjau
- Papan Informasi
- Tempat Duduk
- Stesen Air
- Tempat Letak Kereta
- Trek Jogging

Cadangan Aktiviti
- Memancing
- Bersiar-siar
- Berkelah
- Berkhemah

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	HSK Hutan Paya Laut Merlimau Jeti Serkam	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Perhutanan Negeri Melaka Majlis Perbandaran Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Bahagian Promosi Pelancongan • MOTAC		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM118,000,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Cadangan Pusat Pelajaran

NO	CADANGAN	LOKASI	KELUASAN
1.	Pusat Pelajaran HSK Hutan Paya Laut Merlimau	Merlimau	-
2.	Pusat Pelajaran Jeti Serkam	Sungai Rambai	-

Cadangan Ilustrasi Pusat Pelajaran

PT1	MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN SISTEM RANGKAIAN PENGANGKUTAN DARAT DAN AIR
PT1–1	CADANGAN LEBUHRAYA BAHARU

DESKRIPSI CADANGAN

Projek 'West Coast Expressway' (WCE) merupakan projek pembinaan lebuhraya sepanjang 233 kilometer dari Changkat Jering, Perak ke Banting, Selangor. Jajaran WCE di Daerah Jasin adalah termasuk dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) iaitu Ayer Molek ke Gelang Patah, Johor.

WCE dibina sebagai laluan alternatif kepada Lebuhraya PLUS terutama semasa musim perayaan bagi pergerakan ke utara dan selatan Malaysia. Sebelum WCE siap dibina, jalan lama di bahagian pesisir pantai biasanya digunakan sebagai alternatif sesetengah pengguna lebuh raya yang ingin mengelakkan kesesakan di lebuh raya PLUS. Lebuhraya ini juga bertujuan untuk mengurangkan kadar kesesakan lalu lintas serta memberi keselesaan kepada para pemandu. Ia juga akan menjadi laluan alternatif selain daripada Jalan Persekutuan 5 dan Jalan Persekutuan 19 di Daerah Jasin.

KOMPONEN CADANGAN

1. Jajaran WCE (Reka bentuk jalan adalah mengikut piawaian JKR U5 iaitu jalan berkembar empat lorong (dua hala) sepanjang 30 kilometer.
   - Susur keluar persimpangan Merlimau

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	BP3, BP4, BP5	**AGENSI PENERAJU**	• Kementerian Kerja Raya (KKR) • Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Jabatan Kerja Raya (JKR)		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM2,100,000,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
				✓	✓

Cadangan Susur keluar persimpangan Merlimau

Cadangan *West Coast Expressway* (WCE)



PT1	MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN SISTEM RANGKAIAN PENGANGKUTAN DARAT DAN AIR
PT1–2	CADANGAN JALAN BAHARU

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan jalan baharu dicadangkan bagi meningkatkan kemudahsampaian ke Daerah Jasin dan mengurangkan masa perjalanan. Cadangan jalan baharu ini perlu mengambil kira faktor keselamatan reka bentuk jalan dan pencahayaan jalan. Terdapat (11) cadangan jalan baharu yang dicadangkan di Daerah Jasin iaitu:

1. Jalan dari Persimpangan Rim (M27) – Persimpangan Ulu Jasin (M2)
2. Jalan Baharu dari Selandar ke Kg. Gadek, Melaka
3. Jalan Baharu dari Simpang Jalan Serkam-Bemban ke Simpang Jalan Kandang (Kampung Bukit Kajang)
4. Jalan Baharu dari Kampung Seri Mendapat, Jasin, Melaka ke Tangkak, Johor
5. Jalan Baharu dari Persimpangan Halal Hub ke Perindustrian Merlimau
6. Jalan Baharu dari Pekan Merlimau Utara ke Merlimau Pasir (Batu Gajah)
7. Jalan Baharu di Botani Parkland yang menghubungkan Jasin Bestari dan Bandar Melaka
8. Jalan Baharu menghubungkan Projek MIMT dan My Siring Waterfront
9. Cadangan *Scenic Route* yang melalui Merlimau, Jasin, Pekan Asahan, Sempang Bekoh, Nyalas, Selandar, dan Machap
10. Cadangan *Scenic Route* dari Umbai ke Sungai Rambai (Jalan Susur Pantai)
11. Membina Jalan Baharu 4 Lorong dari Bandar Jasin ke Tangkak, Johor

KOMPONEN CADANGAN

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Rujuk Rajah	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Kerja Raya		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	MP Jasin		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM3,530,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Negeri / Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Cadangan Jalan Baharu



PT1	MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN SISTEM RANGKAIAN PENGANGKUTAN DARAT DAN AIR
PT1–3	CADANGAN MENAIKTARAF JALAN SEDIA ADA

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan naik taraf jalan adalah dicadangkan bagi menyediakan rangkaian jalan yang mempunyai kapasiti dan tahap perkhidmatan jalan yang baik dalam memastikan kelancaran pergerakan kenderaan di samping mengelakkan kesesakan dan kemalangan jalan raya. Cadangan naik taraf jalan ini juga perlu mengambil kira faktor keselamatan reka bentuk jalan dan pencahayaan jalan. Terdapat (7) cadangan naik taraf jalan sedia ada yang dicadangkan di Jasin iaitu:

KOMPONEN CADANGAN

13. Naik Taraf Jalan 2 Lorong kepada 4 Lorong dari Persimpangan Merlimau (Jalan Persekutuan 19 – Lebuh AMJ) ke Bandar Jasin (Jalan Persekutuan 144).
14. Naik Taraf Jalan dari Bemban ke Bandar Jasin.
15. Naik Taraf Jalan Lingkaran Luar antara Lebuh AMJ (Jalan Persekutuan 19) dan Jalan Gapam (Jalan Persekutuan 144).
16. Naik Taraf Jalan Persekutuan 5 dari Jalan Tunggal 2 Lorong kepada Jalan Tunggal 4 Lorong.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Rujuk Rajah	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Kerja Raya		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	MP Jasin		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM 1,660,000,000 (1.66 billion)		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Cadangan Naik Taraf Jalan

PT1	MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN SISTEM RANGKAIAN PENGANGKUTAN DARAT DAN AIR
PT1–4	**CADANGAN MENAIKTARAF PERSIMPANGAN SEDIA ADA**

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan naik taraf persimpangan dicadangkan bertujuan untuk melancarkan aliran lalu lintas dan mengurangkan kadar kelengahan di persimpangan dalam memastikan persimpangan beroperasi pada tahap perkhidmatan yang baik. Cadangan naik taraf persimpangan di daerah Jasin adalah:

KOMPONEN CADANGAN

Naik taraf persimpangan menjadi bulatan di Jalan Durian Tunggal – Tangkak (M2), Masjid Lama Ayer Barok

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Jalan Durian Tunggal-Tangkak (M2) Berdekatan dengan Masjlid Air Barok	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Kerja Raya		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	MP Jasin		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM3,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Negeri / Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

Persimpangan Sedia Ada di Jalan Durian Tunggal – Tangkak (M2), Masjid Lama Ayer Barok

Cadangan Naik Taraf Persimpangan Menjadi Bulatan

SD1	Memperkasa Pembangunan Desa Yang Terancang dan Mesra Penduduk
SD1-4	CADANGAN PEWARTAAN DAN MENAIKTARAF KAMPUNG ORANG ASLI

DESKRIPSI CADANGAN

Kampung Orang Asli merupakan salah satu aset yang penting di kawasan MP Jasin. Kampung ini mempunyai daya tarikan tersendiri dengan menonjolkan gaya hidup dan sosio ekonomi masyarakat orang asli yang unik. Pewartaan kampung orang asli tersebut mampu menjamin dan memelihara nilai budaya dan melindungi kampung tersebut daripada tekanan pembangunan.

Dengan promosi yang meluas serta penyediaan aktiviti yang menarik mampu menarik pengunjung untuk berkunjung ke kampung orang asli bagi melihat sendiri kehidupan masyarakat orang asli. Kedatangan pengunjung mampu menjana ekonomi masyarakat setempat melalui penjualan hasil kraf, khidmat pemandu pelancong dan kedai cenderahati.

KOMPONEN CADANGAN

- Mewartakan baki 4 buah kampung orang asli yang belum diwartakan.
- Menyediakan aktiviti yang menarik bagi menarik ramai pengunjung ke kampung orang asli.
- Mengadakan promosi secara meluas dengan menggunakan pelbagai medium di peringkat tempatan dan antarabangsa.

NAMA KAMPUNG	ANGGARAN BIL RUMAH (unit)	ANGGARAN BIL PENDUDUK (orang)	STATUS WARTA
Kg. Orang Asli Ayer Sialang	36	124	Dalam proses
Kg. Orang Asli Bukit Seraya	26	92	Diwartakan
Kg. Orang Asli Lubok Bandung	38	144	Diwartakan
Kg. Orang Asli Solok Terentang	28	104	Dalam proses
Kg. Orang Asli Gapam Baru	58	232	Diwartakan
Kg. Orang Asli Air Dusun	35	120	Dalam proses
JUMLAH	**212**	**816**	

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	• KOA Ayer Sialang • KOA Bukit Seraya • KOA Lubok Bandung • KOA Solok Terentang • KOA Gapam Baru • KOA Air Dusun	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Majlis Perbandaran Jasin • Swasta		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM12,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/ Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

KG. ORANG ASLI AYER SIALANG



KG. ORANG ASLI BUKIT SERAYA

KG. ORANG ASLI SOLOK TERENTANG

KG. ORANG ASLI GAPAM BARU

KG. ORANG ASLI LUBOK BANDUNG

KG. ORANG ASLI AIR DUSUN

1 PUSAT KOMUNITI

- Dewan Orang Ramai
- Bilik Aktiviti
- Bilik Mesyuarat
- Bilik Media
- Tempat Letak Kereta
- Tandas

2 PUSAT REKREASI

- Taman Permainan Kanak-kanak
- Gelanggang permainan (takraw/ badminton)
- Kebun komuniti



EL1	Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi
EL1-6	CADANGAN PUSAT *SHOWCASE* PERKAMPUNGAN ORANG ASLI LUBOK BANDUNG

DESKRIPSI CADANGAN

SHOWCASE PERKAMPUNGAN ORANG ASLI LUBOK BANDUNG

- Jasin Mempunyai 6 perkampungan orang asli dan satu penempatan orang asli yang terdiri:
  - Kg. Orang Asli Lubok Bandung.
  - Kg. Orang Asli Solok Terentang
  - Kg. Orang Asli Bukit Payung
  - Kg. Orang Asli Bukit Seraya
  - Kg. Orang Asli Kg Air Sialang
  - Kg. Orang Asli Gapam Baru

- Cadangan Pusat Pelancongan Perkampungan Orang Asli adalah bertujuan untuk memperkenalkan kehidupan dan cara hidup masyarakat orang asli di Jasin. Pemilihan KOA Lubok Bandung adalah kerana ia mempunyai aksesibiliti yang baik dan mempunyai kawasan menarik dengan keindahan alam semula jadi dengan kawasan eko pelancongan.

- Masyarakat Orang Asli akan memperkasakan eko pelancongan contohnya melalui makanan dan mempelbagaikan perkhidmatan yang bersesuaian dengan kehendak pengunjung contohnya sewaan basikal dan sewaan ATV sekaligus dapat menarik ramai pelancong dan akan memberi peluang kepada penduduk memasarkan keluaran mereka seperti hasil tanaman dan barangan kraf tangan.

KOMPONEN CADANGAN

- Chalet reka bentuk rumah orang asli
- Ruang Pameran kehidupan orang asli di Jasin
- Tapak Perkhemahan.
- Dataran terbuka.
- Aktiviti yang akan dikendalikan oleh penduduk orang asli.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Perkampungan Orang Asli Lubok Bandung	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Kemajuan Kampung Orang Asli (JAKOA)		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM2,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		





Ilustrasi tapak showcase bagi Perkampungan Orang Asli Lubok Bandung

Contoh pembangunan pelancongan di Pos Kuala Mu, Sungai Siput Perak

Contoh Pembangunan pelancongan di Tandom Hill

FE1	Pengurusan alam sekitar, sumber jaya dan risiko bencana
FE1-9	CADANGAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA SEMULAJADI (BANJIR, HAKISAN PANTAI/ KENAIKAN ARAS LAUT, POTENSI TANAH RUNTUH, TSUNAMI/ GEMPA BUMI DAN JEREBU/ KEBAKARAN)

DESKRIPSI CADANGAN

1. Proses semulajadi bumi/ fenomena yang boleh menyebabkan pengorbanan nyawa, kerosakan harta benda, gangguan sosial dan ekonomi ataupun kemerosotan alam sekitar.
2. Penyertaan masyarakat dalam aspek pengurusan bencana perlu diperkukuhkan bagi membolehkan pelaporan dan tindakan pantas dan cepat.
3. Pengurusan bencana perlu bukan lebih tertumpu kepada selepas bencana (post disaster) malah keseluruhan spektrum pengurusan risiko bencana bersepadu STIPlan4DRR, iaitu pencegahan, mitigasi, kesiapsiagaan, tindak balas, pemulihan selepas bencana dan kerjasama serta pelaporan.
4. Pengurusan bencana tidak hanya tertumpu kepada risiko banjir sahaja malah meliputi risiko bencana persisiran pantai dan risiko ancaman perubahan iklim.
5. Meningkatkan kesiapsiagaan secara menyeluruh dan membangun semula dengan lebih baik melalui program tindak balas, rehabilitasi dan pembinaan semula.
6. Meningkatkan akses kepada Early Warning System (EWS), maklumat bencana dan penilaian risiko.
7. Konsep pengurusan dan pengurungan risiko bencana melibatkan empat (4) aspek utama iaitu Pencegahan, Kesiapsiagaan, Tindak Balas dan Pemulihan.
8. Mengukuhkan urus tadbir bagi risiko bencana.
9. Agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan risiko bencana adalah: Pejabat Daerah dan Tanah, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Pengairan dan Saliran, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perhutanan.

KOMPONEN CADANGAN

Meningkatkan tahap penglibatan pihak komuniti dalam kerja-kerja konservasi alam sekitar.

1. Memelihara dan memulihara zon persisiran pantai secara berkesan melalui inisiatif-inisiatif proaktif dan mengutamakan kolaborasi antara pihak komuniti.
2. Tidak dibenarkan sebarang aktiviti penambakan dan tebus guna tanah untuk zon yang berkepentingan dari segi:
   - Zon Pemeliharaan Alam – kawasan HSK Merlimau dan cadangan perluasan kawasan hutan paya bakau;
   - Sekuriti makanan – ZIA Sebatu dan ZIA Sempang; dan
   - Zon Laluan Kapal
   - Pemuliharaan ekosistem hidupan marin akuatik – kawasan Taman Laut (Pulau Undan, Dodol dan Nangka)
   - Zon Larangan Tangkap Ikan, Pulau Besar
4. Pembangunan baharu di kawasan badan air/ perisiran pantai/ sungai perlu menjalankan:
   - Kajian-kajian berikut untuk dinilai impak: Kajian EIA, Kajian SIA, Kajian HIA (jika termasuk dalam Zon Pemeliharaan), Kajian Hidraulik dan lain-lain kajian yang ditetapkan oleh agensi teknikal berkaitan;
   - Memperuntukkan sekurang-kurangnya 30 darjah bukaan di muara sungai asal mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh jabatan agensi teknikal dan zon pemisah sekurang-kurangnya 500 meter di antara kawasan pantai sedia ada dengan kawasan pemajuan;
   - Perlu dinyatakan dalam dalam rancangan pembangunan negeri dan PBPT sebelum aktiviti tersebut dilaksanakan.
5. Semua pemajuan/pembangunan perlu mengikut ketetapan akta dan garis panduan/piawaian semasa yang diguna pakai oleh PBN, PBPT dan agensi teknikal yang berkaitan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Risiko Bencana Semulajadi di Daerah Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Agensi Pengurusan Bencana Negara		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	-		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM118,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Risiko Bencana Semulajadi (Banjir, Hakisan Pantai, Potensi Tanah Runtuh, Kenaikan Aras Laut, Tsunami/ Gempa Bumi dan Jerebu/ Kebakaran



FR3	Memelihara dan Memulihara Bangunan dan Tapak Warisan Untuk Kesinambungan Masa Hadapan
FR3-1	CADANGAN PEMELIHARAAN TAPAK DAN BANGUNAN WARISAN SEDIA ADA

DESKRIPSI CADANGAN

Pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan bertujuan bagi meningkatkan keterampilan bandar serta mewujudkan vista menarik terutama di jalan-jalan utama termasuklah memelihara bangunan sesebuah yang mempunyai nilai sejarah, budaya dan estetikanya yang tersendiri.

Terdapat 12 kawasan yang terdiri daripada bangunan dan tapak dikenal pasti dalam senarai Jabatan Warisan Negara iaitu:

- Rumah Tradisional Penghulu Demang Abdul Ghani
- Masjid Jamek Serkam Pantai
- Masjid Air Barok
- Masjid Umbai, Kampung Umbai
- Masjid Solihin Sebatu, Kampung Sebatu, KM 28
- Pejabat Pos Merlimau
- Balai Polis Merlimau
- Pondok Polis Chabau
- Makam Sultan Ali
- Makan Tun Teja
- Kubur Lama Kampung Chohong
- Perigi Portugis

KOMPONEN CADANGAN

- Pemeliharaan tapak dan bangunan warisan dari segi struktur dan seni bina bangunan.
- Tidak membenarkan pengubahsuaian terhadap fasad atau seni bina bangunan.
- Menyediakan papan informasi pada setiap satu tapak dan bangunan warisan.
- Ciri-ciri keselamatan perlu disediakan bagi setiap bangunan/ tapak warisan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Warisan Negara		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Majlis Perbandaran Jasin • Pemilik Bangunan		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM5,100,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

SK1	Mempertingkatkan Kesejahteraan Penduduk Melalui Penyediaan Kemudahan Masyarakat Yang Inklusif
SK1-2	CADANGAN PEMBINAAN BAHARU DAN MENAIKTARAF KEMUDAHAN KESIHATAN

DESKRIPSI CADANGAN

Perkhidmatan sedia ada pada masa ini adalah terhad dan tidak selesa di mana bangunan serta fasiliti sedia ada sudah uzur sejak pembinaan. Klinik Kesihatan baru yang dicadangkan ini akan menyediakan perkhidmatan dengan keperluan infrastruktur yang lebih baik dan lengkap. Pertambahan kedatangan pesakit ke Klinik Kesihatan dalam kawasan kajian merupakan antara sebab klinik kesihatan perlu dinaiktaraf bagi menampung kedatangan pesakit.

KOMPONEN CADANGAN

- Ruang Masuk Utama Pendaftaran
- Unit Kesihatan Keluarga
- Kemudahan Anggota
- Taman Permainan Kanak-kanak
- Klinik Pergigian
- Tempat Letak Kenderaan Kakitangan
- Dewan
- Unit Pesakit Luar
- Farmasi
- Makmal

PEMBINAAN BAHARU

4 **Klinik Kesihatan dan Kuarters**

MENAIKTARAF

1 **Pembinaan sebuah Blok Tambahan Dua (2) Tingkat di Hospital Jasin**

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Sg. Rambai, Bandar Jasin, Semujok, Chin Chin	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Kesihatan Negeri Melaka		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Majlis Perbandaran Jasin • Pejabat Tanah dan Daerah Jasin • Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM340,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Rumah Tradisional Penghulu Demang Abdul Ghani yang telah diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan (No. warta P.U. (A)102/16/4/1981)

Masjid Jamek Serkam Pantai yang telah diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan (No. warta P.U. (A)70/27/3/1980)

Contoh Ilustrasi Pembinaan Baharu Klinik Kesihatan dan Kuarters

SK1	Mempertingkatkan Kesejahteraan Penduduk Melalui Penyediaan Kemudahan Masyarakat yang Inklusif
SK1-1	CADANGAN LINGKARAN KLUSTER PENDIDIKAN

DESKRIPSI CADANGAN

Dalam menjayakan visi menjadikan Jasin sebagai Pusat Agro-Satelit Jasin, kerjasama daripada pelbagai pihak diperlukan, terutama dari segi Penyelidikan dan Pembangunan (*Research & Development*) bagi teknologi-teknologi baru berkaitan agro (agroteknologi) serta persediaan membentuk tenaga mahir dari kalangan pelajar.

KERJASAMA STRATEGIK PENDIDIKAN – INDUSTRI – PELANCONGAN

01 Penyelidikan & Pembangunan
02 Konsep Industri 4.0
03 Tenaga Mahir
04 Inovasi

KOMPONEN CADANGAN

- **Cadangan Institusi Halal Hub Melaka**
  Institusi Halal Hub Melaka menjalankan program pemerkasaan penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersialan makanan halal, farmaseutikal dan produk pengguna serta pelbagai industri perkhidmatan patuh syariah seperti pelancongan, pengangkutan, teknologi ICT dan hospitaliti.

- **Cadangan Kolej Universiti *Creative & Art***
  Cadangan Kolej Universiti *Creative & Art* berperanan sebagai institusi pembelajaran dan latihan yang menawarkan pengkhususan seperti pereka grafik, ilustrasi, tekstil, Pereka fesyen, pereka bentuk dalaman, pereka bentuk industri dan lain-lain. Bagi meningkatkan pengalaman dan pembelajaran, penyediaan pembelajaran praktikal, bilik kuliah dan kemudahan sokongan disediakan untuk semua pelajar.

- **Cadangan Inkubator Kraftangan & Agro Kulinari**
  Cadangan Inkubator Kraftangan & Agro Kulinari merupakan pusat latihan dalam pembangunan modal insan yang terlatih ke arah peningkatan kualiti kraftangan. Penekanan aspek diberikan seperti berikut:
  - Pengurusan kraftangan dan kepimpinan keusahawanan
  - Rekabentuk kraf dan aplikasi mesin
  - Memperkukuh aspek perniagaan dan pemasaran produk kraftangan

- **Cadangan Inkubator *Ecotourism***
  Cadangan Inkubator *Ecotourism* dijalankan untuk menambah produk pelancongan ke luar bandar untuk menikmati pelancongan jenis eko dan agro ini. Antara lokasi pelancongan menarik termasuklah Laman Tiga Budaya di sempadan Melaka, Johor dan Negeri Sembilan, Hutan Rekreasi Bukit Batu Lebah, Nyalas, Jasin dan lain-lain.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin, Batang Melaka, Simpang Bekoh, Serkam	**AGENSI PENERAJU**	Kementerian Pengajian Tinggi		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Pejabat Pendidikan Daerah Jasin • Pejabat Tanah dan Daerah • Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM118,000,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Cadangan Lingkaran Kluster Pendidikan



Contoh Ilustrasi Cadangan Institusi Halal Hub Melaka

Contoh Ilustrasi Cadangan Kolej Universiti Creative & Innovative

Contoh Ilustrasi Cadangan Iinkubator Kraftangan & Agro Kulinari

Contoh Perspektif Pandangan Sisi Kolej Universiti Creative & Innovative

SK1	Mempertingkatkan Kesejahteraan Penduduk Melalui Penyediaan Kemudahan Masyarakat yang Inklusif
SK1-4	CADANGAN MEMBANGUNKAN KEMUDAHAN SEKOLAH

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan pembinaan sekolah rendah dan menengah baharu adalah bagi menampung keperluan penduduk semasa dan akan datang di seluruh Daerah Jasin sekaligus dapat memberi peluang pendidikan kepada penduduk setempat terutamanya anak-anak Jasin.

Jumlah pembinaan untuk sekolah rendah dan menengah baharu di Daerah Jasin ialah sebanyak (7) buah sekolah bagi sekolah rendah dan (12) buah sekolah menengah. Cadangan adalah berdasarkan kajian pertumbuhan penduduk di setiap kawasan serta menilai jarak ketersampaian penduduk ke kemudahan sekolah sedia ada.

KOMPONEN CADANGAN

Penambahan dua sekolah baru (1 sekolah rendah dan 1 sekolah menengah. Penubuhan dua sekolah ini telah dicadangkan di kawasan kajian yang merangkumi kemudahan-kemudahan yang berikut:

- Pejabat Pentadbiran;
- Bilik Guru;
- Stor;
- Perpustakaan;
- Kantin;
- Dewan;
- Padang Bola Sepak;
- Gelanggang Permainan;
- Taman Riadah;
- Bilik Air/ Tandas;
- Pondok Pengawal;
- 36 bilik darjah;
- 1 Bangunan PPKI; dan
- Makmal.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Jasin Bestari, Bandar Botani Parkland	**AGENSI PENERAJU**	Pejabat Pendidikan Daerah Jasin		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Jasin • Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka • Majlis Perbandaran Jasin		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM90,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Rajah SK1.4 Cadangan Membangunkan Kemudahan Sekolah



PETUNJUK

Sempadan
- Sempadan Negeri
- Sempadan PBT/ Daerah
- Sempadan Blok Perancangan

Pengangkutan
- Jalan Utama
- Lebuhraya
- Landasan Keretapi
- Cadangan Laluan HSR

- Cadangan Sekolah Kebangsaan
- Cadangan Sekolah Menengah Kebangsaan

SK1	Mempertingkatkan Kesejahteraan Penduduk Melalui Penyediaan Kemudahan Masyarakat yang Inklusif
SK1-3	CADANGAN PEMBANGUNAN BALAI BOMBA BAHARU DAN MENAIKTARAF KEMUDAHAN BOMBA SEDIA ADA

DESKRIPSI CADANGAN

Bagi mencapai 'respond time' yang efektif, dicadangkan untuk pembinaan balai bomba baharu kategori D di Pekan Selandar dan Pekan Asahan yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan di bahagian timur dan barat kawasan kajian.

Kebanyakkan balai bomba sedia ada di kawasan kajian telah lama dibina dan mempunyai reka bentuk yang lama. Justeru, peralatan dan fasiliti penyelamatan perlu dinaiktarafkan dengan baik dan berkala supaya ia dapat membantu Pasukan Bomba dan Penyelamat mengurus bencana dengan lebih efisien. Cadangan menaik taraf balai bomba Jasin Bestari daripada gred C kepada gred B merupakan satu keperluan bagi menampung keperluan penduduk menjelang tahun 2035.

01 Cadangan Menaiktaraf Balai Bomba Jasin Bestari daripada Gred C kepada Gred B

02 Cadangan Meningkatkan Fasiliti Balai Bomba di Merlimau dan Bandar Jasin

03 Cadangan Menyediakan Pusat Kesiapsiagaan Bencana (Disaster Centre)

04 Cadangan Balai Bomba Baharu di Asahan dan Selandar daripada Gred D

KOMPONEN CADANGAN

- Bangunan Balai
- Padang Kawad
- Menara Kawad
- Padang Rekreasi
- Bangunan Logistik
- Tempat Letak Kereta
- Tempat Letak Kenderaan
- Dewan Serbaguna
- Surau
- Bengkel
- Rumah Kakitangan

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Jasin Bestari, Bandar Jasin, Merlimau, Selandar, Asahan	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Majlis Perbandaran Jasin • Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM44,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Contoh Ilustrasi Cadangan Pembangunan Balai Bomba Baharu

SK1	Mempertingkatkan Kesejahteraan Penduduk Melalui Penyediaan Kemudahan Masyarakat Yang Inklusif
SK1-5	CADANGAN KEMUDAHAN KESELAMATAN POLIS

DESKRIPSI CADANGAN

Kawasan RT MP Jasin antara kawasan yang mempunyai Indeks Jenayah yang terendah. Oleh itu, prasarana balai polis dan pondok polis yang mantap dan lengkap serta bilangan perjawatan yang mencukupi perlu dipertingkatkan bagi mengekalkan keharmonian serta menyokong pasukan tindakan khas memberi khidmat bantuan kepada penduduk menjelang tahun 2035.

KOMPONEN CADANGAN

	NAMA BALAI POLIS	MUKIM	CADANGAN	
			PRASARANA	PENJAWATAN
NAIKTARAF KEMUDAHAN SEDIA ADA	**BALAI POLIS**			
	Balai Polis Bemban	Ayer Panas	✓	-
	Balai Polis Batang Melaka	Batang Melaka	✓	-
	Balai Polis Chinchin	Chinchin	✓	-
	Balai Polis Merlimau	Merlimau	✓	✓
	PONDOK POLIS			
	Pondok Polis Kemendor	Kesang	✓	-
	Pondok Polis Batu Gajah	Sebatu	✓	-
	Pondok Polis Serkam	Serkam	✓	-
CADANGAN BARU	**KEMUDAHAN POLIS BAHARU**			
	Balai Polis Sungai Rambai	Sungai Rambai	✓	✓
	Pondok Polis Marin	Umbai	✓	✓

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Ayer Panas, Batang Melaka, Chin chin, Merlimau, Kemendor, Batu Gajah, Serkam, Sg. Rambai, Umbai	**AGENSI PENERAJU**	• Polis Diraja Malaysia • Kementerian Dalam Negeri		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Majlis Perbandaran Jasin • Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM70,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Contoh Ilustrasi Cadangan Balai Polis

Contoh Rekaan Balai Polis

SK1	Mempertingkatkan Kesejahteraan Penduduk Melalui Penyediaan Kemudahan Masyarakat yang Inklusif
SK1-6	CADANGAN TAPAK PERKUBURAN BERPUSAT

DESKRIPSI CADANGAN

Bagi memenuhi keperluan penduduk setempat sehingga tahun 2035, penyediaan tapak perkuburan berpusat sangat diperlukan agar dapat mengawal pembukaan tapak perkuburan secara tidak terancang. Tapak perkuburan hendaklah dibangunkan secara sistematik dan dilengkapi kemudahan yang sesuai dan terkini seperti lot-lot kubur yang seragam dan selaras dengan 'Sistem Rekod Digital' bagi menyimpan maklumat asas si mati dan warisnya. Selain itu, penggunaan teknologi hijau boleh diterapkan seperti sistem solar dan penyimpanan air hujan untuk menjimatkan kos penyelenggaraan tenaga elektrik dan air.

KOMPONEN CADANGAN

- Tapak Perkuburan Tersusun Dan Teratur
- Sistem Solar dan Penyimpanan Air Hujan
- Kelengkapan Kemudahan Awam yang Mencukupi

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	• Berhampiran KOA Gapam Baru • Sekitar Taman Scientex	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Majlis Perbandaran Jasin • Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka • Pejabat Tanah dan Galian		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM10,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/ Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓



Contoh Ilustrasi Tapak Perkuburan Berpusat

SK1	Mempertingkatkan Kesejahteraan Penduduk Melalui Penyediaan Kemudahan Masyarakat Yang Inklusif
SK1-8	CADANGAN PUSAT LATIHAN PARALIMPIK

DESKRIPSI CADANGAN

Program pembangunan paralimpik sedia ada perlu diperkasa bagi mewujudkan ekosistem sukan itu yang lebih teratur dan tersusun serta memberi tumpuan kepada pelaksanaan program pembangunan di peringkat negeri bagi memastikan kesinambungan atlet dan pengembangan penglibatan atlet orang kurang upaya (OKU) dilaksanakan. Inisiatif yang dilaksanakan ialah penubuhan pusat latihan, pelaksanaan kejohanan serta sirkit kebangsaan dan kem bakat/klinik sukan bagi melahirkan lebih ramai atlet paralimpik ke peringkat antarabangsa.

KOMPONEN CADANGAN

- Bilik Seminar
- Bilik Kuliah
- Asrama
- Klinik Sukan
- Gelanggang Permainan
- Padang
- Trek Olahraga
- Kolam Renang
- Gimnasium
- Kafe/ Kantin

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Selandar	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Belia & Sukan		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Majlis Perbandaran Jasin • Jabatan Kebajikan Masyarakat • Majlis Sukan Negara		
KELUASAN	10 hektar	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM150,000,000		
KATEGORI PROJEK	HIP	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Ilustrasi Cadangan Pusat Latihan Paralimpik di Selandar

SK1	Mempertingkatkan Kesejahteraan Penduduk Melalui Penyediaan Kemudahan Masyarakat yang Inklusif
SK1-9	CADANGAN PUSAT INTERAKTIF KOMUNITI

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan ini akan meningkatkan penyediaan kemudahan asas dan ianya akan tertumpu di satu tempat iaitu Pusat Interaktif Komuniti Jasin. Kemudahan berpusat ini juga akan digunakan secara efektif kerana kedudukannya yang berintegrasi dengan lain-lain kemudahan.

Pusat interaksi ini akan dilengkapi dengan kemudahan sokongan seperti tempat letak kereta dan landskap. Pusat Interaktif Komuniti Jasin ini berfungsi sebagai pusat aktiviti bagi penduduk tempatan di mana aktiviti ekonomi akan tertumpu di pusat ini.

Peletakan pusat interaktif ini adalah bagi memastikan penduduk tempatan mendapat akses kepada kemudahan-kemudahan asas di samping menjadi pusat perkhidmatan kepada penduduk sekitar.

KOMPONEN CADANGAN

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Seluruh Daerah Jasin	**AGENSI PENERAJU**	MARDI FAMA		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Majlis Perbandaran Jasin		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM10,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ/ Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Rajah SK1.10 Cadangan Pusat Interaktif Komuniti



EA1	Memperkukuhkan Kluster Pertanian Daerah Jasin
EA1-3	CADANGAN MEMPERKUKUHKAN INDUSTRI KOMODITI EKSPORT KELAPA SAWIT DAN GETAH

DESKRIPSI CADANGAN

Kawasan MP Jasin mempunyai tanah Kelas 2 terbesar seluas 31,157 hektar yang terdiri daripada jenis tanah Siri Rengam-Jerangau yang amat sesuai dengan tanaman kelapa sawit. Kebanyakan kawasan kelapa sawit dimiliki oleh Sime Darby, IOI dan sebagainya. Keluasan kawasan kelapa sawit di Jasin seluas 27,459 hektar diikuti dengan getah seluas 7877 hektar. Kedua-dua tanaman ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam KDNK negeri Melaka.

Dua (2) buah Rancangan FELDA yang terdapat di Jasin adalah FELDA Bukit Senggeh, FELDA Kemendor/Air Kangkong. Jumlah keluasan FELDA di Jasin adalah 6281.34 dengan 1,221 peserta. Harga sawit FFB sekarang yang berada pada paras RM 700-1000/mtan menjangkakan industri ini akan berkekalan untuk tempoh 15 tahun yang akan datang.

Keluasan getah di FELDA Bukit Senggeh (1331 ha) dan Kemendor (105ha) berjumlah 1436 hektar. Namun rekod hasil dari FELDA Bukit Senggeh menunjukkan sebanyak 6249 kg getah dihasilkan dari 111 hektar kawasan dari keseluruhan 1331 hektar getah yang ditanam. Produktiviti getah di FELDA Bukit Senggeh pada 2020 adalah 56 kg/hek. Produktiviti ini adalah sangat rendah berbanding hasil potensi 1500kg/hek.

Selain daripada hasil kelapa sawit dan getah, peneroka dan keluarga peneroka juga boleh terlibat dalam ekonomi pertanian yang lain seperti penternakan lembu, tapak semaian, dusun buah-buahan, tanaman jangka pendek (sayur, jagung), pengusahaan kolam ikan dan sebagainya.

KOMPONEN CADANGAN

Produktiviti sawit sekarang berada pada 17.5 mtan/ ha/ tahun dan boleh dipertingkatkan kepada 25-30 mtan/ ha/ tahun melalui:

- Penggunaan varieti atau klon sawit terbaik seperti CP S3 (Clonal Palm Oil Series 3). Klon terbaru ini telah diperkenalkan pada 2020, Klon ini boleh ditanam dengan kepadatan 136 pokok sehektar dan setiap pokok berupaya memberikan hasil Buah Tandan Segar (BTS) sebanyak 221.7 kg/pokok/tahun.
- Pembajaan sawit peringkat muda dan matang mengikut kadar yang ditentukan.
- Pemangkasan pelepah yang teratur.
- Pengawalan rumpai, musuh dan penyakit yang berkesan.

Selain daripada faktor harga getah yang rendah, pekebun-pekebun kecil boleh mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan hasil getah seperti.

- Menggunakan teknologi ethepon (penggalak susu getah seperti RRIM FLOW/ REACTORRIM), dan mengikut sistem torehan yang betul.
- Membaja dan mengawal rumpai mengikut jadual.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	FELDA FELCRA Estet Kelapa	**AGENSI PENERAJU**	FELDA, FELCRA, RISDA		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Majlis Perbandaran Jasin		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM127,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

EA3	Memperkasakan Ekonomi Berasaskan Agroteknologi
EA3-1	CADANGAN MEMPERKUKUHKAN SISTEM PEMASARAN

DESKRIPSI CADANGAN

Penambahbaikan luang pasaran adalah mengambil kira beberapa aspek iaitu:

- Perkembangan industri penanaman terutamanya durian yang telah meningkatkan dari 1053 ha (2019) kepada 1842 ha (2020) dan dijangka meningkat kepada 2400 ha menjelang tahun 2035.
- Ketiadaan luang pemasaran yang mencukupi seperti gerai jualan buah-buahan atau hasil ladang di sepanjang Lebuhraya AMJ yang boleh dipertingkatkan lagi terutamanya bagi kemudahan pelancong-pelancong.
- Perkembangan industri akuakultur Merlimau-Sebatu (ZIA) yang dijangka meningkatkan pengeluaran ikan segar, kerang dan kepah.

KOMPONEN CADANGAN

Beberapa kemudahan pemasaran yang dicadangkan adalah untuk:

- Pembangunan PPL di lokasi Selandar, Batang Melaka dan Nyalas dan R&R Sg. Rambai.
- Pembinaan gerai jualan buah-buahan (GBBS) dan hasil laut di sepanjang Lebuhraya AMJ
- Pembinaan pusat pemprosesan durian sejuk beku dan pusat eksport buah-buahan seperti durian, nenas, nangka, betik, pisang dan buah pitaya di FAMA Merlimau.
- Pembinaan pusat pemprosesan sejuk beku, penyimpanan dan bilik sejuk bagi hasilan laut dan akuakultur air payau di LKIM Sebatu.
- Pemasaran online bagi hasil-hasil tanaman, ternakan dan perikanan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Selandar, Batang Melaka, Nyalas, R&R Sg. Rambai, Lebuh AMJ, FAMA Merlimau, LKIM Sebatu	**AGENSI PENERAJU**	FAMA		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Jabatan Pertanian		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM27,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Gerai GBBS- Pekan Merlimau

Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) FAMA

EL1 Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi

EL1-2 CADANGAN JEJAK AGRO PELANCONGAN JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

Kawasan kajian telah dikenal pasti sebagai pengeluaran hasil pertanian utama bagi Negeri Melaka.

Dengan keluasan guna tanah pertanian merupakan yang tertinggi iaitu 13,363.73 hektar, cadangan pemilihan jejak agropelancong ini adalah kerana kawasan-kawasan ini mempunyai kekuatan masing-masing.

Pengunjung akan di bawa ke kawasan agro pelancongan dan melihat aktiviti yang dijalankan. Selain itu, pengunjung akan berpeluang membeli hasil pertanian dengan adanya, Program ini akan melibatkan penyertaan agensi yang berkaitan serta pengusaha pertanian serta pengusaha homestay dan nelayan-nelayan di sekitar kawasan Umbai hingga ke Sebatu

KOMPONEN CADANGAN

1. Peranan Pusat Agro Satelit di dalam mempromosikan pertanian kawasan kajian dengan menyediakan pakej-pakej Jejak Agropelancongan.
2. Penglibatan pengusaha-pengusaha pertanian amat penting dalam menjayakan Jejak Agropelancong ini.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin, Sg Rambai, Merlimau-Sebatu, Umbai-Serkam, Selandar-Kesang Pajak, Nyalas	**AGENSI PENERAJU**	Swasta (Pengusaha Pertanian)		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	**RM1,700,000**		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Tourism Melaka		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		



EL1 Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi

EL1-4 CADANGAN JEJAK MUSLIM JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

Kawasan Kajian mempunyai kira-kira 47 buah masjid dan 142 buah surau. Cadangan Jejak Muslim Jasin akan membawa pengunjung menziarahi masjid-masjid yang terpilih dan melihat sendiri keunikan reka bentuk,

Sebanyak 13 buah masjid yang terpilih untuk Jejak Muslim. Ini adalah kerana masjid-masjid ini mempunyai reka bentuk yang menarik serta merupakan Masjid yang disenaraikan oleh Tourism Melaka sebagai Pelancongan Agama.

KOMPONEN CADANGAN

1. Jeti Cruise Sg. Rambai
2. Jeti Umbai (berdekatan dengan PIBT)
3. Pakej *Island Hopping*

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Rajah EL1.6	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Swasta		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	**RM600,000**		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ / Tourism Melaka/Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Rajah EL1.6 Cadangan Jelajah Muslim



EL1 Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi

EL1-5 CADANGAN PUSAT SHOWCASE BAGI HOMESTAY PARIT PENGHULU

DESKRIPSI CADANGAN

SHOWCASE HOMESTAY PARIT PENGHULU

- Pada masa kini terdapat 2 buah homestay yang berdaftar dengan MOTAC iaitu Homestay Parit Penghulu dan Homestay Kg. Pulai. Oleh itu, Kampung yang terpilih untuk program homestay perlu mendaftar dengan pihak Kementerian Pelancongan (MOTAC).
- Cadangan Homestay Parit Penghulu sebagai Pusat 'Homestay Showcase' bagi Jasin.
- Kg. Parit Penghulu juga disasarkan untuk diiktiraf sebagai sebuah Kampung Pelancongan Terbaik oleh United Nation World Tourism Organization (UNWTO). Ini adalah kerana Kg. Parit Penghulu merupakan sebuah kampung yang mempunyai pelbagai tarikan seliaan Homestaynya yang aktif sama ada dari segi seni bina rumah, aktiviti penduduk kampung, penghasilan kraf tangan seperti batik dan pemandangan kampung yang indah dengan adanya sawah padi dan Sungai Kesang.
- Homestay ini adalah sesuai memandangkan ia merupakan homestay yang aktif dan sering menjadi pilihan pelancong.
- Di samping itu di sini terdapat pelbagai kemudahan homestay yang disediakan.
- Homestay ini bertindak sebagai peneraju bagi homestay-homestay yang terdapat di kawasan kajian.
- Penyelarasan program-program dengan pengusaha homestay serta kerjasama dengan agensi pelancongan.
- Menyelaras pakej-pakej bagi setiap homestay.
- Mempromosikan homestay di media sosial dan media cetak.
- Terdapat 3 buah kawasan yang berpotensi untuk di jadikan homestay iaitu Pemilihan kampung-kampung ini adalah kerana keunikan yang terdapat di kampung masing-masing.

KOMPONEN CADANGAN

1. Mini Galeri di dewan sedia ada.
2. Zon Pameran Pertanian.
3. Papan tanda yang seragam di setiap homestay yang terlibat

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Homestay Parit Penghulu	**AGENSI PENERAJU**	Swasta (Pengusaha Homestay)		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	**RM1,700,000**		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Tourism Melaka		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		



Ilustrasi tapak showcase bagi *Homestay* Parit Penghulu

EL1 Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi

EL1-7 CADANGAN JELAJAH SUNGAI KESANG DAN JASIN *ISLAND HOPPING*

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan Cruise Sungai Kesang adalah untuk memberi pengalaman kepada pelancong menikmati suasana pemandangan hutan paya bakau HSK Paya Laut Merlimau dengan menaiki bot. Ia akan bermula di Jeti di Sungai Rambai sehingga ke muara Jasin kira-kira 7km yang mengambil masa 40 minit. Selain melihat hutan paya bakau pelancongan dapat melihat kawasan kolam ternakan udang dan jeti nelayan di sekitar.

Manakala *Island Hopping* merupakan pelayaran menyusuri perairan Jasin mengelilingi pulau-pulau. Walaupun Pulau Besar dan Taman Laut Melaka (Pulau Dodol, Pulau Nangka dan Pulan Undan) terletak di dalam Daerah Melaka Tengah, namun kedudukannya berdekatan memberi peluang kepada pelancong menikmati keindahan serta berpeluang untuk melihat matahari terbenam.

KOMPONEN CADANGAN

1. Jeti Cruise Sg. Rambai
2. Jeti Umbai (berdekatan dengan PIBT)
3. Pakej *Island Hopping*

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Sungai Kesang dan Perairan Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Majlis Pembangunan Pulau – Pulau Melaka		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Tourism Melaka/ Swasta		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	**RM5,000,000**		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	MPJ / Tourism Melaka/Negeri		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

PAKEJ SUNGAI KESANG *CRUISE*
A.DARI JETI SUNGAI RAMBAI

- **Pakej Sungai-Kesang – HSK Hutan Paya Bakau Merlimau (Pergi Balik 31.58 km)**

1. Jeti Sungai Rambai.
2. Menaik taraf Pangkalan Nelayan Lambak.
3. Pangkalan:Melihat paya bakau di HSK Hutan Paya Laut Merlimau.
4. Melihat matahari terbenam.
5. Melawat ke Cadangan Pusat Pelajaran HSK Hutan Paya Laut Merlimau

JASIN PAKEJ ISLAND HOPPING JASIN
B. DARI JETI UMBAI

- ***Island Hopping* (39.16 km)**

1. Cadangan Jeti *Island Hopping* di Umbai
2. Mengelilingi Pulau Besar, Taman Laut Melaka dan pulau-pulau kecil di perairan Jasin.
3. Melihat pemandangan Pantai Siring Enklaf
4. Melihat matahari terbenam .

EL1	Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi
EL1-5	CADANGAN JELAJAH EKOPELANCONGAN (KORIDOR HIJAU DAN KORIDOR BIRU)

DESKRIPSI CADANGAN

Kawasan kajian mempunyai 5 kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang terdiri dari hutan darat dan paya laut dengan keluasan 4,642.92 hektar yang mana merupakan HSK yang tertinggi di dalam Negeri Melaka.

Di samping itu juga pengisytiharan Bukit Gapis sebagai Gunung Melaka secara rasmi pada 17 Oktober 2020. Ketinggian 480 meter itu menjadikan ianya melepasi syarat sesebuah bukit diiktiraf sebagai gunung iaitu 457.2 meter. Ini sekaligus menjadikan Bukit Gapis @ Gunung Melaka tempat paling tinggi di Melaka.

Bukit Batu Lebah telah dikenal pasti sebagai Geo Tapak oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG).

Manakala dari segi saliran kawasan kajian mempunyai empat (4) lembangan sungai yang mana menjadi sumber air utama bagi Empangan Jus. Antaranya ialah Sungai Nyalas, Sungai Ayer Panas, Sungai Kesang dan Sungai Merlimau.

KOMPONEN CADANGAN

1. Menyediakan pakej-pakej lawatan mengikut kluster agar dapat mempermudah pelaksanaan.
2. Menjalankan kerjasama dengan Jabatan Hutan (Kawasan Taman Rimba Eko dan HSK) Penyediaan papan tanda di kawasan-kawasan eko pelancongan.
3. Cadangan Staging Point di Kg, Gapis bagi mereka yang ingin mendaki Gunung Melaka

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Rujuk Rajah EL1.10	**AGENSI PENERAJU**	Swasta (Agensi Pelancongan)		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Tourism Melaka Jabatan Perhutanan		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	**RM1,600,000**		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Tourism Melaka		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Rajah EL1.10 Cadangan Jejak Eko Pelancongan ()Koridor Hijau dan Koridor Biru)



EL1	Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi
EL1-10	CADANGAN *BIKE EDU-RAIL* BATANG MELAKA

DESKRIPSI CADANGAN

- Pakej Ronda-ronda KTM Komuter telah mula diperkenalkan pada tahun 2004 dengan sebanyak tujuh (7) jenis pakej yang dilaksanakan oleh KTM pada masa kini yang mana tumpuan di Kuala Lumpur, Bangi dan Negeri Sembilan. Pakej yang diperkenalkan ini adalah berkonsepkan Rail-Edu-Tourism, iaitu pakej ronda-ronda berbentuk pendidikan dan akan memberi pengalaman menarik kepada kanak-kanak menaiki tren dan berekreasi sambil mengunjungi tempat-tempat menarik berhampiran rangkaian KTM Komuter.

- Dengan potensi yang ada di Jasin, dan kerjasama dengan pihak KTM boleh mempromosikan Rail-Edu-Tourism ini. Namun pakej yang akan diperkenalkan merupakan pakej bagi pengunjung berbasikal. Pengunjung dari luar daerah boleh menaiki kereta api membawa basikal sebelum mengikuti Jelajah Basikal Jasin. Ini secara tidak Langsung dapat menghidupkan semula stesen kereta api Batang Melaka.

KOMPONEN CADANGAN

- Menyediakan Risalah Pakej dengan tawaran harga yang menarik sekiranya aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
- Mengadakan aktiviti, acara atau acara tahunan yang mampu menarik minat mereka yang menggemari aktiviti berbasikal.
- Stesen Keretapi Batang Melaka merupakan mod

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Rujuk EL1-10 (m/s 6.2-26) Jilid I	**AGENSI PENERAJU**	Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Majlis Perbandaran Jasin • Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM1,400,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Tourism Melaka		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		



EL1	Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi
EL1-11	CADANGAN JELAJAH SUKAN LASAK 'OFF ROAD' JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

Melaka yang terkenal sebagai destinasi pelancongan unggul turut menyediakan beberapa lokasi trek sukan ekstrem dan menjadi gelanggang jaguh dunia memburu kejuaraan seperti Melaka International Rainforest Challenge melibatkan peserta antarabangsa. Perkembangan sukan lasak melibatkan trek off-road atau jalan hutan, gunung, bukit, sungai, pasir, batu dan sebagainya selain jalan atau litar berturap biasa. Perlumbaan Litar Lasak adalah satu format perlumbaan di mana kenderaan dimodifikasi mengikut kelas berbeza untuk perlumbaan termasuklah ATV, motosikal, basikal dan motorcross untuk berlumba melalui persekitaran yang lasak. Litar Lasak off-road memang mencabar dan menguji cara pengendalian serta skil pemandu kenderaan-kenderaan tersebut. Pelbagai cabaran harus ditempuh antaranya meredah laluan yang berlumpur, berpasir, mendaki bukit, menuruni cerun yang curam, jalan berliku dan beralun, mengharungi batu-batu besar dan licin selain meredah anak sungai dan banyak lagi.

KOMPONEN CADANGAN

1. Cadangan Kompleks Sukan Lasak di Simpang Bekoh
2. Menyediakan pakej-pakej yang menarik bagi penggemar sukan lasak.
3. Lokasi litar sukan lasak off-road mengikut jenis sukan lasak.
   - Mountain Bike
   - Motocross
   - ATV
   - Pikap 4x4

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Rujuk Rajah EL1.13	**AGENSI PENERAJU**	Swasta		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM9,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Negeri/ Swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

EL1	Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi
EL1-12	CADANGAN KELGLAM JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

Perairan Jasin merupakan kawasan yang kaya dengan hasil dari laut. Ia dapat dilihat dengan adanyan 6 buah jeti nelayan iaitu Jeti Nelayan Pantai Siring, Jeti Serkam. Jeti Nelayan Kuala Sempang Pantai. Jeti Kuala Merlimau, Jeti Nelayan Sebatu dan Jeti Pangkalan Lambak. Terdapat beberapa kelong di kawasan kajian namun ia hanya untuk tujuan memancing sahaja.

Oleh itu cadangan Kelglam Jasin di perairan Jasin adalah amat sesuai dan mampu mampu menarik minat pelancong dari dalam dan luar negeri ini terutama kaki pancing. Glamping merupakan kombinasi idea percutian 'glamour' dan camping' menjadi antara trend percutian dalam kalangan pencinta alam semula jadi dengan menginap atau bermalam tanpa mengetepikan keselesaan. yang ingin mencari ketenangan di lautan sambil memancing.

Peletakan tukun tiruan di bahan semulajadi seperti batu yang diletakkan di dasar laut untuk dijadikan sebagai satu habitat tiruan kepada pelbagai hidupan marin terutama ikan. Peranan tukun dalam laut adalah sangat signifikan dalam teknologi perikanan yang perlu dirancang dengan baik demi memastikan sumber ikan laut akan terus ada.

KOMPONEN CADANGAN

- Tempat Penginapan
- Tukun Tiruan

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Rujuk EL1.14	**AGENSI PENERAJU**	Swasta		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM7,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Tourism Melaka		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Rajah EL1.14 Cadangan Kelglam Jasin

EL1	Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi
EL1-13	CADANGAN TAPAK GLAMPING JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

Glamping diakui antara aktiviti percutian yang menyeronokkan untuk dicuba bersama keluarga mahu pun rakan. Berbanding perkhemahan biasa, glamping kini semakin digemari kerana ia menggabungkan konsep glamor dan perkhemahan dalam satu lokasi. Konsep perkhemahan lama kurang mendapat sambutan kerana perlu menyiapkan sendiri 'penginapan' yang akan diduduki.

Ia berbeza dengan glamping kerana ia boleh terus masuk ke dalam khemah dan tidak perlu bersusah payah membinanya sendiri. Selain itu, ia juga lengkap dengan kemudahan makanan dan tempat tidur yang selesa seperti dilengkapi katil, penghawa dingin dan pelbagai keistimewaan lain sesuai dengan konsepnya penuh glam.

KOMPONEN CADANGAN

- Cadangan papan tanda di pintu masuk utama.
- Pusat Informasi Pelancongan.
- Cadangan Tapak Glamping.
- Cadangan Kawasan Terbuka.
- Ruang Utama untuk melakukan aktiviti
- Kawasan ruang terbuka untuk aktiviti Camp Fire.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kg. Gapis, Taman Eko Rimba Bukit Batu Lebah, Tasik Chin Chin	**AGENSI PENERAJU**	Swasta		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM3,800,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Negeri/ Swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Rajah EL1.15 Cadangan Tapak *Glamping* Jasin



EL1	Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi

EL1-15 CADANGAN JUADAH MAKANAN JASIN DAN MUZIUM MAKANAN

DESKRIPSI CADANGAN

Jasin sememangnya terkenal dengan makanan sama ada dari segi makanan tempatan dan makanan laut. Berdasarkan data Tourism Melaka, sebanyak 39 tempat makan yang popular telah dikenal pasti dan juga merupakan Pelancongan Makanan yang tertinggi bagi Negeri Melaka.

Oleh itu, cadangan Muzium Makanan Tradisional ini secara tidak langsung akan menarik lebih ramai pelancong ke kawasan kajian. Lokasi yang dicadangkan adalah di Serkam dengan berlatarbelakangkan sawah padi.

Dicadangkan acara *showcase pada masa-masa tertentu* seperti aktiviti mengacau dodol, membuat kuih tradisional seperti kuih baulu.

Cadangan Juadah Jasin akan membawa pengunjung menikmati makanan yang popular di Jasin seperti Asam Pedas, Kari Kambing Simpang Bekoh, Biskut Tongkat, aneka jenis makanan laut dan lain-lain.

KOMPONEN CADANGAN

1. Pusat Informasi
2. Kaunter Pertanyaan
3. Ruang Pameran
4. Ruang *Showcase*
5. Kios Cenderamata

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Merlimau	**AGENSI PENERAJU**	• PERZIM		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Tourism Melaka • Swasta		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM5,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Negeri/ Swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	

EL1	Mengetengahkan Jasin Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi

EL1-17 CADANGAN PELANCONGAN INDUSTRI DI MELAKA HALAL HUB

DESKRIPSI CADANGAN

Melaka Halal Hub Sdn Bhd (MHHSB) ditubuhkan pada tahun 2006 dan dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melka PKNM). Ia ditubuhkan dengan tujuan membantu pembangunan usahawan Industri Kecil untuk meningkatkan produktiviti supaya lebih berdaya saing di peringkat nasional mahupun antarabangsa. MHH juga merupakan pusat industri halal terawal di Malaysia.

Produk-produk keluaran usahawan di MHH ialah produk makanan, minuman, kosmetik, makanan tambahan, farmaseutikal tempat menyimpan dan sebagainya. Antara kilang-kilang yang dikenali seperti Kewpie, Perniagaan Orang Kampung, Minuman Koko Minda, Madu keluaran Farhan Adam, Al-Taj, Asas Matahari dan ramai lagi.

Oleh itu kawasan MHH ini berpotensi untuk dijadikan salah satu kawasan tarikan yang mana pelancong berpeluang untuk melawat kawasan MHH ini sambal menambahkan ilmu pengetahuan mengenai produk-produk serta cara penghasilan. Di samping itu juga pelancong boleh membeli hasil keluaran produk kilang itu sendiri.

Cadangan Jejak Muslim dan Juadah makanan juga akan merangkumi pakej melawat kawasan MHH ini.

KOMPONEN CADANGAN

1. Melaka Halal Hub Sdn Bhd (MHHSB) bertindak sebagai peneraju bagi aktiviti pelancongan ini. Mereka akan memberi penerangan mengenai MHH kepada pengunjung sebelum membawa mereka melawat ke kawasan kilang-kilang yang terpilih.
2. Kilang yang ingin turut serta mesti memiliki keunikan selain persekitaran kerja yang bersih dan ada ruang pameran.
3. Cadangan Café atau kedai jualan produk-produk dari MHH.
4. Cadangan Galeri Halal Hub.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Melaka Halal Hub	**AGENSI PENERAJU**	Melaka Halal Hub Sdn Bhd		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM4,000,000		
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Negeri/ Swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		



Melaka Halal Hub di Serkam

EL2	Mempertingkatkan Kemudahan dan Promosi Tarikan Pelancongan
EL2-7	CADANGAN PAKEJ PELANCONGAN JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

Cadangan pakej pelancongan ini akan memudahkan pihak MPJ mahupun agensi pelancong untuk menggalakkan pelancong untuk datang ke Jasin.

Dengan cadangan pembangunan pelancong baru keperluan untuk kegunaan pemandu pelancong adalah perlu. Oleh itu di cadangkan agar pihak Tourism Melaka menyediakan kursus bagi mereka atau penduduk tempatan yang ingin menjadi pemandu pelancong. Ini secara tidak langsung memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

KOMPONEN CADANGAN

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Tarikan Pelancongan Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Swasta (Agensi Pelancongan)
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Majlis Perbandaran Jasin • Tourism Melaka
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM8,000,000
KATEGORI PROJEK	QW	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Negeri/ Swasta

FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 2022-2025	Fasa 2 2026-2030	Fasa 3 2031-2035
	✓		

PAKEJ A
EKO-LANCONG
(3 hari 2 malam)

1. Ekspedisi ke Taman Eko Rimba Bukit Batu Lebah
2. Sampan Cruise Kesang dan Pelayaran Senja.

- Perkampungan Ikan Bakar Terapung, Umbai Baru
- D'Anjung Ikan Bakar
- Ikan Bakar Muara Anjung Batu
- Medan Ikan Bakar Serkam

Penginapan : *Glamping* di kaki Gunung Melaka/ Taman Eko Rimba Bukit Batu Lebah /Tasik Chin Chin

PAKEJ B
ADVENTURE TRAIL
(4 hari 3 malam)

1. Eksplorasi Mendaki Gunung Melaka
2. Acara Sukan Berkayak di Pantai Siring
3. Taman *Ekstreme* Park Chin Chin
4. Aktiviti Lasak *Off Road* Jasin

- Norita Asam Pedas
- Kedai Kuning Pantai Siring/ Kedai Makan Dak Lin Celup
- Cafe Markisa

Penginapan : *Glamping* di kaki Gunung Melaka/ Tasik Chin Chin

PAKEJ C
WARISAN & BUDAYA
(3 hari 2 malam)

1. Jejak Warisan Jasin
2. Lawatan ke Homestay Parit Penghulu/ Homestay Kg. Pulai
3. Melawat Perkampungan Orang Asli Jasin
4. Kilang Biskut Tongkat

- Cendol Seri Serkam
- Hamidah Food Industry Umbai
- Biskut Tongkat Simpang Bekoh
- Asam Pedas Simpang Bekoh
- Kari Kambing Simpang Bekoh

Pengangkutan : Bas Pelancongan
Penginapan : Homestay

Pakej D
AGRO-LANCONG
(3 hari 2 malam)

1. Lawatan ke kawasan Agro Lancong
2. Lawatan Ke FELDA terpilih
2. Pasar Terapung Sungai Rambai
3. Memancing di Kelong.
4. Sawah Padi Parit Penghulu/ Galeri Periuk Nasi Selatan
5. Melawat Melaka Halal Hub

- Restoran Din Corner
- Kari Kambing 41 Hari
- Kari Kambing Cikgu Anuar
- Asam Pedas Simpang Bekoh

Pengangkutan : Bas Pelancongan
Penginapan : Homestay Parit Penghulu/ Homestay Paya Pulai

PAKEJ E
KIDS LEISURE
(2 hari 1 malam)

1. Taman Tema Air Asahan
2. Taman Tema Chin Chin

- Perkampungan Ikan Bakar Terapung, Umbai Baru
- Markisa

Pengangkutan: Bas Pelancongan
Penginapan : *Glamping* Tasik Chin Chin

PAKEJ F
PELANCONGAN HARIAN
(3-4 jam)

BANDAR JASIN
1. Jejak Warisan Bandar Jasin

BANDAR MERLIMAU-SERKAM
1. Jejak Warisan Merlimau-Serkam
2. Makan Makanan Laut di Pantai Siring
3. Melawat Melaka Halal Hub

SUNGAI RAMBAI
1. Jejak Warisan Sungai Rambai
2. Laman Belia
3. Pasat Terapung Sungai Rambai

PU4	Melaksanakan Memastikan Bekalan Elektrik dan Bekalan Gas Asli yang Mencukupi, Selamat dan Mempunyai Kebolehharapan yang Tinggi untuk Menyokong Pembangunan Daerah Jasin
PU4-4	CADANGAN PENJANAAN TENAGA BOLEH BAHARU DAN PENGGUNAAN TENAGA YANG BERHEMAT

D1SKRIPSI CADANGAN

PENJANAAN TENAGA BOLEH BAHARU

Penjanaan tenaga boleh baharu akan membantu aspirasi negara untuk mencapai pengeluaran tenaga boleh baharu kepada tahap yang telah di tentukan iaitu 40 % pada tahun 2040. Di Daerah Jasin, penjanaan tenaga boleh baharu telah pun dilaksanakan oleh pihak kilang Xinyi di kawasan Perindustrian Lipat Kajang. Penjanaan tenaga boleh baharu dilaksanakan melalui pembinaan panel solar bumbung yang menjanakan tenaga elektrik.

Daerah Jasin berpotensi untuk menjadi penjana tenaga boleh baharu melalui beberapa kaedah seperti penjanaan tenaga elektrik solar (ladang solar) berskala besar serta juga penjanaan tenaga elektrik melalui panel solar *photovoltaic* berskala kecil dan sederhana.

Daerah Jasin juga boleh menjana tenaga elektrik boleh baharu melalui pembinaan turbin gas yang dikuasakan oleh hasil '*bio-mass*' daripada aktiviti pertanian seperti kilang kelapa sawit.

Tenaga boleh baharu yang dijana ini boleh di guna untuk tujuan dalaman atau di jual balik kepada sistem agihan bekalan elektrik melalui skim-skim tenaga boleh baharu yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Tenaga Boleh Baharu (SEDA).

KOMPONEN CADANGAN

1. Menggalakkan pelaburan di dalam penjanaan tenaga boleh baharu berskala besar seperti '*Agrivoltaic*', '*Aquavoltaic*', '*Photovoltaic*', dan '*Floating Solar Farm*'.
2. Menggalakkan pelaburan di dalam penjanaan tenaga boleh baharu solar berskala kecil dan sederhana melalui pembinaan solar panel bumbung.
3. Menggalakkan penjanaan tenaga boleh baharu daripada aktiviti pertanian dengan menggunakan tenaga yang di jana dari '*bio mass*'.
4. Menggalakkan penjanaan tenaga boleh baharu dari proses rawatan kumbahan atau dari tenaga solar di loji-loji rawatan kumbahan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin	**AGENSI PENERAJU**	• Suruhanjaya Tenaga Boleh Baharu (SEDA) • Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM)
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	• TNB • MPJ • Swasta
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM650,000,000
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	KETSA

FASA PELAKSANAAN	Fasa 1 2022-2025	Fasa 2 2026-2030	Fasa 3 2031-2035
	✓	✓	

Contoh penangkapan gas methane untuk penjanaan

Contoh penjanaan tenaga boleh baharu, 'Agrivoltaic' yang terletak di kawasan pertanian.

Contoh 'Floating Solar Farm' yang terletak di tasik atau kolam takungan.

'Aquavoltaic' yang menggunapakai kolam akuakultur serta penjanaan tenaga elektrik melalui solar panel.

EL2	Mempertingkatkan Kemudahan dan Promosi Tarikan Pelancongan
EL2-4	CADANGAN PAKEJ PELANCONGAN JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

Unjuran kedatangan pelancong ke Melaka dibuat berdasarkan RSN Negeri Melaka 2035. Manakala unjuran kedatangan pelancongan ke kawasan kajian adalah berdasarkan andaian kedatangan pelancongan ke kawasan pelancongan utama dengan andaian kadar pertumbuhan 47% pada tahun 2025.

Carta EL2.1 menunjukkan unjuran ketibaan tahun 2025 akan menyaksikan hanya seramai 100,000 pelancong berbanding dengan 26,855 orang pelancong pada tahun sebelumnya 2020. Namun ketibaan pelancong dijangka akan meningkat pada suku pertengahan tahun 2022 sehingga 2035. Hal ini didorong oleh pembangunan-pembangunan yang akan dicadangkan serta pembangunan komited My Siring Waterfront dan Melaka Waterfront Economic Zones (MWEZ).

Pada masa kini, sejumlah 30 penginapan yang disediakan di kawasan kajian dengan 306 bilik yang mana hanya meliputi hotel bertaraf 2 bintang, orkid, resort, hotel bajet dan chalet.

Oleh itu untuk mencapai Majlis Bandaraya Jasin menjelang tahun 2035 keperluan hotel bertaraf 4 atau 5 bintang adalah perlu untuk menaikkan imej Jasin itu sendiri. Oleh itu cadangan hotel bertaraf bintang di kawasan kajian Cadangan kemudahan penginapan ini akan dapat menampung keperluan kemudahan penginapan di kawasan kajian.

KOMPONEN CADANGAN

- Cadangan Hotel 4 Bintang di kawasan bangunan MPJ lama.
- Cadangan hotel bertaraf 3 bintang yang mempunyai tema yang kreatif dengan harga berpatutan.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin, Jasin Green Valley, Sungai Rambai, Simpang Bekoh, Batang Melaka	**AGENSI PENERAJU**	Swasta		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Tourism Melaka		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM180,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Negeri/ Swasta		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

CARTA EL2.1 UNJURAN KETIBAAN DAN PERBELANJAAN PELANCONG KE KAWASAN KAJIAN DARI TAHUN 2016 SEHINGGA 2035



TAHUN	UNJURAN KETIBAAN JASIN	KPT	PERBELANJAAN (RM JUTA)
2016	240		0.09
2017	3,038		1.1
2018	1,843		0.7
2019	84,348		31.6
2020	26,855		3.08
2025	100,000	47%	18.75
2030	250,000	30%	81.25
2035	500,000	20%	225

a. BANDAR JASIN



Sedia ada

Ilustrasi pembangunan Hotel di bangunan kuarters kerajaan di Jalan Demang Haji Abu

EC1	Mempelbagaikan Peluang Perniagaan dan Penglibatan Dalam Bidang Keusahawanan

EC1-7 CADANGAN INISIATIF PENJANAAN PROGRAM USAHAWAN MUDA

DISKRIPSI CADANGAN

Inisiatif penjanaan program usahawan muda ini akan memastikan peserta supaya dilatih sehingga berjaya dan bergelar usahawan yang berkemahiran dalam beberapa bidang untuk dijadikan sebagai satu produk perniagaan yang akan menghasilkan pendapatan untuk diri dan keluarga mereka. Di samping itu, ianya juga bertujuan untuk mempergiatkan lagi usaha-usaha pembangunan ekonomi khasnya dalam daerah Jasin.

KOMPONEN CADANGAN

- Peserta akan diajar, dilatih dan dibimbing dalam jenis kemahiran yang boleh dikomersialkan dalam bentuk produk atau perkhidmatan sebagai sumber pendapatan yang mempunyai potensi pasaran yang besar.
- Peserta juga berpeluang membangun dan membina sebuah perniagaan yang berstruktur dan berdaya saing yang berkemampuan untuk berkembang dan boleh diwarisi.
- Pihak terlibat akan memantau dan membimbing perniagaan peserta-peserta supaya perniagaan mereka bergerak dan mampu menjana pendapatan setiap bulan.
- Inisiatif ini diyakini dapat membantu menjana ekonomi di kalangan peserta yang terlibat dan memberi bantuan dari segi dana untuk mengembangkan perniagaan mereka sama ada dengan cara membuka cawangan atau sistem ejen atau francais.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Seluruh Daerah Jasin	**AGENSI PENERAJU**	SME Corp, MARA		
NO LOT		**AGENSI SOKONGAN**	Majlis Perbandaran Jasin		
KELUASAN		**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM8,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**			
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	









PU4	**Melaksanakan Memastikan Bekalan Elektrik dan Bekalan Gas Asli yang Mencukupi, Selamat dan Mempunyai Kebolehharapan yang Tinggi untuk Menyokong Pembangunan Daerah Jasin**
PU4-3	**CADANGAN PENGGUNAAN GAS ASLI SEBAGAI SUMBER TENAGA YANG BERSIH DAN SELAMAT**

DESKRIPSI CADANGAN

- **PENGUNAAN GAS ASLI SEBAGAI SUMBER TENAGA**
  - Pada waktu ini, Daerah Jasin mendapat bekalan gas asli berpaip di kawasan industri Lipat Kajang. Sistem bekalan gas asli berpaip ini dikendalikan oleh Gas Malaysia Berhad. Bekalan gas asli berpaip ini di dapati melalui rangkaian paip gas asli yang bermula di Daerah Alor Gajah melalui stesen pintu bandar (City Gate Station) di mana tekanan paip gas di ubah dari tekanan tinggi kepada tekanan senderhana dan rendah sebelum di salurkan kepada pengguna.
  - Memandangkan sudah terdapat rangkaian gas asli berpaip di dalam Daerah jasin adalah dicadangkan rangkaian ini di perluaskan lagi. Rangkaian bekalan paip gas asli ini boleh diperluaskan kepada lain-lain pengguna di kawasan industri Lipat Kajang. Selain itu, rangkaian bekalan gas asli ini boleh juga dipanjangkan kepada kawasan-kawasan industri di Merlimau.

KOMPONEN CADANGAN

- Menggalakkan penggunaan gas asli berpaip untuk pelabur industri di Daerah Jasin.
- Memperluaskan penggunaan gas asli sekitar kawasan industri Lipat Kajang di mana sudah terdapat rangkaian gas asli berpaip.
- Memperluaskan rangkaian bekalan gas asli berpaip ke kawasan industri di Merlimau.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Lipat Kajang, Merlimau	**AGENSI PENERAJU**	Gas Malaysia Berhad		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Suruhanjaya Tenaga		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM220,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	STM/ Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓		

Laluan Paip Gas Asli Sedia Ada Sekitar Lipat Kajang



Cadangan Bekalan Elektrik dan Gas



PETUNJUK

Sempadan

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Negeri
- Sempadan PBT/ Daerah
- Sempadan Blok Perancangan

Pengangkutan

- Jalan Utama
- Lebuhraya
- Landasan Keretapi
- Cadangan Laluan HSR

- Melaksanakan Projek Talian Voltan Tinggi 500 KV serta kerja-kerja berkaitan
- Menaiktaraf dan membina pencawang masuk utama (PMU) /pencawang pembahagi utama (PPU) dan sistem agihan voltan tinggi dan senderhana
- Menggalakkan penjanaan tenaga boleh baharu dan penggunaan tenaga yang berhemat
- Menggalakkan penggunaan gas asli sebagai sumber tenaga yang bersih dan selamat

PU6	Menyediakan Pengurusan Sisa Pepejal yang Menyeluruh di Daerah Jasin untuk Mengurangkan Pencemaran dan Memastikan Persekitaran yang Bersih
PU6-1	CADANGAN MERANCANG DAN MEMBINA STESEN PINDAH BERSEPADU DAERAH JASIN

DESKRIPSI CADANGAN

- Penyediaan stesen pindah di Bandar Jasin dan Bandar Merlimau bertujuan untuk menambah baik perjalanan pengangkutan sisa pepejal. Sisa pepejal yang dikutip di premis akan di hantar ke stesen pindah untuk dikumpul, dimampatkan dan akan di hantar ke tapak pelupusan melalui lori-lori pengangkut yang lebih besar.

- Stesen pindah yang dicadangkan adalah jenis bersepadu dimana selain daripada tujuan pengangkutan, ia juga berfungsi sebagai pusat aktiviti kitar semula 3R dan pusat komposting. Bahan buangan pertanian di kawasan kajian juga boleh di hantar ke stesen pindah dan di proses di pusat komposting. Hasil kompos ini boleh digunakan sebagai baja.

KOMPONEN CADANGAN

- Kajian perancangan untuk stesen pindah termasuk Kajian Impak Alam Sekitar, Kajian 'Feasibility' dan Kajian Pemilihan Lokasi Tapak.
- Pembinaan stesen pindah bersepadu lengkap dengan pusat kitar semula 3R, pusat *composting* dan sistem rawatan '*leachate*' di Daerah Jasin.
- Keluasan kawasan yang dicadangkan sebanyak 20 ekar serta mempunyai zon penampan 1km dari kawasan perumahan
- Lokasi muktamad stesen pindah untuk Daerah Jasin juga perlu mengambil kira lokasi stesen pindah di Daerah Alor Gajah.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Bandar Jasin	**AGENSI PENERAJU**	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Solid Waste Management Corporation (SW Corp)		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM40,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	



Contoh konsep stesen pindah di dalam pengangkutan sampah



Contoh stesen pindah bersepadu dengan aktiviti kitar semula dan pengkomposan

PU6	**Menyediakan Pengurusan Sisa Pepejal yang Menyeluruh di Daerah Jasin untuk Mengurangkan Pencemaran dan Memastikan Persekitaran yang Bersih**
PU6-2	**CADANGAN MENGGALAKKAN AMALAN 3R, MENGURUS SAMPAH TERAPUNG DI SISTEM SALIRAN DAN MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN SAMPAH DI KAWASAN PELANCONGAN**

DESKRIPSI CADANGAN

- **Menggalakkan Amalan 3R**
- **Mengurus Sampah Terapung Dalam Sistem Saliran**
- **Mempertingkatkan Pengurusan Sampah Di Kawasan Pelancongan**
  - Penyediaan bilangan tong sampah awam yang mencukupi dan dilengkapi dengan '*smart sensor*' untuk pengurusan yang lebih baik.
  - Penyediaan bank kitar semula
  - Menambah kekerapan kutipan terutamanya pada musim percutian
  - Mengadakan program pembersihan alur sungai di hutan lipur dan kawasan pantai

KOMPONEN CADANGAN

- Menggalakkan amalan 3R melalui menambah bank kitar semula di kawasan pembangunan baharu dan kawasan pelancongan.
- Menjalankan amalan 'separation at source' untuk premis domestik (peringkat pertama) dan kepada semua premis pada peringkat seterusnya.
- Meningkatkan kadar kitar semula kepada 40% seperti yang disasarkan di dalam RMK-12.
- Membina dan menyelenggarakan perangkap sampah terapung di hilir Bandar Jasin dan Pekan Asahan.
- Mempertingkatkan pengurusan sampah di kawasan pelancongan dengan penyediaan tong sampah awam berserta 'smart sensor', bank kitar semula dan program pembersihan pantai/hutan lipur.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	• Kawasan Perbandaran MP Jasin • Sungai Kesang	**AGENSI PENERAJU**	Solid Waste Management Corporation (SW Corp)		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	Majlis Perbandaran Jasin		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM6,000,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	



Cadangan Bagi Pengurusan Sisa Pepejal



PETUNJUK

Sempadan

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Negeri
- Sempadan PBT/ Daerah
- Sempadan Blok Perancangan

Pengangkutan

- Jalan Utama
- Lebuhraya
- Landasan Keretapi
- Cadangan Laluan HSR

- Cadangan Stesen Pindah Bersepadu Daerah Jasin
- Cadangan Perangkap Sampah Sungai Terapung
- Mempertingkatkan pengurusan sampah di kawasan pelancongan dan tumpuan penduduk

PT2	Memperkasakan Ekonomi Berasaskan Agroteknologi
PT2-1	CADANGAN PEMBAIKAN PENGANGKUTAN AWAM

DESKRIPSI CADANGAN

- Cadangan pembaikan pengangkutan awam dicadangkan bagi meningkatkan kemudahsampaian ke Daerah Jasin dan mengurangkan kesesakan lalulintas. Terdapat empat cadangan pembaikan (4) yang dicadangkan di Daerah Jasin iaitu:

01 Cadangan High Speed Rail (HSR)
02 Cadangan Bus Rapid Transit (BRT)
03 Cadangan Laluan Basikal
04 Cadangan Menyediakan Perkhidmatan KTM Komuter di Stesen Batang Melaka
05 Cadangan Naik taraf Jeti
06 Cadangan Naik taraf Aerodrome Sg. Rambai

KOMPONEN CADANGAN

- **Cadangan High Speed Rail (HSR)**
  Jajaran HSR di Daerah Jasin adalah melalui Bemban dan Semujok yang menghubungkan Ayer Molek, Melaka ke Muar, Johor.

- **Bus Rapid Transit (BRT)**
  Cadangan BRT di Daerah Jasin adalah melalui Simpang Serkam, Merlimau, Semujok, Tol Jasin, Bandar Jasin, dan Kesang Pajak.

- **Cadangan Laluan Basikal**
  Cadangan laluan basikal yang dicadangkan adalah di pusat bandar Jasin, Jasin Bestari, Merlimau, Jasin, Pekan Asahan, Sempang Bekoh, Nyalas, Selandar, dan Machap. Terdapat juga laluan basikal dicadangkan di sepanjang jalan susur pantai dari Umbai ke Sungai Rambai.

- **Cadangan Menyediakan Perkhidmatan KTM Komuter di Stesen Batang Melaka**
  Cadangan penambahbaikan pengangkutan awam melibatkan penyediaan semula operasi perkhidmatan KTM komuter di stesen Batang Melaka. Cadangan ini adalah untuk memastikan hubungan laluan daripada Batang Melaka ke Tampin/ Pulau Sebang.

- **Cadangan Naik Taraf Jeti**
  Cadangan menaik taraf kemudahan dan keselesaan para pengunjung ke Umbai dan Jeti Anjung Batu

- **Cadangan Naik Taraf Aerodrome Sungai Rambai**
  Cadangan naik taraf melibatkan pelebaran landasan kapal terbang, aktiviti–aktiviti sukan paragliding bermotor, radio control kapal terbang dan lain-lain adalah bagi memastikan lebih banyak aktiviti-aktiviti di jalankan di Aerodrome Sungai Rambai.

BUTIRAN CADANGAN

LOKASI	Jalan Durian Tunggal-Tangkak (M2) Berdekatan dengan Masjlid Air Barok	**AGENSI PENERAJU**	Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)		
NO LOT	-	**AGENSI SOKONGAN**	• Jabatan Kerja Raya • Majlis Perbandaran Jasin • Keretapi Tanah Melayu Berhad		
KELUASAN	-	**ANGGARAN KOS PROJEK**	RM20,240,000		
KATEGORI PROJEK	SK	**SUMBER PEMBIAYAAN**	APAD & Persekutuan		
		FASA PELAKSANAAN	**Fasa 1 2022-2025**	**Fasa 2 2026-2030**	**Fasa 3 2031-2035**
			✓	✓	✓

Rajah PT2.1 Cadangan Pembaikan Pengangkutan Awam

PETUNJUK

Sempadan
- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Negeri
- Sempadan PBT/ Daerah
- Sempadan Blok Perancangan

Pengangkutan
- Jalan Utama
- Lebuhraya
- Landasan Keretapi
- Cadangan Laluan HSR

21 Cadangan High Speed Rail (HSR)
22 Cadangan Bus Rapid Transit (BRT)
23 Cadangan Laluan Basikal
24 Cadangan Menyediakan Perkhidmatan KTM Komuter di Stesen Batang Melaka
25 Cadangan Naik Taraf Jeti
26 Cadangan Naik Taraf Aerodrome Sungai Rambai

1.9 PEMANTAUAN RANCANGAN TEMPATAN

Pemantauan merupakan aktiviti yang perlu dilakukan untuk memastikan segala perancangan dan pembangunan yang dijalankan menepati atau selari dengan apa yang dirancang. Sistem pemantauan Rancangan Tempatan menyediakan satu rangka kerja untuk kesinambungan proses penilaian dan juga keputusan berkenaan dengan pencapaian dasar dan keperluan terhadap kajian Rancangan Tempatan. Setiap indikator pembangunan akan dikaji, disemak, dan diperiksa secara berkala untuk memastikan segala dasar perancangan menepati wawasan MPJ dan aspirasi rakyat.

Secara ringkasnya aktiviti pemantauan RT ini dinyatakan di bawah :

- Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan RT Majlis Perbandaran Jasin 2035(P) di dalam MPJ, dipengerusikan oleh YDP dengan Pengarah Jabatan Perancangan dan Desa MPJ selaku Setiausaha and dianggotai Setiausaha MPJ, Ahli Majlis serta semua ketua jabatan /agensi utama di Daerah Jasin yang berkaitan
- Urusetia pemantauan adalah Pengarah Perancang MPJ
- Mewujudkan sistem pemantauan dengan penyediaan laporan pemantauan pelaksanaan secara berkala oleh jabatan/agensi penyelaras.
- Memberi maklumbalas untuk penambahbaikan serta memperakukan Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Tempatan sebelum dibentangkan ke Mesyaurat Jawatankuasa Pemantauan Rancangan Tempatan peringkat negeri.
- Penyelarasan di antara dan sesama jabatan/agensi di dalam jentera pelaksana hendaklah diperkemas oleh kerana sebahagian besar daripada agensi pelaksana ada hubungkait di antara mereka dan pada masa yang sama setiap jabatan/agensi mempunyai autonomi di dalam melaksana tugas dan tanggungjawabnya.
- Bekerjasama dengan PlanMalaysia@Melaka yang akan menyediakan Laporan Pemantauan dan Penilaian Outcome RT
- Kerjasama dan sokongan dari pelbagai jabatan dan institusi terlibat dalam perancangan, pelaksanaan dan kawalan pembangunan hendaklah digalakkan dan diperkemas.
- Pemantauan haruslah dilaksanakan di setiap peringkat
- MPJ harus menyediakan jadual pelaksanaan serta mengikut jadual dan susunan prioriti
- Sistem maklumat berasaskan GIS perlu diujudkan dan mempunyai maklumat guna tanah terkini dan sentiasa dikemas kini. Dari itu MPJ perlu mewujudkan unit GIS yang mempunyai peralatan, perkakasan dan perisian yang bersesuaian serta mempunyai kakitangan yang mencukupi dengan kemahiran bersesuaian
- Menjalankan pengauditan ke atas pelaksanaan program dan cadangan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian) dari masa ke semasa.
- Kekerapan pemantauan dicadangkan adalah setiap tahun

Jadual 1.13 menunjukkan antara aspek dan indikator pemantauan yang boleh digunapakai termasuklah:

- ✓ Strategi Pembangunan
- ✓ Guna Tanah serta status pembangunan
- ✓ Unjuran
- ✓ Jumlah Penduduk dan kepadatan
- ✓ Hasil
- ✓ Kebenaran Merancang
- ✓ Pelaksanaan Projek
- ✓ Peta Cadangan
- ✓ Indikator Kemampanan

Jadual 1.13 Contoh Indikator Pemantauan Rancangan Tempatan Dan Sasaran Pencapaian Mengikut Tahun

INDIKATOR	SEMASA	2021	2030	2035
Guna Tanah Tepubina (hektar)	2,612.97	3,050	3,490	3,939.44
Perlaksanaan Projek Rancangan Tempatan	0	+20%	+30%	+20%
Kebenaran Merancang	75	90	120	150
Jumlah Penduduk	154,300	170,421	192,921	196,426
Bil Unit Perumahan	51,319	57,047	62,093	67,560
Indikator Kemampanan (%)	87.59%	90%	93%	95%
Hasil (RM Juta)	**33.31**	**42.30**	**54.50**	**71.60**

Sumber: RT MP Jasin 2035 (Penggantian)

1.10 ANALISIS PENCAPAIAN RT DAERAH JASIN 2020

Laporan RT Daerah Jasin telah disediakan oleh Majlis Perbandaran Jasin pada tahun 2010 dan di wartakan pada bulan Februari 2011 bagi membantu dan merancang pembangunan daerah Jasin sehingga 2020.

Berdasarkan Laporan Outcome 2014 Rancangan Tempatan Daerah Jasin 2020 oleh PLANMalaysia, perunding bersama pihak Majlis Perbandaran Jasin telah mengemas kini penilaian outcome tersebut dengan menilai :

- Tahap terima pakai dokumen Rancangan Tempatan oleh agensi pelaksana dengan sasaran 100% penerimaan
- Tahap pematuhan kepada RT berdasarkan kelulusan Kebenaran Merancang oleh Majlis Perbandaran Jasin dengan sasaran 100% pematuhan zoning guna tanah serta peningkatan trend tiga guna tanah utama
- Tahap pelaksanaan projek oleh agensi pelaksana dengan sasaran sebanyak 70% pelaksanaan; dan
- Pencapaian pemeliharaan alam sekitar yang lestari dengan sasaran pengekalan 100% kawasan KSAS dan 70% pencapaian daerah lestari dan bestari

Jadual 1.14 Status Pematuhan KM

TAHUN PERMOHONAN KM	PERMOHONAN PATUH RT (DIBERI KELULUSAN)	PERMOHONAN TIDAK PATUH RT (DITOLAK)	JUMLAH
2011	13	0	13
2012	11	2	13
2013	33	1	34
2014	99	0	99
2015	89	0	89
2016	114	0	114
2017	105	0	105
2018	63	0	63
2019	29	0	29
2020	33	0	33
2021*	75	0	75
JUMLAH	**664**	**3**	**667**

*Nota: *Setakat September 2021*
Sumber : Majlis Perbandaran Jasin 2021

1.10.1 Tahap TerimaPakai oleh Agensi Pelaksana

Penilaian outcome 2014 oleh PLANMalaysia mendedahkan 92% agensi pelaksana yang maklum dan merujuk RT Daerah Jasin 2020 berdasarkan soal selidik pada tahun 2013. Namun hasil perbincangan dengan Majlis Perbandaran Jasin, tahap terima pakai terkini oleh agensi pelaksana telah meningkat kepada hampir 100% dan menepati sasaran.

1.10.2 Tahap Pematuhan Zoning Guna Tanah

Sejumlah 667 Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Jasin sejak tahun 2011 sehingga September 2021. Perunding mendapati cuma 3 permohonan yang ditolak, dua pada tahun 2012 dan satu pada tahun 2013 kerana tidak patuh syarat yang ditetapkan seperti tercatat dalam **Jadual 1.12** Berdasarkan jadual tersebut didapati tahap pematuhan zoning telah mencapai sasaran 100%.

1.10.3 Tahap Peningkatan Trend Tiga Guna Tanah Utama Tepu BIna

Penilaian *outcome* ini adalah untuk membandingkan trend tiga aktiviti utama guna tanah iaitu perumahan, perniagaan dan perkhidmatan serta industri pada tahun 2007 sehingga kini. **Jadual 1.13** menunjukkan trend aktiviti guna tanah yang telah meningkat sejak RT Daerah Jasin 2020 diwartakan.

Jadual 1.15 Keluasan Guna Tanah Utama Tepu Bina Kawasan Pentadbiran MPJ

GUNA TANAH	TAHUN 2007 (SEBELUM WARTA)	SASARAN RT 2020	TAHUN 2021	% PENINGKATAN
Kediaman	986.45 hek	7,834.23 hek	2,210.45 hek	124.08%
Perniagaan dan Perkhidmatan	108.13 hek	142.86 hek	125.19 hek	15.78%
Industri	194.32 hek	471.44 hek	276.33 hek	42.05%

Sumber: 1. Penilaian Outcome RT Daerah Jasin 2014,
2. Perbincangan Bersama MPJ;
3. Kajian RT MPJ 2035 (Penggantian)

1.10.4 Tahap Pelaksanaan Cadangan Projek Pembangunan RT Daerah Jasin 2020

Berdasarkan dokumen RT Daerah Jasin 2020, terdapat 160 cadangan projek pembangunan yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan. Jadual pelaksanaan cadangan pembangunan projek RT Daerah Jasin 2020 dinyatakan dalam **Jadual 1.16**. Jumlah projek yang telah dan sedang dilaksanakan didapati telah mencecah 67% dan masih belum mencapai sasaran RT sebanyak 70%.

Jadual 1.16 Pelaksanaan Projek Cadangan

BIL	PROJEK PEMBANGUNAN	AGENSI PELAKSANA TERLIBAT	JUMLAH PROJEK	STATUS PELAKSANAAN OLEH AGENSI		
				TELAH LAKSANA	SEDANG LAKSANA	BELUM LAKSANA
1	Pelancongan	MPJ, SAMB, Pej Pelancongan & Kebudayaan Melaaka	13	7	0	6
2	Pertanian dan Perhutanan	Jab Pertanian, FAMA, Veterinar, Perikanan, LKIM, MPOB, MPJ, Jab Perhutanan	13	11	2	0
3	Perdagangan	MPJ, PKNM	7	2	0	5
4	Perindustrian	PKNM	4	2	0	2
5	Kemudahan Masyarakat	Jab Pendidikan, PDRM, MAIM, UKT, Jab Kesihatan, MPJ, Perpustakaan	42	14	3	25
6	Rekreasi	MPJ	14	14	0	0
7	Jalan raya dan Pengangkutan	JKR, Jab Laut, MPJ	38	3	23	12
8	Infrastruktur dan Utiliti	JKR, JPS, MPJ, IWK/JPP, SAMB, TNB, SWM, TM	18	7	8	3
9	Pengurusan Alam Sekitar dan KSAS	JAS	11	11	0	0
	JUMLAH KESELURUHAN		**160**	**71**	**36**	**53**
	PERATUS		**100%**	**44%**	**23%**	**33%**
	PERATUS PENCAPAIAN					**67%**

Sumber: 1. Penilaian Outcome RT Daerah Jasin 2014,
2. Perbincangan Bersama MPJ;
3. Kajian Rancangan Tempatan MP Jasin 2035 (Penggantian)

1.10.5 Tahap Pencapaian Pembangunan Daerah Lestari dan Bestari

Wawasan pembangunan Daerah Jasin 2020 adalah ke arah menjadikan Jasin sebagi sebuah daerah lestari dan bestari dan Bandar Jasin sebagai bandar bestari dan sejahtera menjelang 2020 menerusi pembangunan fizikal dan pengurusan sumber yang mampan dengan sasaran sebanyak 70% pencapaian. **Jadual 1.17** menunjukkan status pencapaian ciri-ciri daerah lestari dan bestari di Jasin setakat tahun 2020 yang melepasi sasaran 70%.

Jadual 1.17 Status Pencapaian Ciri-ciri Daerah Lestari dan Bestari Jasin

CIRI DAERAH LESTARI	CATATAN	STATUS
Pembangunan Fizikal yang mampan melalui perancangan guna tanah yang menyeluruh dan efektif	Tahap pematuhan KM kepada RT Daerah Jasin 2020 adalah 100% patuh	√
	100% tiada percanggahan KM dengan KSAS Tahap 1. Kesemua KM terletak di luar KSAS	√
Pengurusan sumber secara mampan dan perlindungan alam sekitar	Mengekalkan 100% kawasan hutan simpan kekal Daerah Jasin seluas 4,609.18 hektar	√
	Jumlah	**3/3 (100%)**
CIRI DAERAH BESTARI	**CATATAN**	**STATUS**
Menyediakan koridor-koridor ilmu sebagai tapak institusi pengajian tinggi, pusat-pusat akademik dan penyelidikan bagi kerajaan negeri dan persekutuan	Mewujudkan konsep '1 institusi di setiap blok perancangan'	
	BP 1 - Sekolah Integrasi Selandar, Kolej Komuniti Selandar, Institut Latihan Perindustrian Selandar	√
	BP 2 - **Belum ada**	×
	BP 3 - Sekolah Menengah Teknik, Maktab Rendah Sains MARA, Institut Kemahiran MARA, Kolej Vokasional Jasin	√
	BP 4 - Politeknik Merlimau, Kolej Komuniti Merlimau	√
	BP 5 - **Belum ada**	×
	BP 6 - Universiti Teknologi MARA (UiTM), Semujok	√
	Jumlah	**4/6 (67%)**
PERATUS PURATA		**77.80%**
PERATUS SASARAN PENCAPAIAN PELAKSANAAN		**70%**

Sumber: 1. Penilaian Outcome RT Daerah Jasin 2014,
2. Perbincangan Bersama MPJ;
3. Kajian Rancangan Tempatan MP Jasin 2035 (Penggantian)

2.0 SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI



HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

2.0 Sistem Maklumat Geografi RT MP Jasin 2035 (Penggantian)

2.1 PENDAHULUAN

Data spatial merupakan salah satu aset terpenting yang menentukan kejayaan kajian. Ketepatan dan kelengkapan data dan maklumat amat bergantung pada kaedah pelaksanaan, pembangunan dan pengurusannya. Sistem Maklumat Geografi (GIS) merupakan satu tool yang digunakan dalam kajian ini bagi membangunkan pangkalan data geospatial dan membantu penganalisaan aspek perancangan. Strategi-strategi yang menyeluruh diperlukan bagi membangunkan pangkalan data yang *robust* terutamanya berkaitan pengumpulan, kemasukan, penyeragaman dan pengurusan maklumat.

Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0 yang disediakan oleh Bahagian Maklumat Guna tanah Negara (BMGN) telah digunakan bagi membantu dalam proses pembangunan dan penyeragaman pangkalan data geospatial. Umumnya, proses pelaksanaan ini telah dijalankan secara berperingkat dan berstruktur.



Terdapat dua (2) peranan utama penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) di dalam kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian). Peranan utama ialah :

- Membangunkan pangkalan data GIS Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian) melalui pengumpulan, kemasukan maklumat, pengemaskinian, penyeragaman dan penstrukturan mengikut piawaian yang diperlukan.

- Membantu sektoral kajian melaksanakan dan menghasilkan analisis perancangan secara spatial.

Hasil penggunaan GIS membolehkan pengguna untuk memapar, memahami, mentafsir, dan menganalisis data spatial ke dalam pelbagai bentuk terjemahan akhir seperti peta, laporan, tabular dan carta

2.2 PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA GIS

Umumnya, proses pembangunan pangkalan data GIS ini telah dijalankan secara berperingkat dan berstruktur. Berikut adalah proses dan langkah-langkah yang telah dijalankan:-

Rajah 2.1 Proses Pelaksanaan Dalam Pembangunan Pangkalan Data RT MP Jasin, 2035 (Penggantian)

2.2.1 Mengenal Pasti Keperluan Maklumat

Melibatkan pengenalpastian data yang diperlukan termasuk kandungan maklumat, format, fitur dan sumber data perolehan. Proses ini dijalankan bersama perunding sektoral bertujuan bagi memastikan data-data yang diperlukan memenuhi keperluan kajian. Langkah ini juga membolehkan data-data yang akan digunakan semasa analisis sektor-sektor dapat diperoleh. Tumpuan lebih diberikan kepada maklumat berkaitan dengan data utama iaitu guna tanah semasa. Proses ini telah menghasilkan satu senarai data kajian untuk tujuan permohonan, perolehan serta semakan kajian.

2.2.2 Pengumpulan Data

Terdapat dua kategori data dalam kajian ini iaitu data primer dan data sekunder.

- **DATA PRIMER**
  Melibatkan pengumpulan data di lapangan atau tinjauan menggunakan peralatan GPS telefon pintar yang akan diterjemahkan kepada pangkalan data *Geographic Information System* (GIS). Cerapan data dilaksanakan pada peringkat awal lawatan oleh perunding sektoral sebelum larangan kerja dibuat oleh pihak kerajaan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan.

- **DATA SEKUNDER**
  Manakala data sekunder adalah proses perolehan data-data daripada pelbagai agensi yang berkaitan. Ini termasuk peta-peta sempadan, pembangunan komited, penduduk, hutan, data kadaster dan data berkaitan daripada pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Proses pengumpulan ini dilakukan oleh perunding sektoral bersama agensi terlibat untuk diserahkan kepada teknikal (GIS). Pihak Majlis Perbandaran Jasin telah membantu dalam proses perolehan melalui beberapa siri perjumpaan dengan pihak terlibat.

2.2.3 Kemasukan Data

Perisian ArcGIS digunakan dalam membantu kemasukan data primer dan data sekunder ini. Data-data ini disimpan di dalam format *shapefile* (*.tab). Penyelarasan bagi unjuran peta dibuat bagi memastikan kedudukan data dan lokasi adalah tepat. Unjuran peta yang digunakan adalah GDM2000 Cassini Melaka.

Bagi data cerapan lapangan, data-data yang tersimpan dimuat turun pada komputer untuk tujuan pemprosesan data. Data ini akan melalui proses semakan terperinci dari segi ketepatan lokasi, *attribute* dan kelengkapan maklumat. Data sekunder perolehan akan diselaraskan dan dimasukkan ke dalam pangkalan data (GIS) berdasarkan kepada format perolehan. Data diseragamkan berpandukan Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0. Berikut adalah proses dilaksanakan mengikut format penerimaan data.

Rajah 2.2 Langkah Pembentukan Pangkalan Data Mengikut Penerimaan Format Perolehan



Lot kadaster dan imej satelit daripada *Google Earth* digunakan sebagai rujukan kedudukan lokasi bagi data yang dibentuk. Tindanan imej satelit terkini daripada *Google* juga digunakan dalam mengemas kini dan verifikasi maklumat data perolehan.

Data yang dibentuk juga akan melalui proses pemurnian (clean) topologi mengikut fitur. Hal ini bagi memastikan data yang dibentuk bebas dari *spatial overlap, spike, gap, sliver, overshoot* atau *undershoot* disebabkan dapat memberi kesan kepada analisis terutamanya melibatkan kesilapan pengiraan. **Jadual 1.1** adalah status perolehan dan pembentukan data GIS Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian) pada peringkat ini.

Jadual 2.1 Senarai Status Perolehan dan Kemasukan Data GIS

NO	KATEGORI DATA	NO	LAPISAN DATA GIS	SUMBER PEROLEHAN	STATUS
1.	**Kadaster**	1	Lot Kadastral	JUPEM	/
2.	**Persempadanan**	2	Negeri	JUPEM	/
		3	Daerah	JUPEM	/
		4	Mukim	JUPEM	/
		5	Bandar	PLANMalaysia	/
		6	Parlimen	SPR	/
		7	DUN	SPR	/
		8	PBT	MPJasin	/
		9	BP	RT MP Jasin	/
		10	BPK	RT MP Jasin	/
		11	Kampung	PLANMalaysia	/
		12	Index	JUPEM	/
3.	**Gunatanah**	13	Semasa	MPJasin	/
		14	Komited	MPJasin	/
		15	Semasa-Titik	RTMP Jasin	/
		16	Zoning	RTMP Jasin	/
4.	**Infrastruktur & Utiliti**	17	Bklair1 (Laluan)	MPJ/SAMB	/
		18	Bklair2	MPJ/SAMB	/
	i. Utiliti	19	Elektrik1 (Laluan)	TNB	/
		20	Elektrik2	TNB	/
		21	Parit1 (Laluan)	MPJasin	/
		22	Parit2	MPJasin	/
		23	Betung1 (Laluan)	MPJ/SPAN	
		24	Betung2	MPJ/SPAN	/
		27	Telko1 (Rentis)	Telekom	
		28	Telko2	SKMM	/
		29	Spepejal1 (Laluan)	MPJ/SWM	/
		30	Spepejal2	MPJ/SWM	TB
		31	Gas1		/
		32	Gas2	MPJ/PGB	/
	ii. Pengangkutan	33	Jalan	JKR/OSM	/
		34	Rel	MPJ/OSM	/
		35	Pgtawam1 (Terminal/stesen)	APAD/MPJ	/
		36	Pgtawam2	RTMP Jasin	/
		37	Tlkereta	MPJasin	/
		38	Plintas1 (Laluan Pengangkutan)	RT MP Jasin	/
		39	Plintas2	RT MP Jasin	/
	Perancangan	40	Sungai	JPS	/
	• Alam Sekitar	41	Topo	JUPEM/ASTER	/
		42	Ttanih	Jab Pertanian	/
		43	Hutan	JPSM	/
		44	Air	DOE	/
		45	Udara	RTMP Jasin	/
		46	Bising	RTMP Jasin	/
		47	KSAS MPJ	RTMP Jasin	/
		48	Risiko	RTMP Jasin	/
	• Penduduk	49	Pddk2020	DOSM/MPJ	/

Sambungan...

NO	KATEGORI DATA	NO	LAPISAN DATA GIS	SUMBER PEROLEHAN	STATUS
	• Ekonomi	50	Komersial	MPJasin	/
		51	Gerai	MPJasin	/
		52	Industri	RT MP Jasin	/
		53	Pertanian	Jab Pertanian	/
		54	Plancong1	Jab Pelancongan	/
		55	Plancong2	Jab Pelancongan	/
	• Sosial	56	Perumahan1	MPJ	/
		57	Perumahan2	MPJ/SPNB	/
		58	Kmyarakat	PLANMalaysia	/
		59	Rekreasi	MPJasin	/
		60	Rekreasi2	MPJasin	/
		61	Landskap	RTMP Jasin	/
		62	Landskap2	RTMP Jasin	/
		63	Ksejarah	Jab Warisan	/
		64	Ksejarah2	Jab Warisan	/
		65	Pokok	MPJasin	/
	• Maklumat Tanah	66	Hmilik2019	Pej Tanah	

Nota Status: / *Diperolehi* *Tidak Diperolehi* TB *Tidak Berkenaan*

Sumber: Kajian Rancangan Tempatan MP Jasin 2035 (Penggantian)

Berikut adalah ringkasan keseluruhan data yang telah dibangunkan sehingga peringkat ini.

2.2.4 Rekabentuk Pangkalan Data

Pangkalan data yang telah direka bentuk adalah berdasarkan piawaian Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0 daripada Bahagian Maklumat Guna tanah Negara (BMGN), PLANMalaysia.

Pangkalan data bagi kajian ini terbahagi kepada lima (5) kategori utama dan dua (2) kategori sokongan. Data-data yang dibangunkan menggunakan peta asas dari lot kadaster dengan unjuran GDM 2000 Cassini Melaka. Berikut adalah model pangkalan data yang telah dibangunkan dalam kajian ini.



Rajah 2.3 Model Pangkalan Data GIS RT MP Jasin, 2035 (Penggantian)

NOTA:
** Text kelabu menunjukkan masih belum ada di dalam pangkalan data*

Sumber: Kajian Rancangan Tempatan MP Jasin 2035 (Penggantian)

2.2.5 Pembentukan Metadata

Metadata akan disediakan bagi setiap lapisan data yang diperoleh. Metadata menerangkan maklumat kandungan, format, kualiti dan jenis maklumat yang tersimpan dalam suatu lapisan data. Format meta data diselaraskan berdasarkan manual rancangan pemajuan dan bertujuan untuk memandu pasukan kajian dalam mengumpul, mencerap, memasukkan, dan menyusun maklumat ke dalam satu pangkalan data yang bersistematik dan efisien.

Templat metadata yang digunakan ini telah diselaraskan dengan keluaran meta data Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan dari BMGN. Rujuk *Lampiran 1* untuk mendapatkan senarai penuh metadata yang telah disediakan sehingga peringkat ini.

2.2.6 Penyerahan Data (*Deliverable*)

Data (GIS) dan meta data yang dibangunkan pada setiap peringkat laporan akan diserahkan kepada pihak Pasukan Kerja dan Bahagian Maklumat Guna tanah Negara (BMGN), PLANMalaysia bagi tujuan semakan serta penyelarasan. Bagi penghantaran mengikut peringkat kajian, format shapefile (*.tab) akan digunakan manakala pada penyerahan akhir data adalah dalam format Table(*.tab). Hal ini telah diputuskan bagi memastikan keselarasan format data yang digunakan oleh pihak Majlis Perbandaran Jasin yang menggunakan perisian GIS MapInfo. Mode penyerahan adalah dalam bentuk *upload* di *cloud storage*.

LAMPIRAN 1 : LAPORAN METADATA

1.0 KADASTRAL

METADATA
RANCANGAN TEMPATAN
MAJLIS PERBANDARAN JASIN, 2035 (PENGGANTIAN)



STRUKTUR	**KADASTER**
LAPISAN DATA	**NDCDB_2019**
METADATA PENERANGAN	Lot tanah berdasarkan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan yang diselenggara oleh JUPEM dengan mengandungi maklumat ukur kadaster berdigit yang berasaskan kepada datum GDM2000 bagi Negeri-negeri Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan di Malaysia
FORMAT	.tab
SISTEM UNJURAN	GDM_2000_State_Cassini (Melaka)
SUMBER DAN TAHUN	JUPEM, 2019
BENTUK	Poligon
TARIKH KEMASKINI	2021
PENYEDIA DATA	Iktisas Planners Sdn. Bhd

ATTRIBUTE DATA :

MEDAN	JENIS DATA	CATATAN
Negeri	Text (2)	Kod negeri bagi persempadanan tanah berdasarkan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan (NDCDB)
Daerah	Text (2)	Kod daerah bagi persempadanan tanah berdasarkan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan (NDCDB)
Mukim	Text (2)	Kod mukim bagi persempadanan tanah berdasarkan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan (NDCDB)
Seksyen	Text (2)	Kod seksyen bagi persempadanan tanah berdasarkan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan (NDCDB)
Lot	Text (7)	Nombor lot
Upi	Text (16)	Unique Parcel Identifier (UPI) bagi persempadanantanah berdasarkan Data Ukur Kadaster Berdigit Kebangsaan (NDCDB)
Keluasan	Text (19)	Keluasan seperti yang dicatat dalam syit piawai berserta dengan unit ukuran yang digunakan.
PA	Text (25)	Nombor pelan akui
NoFailUkur	Text (30)	Nombor fail ukur

2.0 GUNA TANAH

METADATA RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN, 2035 (PENGGANTIAN)



STRUKTUR PANGKALAN DATA	**GUNATANAH**
LAPISAN DATA	**G04022102**
METADATA PENERANGAN	Gunatanah semasa kawasan kajian dalam bentuk poligon
FORMAT	.tab
SISTEM UNJURAN	GDM_2000_State_Cassini (Melaka)
SUMBER DAN TAHUN	Semakan Data I-PLAN, 2020
BENTUK	Poligon
TARIKH KEMASKINI	15/07/2021
PENYEDIA DATA	Iktisas Planners Sdn. Bhd

ATTRIBUT DATA :

MEDAN	JENIS DATA	CATATAN
UPI	Text (16)	unique parcel identifier (UPI) berdasarkan National Digital Cadastral Database(NDCDB)
gtn1	Text (50)	Jenis gunatanah tahap pertama*
gtn2	Text (50)	Jenis gunatanah tahap kedua*
gtn3	Text (150)	Perincian gunatanah*
nama	Text (150)	Nama Khas
kemaskini	Date	Tarikh pengemaskinian dijalankan bagi mana-mana lot yang terlibat dengan perubahan
luas_H	Double(12,4)	Luas dalam unit hektar
fcode	Text (6)	Kod gunatanah semasa merujuk kepada MS 1759
kod_gtn	Text (7)	Klasifikasi gunatanah 2017 - warna by kategori* *
negeri_id	Text (2)	Kod negeri merujuk kepada Kod yang disediakan oleh pihak JUPEM (contoh: 04 - Melaka)
daerah_id	Text (4)	Kod daerah merujuk kepada Kod yang disediakan oleh pihak UPEM
mukim_id	Text (6)	Kod mukim merujuk kepada Kod yang disediakan oleh pihak JUPEM
seksyen_id	Text (9)	Kod seksyen merujuk kepada Kod yang disediakan oleh pihak JUPEM
no_lot	Text (10)	No lot
